



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 29

Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

April 2015

MPSAS 29 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 29 disediakan berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standard, IPSAS*) 29, *Financial Instruments: Recognition And Measurement* daripada *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*, Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants, IFAC*) pada Jun 2013 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements © 2013 terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara

MPSAS 29 – INSTRUMEN KEWANGAN: PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif.....	1
Skop.....	2–8
Takrif.....	9–10
Derivatif Terkandung	11–15
Pengiktirafan dan Penyahiktirafan.....	16–44
Pengiktirafan Awal.....	16
Penyahiktirafan Aset Kewangan.....	17–37
Pindahan yang Layak untuk Penyahiktirafan.....	26–30
Pindahan yang Tidak Layak untuk Penyahiktirafan.....	31
Penglibatan Berterusan dalam Pindahan Aset.....	32–37
Semua Pindahan.....	38–39
Jualan dan Belian Aset Kewangan Cara Biasa.....	40
Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan.....	41–44
Pengukuran.....	45–79
Pengukuran Awal Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan	45–46
Pengukuran Berikutnya bagi Aset Kewangan.....	47–48
Pengukuran Berikutnya bagi Liabiliti Kewangan.....	49
Nilai Saksama Ganjaran.....	50–52
Pengelasan Semula.....	53–63
Laba dan Rugi.....	64–66
Penjelasan Nilai dan Ketidakboleh pungutan Aset Kewangan.....	67–79
Aset Kewangan Dibawa pada Kos Terlunas.....	72–74
Aset Kewangan Dibawa pada Kos.....	75
Aset Kewangan Sedia Dijual.....	76–79
Lindung Nilai.....	80–113
Instrumen Lindung Nilai.....	81–86
Instrumen Lindung Nilai Layak.....	81–82
Penetapan Instrumen Lindung Nilai.....	83–86
Item Lindung Nilai.....	87–94
Item Layak.....	87–89
Penetapan Item Kewangan sebagai Item Lindung Nilai	90–91
Penetapan Item Bukan Kewangan sebagai Item Lindung Nilai...	92

MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Penetapan Kumpulan Item sebagai Item Lindung Nilai.....	93–94
Perakaunan Lindung Nilai.....	95–113
Lindung Nilai Saksama.....	99–105
Lindung Nilai Aliran Tunai.....	106–112
Lindung Nilai Pelaburan Bersih.....	113
Peralihan.....	114–123
Tarikh Kuat Kuasa.....	124–126
Lampiran A: Panduan Aplikasi	
Lampiran B: Penaksiran Semula Derivatif Terkandung	
Lampiran C: Lindung Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing	
Panduan Pelaksanaan	
Contoh Ilustratif	
Perbandingan dengan IPSAS 29	

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*, dinyatakan dalam perenggan 1-126. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 29 hendaklah dibaca mengikut konteks objektifnya dan *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan prinsip bagi mengiktiraf dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan. Keperluan untuk membentangkan maklumat tentang instrumen kewangan terdapat dalam MPSAS 28, *Instrumen Kewangan: Pembentangan*. Keperluan untuk mendedahkan maklumat tentang instrumen kewangan terdapat dalam MPSAS 30, *Instrumen Kewangan: Pendedahan*.

Skop

2. Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti bagi semua jenis instrumen kewangan, kecuali:
 - (a) **Kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu dan usaha sama yang diperakaunkan dalam MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, MPSAS 7, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu*, atau MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama*. Walau bagaimanapun, entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama yang menurut MPSAS 6, MPSAS 7 atau MPSAS 8 diperakaunkan dalam Piawaian ini. Entiti juga hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk derivatif terhadap kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama melainkan derivatif tersebut memenuhi takrif instrumen ekuiti bagi entiti tersebut dalam MPSAS 28.**
 - (b) **Hak dan obligasi dalam pajakan yang mengguna pakai MPSAS 13, *Pajakan*. Walau bagaimanapun:**
 - (i) **Pajakan belum terima yang diiktiraf oleh pemberi pajak adalah tertakluk kepada peruntukan penyahiktirafan dan penjejasan nilai dalam Piawaian ini (lihat perenggan 17–39, 67, 68, 72 dan perenggan PA51–PA67 dan PA117–PA126 dalam Lampiran A);**
 - (ii) **Pajakan kewangan belum bayar yang diiktiraf oleh penerima pajak adalah tertakluk kepada peruntukan penyahiktirafan Piawaian ini (lihat perenggan 41–44 dan perenggan PA72– PA80 dalam Lampiran A); dan**
 - (iii) **Derivatif yang terkandung dalam pajakan adalah tertakluk kepada peruntukan derivatif terkandung Piawaian ini (lihat perenggan 11–15 dan perenggan PA40– PA46 dalam Lampiran A).**
 - (c) **Hak dan obligasi majikan di bawah pelan manfaat pekerja yang mengguna pakai MPSAS 25, *Manfaat Pekerja*.**
 - (d) **Instrumen kewangan yang diterbitkan oleh entiti yang memenuhi takrifan instrumen ekuiti dalam MPSAS 28 (termasuk opsyen dan waran) atau yang perlu dikelaskan sebagai instrumen ekuiti menurut perenggan 15 dan 16 atau 17 dan 18 dalam MPSAS 28. Walau bagaimanapun, pemegang instrumen ekuiti tersebut hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk instrumen berkenaan, melainkan ia memenuhi pengecualian dalam (a) di atas.**
 - (e) **Hak dan obligasi yang timbul daripada:**

- (i) Kontrak insurans, selain hak dan obligasi pengeluar yang timbul daripada kontrak insurans yang memenuhi takrifan kontrak jaminan kewangan dalam perenggan 10; atau
- (ii) Kontrak dalam skop piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan tentang kontrak insurans kerana ia mengandungi ciri-ciri penyertaan budi bicara.

Piawaian ini terpakai untuk derivatif terkandung dalam kontrak insurans jika derivatif tersebut sendiri bukan merupakan kontrak insurans (lihat perenggan 11-15 dan perenggan PA40–PA46 dalam Lampiran A Piawaian ini). Sesebuah entiti mengguna pakai Piawaian ini bagi kontrak jaminan kewangan, tetapi hendaklah mengguna pakai piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan tentang kontrak insurans jika pengeluar memilih untuk mengguna pakai piawaian tersebut semasa mengiktiraf dan mengukurnya. Walau apa pun (i) di atas, entiti boleh mengguna pakai Piawaian ini bagi kontrak insurans lain yang melibatkan pindahan risiko kewangan.

- (f) Apa-apa kontrak hadapan antara pemeroleh dan penjual untuk membeli atau menjual apa-apa yang diperoleh yang akan mengakibatkan gabungan entiti pada tarikh perolehan masa hadapan. Tempoh kontrak hadapan tidak boleh melebihi tempoh munasabah yang biasanya diperlukan untuk mendapatkan apa-apa kelulusan yang diperlukan dan menyempurnakan urusan niaga.
- (g) Komitmen pinjaman selain komitmen pinjaman yang diterangkan dalam perenggan 4. Pengeluar komitmen pinjaman hendaklah mengguna pakai MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka* bagi komitmen pinjaman yang tidak berada dalam skop Piawaian ini. Walau bagaimanapun, semua komitmen pinjaman adalah tertakluk kepada peruntukan penyahiktirafan Piawaian ini (lihat perenggan 17-44 dan perenggan PA51–PA80 dalam Lampiran A).
- (h) Instrumen kewangan, kontrak dan obligasi di bawah urusan niaga bayaran berasaskan saham yang tertakluk kepada piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan tentang urusan niaga bayaran berasaskan saham, kecuali bagi kontrak dalam skop perenggan 4-6 Piawaian ini, yang tertakluk kepada Piawaian ini.
- (i) Hak kepada bayaran untuk pembayaran ganti kepada entiti bagi perbelanjaan yang perlu dibuat untuk menyelesaikan liabiliti yang diiktiraf sebagai peruntukan menurut MPSAS 19, atau bagi tempoh yang lebih awal, ia mengiktiraf sesuatu peruntukan menurut MPSAS 19.
- (j) Pengiktirafan awal dan pengukuran awal hak dan obligasi yang timbul daripada urusan niaga hasil bukan pertukaran yang mengguna pakai MPSAS 23, *Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)*.
- (k) Hak dan obligasi di bawah pengaturan konsesi perkhidmatan yang mengguna pakai MPSAS 32, *Pengaturan Konsesi Perkhidmatan: Grantor*. Walau bagaimanapun, liabiliti kewangan yang diiktiraf oleh grantor di bawah model liabiliti kewangan adalah tertakluk kepada peruntukan penyahiktirafan Piawaian ini (lihat perenggan 41–44 dan perenggan PA72–PA80 dalam Lampiran A).

3. **Komitmen pinjaman yang berikut berada dalam skop Piawaian ini:**
 - (a) **Komitmen pinjaman yang ditetapkan sebagai liabiliti kewangan oleh entiti pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Entiti yang mempunyai amalan lampau menjual aset yang timbul daripada komitmen pinjamannya sebaik sahaja selepas pengasalan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini bagi semua komitmen pinjamannya dalam kelas yang sama.**
 - (b) **Komitmen pinjaman yang boleh diselesaikan bersih secara tunai atau dengan menyerahkan atau menerbitkan instrumen kewangan lain. Komitmen pinjaman ini adalah derivatif. Komitmen pinjaman tidak dianggap diselesaikan secara bersih kerana pinjaman dibayar secara ansuran (contohnya, pinjaman pembinaan gadai janji yang dibayar secara ansuran selaras dengan kemajuan pembinaan).**
 - (c) **Komitmen untuk menyediakan pinjaman pada kadar faedah di bawah pasaran. Perenggan 49(d) menetapkan pengukuran berikutnya bagi liabiliti yang timbul daripada komitmen pinjaman ini.**
4. **Piawaian ini hendaklah diguna pakai bagi kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan yang boleh diselesaikan bersih secara tunai atau dengan instrumen kewangan lain, atau melalui pertukaran instrumen kewangan, seolah-olah kontrak tersebut merupakan instrumen kewangan, dengan pengecualian bagi kontrak yang ditandatangani dan terus dipegang bagi tujuan penerimaan atau penyerahan item bukan kewangan menurut keperluan pembelian, jualan atau penggunaan yang dijangka oleh entiti tersebut.**
5. Terdapat pelbagai cara sesebuah kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan boleh diselesaikan bersih secara tunai atau dengan instrumen kewangan lain atau melalui pertukaran instrumen kewangan. Cara ini termasuk:
 - (a) Apabila terma kontrak membenarkan mana-mana pihak untuk menyelesaikannya bersih secara tunai atau dengan instrumen kewangan lain atau melalui pertukaran instrumen kewangan;
 - (b) Apabila keupayaan untuk menyelesaikan bersih secara tunai atau dengan instrumen kewangan lain, atau melalui pertukaran instrumen kewangan, tidak dinyatakan dengan jelas dalam terma kontrak, tetapi entiti tersebut pernah menyelesaikan bersih secara tunai pada kontrak yang serupa atau dengan instrumen kewangan lain atau melalui pertukaran instrumen kewangan (sama ada dengan pihak berlawanan, menandatangani kontrak ofset atau menjual kontrak sebelum kontrak dilaksanakan atau tamat);
 - (c) Apabila, bagi kontrak yang serupa, entiti pernah mengamalkan penyerahan instrumen sandaran dan menjualnya dalam tempoh yang singkat selepas penyerahan tersebut bagi tujuan menjana keuntungan daripada turun naik harga jangka pendek atau margin peniaga; dan
 - (d) Apabila item bukan kewangan yang tertakluk kepada kontrak tersebut sedia ditukar kepada tunai.

Kontrak yang tertakluk kepada (b) atau (c) tidak ditandatangani bagi tujuan penerimaan atau

penyerahan item bukan kewangan menurut keperluan pembelian, jualan atau penggunaan yang dijangka oleh entiti dan termasuk dalam skop Piawaian ini. Kontrak lain yang tertakluk kepada perenggan 4 dinilai untuk menentukan sama ada kontrak ditandatangani dan terus dipegang bagi tujuan penerimaan atau penyerahan item bukan kewangan menurut keperluan pembelian, jualan atau penggunaan yang dijangka oleh entiti dan, sama ada termasuk atau tidak dalam skop Piawaian ini.

6. Opsyen bertulis untuk membeli atau menjual item bukan kewangan yang boleh diselesaikan bersih secara tunai atau dengan instrumen kewangan lain atau dengan menukar instrumen kewangan, menurut perenggan 5(a) atau (d) adalah berada dalam skop Piawaian ini. Kontrak tersebut tidak boleh ditandatangani bagi tujuan penerimaan atau penyerahan item bukan kewangan menurut keperluan pembelian, jualan atau penggunaan yang dijangka oleh entiti tersebut.
7. **Piawaian ini terpakai untuk semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*).**
8. *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

Takrif

9. Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS 28 digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan dalam perenggan 9 MPSAS 28. MPSAS 28 mentakrifkan istilah yang berikut:
 - Instrumen kewangan;
 - Aset kewangan;
 - Liabiliti kewangan;
 - Instrumen ekuiti;dan menyediakan panduan bagi menggunakan takrifan tersebut.
10. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:**

Takrif bagi derivatif

Derivatif ialah instrumen kewangan atau kontrak lain dalam skop Piawaian ini (lihat perenggan 2-6) dengan ketiga-tiga ciri yang berikut:

- (a) Nilainya berubah mengikut perubahan kadar faedah yang ditetapkan, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar tukaran asing, indeks harga atau kadar, penarafan kredit atau indeks kredit, atau pemboleh ubah lain, dengan syarat bahawa bagi pemboleh ubah bukan kewangan, pemboleh ubah tersebut tidak dikhususkan untuk satu pihak dalam kontrak (kadang-kala disebut “sandaran”);
- (b) Ia tidak memerlukan pelaburan bersih awal atau satu pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan bagi kontrak jenis lain yang dijangka akan mempunyai respons yang serupa terhadap perubahan faktor pasaran; dan
- (c) Ia diselesaikan pada masa hadapan.

Takrif bagi empat kategori instrumen kewangan

Aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan ialah aset kewangan atau liabiliti kewangan yang memenuhi satu daripada keadaan yang berikut.

- (a) **Ia dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan. Aset kewangan atau liabiliti kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika:**
 - (i) **Ia diperoleh atau ditanggung terutamanya bagi tujuan menjual atau membeli semula dalam tempoh terdekat;**
 - (ii) **Pada pengiktirafan awal, ia merupakan sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang dikenal pasti yang diuruskan bersama dan terdapat bukti terkini corak sebenar pengambilan untung jangka pendek; atau**
 - (iii) **Ia adalah derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan efektif).**
- (b) **Pada pengiktirafan awal, ia ditetapkan oleh entiti pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Sesebuah entiti boleh menggunakan penetapan ini hanya apabila dibenarkan oleh perenggan 13 atau apabila berbuat demikian menyebabkan maklumat yang lebih relevan diperoleh, kerana:**
 - (i) **Ia menyingkirkan atau mengurangkan dengan ketara ketaktekalan pengukuran atau pengiktirafan (kadangkala dirujuk sebagai “ketakpadanan perakaunan”) yang mungkin timbul daripada pengukuran aset atau liabiliti atau pengiktirafan laba dan rugi daripadanya pada asas berlainan; atau**
 - (ii) **Sekumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya yang diuruskan dan prestasinya dinilai pada asas nilai saksama, menurut strategi pengurusan risiko atau pelaburan yang didokumenkan, dan maklumat tentang kumpulan tersebut disediakan secara dalaman berdasarkan asas tersebut kepada kakitangan pengurusan utama entiti (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan*), contohnya badan pentadbir dan ketua pegawai eksekutif entiti.**

Dalam MPSAS 30, perenggan 11–13 dan PA4 memerlukan entiti untuk menyediakan pendedahan tentang aset kewangan dan liabiliti kewangan yang telah ditetapkan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, termasuk cara ia memenuhi syarat ini. Bagi instrumen yang layak menurut (ii) di atas, pendedahan tersebut termasuk keterangan naratif tentang bagaimana penetapan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan adalah selaras dengan strategi pengurusan risiko atau pelaburan yang didokumenkan entiti.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut dalam pasaran aktif, dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti (lihat perenggan 48(c) dan perenggan PA113 dan PA114 dalam Lampiran A), hendaklah tidak boleh ditetapkan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.

Perlu diingatkan bahawa perenggan 50, 51, 52 dan perenggan PA101–PA115 dalam Lampiran A, yang menetapkan keperluan untuk menentukan pengukuran yang boleh dipercayai bagi nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan, juga terpakai bagi semua item yang diukur pada nilai saksama, sama ada melalui penetapan atau sebaliknya, atau nilai saksamanya didedahkan.

Pelaburan dipegang hingga matang ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap yang mana entiti tersebut mempunyai niat yang baik dan keupayaan untuk memegang aset tersebut hingga matang (lihat perenggan PA29–PA38 Lampiran A) selain:

- (a) Aset kewangan yang pada pengiktirafan awal ditetapkan oleh entiti sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan;
- (b) Aset kewangan yang ditetapkan oleh entiti sebagai sedia dijual; dan
- (c) Aset kewangan yang memenuhi takrif pinjaman dan belum terima.

Sesebuah entiti hendaklah tidak mengelaskan apa-apa aset kewangan sebagai dipegang hingga matang jika entiti telah, ketika tahun kewangan semasa atau ketika dua tahun kewangan sebelumnya, menjual atau mengelaskan semula lebih daripada amaun yang tidak signifikan berhubung pelaburan dipegang hingga matang sebelum ia matang (lebih daripada tidak signifikan berhubung jumlah amaun pelaburan dipegang hingga matang) selain jualan atau pengelasan semula yang:

- (a) Sudah hampir matang atau menghampiri tarikh panggilan aset kewangan (contohnya, kurang dari tiga bulan sebelum matang) dan perubahan pada kadar faedah pasaran tidak akan memberikan kesan yang signifikan terhadap nilai saksama aset kewangan;
- (b) Berlaku selepas entiti telah menerima sebahagian besar daripada semua prinsipal asal bagi aset kewangan melalui bayaran berjadual atau bayaran terdahulu; atau
- (c) Disebabkan peristiwa terpencil yang di luar kawalan entiti, tidak berulang dan tidak dapat dijangka secara munasabah oleh entiti.

Pinjaman dan belum terima ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif selain:

- (a) Aset kewangan yang ingin dijual oleh entiti dengan segera atau dalam tempoh terdekat, yang hendaklah dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan, dan aset kewangan yang pada pengiktirafan awal ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan;
- (b) Aset kewangan yang pada pengiktirafan awal ditetapkan oleh entiti sebagai sedia dijual; atau
- (c) Aset kewangan yang sebahagian besar pelaburan awalnya mungkin tidak dapat diperoleh oleh pemegang yang bukan disebabkan kemerosotan kredit, dan hendaklah dikelaskan sebagai sedia dijual.

Faedah yang diperoleh dalam sekumpulan aset yang bukan pinjaman atau belum terima (contohnya, faedah dalam dana bersama atau dana yang serupa) bukan pinjaman atau belum terima.

Aset kewangan sedia dijual ialah aset kewangan bukan derivatif yang ditetapkan sebagai sedia dijual atau tidak dikelaskan sebagai (a) pinjaman dan belum terima (b) pelaburan dipegang hingga matang atau (c) aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.

Takrif kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan ialah kontrak yang memerlukan pengeluar membuat bayaran khusus untuk membayar balik pemegang bagi kerugian yang ditanggung disebabkan penghutang yang dinyatakan gagal membuat bayaran pada tarikh perlu dibayar menurut terma asal atau diubah suai bagi instrumen hutang.

Takrif berkaitan pengiktirafan dan pengukuran

Kos terlunas aset kewangan atau liabiliti kewangan ialah amaun aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diukur pada pengiktirafan awal tolak pembayaran semula prinsipal, tambah atau tolak pelunasan terkumpul menggunakan kaedah faedah berkesan bagi apa-apa perbezaan antara amaun awal dengan amaun matangnya, dan tolak apa-apa pengurangan (secara langsung atau melalui penggunaan akaun elaun) bagi penjejasan nilai atau ketidakboleh pungutan.

Kaedah faedah efektif ialah kaedah pengiraan kos terlunas aset kewangan atau liabiliti kewangan (atau kumpulan aset kewangan atau liabiliti kewangan) dan mengagihkan hasil faedah atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh yang relevan. Kadar faedah efektif ialah kadar yang sebenarnya digunakan untuk mendiskaunkan anggaran bayaran atau terimaan tunai masa hadapan yang dianggarkan sepanjang jangkaan hayat instrumen kewangan tersebut atau, jika berkenaan, tempoh yang lebih pendek untuk amaun bawaan bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut. Apabila mengira kadar faedah berkesan, entiti hendaklah menganggarkan aliran tunai dengan mempertimbangkan semua terma kontrak bagi instrumen kewangan (contohnya, bayaran terdahulu, opsiyen jualan dan opsiyen lain yang serupa) tetapi hendaklah tidak mempertimbangkan kerugian kredit masa hadapan. Pengiraan termasuk semua fi dan mata yang dibayar atau diterima antara pihak berkontrak yang merupakan bahagian penting kadar faedah berkesan (lihat MPSAS 9, *Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*), kos urus niaga dan semua premium atau diskaun lain. Terdapat anggapan bahawa aliran tunai dan jangkaan hayat bagi sekumpulan instrumen kewangan yang serupa boleh dianggarkan dengan pasti. Walau bagaimanapun, bagi kes yang jarang berlaku seperti apabila aliran tunai atau jangkaan hayat instrumen kewangan (atau sekumpulan instrumen kewangan) tidak boleh dianggarkan dengan pasti, entiti hendaklah menggunakan aliran tunai berkontrak sepanjang tempoh penuh kontrak bagi instrumen kewangan (atau kumpulan instrumen kewangan).

Penyahiktirafan ialah penyingkiran aset kewangan atau liabiliti kewangan daripada penyata kedudukan kewangan entiti yang dahulunya diiktiraf.

Jualan atau belian cara biasa ialah pembelian atau jualan aset kewangan di bawah kontrak

yang termanya memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang secara umumnya ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan.

Kos urus niaga ialah kos tambahan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan, penerbitan atau pelupusan aset kewangan atau liabiliti kewangan (lihat perenggan PA26 dalam Lampiran A). Kos tambahan tidak akan ditanggung jika entiti tidak memperoleh, menerbit atau melupuskan instrumen kewangan.

Takrif berkaitan perakaunan lindung nilai

Komitmen teguh ialah perjanjian yang mengikat bagi pertukaran sumber untuk kuantiti yang telah ditetapkan, pada harga yang telah ditetapkan dan pada tarikh atau tarikh-tarikh masa hadapan yang telah ditetapkan.

Urus niaga ramalan ialah urus niaga tanpa komitmen tetapi dijangka pada masa hadapan.

Instrumen lindung nilai ialah derivatif ditetapkan atau (untuk lindung nilai bagi risiko perubahan kadar tukaran mata wang asing sahaja) aset kewangan bukan derivatif atau liabiliti kewangan bukan derivatif ditetapkan yang nilai saksama atau aliran tunainya dijangka mengofset perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai bagi suatu item lindung nilai ditetapkan (perenggan 81-86 dan perenggan PA127–PA130 dalam Lampiran A menghuraikan dengan lebih lanjut tentang takrif instrumen lindung nilai).

Item lindung nilai ialah aset, liabiliti, komitmen teguh, urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi atau pelaburan bersih dalam operasi asing yang:

- (a) mendedahkan entiti kepada risiko perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan; dan
- (b) ditetapkan sebagai lindung nilai (perenggan 87–94 dan perenggan PA131–PA141 dalam Lampiran A menghuraikan dengan lebih lanjut tentang takrif item lindung nilai).

Keberkesanan lindung nilai ialah tahap di mana perubahan nilai saksama atau aliran tunai item lindung nilai yang berkaitan risiko lindung nilai diofset oleh perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai instrumen lindung nilai (lihat perenggan PA145–PA156 dalam Lampiran A).

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam *Glosari Istilah* yang diterbitkan secara berasingan.

Derivatif Terkandung

11. Derivatif Terkandung ialah komponen instrumen hibrid (gabungan) yang juga termasuk kontrak hos bukan derivatif—dengan kesan beberapa aliran tunai bagi instrumen gabungan berbeza dalam cara yang serupa dengan derivatif berdiri sendiri. Suatu derivatif terkandung menyebabkan beberapa atau kesemua aliran tunai yang diperlukan oleh suatu kontrak untuk diubah suai mengikut kadar faedah tertentu, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar tukaran asing, indeks harga atau kadar, penarafan kredit atau indeks kredit, atau pemboleh ubah lain, dengan

syarat dalam kes pemboleh ubah bukan kewangan, pemboleh ubah tersebut tidak khusus kepada pihak berkontrak. Derivatif yang terkandung instrumen kewangan tetapi boleh dipindahkan secara kontrak dan berasingan daripada instrumen tersebut, atau mempunyai pihak berlawanan yang berlainan daripada instrumen tersebut, bukan merupakan derivatif terkandung, tetapi instrumen kewangan yang berasingan.

12. **Derivatif terkandung hendaklah berasingan daripada kontrak hos dan diperakaunkan sebagai derivatif di bawah Piawaian ini jika, dan hanya jika:**
- (a) **Ciri ekonomi dan risiko derivatif terkandung tidak berkait rapat dengan ciri ekonomi dan risiko kontrak hos (lihat perenggan PA43 dan PA46 dalam Lampiran A);**
 - (b) **Instrumen berasingan dengan terma yang sama seperti derivatif terkandung memenuhi takrifan derivatif; dan**
 - (c) **Instrumen hibrid (gabungan) tidak diukur pada nilai saksama dengan perubahan pada nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan (iaitu derivatif terkandung dalam aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan adalah tidak berasingan).**

Jika derivatif terkandung adalah berasingan, kontrak hos hendaklah diperakaunkan di bawah Piawaian ini jika ia adalah instrumen kewangan, dan mengikut Piawaian lain yang bersesuaian jika ia bukan instrumen kewangan. Piawaian ini tidak menerangkan sama ada sesebuah derivatif terkandung hendaklah dibentangkan secara berasingan dalam penyata kedudukan kewangan.

13. **Tanpa mengambil kira perenggan 12, jika sesebuah kontrak mengandungi satu atau lebih derivatif terkandung, entiti boleh menetapkan keseluruhan kontrak hibrid (gabungan) sebagai aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan melainkan:**
- (a) **Derivatif terkandung tersebut tidak mengubah aliran tunai dengan signifikan melainkan diperlukan oleh kontrak; atau**
 - (b) **Adalah jelas dengan sedikit tau tanpa analisis, apabila instrumen hibrid (gabungan) yang serupa pertamanya dipertimbangkan bahawa pengasingan derivatif terkandung adalah dilarang, contohnya opsyen pembayaran terdahulu yang terkandung dalam pinjaman yang membenarkan pemegang untuk prabayar pinjaman tersebut yang hampir dengan kos terlunasnya.**
14. **Jika sesebuah entiti diperlukan oleh Piawaian ini untuk mengasingkan derivatif terkandung daripada kontrak hosnya, tetapi tidak dapat mengukur derivatif terkandung secara berasingan sama ada semasa pemerolehan atau pada akhir tempoh pelaporan kewangan yang berikutnya, ia hendaklah menetapkan keseluruhan kontrak hibrid (gabungan) sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Begitu juga, jika entiti tidak dapat mengukur derivatif terkandung secara berasingan yang perlu diasingkan semasa pengelasan semula kontrak hibrid (gabungan) menggunakan nilai saksama melalui kategori lebihan atau kurangan, pengelasan semula tersebut adalah dilarang. Dalam keadaan**

tersebut, kontrak hibrid (gabungan) kekal dikelaskan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan pada keseluruhannya.

15. Jika sesebuah entiti tidak dapat menentukan dengan pasti nilai saksama bagi derivatif terkandung pada asas terma dan syaratnya (contohnya, oleh sebab derivatif terkandung adalah berdasarkan instrumen ekuiti tidak disebut), nilai saksama derivatif terkandung tersebut ialah perbezaan antara nilai saksama instrumen hibrid (gabungan) dan nilai saksama kontrak hos, jika keduanya boleh ditentukan di bawah Piawaian ini. Jika entiti tidak dapat menentukan nilai saksama derivatif terkandung menggunakan kaedah ini, perenggan 14 adalah terpakai dan instrumen hibrid (gabungan) ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.

Pengiktirafan dan Penyahiktirafan

Pengiktirafan Awal

16. **Sesebuah entiti hendaklah mengiktiraf sesuatu aset kewangan atau liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, entiti menjadi pihak dalam peruntukan kontrak instrumen tersebut. (Lihat perenggan 40 berkaitan cara biasa belian aset kewangan).**

Penyahiktirafan Aset Kewangan

17. Dalam penyata kewangan disatukan, perenggan 18–25 dan Lampiran A perenggan PA49–PA67 diguna pakai pada tahap penyatuan. Oleh itu, entiti pada awalnya menyatukan semua entiti dikawal menurut MPSAS 6 dan piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan atau interpretasi yang berkaitan dengan penyatuan entiti tujuan khas, dan kemudian mengguna pakai perenggan 18-25 dan Lampiran A perenggan PA49-PA67 terhadap entiti ekonomi yang wujud.
18. **Sebelum menilai sama ada, dan setakat mana, penyahiktirafan adalah wajar di bawah perenggan 19-25, sesebuah entiti menentukan sama ada perenggan tersebut perlu diguna pakai terhadap sebahagian daripada aset kewangan (atau sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan yang serupa) atau aset kewangan (atau sekumpulan aset kewangan yang serupa) pada keseluruhannya, seperti yang berikut:**
- (a) **Perenggan 19–25 diguna pakai terhadap sebahagian daripada aset kewangan (atau sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan yang serupa) jika, dan hanya jika, bahagian yang dipertimbangkan untuk penyahiktirafan memenuhi satu daripada tiga syarat yang berikut.**
 - (i) **Bahagian tersebut merangkumi hanya aliran tunai yang dikenal pasti secara khusus daripada aset kewangan (atau sekumpulan aset kewangan yang serupa). Contohnya, apabila sesebuah entiti mengikat strip kadar faedah yang dengannya pihak berlawanan mendapat hak bagi aliran tunai faedah tersebut, tetapi bukan aliran tunai prinsipal daripada instrumen hutang, perenggan 19-25 diguna pakai bagi aliran tunai faedah tersebut.**
 - (ii) **Bahagian tersebut merangkumi hanya bahagian kadar penuh aliran tunai (pro rata) daripada aset kewangan (atau sekumpulan aset kewangan yang serupa).**

Sebagai contoh, apabila sesebuah entiti mengikat perjanjian yang dengannya pihak berlawanan mendapat hak bagi 90 peratus bahagian daripada semua aliran tunai instrumen hutang, perenggan 19-25 diguna pakai terhadap 90 peratus daripada aliran tunai tersebut. Jika terdapat lebih daripada satu pihak berlawanan, setiap pihak berlawanan tidak perlu mempunyai bahagian berkadar aliran tunai dengan syarat entiti yang memindahkan tersebut mempunyai bahagian kadar penuh.

- (iii) Bahagian tersebut merangkumi hanya bahagian kadar penuh aliran tunai (pro rata) yang dikenal pasti secara khusus daripada aset kewangan (atau sekumpulan aset kewangan yang serupa). Sebagai contoh, apabila sesebuah entiti mengikat perjanjian yang dengannya pihak berlawanan mendapat hak bagi 90 peratus bahagian daripada aliran tunai faedah daripada aset kewangan, perenggan 19-25 diguna pakai terhadap 90 peratus daripada aliran tunai faedah tersebut. Jika terdapat lebih daripada satu pihak berlawanan, setiap pihak berlawanan tidak perlu mempunyai bahagian berkadar aliran tunai yang dikenal pasti secara khusus dengan syarat entiti yang memindahkan tersebut mempunyai bahagian kadar penuh.
- (b) Dalam semua kes lain, perenggan 19–25 diguna pakai terhadap aset kewangan pada keseluruhannya (atau terhadap sekumpulan aset kewangan yang serupa pada keseluruhannya). Sebagai contoh, apabila sesebuah entiti memindahkan:
 - (i) hak kepada 90 peratus kutipan tunai pertama atau terakhir daripada aset kewangan (atau sekumpulan aset kewangan), atau
 - (ii) hak kepada 90 peratus aliran tunai daripada sekumpulan belum terima, tetapi menyediakan jaminan untuk memberikan pampasan kepada pembeli bagi apa-apa kerugian kredit sehingga 8 peratus amaun prinsipal belum terima tersebut, perenggan 19–25 diguna pakai terhadap aset kewangan (atau sekumpulan aset kewangan yang serupa) pada keseluruhannya.

Dalam perenggan 19–28, istilah “aset kewangan” merujuk sama ada sebahagian daripada aset kewangan (atau sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan yang serupa) seperti yang dikenal pasti dalam (a) di atas atau, selainnya, aset kewangan (atau sekumpulan aset kewangan yang serupa) pada keseluruhannya.

19. Sesebuah entiti hendaklah menyahiktiraf aset kewangan apabila, dan hanya apabila:
- (a) Hak berkontrak terhadap aliran tunai daripada aset kewangan tersebut telah tamat tempoh atau dilepaskan; atau
 - (b) Entiti memindahkan aset kewangan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 20 dan 21 dan pindahan tersebut layak untuk penyahiktirafan menurut perenggan 22.
- (Lihat perenggan 40 bagi cara biasa jualan aset kewangan).
20. Sesebuah entiti memindahkan aset kewangan jika, dan hanya jika, entiti:
- (a) Memindahkan hak berkontrak untuk menerima aliran tunai bagi aset kewangan;

atau

- (b) Mengekalkan hak berkontrak untuk menerima aliran tunai bagi aset kewangan, tetapi mengambil alih obligasi berkontrak untuk membayar aliran tunai kepada satu penerima atau lebih dalam pengaturan yang memenuhi syarat dalam perenggan 21.
21. Apabila entiti mengekalkan hak berkontrak untuk menerima aliran tunai bagi aset kewangan (“aset asal”), tetapi mengambil alih obligasi berkontrak untuk membayar aliran tunai tersebut kepada satu entiti atau lebih (“penerima terakhir”), entiti menganggap urusan niaga tersebut sebagai pindahan aset kewangan jika, dan hanya jika, ketiga-tiga syarat yang berikut dipenuhi:
- (a) Entiti tidak mempunyai obligasi untuk membayar amaun kepada penerima terakhir melainkan entiti mengutip amaun yang setara daripada aset asal. Pendahuluan jangka pendek oleh entiti dengan hak pemulihan penuh amaun yang dipinjamkan tersebut tambah faedah terakru pada kadar pasaran tidak melanggar syarat ini.
 - (b) Entiti dilarang oleh syarat kontrak pindahan daripada menjual atau mencagarkan aset asal selain sebagai sekuriti kepada penerima terakhir bagi obligasi untuk membayar aliran tunai kepada mereka.
 - (c) Entiti mempunyai obligasi untuk meremit apa-apa aliran tunai yang dikutip bagi pihak penerima terakhir tanpa penangguhan material. Selain itu, entiti tidak layak untuk melaburkan semula aliran tunai tersebut, kecuali bagi pelaburan dalam tunai atau kesetaraan tunai (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 2, *Penyata Aliran Tunai*) semasa tempoh penyelesaian pendek dari tarikh kutipan hingga tarikh yang perlu diremitkan kepada penerima terakhir, dan faedah yang diperoleh daripada pelaburan tersebut diberikan kepada penerima terakhir.
22. Apabila entiti memindahkan aset kewangan (lihat perenggan 20), ia hendaklah menilai sejauh mana ia mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset kewangan tersebut, Dalam kes ini:
- (a) Jika entiti memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset kewangan, entiti hendaklah menyahiktiraf aset kewangan dan mengiktiraf secara berasingan sebagai aset atau liabiliti apa-apa hak dan obligasi yang diwujudkan atau dikekalkan dalam pindahan tersebut.
 - (b) Jika entiti mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset kewangan, entiti tersebut hendaklah terus mengiktiraf aset kewangan tersebut.
 - (c) Jika entiti tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset kewangan, entiti hendaklah menentukan sama ada ia telah mengekalkan kawalan terhadap aset kewangan tersebut. Dalam kes ini:
 - (i) Jika entiti tidak mengekalkan kawalan, ia hendaklah menyahiktiraf aset kewangan tersebut dan mengiktiraf secara berasingan sebagai aset atau liabiliti apa-apa hak dan obligasi yang diwujudkan atau dikekalkan dalam pindahan tersebut.

(ii) **Jika entiti mengekalkan kawalan, ia hendaklah terus mengiktiraf aset kewangan setakat penglibatan berterusan aset kewangan tersebut (lihat perenggan 32).**

23. Pindahan risiko dan ganjaran (lihat perenggan 22) dinilai dengan membandingkan pendedahan entiti, sebelum dan selepas pindahan, terhadap keberubahan amaun dan pemaasan aliran tunai bersih bagi aset yang dipindahkan. Sesebuah entiti telah mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset kewangan jika pendedahannya kepada keberubahan dalam nilai kini aliran tunai bersih masa hadapan daripada aset kewangan tidak berubah dengan signifikan akibat pindahan tersebut (contohnya, oleh sebab entiti telah menjual aset kewangan yang tertakluk kepada perjanjian untuk membelinya semula pada harga tetap atau harga jualan tambah pulangan pemberi pinjaman). Entiti telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset kewangan jika pendedahannya kepada keberubahan tersebut tidak lagi signifikan berhubung keseluruhan keberubahan dalam nilai kini aliran tunai bersih masa hadapan yang berkaitan aset kewangan tersebut (contohnya, oleh sebab entiti telah menjual aset kewangan yang tertakluk kepada opsyen untuk membelinya semula pada nilai saksamanya pada masa pembelian semula atau telah memindahkan bahagian kadar penuh bagi aliran tunai daripada aset kewangan yang lebih besar dalam sesebuah pengaturan, seperti pinjaman penyertaan separa yang memenuhi syarat dalam perenggan 21).
24. Selalunya akan jelas sama ada entiti telah memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan dan tiada keperluan untuk melakukan apa-apa pengiraan. Dalam kes lain, pengiraan dan perbandingan pendedahan entiti terhadap keberubahan perlu dilakukan pada nilai kini aliran tunai bersih masa hadapan sebelum dan selepas pindahan. Pengiraan dan perbandingan itu dibuat menggunakan kadar diskaun pada kadar faedah pasaran semasa yang sesuai. Semua keberubahan yang mungkin ada dan munasabah dalam aliran tunai bersih dipertimbangkan, dengan wajaran yang lebih tinggi diberikan kepada keberhasilan yang kemungkinan besar akan berlaku.
25. Sama ada entiti telah mengekalkan kawalan (lihat perenggan 22(c)) bagi aset yang dipindahkan bergantung pada kebolehan penerima pindahan untuk menjual aset tersebut. Jika penerima pindahan mempunyai kebolehan praktikal untuk menjual aset tersebut secara pada keseluruhannya kepada pihak ketiga yang tidak berkaitan dan dapat menggunakan kebolehan tersebut secara sehalu dan tanpa perlu mengenakan sekatan tambahan ke atas pindahan tersebut, entiti tidak mengekalkan kawalan. Dalam semua kes lain, entiti mengekalkan kawalan.

Pindahan yang Layak untuk Penyahiktirafan (lihat perenggan 22(a) dan (c)(i))

26. **Jika sesebuah entiti memindahkan aset kewangan dalam pindahan yang layak untuk penyahiktirafan pada keseluruhannya dan mengekalkan hak untuk perkhidmatan aset kewangan untuk suatu fi, ia hendaklah mengiktiraf sama ada aset pelayanan atau liabiliti pelayanan bagi kontrak perkhidmatan tersebut. Jika fi yang akan diterima dijangka tidak mencukupi untuk memberikan pampasan kepada entiti kerana memberikan perkhidmatan tersebut, liabiliti pelayanan bagi obligasi perkhidmatan itu hendaklah diiktiraf pada nilai saksamanya. Jika fi yang akan diterima dijangka lebih dari mencukupi untuk memberikan pampasan bagi perkhidmatan tersebut, aset pelayanan hendaklah diiktiraf bagi hak perkhidmatan pada amaun yang ditetapkan pada asas peruntukan bagi amaun bawaan aset kewangan yang lebih besar menurut perenggan 29.**

27. **Jika, akibat pindahan, aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhannya tetapi pindahan tersebut menyebabkan entiti memperoleh aset kewangan baharu atau mengambil alih liabiliti kewangan baharu, atau liabiliti pelayanan baharu, entiti hendaklah mengiktiraf aset kewangan baharu, liabiliti kewangan baharu atau liabiliti pelayanan baharu tersebut pada nilai saksama.**
28. **Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan antara:**
- (a) **Amaun bawaan; dan**
 - (b) **Jumlah (i) ganjaran yang diterima (termasuk apa-apa aset baharu yang diperoleh tolak apa-apa liabiliti baharu yang diambil alih) dan (ii) apa-apa laba atau rugi kumulatif yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti (lihat perenggan 64 (b));**

hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

29. **Jika aset yang dipindahkan adalah sebahagian daripada aset kewangan yang lebih besar (contohnya, apabila entiti memindahkan aliran tunai faedah yang merupakan sebahagian daripada instrumen hutang, lihat perenggan 18(a)) dan bahagian yang dipindahkan layak untuk penyahiktirafan secara keseluruhannya, amaun bawaan sebelum ini bagi aset kewangan yang lebih besar hendaklah diperuntukkan antara bahagian yang terus diiktiraf dengan bahagian yang dinyahiktiraf, berdasarkan nilai saksama relatif bahagian tersebut pada tarikh pindahan. Bagi tujuan ini, aset pelayanan yang dikekalkan hendaklah dianggap sebagai bahagian yang terus diiktiraf. Perbezaan antara:**
- (a) **Amaun bawaan yang diperuntukkan bagi bahagian dinyahiktiraf; dan**
 - (b) **Jumlah (i) ganjaran yang diterima bagi bahagian yang dinyahiktiraf (termasuk apa-apa aset baharu yang diperoleh tolak apa-apa liabiliti baharu yang diambil alih) dan (ii) apa-apa laba atau rugi kumulatif yang telah diperuntukkan padanya yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti (lihat perenggan 64 (b));**

hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Laba atau rugi kumulatif yang telah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti diperuntukkan antara bahagian yang terus diiktiraf dengan bahagian yang dinyahiktiraf, berdasarkan nilai saksama relatif bahagian tersebut.

30. Apabila sesebuah entiti memperuntukkan amaun bawaan sebelum ini bagi aset kewangan yang lebih besar antara bahagian yang terus diiktiraf dengan bahagian yang dinyahiktiraf, nilai saksama bahagian tersebut yang terus diiktiraf perlu ditentukan. Apabila entiti mempunyai sejarah menjual bahagian yang serupa dengan bahagian yang terus diiktiraf atau urus niaga pasaran lain yang wujud bagi bahagian tersebut, harga terkini urus niaga sebenar menyediakan anggaran terbaik bagi nilai saksamanya. Apabila tiada sebutan harga atau urus niaga pasaran terkini untuk menyokong nilai saksama bahagian yang terus diiktiraf dalam urus niaga tukaran, anggaran terbaik bagi nilai saksama ialah perbezaan antara nilai saksama aset kewangan yang lebih besar secara keseluruhan dengan ganjaran yang diterima daripada penerima pindahan bagi bahagian yang dinyahiktiraf.

Pindahan yang tidak layak untuk penyahiktirafan (lihat perenggan 22(b))

31. **Jika pindahan tidak menyebabkan penyahiktirafan disebabkan entiti telah mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset yang dipindahkan, entiti hendaklah terus mengiktiraf aset yang dipindahkan secara keseluruhannya dan hendaklah mengiktiraf liabiliti kewangan bagi ganjaran yang diterima. Dalam tempoh berikutnya, entiti hendaklah mengiktiraf apa-apa hasil daripada aset yang dipindahkan dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung bagi liabiliti kewangan tersebut.**

Penglibatan Berterusan dalam Aset yang Dipindahkan (lihat perenggan 22(c)(ii))

32. **Jika entiti tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset yang dipindahkan, dan mengekalkan kawalan terhadap aset yang dipindahkan, entiti terus mengiktiraf aset yang dipindahkan setakat penglibatan berterusannya. Tahap penglibatan berterusan entiti dalam aset yang dipindahkan ialah setakat ia terdedah kepada perubahan dalam nilai aset yang dipindahkan. Contohnya:**
- (a) **Apabila penglibatan berterusan entiti adalah dalam bentuk jaminan aset yang dipindahkan, tahap penglibatan berterusan entiti adalah lebih rendah daripada:**
 - (i) **amaun aset; dan**
 - (ii) **amaun maksimum ganjaran yang diterima yang mungkin perlu dibayar semula oleh entiti (“amaun jaminan”).**
 - (b) **Apabila penglibatan berterusan entiti adalah dalam bentuk opsyen bertulis atau opsyen dibeli (atau kedua-duanya) bagi aset yang dipindahkan, tahap penglibatan berterusan entiti ialah amaun aset yang dipindahkan yang mungkin dibeli semula oleh entiti. Walau bagaimanapun, dalam kes opsyen jual bertulis bagi aset yang diukur pada nilai saksama, tahap penglibatan berterusan entiti adalah terhad kepada yang mana lebih rendah antara nilai saksama aset yang dipindahkan dan harga laksana opsyen (lihat perenggan PA63).**
 - (c) **Apabila penglibatan berterusan entiti adalah dalam bentuk opsyen penyelesaian secara tunai atau peruntukan yang serupa bagi aset yang dipindahkan, tahap penglibatan berterusan entiti diukur dengan cara yang sama seperti opsyen penyelesaian bukan tunai seperti yang dinyatakan dalam (b) di atas.**
33. **Apabila entiti terus mengiktiraf sesebuah aset setakat penglibatan berterusannya, entiti juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Walaupun terdapat keperluan pengukuran lain dalam Piawaian ini, aset yang dipindahkan dan liabiliti yang berkaitan diukur pada asas yang menggambarkan hak dan obligasi yang dikekalkan oleh entiti. Liabiliti yang berkaitan diukur dengan cara yang menjadikan amaun bawaan bersih bagi aset yang dipindahkan dan liabiliti yang berkaitan sebagai:**
- (a) **Kos pelunasan hak dan obligasi yang dikekalkan oleh entiti, jika aset yang dipindahkan diukur pada kos pelunasan; atau**
 - (b) **Sama dengan nilai saksama hak dan obligasi yang dikekalkan oleh entiti apabila diukur pada asas berdiri sendiri, jika aset yang dipindahkan diukur pada nilai**

saksama.

34. Entiti hendaklah terus mengiktiraf apa-apa hasil yang timbul daripada aset yang dipindahkan setakat penglibatan berterusannya dan hendaklah mengiktiraf apa-apa perbelanjaan yang ditanggung bagi liabiliti yang berkaitan.
35. Bagi tujuan pengukuran berikutnya, mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama aset yang dipindahkan dan liabiliti yang berkaitan diperakaunkan secara konsisten antara satu sama lain menurut perenggan 64, dan hendaklah tidak boleh diofset.
36. Jika penglibatan berterusan entiti hanya sebahagian daripada aset kewangan (contohnya, apabila entiti mengekalkan pilihan untuk membeli semula sebahagian daripada aset yang dipindahkan, atau mengekalkan faedah sisa yang tidak menyebabkan pengekaln sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dan entiti mengekalkan kawalan), entiti memperuntukkan amaun bawaan sebelum ini bagi aset kewangan antara bahagian yang terus diiktiraf di bawah penglibatan berterusan, dan bahagian yang tidak lagi diiktiraf pada asas nilai saksama relatif bagi bahagian tersebut pada tarikh pindahan. Bagi tujuan ini, keperluan perenggan 30 diguna pakai. Perbezaan antara:
- (a) Amaun bawaan yang diperuntukkan bagi bahagian yang tidak lagi diiktiraf; dan
 - (b) Jumlah (i) ganjaran yang diterima bagi bahagian yang tidak lagi diiktiraf dan (ii) apa-apa laba dan rugi kumulatif yang diperuntukkan padanya yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti (lihat perenggan 64(b));

hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Laba dan rugi kumulatif yang telah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti diperuntukkan antara bahagian yang terus diiktiraf dengan bahagian yang tidak lagi diiktiraf pada asas nilai saksama relatif bagi bahagian tersebut.

37. Jika aset yang dipindahkan diukur pada kos terlunas, pilihan dalam Piawaian ini untuk menetapkan liabiliti kewangan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan adalah tidak terpakai kepada liabiliti yang berkaitan.

Semua Pindahan

38. Jika aset yang dipindahkan terus diiktiraf, aset dan liabiliti yang berkaitan tidak boleh diofset. Entiti juga tidak boleh mengofset apa-apa hasil yang timbul daripada aset yang dipindahkan dengan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung bagi liabiliti yang berkaitan (lihat MPSAS 28 perenggan 47).
39. Jika pemindah menyediakan cagaran bukan tunai (seperti instrumen hutang atau ekuiti) kepada penerima pindahan, perakaunan bagi cagaran oleh pemindah dan penerima pindahan bergantung pada sama ada penerima pindahan mempunyai hak untuk menjual atau membuat sandaran semula cagaran tersebut dan sama ada pemindah mungkir atau tidak. Pemindah dan penerima pindahan hendaklah mengakaunkan cagaran seperti yang berikut:
- (a) Jika penerima pindahan mempunyai hak mengikut kontrak atau kelaziman untuk

menjual atau membuat sandaran semula cagaran tersebut, maka pemindah hendaklah mengelaskan semula aset tersebut dalam penyata kedudukan kewangannya (contohnya sebagai aset yang dipinjamkan, instrumen ekuiti yang disandarkan atau belum terima beli semula) secara berasingan daripada aset lain.

- (b) Jika penerima pindahan menjual cagaran yang disandarkan padanya, ia hendaklah mengiktiraf terimaan daripada jualan tersebut dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama bagi obligasinya untuk memulangkan cagaran tersebut.
- (c) Jika pemindah memungkiri terma kontrak dan tidak lagi layak menebus cagaran, ia hendaklah menyahiktiraf cagaran tersebut, dan penerima pindahan hendaklah mengiktiraf cagaran sebagai asetnya yang pada awalnya diukur pada nilai saksama atau, jika ia telah menjual cagaran tersebut, menyahiktiraf obligasinya untuk memulangkan cagaran.
- (d) Melainkan seperti yang dinyatakan dalam (c), pemindah hendaklah terus membawa cagaran sebagai asetnya, dan penerima pindahan tidak boleh mengiktiraf cagaran tersebut sebagai aset.

Belian atau Jualan Aset Kewangan Cara Biasa

- 40. Jualan atau belian aset kewangan cara biasa hendaklah diiktiraf dan dinyahiktiraf, mengikut kesesuaian, menggunakan perakaunan tarikh perdagangan atau perakaunan tarikh penyelesaian (lihat perenggan PA68–PA71 dalam Lampiran A).

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

- 41. Entiti hendaklah menyingkirkan liabiliti kewangan (atau sebahagian daripada liabiliti kewangan) daripada penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, ia dilangsaikan—iaitu, apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dihapuskan, dibatalkan atau tamat tempoh.
- 42. Pertukaran antara peminjam sedia ada dengan pemberi pinjaman instrumen hutang dengan terma yang sebahagian besarnya adalah berbeza hendaklah diperakaunkan sebagai pelangsaian liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu. Begitu juga, pengubahsuaian sebahagian besar terma bagi liabiliti kewangan sedia ada atau sebahagian daripadanya (sama ada berkaitan dengan kesukaran kewangan penghutang atau tidak) hendaklah diperakaunkan sebagai pelangsaian liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu.
- 43. Perbezaan antara amaun bawaan bagi liabiliti kewangan (atau sebahagian daripada liabiliti kewangan) yang dilangsaikan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk apa-apa aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Jika obligasi dihapuskan oleh pemberi pinjaman atau diambil alih oleh pihak ketiga sebagai sebahagian daripada urus niaga bukan pertukaran, entiti akan mengguna pakai MPSAS 23.
- 44. Jika entiti membeli semula sebahagian daripada liabiliti kewangan, entiti hendaklah memperuntukkan amaun bawaan sebelum ini bagi liabiliti kewangan tersebut antara bahagian

yang terus diiktiraf dengan bahagian yang dinyahiktiraf berdasarkan nilai saksama relatif bagi bahagian tersebut pada tarikh pembelian semula. Perbezaan antara:

- (a) amaun bawaan yang diperuntukkan bagi bahagian yang dinyahiktiraf; dan
- (b) ganjaran yang dibayar, termasuk apa-apa aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, bagi bahagian yang dinyahiktiraf

hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Pengukuran

Pengiktirafan Awal bagi Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan

- 45. **Apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya, entiti hendaklah mengukurnya pada nilai saksama tambah, dalam kes aset kewangan atau liabiliti kewangan bukan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, kos urus niaga yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan atau penerbitan aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut.**
- 46. Apabila entiti menggunakan perakaunan tarikh penyelesaian bagi aset yang berikutnya diukur pada kos atau kos pelunasan, aset tersebut pada awalnya diiktiraf pada nilai saksamanya pada tarikh perdagangan (lihat perenggan PA68-PA71 dalam Lampiran A).

Pengukuran Aset Kewangan Berikutnya

- 47. Bagi tujuan pengukuran aset kewangan selepas pengiktirafan awal, Piawaian ini mengelaskan aset kewangan kepada empat kategori yang ditakrifkan dalam perenggan 10:
 - (a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan;
 - (b) Pelaburan dipegang hingga matang;
 - (c) Pinjaman dan belum terima; dan
 - (d) Aset kewangan sedia dijual.

Kategori ini diguna pakai untuk pengukuran dan pengiktirafan lebihan atau kurangan di bawah Piawaian ini. Entiti boleh menggunakan penunjuk lain bagi kategori ini atau kategori lain apabila membentangkan maklumat dalam penyata kewangan. Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang diperlukan oleh MPSAS 30 dalam nota.

- 48. **Selepas pengiktirafan awal, entiti hendaklah mengukur aset kewangan, termasuk derivatif yang merupakan aset, pada nilai saksama, tanpa apa-apa potongan bagi kos urus niaga yang mungkin ditanggung semasa jualan atau pelupusan lain, kecuali bagi aset kewangan yang berikut:**
 - (a) **Pinjaman dan belum terima seperti yang ditakrifkan dalam perenggan 10, yang hendaklah diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan;**

- (b) **Pelaburan dipegang hingga matang seperti yang ditakrifkan dalam perenggan 10, yang hendaklah diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan; dan**
- (c) **Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut dalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan munasabah, dan derivatif yang dipautkan dan mesti diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti yang tidak disebut tersebut, yang hendaklah diukur pada kos (lihat perenggan PA113 dan PA114 dalam Lampiran A).**

Aset kewangan yang ditetapkan sebagai item dilindung nilai adalah tertakluk kepada pengukuran di bawah keperluan perakaunan lindung nilai dalam perenggan 99-113. Semua aset kewangan kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan adalah tertakluk kepada semakan penjejasan nilai menurut perenggan 67-79 dan perenggan PA117-PA126 dalam Lampiran A.

Pengukuran Liabiliti Kewangan Berikutnya

- 49. **Selepas pengiktirafan awal, entiti hendaklah mengukur semua liabiliti kewangan pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif, kecuali bagi:**
 - (a) **Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Liabiliti tersebut, termasuk derivatif yang merupakan liabiliti, hendaklah diukur pada nilai saksama kecuali bagi liabiliti derivatif yang berkaitan dan mesti diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti yang tidak disebut yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan munasabah, hendaklah diukur pada kos.**
 - (b) **Liabiliti kewangan yang timbul apabila pindahan aset kewangan tidak layak untuk penyahiktirafan atau apabila pendekatan pelibatan berterusan diguna pakai. Perenggan 31 dan 33 diguna pakai bagi pengukuran liabiliti kewangan tersebut.**
 - (c) **Kontrak jaminan kewangan seperti yang ditakrifkan dalam perenggan 10. Selepas pengiktirafan awal, pengeluar kontrak tersebut hendaklah (melainkan perenggan 49(a) atau (b) diguna pakai) mengukurnya pada amaun yang lebih tinggi daripada:
 - (i) **Amaun yang ditentukan menurut MPSAS 19; dan**
 - (ii) **Amaun yang diiktiraf pada awalnya (lihat perenggan 45) tolak, apabila berkenaan, pelunasan kumulatif yang diiktiraf menurut MPSAS 9.****
 - (d) **Komitmen untuk menyediakan pinjaman pada kadar faedah di bawah pasaran. Selepas pengiktirafan awal, pengeluar komitmen tersebut hendaklah (melainkan perenggan 49(a) diguna pakai) mengukurnya pada amaun yang lebih tinggi daripada:
 - (i) **Amaun yang ditentukan menurut MPSAS 19; dan**
 - (ii) **Amaun yang diiktiraf pada awalnya (lihat perenggan 45) tolak, apabila berkenaan, pelunasan kumulatif yang diiktiraf menurut MPSAS 9.****

Liabiliti kewangan yang ditetapkan sebagai item dilindung nilai adalah tertakluk kepada keperluan perakaunan lindung nilai dalam perenggan 99–113.

Pertimbangan Pengukuran Nilai Saksama

50. **Dalam menentukan nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan bagi tujuan mengguna pakai Piawaian ini, MPSAS 28 atau MPSAS 30, entiti hendaklah mengguna pakai perenggan PA101–PA115 dalam Lampiran A.**
51. Bukti terbaik nilai saksama ialah harga disebut dalam pasaran aktif. Jika pasaran bagi instrumen kewangan tidak aktif, entiti menetapkan nilai saksama menggunakan teknik penilaian. Objektif menggunakan teknik penilaian adalah untuk menetapkan harga urus niaga yang mungkin digunakan pada tarikh pengukuran dalam pertukaran tulus yang didorong oleh pertimbangan operasi biasa. Teknik penilaian termasuk menggunakan urus niaga pasaran tulus terkini antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan bersedia, jika ada, rujukan kepada nilai saksama semasa instrumen lain yang sebahagian besarnya adalah sama, analisis aliran tunai terdiskaun dan model penentuan harga opsyen. Jika terdapat teknik penilaian yang biasanya digunakan oleh peserta pasaran untuk menentukan harga instrumen dan teknik tersebut terbukti menyediakan anggaran harga munasabah yang diperoleh dalam urus niaga pasaran sebenar, entiti menggunakan teknik tersebut. Teknik penilaian yang dipilih menggunakan input pasaran secara maksimum dan bergantung sekecil mungkin pada input spesifik entiti. Ia menggabungkan semua faktor yang akan dipertimbangkan oleh peserta pasaran untuk menentukan harga dan selaras dengan metodologi ekonomi yang diterima bagi penentuan harga instrumen kewangan. Entiti mengkalibrasi teknik penilaian secara berkala dan menguji kesahannya menggunakan harga daripada apa-apa urus niaga pasaran semasa yang dapat diperhatikan dalam instrumen yang sama (iaitu, tanpa pengubahsuaian atau dipakejkan semula) atau berdasarkan apa-apa data pasaran yang tersedia dan dapat diperhatikan.
52. Nilai saksama liabiliti kewangan dengan ciri permintaan (contohnya, deposit permintaan) adalah tidak kurang daripada amaun yang perlu dibayar atas permintaan, didiskaunkan daripada tarikh pertama amaun tersebut mungkin diperlukan untuk dibayar.

Pengelasan Semula

53. **Entiti:**
- (a) **Hendaklah tidak mengelaskan semula derivatif daripada kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan semasa ia dipegang atau diterbitkan;**
 - (b) **Hendaklah tidak mengelaskan semula apa-apa instrumen kewangan daripada kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan jika selepas pengiktirafan awal ia ditetapkan oleh entiti sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan; dan**
 - (c) **Boleh, jika aset kewangan tidak lagi dipegang bagi tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat (walaupun aset kewangan mungkin diperoleh atau ditanggung terutamanya bagi tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat), mengelaskan semula aset kewangan tersebut daripada kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan jika keperluan dalam perenggan 55**

atau 57 dipenuhi.

Entiti hendaklah tidak mengelaskan semula apa-apa instrumen kewangan ke dalam kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan selepas pengiktirafan awal.

54. Perubahan keadaan yang berikut bukan pengelasan semula bagi tujuan perenggan 53:
- (a) Derivatif yang sebelum ini merupakan instrumen lindung nilai yang efektif dan ditetapkan dalam lindung nilai aliran tunai atau lindung nilai pelaburan bersih tidak lagi layak sebagai instrumen sedemikian rupa; dan
 - (b) Derivatif menjadi instrumen lindung nilai yang efektif dan ditetapkan dalam lindung nilai aliran tunai atau lindung nilai pelaburan bersih.
55. Aset kewangan dalam perenggan 53(c) adalah terpakai (kecuali aset kewangan bagi jenis yang diterangkan dalam perenggan 57) boleh dikelaskan semula daripada kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan hanya dalam keadaan yang jarang berlaku.
56. Jika entiti mengelaskan semula aset kewangan daripada kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut perenggan 55, aset kewangan tersebut hendaklah dikelaskan semula pada nilai saksamanya pada tarikh pengelasan semula. Apa-apa laba atau rugi yang telah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan tidak ditimbal balik. Nilai saksama aset kewangan pada tarikh pengelasan semula menjadi kos atau kos pelunasannya yang baharu, mengikut kesesuaian.
57. Aset kewangan dalam perenggan 53(c) adalah terpakai dan telah memenuhi takrif pinjaman dan belum terima (jika aset kewangan tidak perlu dikelaskan semula sebagai dipegang untuk dagangan pada pengiktirafan awal), boleh dikelaskan semula daripada kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan jika entiti mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang aset kewangan dalam masa hadapan yang boleh diramal atau sehingga matang.
58. Aset kewangan yang dikelaskan sebagai sedia dijual yang telah memenuhi takrif pinjaman dan belum terima (jika ia belum ditetapkan sebagai sedia dijual) boleh dikelaskan semula daripada kategori sedia dijual kepada kategori pinjaman dan belum terima jika entiti mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang aset kewangan dalam masa hadapan yang boleh diramal atau sehingga matang.
59. Jika entiti mengelaskan semula aset kewangan daripada kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut perenggan 57 atau daripada kategori sedia dijual menurut perenggan 58, ia hendaklah mengelaskan semula aset kewangan pada nilai saksamanya pada tarikh pengelasan semula. Bagi aset kewangan yang dikelaskan semula menurut perenggan 57, apa-apa laba atau rugi yang telah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan tidak ditimbal balik. Nilai saksama aset kewangan pada tarikh pengelasan semula menjadi kos atau kos pelunasannya yang baharu, mengikut kesesuaian. Bagi aset kewangan yang dikelaskan semula daripada kategori sedia dijual menurut perenggan 58, apa-apa laba atau rugi bagi aset tersebut yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti menurut perenggan 64(b) hendaklah diperakaunkan menurut perenggan 63.
60. **Jika, akibat perubahan niat atau keupayaan, pelaburan tidak lagi sesuai dikelaskan sebagai dipegang hingga matang, ia hendaklah dikelaskan semula sebagai sedia dijual dan diukur**

semula pada nilai saksama, dan perbezaan antara amaun bawaan dan nilai saksamanya hendaklah diperakaunkan menurut perenggan 64(b).

61. Apabila jualan atau pengelasan semula melebihi amaun pelaburan dipegang hingga matang yang tidak signifikan tidak memenuhi apa-apa syarat dalam perenggan 10, apa-apa baki pelaburan dipegang hingga matang hendaklah dikelaskan semula sebagai sedia dijual. Bagi pengelasan semula tersebut, perbezaan antara amaun bawaan dengan nilai saksamanya hendaklah diperakaunkan menurut perenggan 64(b).
62. Jika ukuran munasabah tersedia bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang baginya ukuran tersebut tidak tersedia sebelum ini, dan aset atau liabiliti tersebut perlu diukur pada nilai saksama jika ukuran munasabah tersedia (lihat perenggan 48(c) dan 49), aset atau liabiliti tersebut hendaklah diukur semula pada nilai saksama, dan perbezaan antara amaun bawaannya dengan nilai saksama hendaklah diperakaunkan menurut perenggan 64.
63. Jika, akibat perubahan niat atau keupayaan atau dalam keadaan yang jarang berlaku apabila ukuran munasabah bagi nilai saksama tidak lagi tersedia (lihat perenggan 48(c) dan 49) atau kerana “dua tahun kewangan sebelumnya” yang dirujuk dalam perenggan 10 telah berlalu, sewajarnya aset kewangan atau liabiliti kewangan dibawa pada kos atau kos pelunasan dan bukannya pada nilai saksama, dan amaun bawaan nilai saksama bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan pada tarikh tersebut menjadi kos atau kos pelunasannya yang baharu, mengikut kesesuaian. Apa-apa laba atau rugi sebelum ini pada aset tersebut yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti menurut perenggan 64(b) hendaklah diperakaunkan seperti yang berikut:
 - (a) Dalam kes aset kewangan dengan kematangan tetap, laba atau rugi hendaklah dilunaskan kepada lebihan atau kurangan sepanjang baki hayat pelaburan dipegang hingga matang menggunakan kaedah faedah efektif. Apa-apa perbezaan antara kos pelunasan baharu dengan amaun kematangan juga hendaklah dilunaskan sepanjang baki hayat aset kewangan menggunakan kaedah faedah efektif, sama seperti dengan pelunasan premium dan diskaun. Jika aset kewangan selanjutnya terjejas, apa-apa laba atau rugi yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti diiktiraf dalam lebihan atau kurangan menurut perenggan 76.
 - (b) Dalam kes aset kewangan yang tidak mempunyai kematangan tetap, laba atau rugi hendaklah kekal dalam aset bersih/ekuiti sehingga aset kewangan dijual atau sebaliknya dilupuskan, apabila ia hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Jika aset kewangan selanjutnya, apa-apa laba atau rugi yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti diiktiraf dalam lebihan atau kurangan menurut perenggan 76.

Laba dan Rugi

64. Laba atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan yang bukan sebahagian daripada hubungan lindung nilai—(lihat perenggan 99-113), hendaklah diiktiraf seperti berikut:
 - (a) Laba atau rugi atas aset kewangan atau liabiliti kewangan yang dikelaskan sebagai

pada nilai saksama melalui lebih atau kurangan hendaklah diiktiraf dalam lebih atau kurangan.

- (b) Laba atau rugi pada aset kewangan sedia dijual hendaklah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti melalui penyata perubahan dalam aset bersih/ekuiti (lihat MPSAS 1, kecuali bagi kerugian penjejasan nilai (lihat perenggan 76-69) dan laba dan rugi tukaran asing (lihat Lampiran A perenggan PA116), sehingga aset kewangan dinyahiktiraf, pada masa tersebut laba atau rugi kumulatif yang sebelum ini diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf dalam lebih atau kurangan. Walau bagaimanapun, faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan (lihat perenggan 10) diiktiraf dalam lebih atau kurangan (lihat MPSAS 9). Dividen atau pengagihan yang serupa pada instrumen ekuiti sedia dijual diiktiraf dalam lebih atau kurangan apabila hak entiti untuk menerima bayaran ditetapkan (lihat MPSAS 9).
65. Bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang dibawa pada kos terlunas (lihat perenggan 48 dan 49), laba atau rugi diiktiraf dalam lebih atau kurangan apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan. Walau bagaimanapun, bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang merupakan item lindung nilai (lihat perenggan 87-94) dan perenggan PA131-141 dalam Lampiran A), perakaunan bagi laba dan rugi hendaklah mengikut perenggan 99-113.
66. Jika entiti mengiktiraf aset kewangan menggunakan perakaunan tarikh penyelesaian (lihat perenggan 40 serta perenggan PA68 dan PA71 dalam Lampiran A), apa-apa perubahan pada nilai saksama aset yang akan diterima semasa tempoh antara tarikh perdagangan dan tarikh penyelesaian tidak akan diiktiraf bagi aset yang dibawa pada kos atau kos terlunas (selain kerugian penjejasan nilai). Walau bagaimanapun, bagi aset yang dibawa pada nilai saksama, perubahan nilai saksama hendaklah diiktiraf dalam lebih atau kurangan atau dalam aset bersih/ekuiti, selaras dengan perenggan 64.

Penjejasan nilai dan Ketidakboleh pungutan Aset Kewangan

67. Pada akhir tempoh pelaporan, entiti hendaklah menilai sama ada terdapat apa-apa bukti objektif bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan adalah terjejas. Jika wujud apa-apa bukti tersebut, entiti hendaklah mengguna pakai perenggan 72 (bagi aset kewangan dibawa pada kos terlunas), perenggan 75 (bagi aset kewangan dibawa pada kos) atau perenggan 76 (bagi aset kewangan sedia dijual) untuk menentukan amaun bagi apa-apa kerugian penjejasan nilai.
68. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan adalah terjejas dan kerugian penjejasan nilai ditanggung jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif bagi penjejasan nilai akibat satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (“peristiwa kerugian”) dan peristiwa kerugian tersebut (atau peristiwa-peristiwa kerugian) mempunyai kesan terhadap anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang boleh diukur secara munasabah. Peristiwa tunggal dan peristiwa berasingan yang menyebabkan penjejasan nilai tersebut mungkin tidak dapat dikenal pasti, sebaliknya penjejasan nilai tersebut mungkin disebabkan oleh gabungan kesan daripada beberapa peristiwa. Kerugian yang dijangkakan akibat peristiwa masa hadapan, tanpa mengira kebarangkaliannya, adalah tidak diiktiraf. Bukti objektif

bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan adalah terjejas merangkumi data yang dapat diperhatikan yang disedari pemegang aset bagi peristiwa kerugian yang berikut:

- (a) Kesukaran kewangan yang signifikan oleh pengeluar atau penanggung obligasi;
 - (b) Pelanggaran kontrak, seperti kemungkiran atau kelalaian dalam bayaran faedah atau prinsipal;
 - (c) Pemberi pinjaman, atas sebab ekonomi atau undang-undang yang berkaitan kesukaran kewangan peminjam, memberikan konsesi kepada peminjam yang sebaliknya tidak akan dipertimbangkan;
 - (d) Terdapat kemungkinan peminjam akan mengalami kebangkrapan atau pengorganisasian semula kewangan yang lain;
 - (e) Kehilangan pasaran aktif bagi aset kewangan disebabkan kesukaran kewangan; atau
 - (f) Data yang dapat diperhatikan menunjukkan terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada sekumpulan aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset tersebut, walaupun pengurangan tersebut belum lagi dapat dikenal pasti dengan aset kewangan individu dalam kumpulan tersebut, termasuk:
 - (i) Perubahan tidak baik dalam status bayaran peminjam dalam kumpulan (iaitu peningkatan jumlah bayaran tertangguh); atau
 - (ii) Keadaan ekonomi kebangsaan atau tempatan yang berhubung kait dengan kemungkiran aset dalam kumpulan tersebut (contohnya, peningkatan kadar pengangguran di kawasan geografi peminjam, penurunan harga minyak bagi aset pinjaman kepada pengeluar minyak, atau perubahan tidak baik dalam keadaan industri yang menjejaskan peminjam dalam kumpulan tersebut).
69. Kehilangan pasaran aktif disebabkan instrumen kewangan entiti yang tidak lagi diniagakan secara awam bukan bukti penjejasan nilai. Penurunan penarafan kredit entiti tidak dengan sendirinya menjadi bukti penjejasan nilai, walaupun ia mungkin merupakan bukti penjejasan nilai apabila dipertimbangkan dengan maklumat lain yang diperolehi. Penurunan nilai saksama aset kewangan di bawah kos atau kos pelunasannya tidak semestinya merupakan bukti penjejasan nilai (contohnya, penurunan nilai saksama pelaburan dalam instrumen hutang yang diakibatkan oleh peningkatan kadar faedah bebas risiko).
70. Tambahan kepada jenis peristiwa dalam perenggan 68, bukti objektif penjejasan bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti termasuk maklumat tentang perubahan signifikan dengan kesan tidak baik yang telah berlaku dalam persekitaran teknologi, pasaran, ekonomi atau undang-undang yang mana pengeluar beroperasi, dan menunjukkan bahawa kos pelaburan dalam instrumen ekuiti tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula. Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama instrumen ekuiti di bawah kosnya juga merupakan bukti objektif penjejasan nilai.
71. Dalam sesetengah kes, data yang dapat diperhatikan yang diperlukan untuk menganggarkan amaun kerugian penjejasan nilai bagi aset kewangan mungkin terhad atau tidak lagi relevan sepenuhnya dengan keadaan semasa. Sebagai contoh, bagi kes apabila peminjam berada dalam

kesukaran kewangan dan terdapat sedikit sahaja data sejarah yang berkaitan peminjam yang serupa. Dalam kes sedemikian, entiti menggunakan pertimbangan pengalamannya untuk menganggarkan amaun bagi apa-apa kerugian penjejasan nilai. Entiti juga menggunakan pertimbangan pengalamannya untuk mengubah suai data yang dapat diperhatikan bagi sekumpulan aset kewangan untuk menggambarkan keadaan semasa (lihat perenggan PA122). Penggunaan anggaran yang munasabah merupakan bahagian penting dalam penyediaan penyata kewangan dan tidak menjejaskan kebolehpercayaannya.

Aset Kewangan Dibawa pada Kos Pelunasan

72. **Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan nilai terhadap pinjaman dan boleh terima atau pelaburan dipegang hingga matang dibawa pada kos pelunasan telah ditanggung, amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum ditanggung) yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut (iaitu kadar faedah berkesan yang dikira pada pengiktirafan awal). Amaun bawaan aset hendaklah dikurangkan sama ada secara langsung atau melalui penggunaan akaun elaun. Amaun kerugian tersebut hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.**
73. Pada mulanya entiti menilai sama ada bukti objektif penjejasan nilai wujud secara individu bagi aset kewangan yang signifikan secara individu, dan secara individu atau kolektif bagi aset kewangan yang tidak signifikan secara individu (lihat perenggan 68). Jika entiti menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan nilai yang wujud bagi aset kewangan yang ditaksir secara individu, sama ada signifikan atau tidak, maka ia meletakkan aset tersebut dalam sekumpulan aset kewangan dengan ciri risiko kredit yang serupa dan menaksir penjejasan nilainya secara kolektif. Aset yang telah ditaksir secara individu untuk penjejasan nilai dengan kerugian penjejasan nilainya diiktiraf dan terus diiktiraf tidak termasuk dalam penaksiran kolektif bagi penjejasan nilai.
74. **Jika, dalam tempoh berikutnya, amaun kerugian penjejasan nilai berkurang dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas penjejasan nilai diiktiraf (contohnya, peningkatan terhadap penarafan kredit pemberi hutang), kerugian penjejasan yang sebelum ini diiktiraf hendaklah ditimbal balik sama ada secara langsung atau melalui pelarasan akaun elaun. Timbal balik tersebut tidak boleh menyebabkan amaun bawaan aset kewangan melebihi kos pelunasan yang sepatutnya jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai tersebut ditarik balik. Amaun yang ditimbal balik tersebut hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.**

Aset Kewangan Dibawa pada Kos

75. **Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan nilai telah ditanggung pada instrumen ekuiti tidak disebut bahawa ia tidak dibawa pada nilai saksama kerana nilai saksamanya tidak boleh diukur secara munasabah, atau pada aset derivatif yang berkait dengannya dan mesti diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti tidak disebut tersebut, amaun kerugian penjejasan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan bagi aset kewangan dan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa (lihat**

perenggan 48(c) serta perenggan PA113 dan PA114 dalam Lampiran A). Kerugian penjejasan nilai tersebut hendaklah tidak boleh ditimbal balik.

Aset Kewangan Sedia Dijual

76. Apabila penurunan nilai saksama bagi aset kewangan sedia dijual telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti dan terdapat bukti objektif bahawa aset tersebut terjejas (lihat perenggan 68), kerugian kumulatif yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti hendaklah disingkirkan daripada aset bersih/ekuiti dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan walaupun aset kewangan belum dinyahiktiraf.
77. Amaun kerugian kumulatif tersebut yang disingkirkan daripada aset bersih/ekuiti dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan di bawah perenggan 76 hendaklah perbezaan antara kos perolehan (apa-apa pembayaran terdahulu dan pelunasan prinsipal bersih) dengan nilai saksama semasa, tolak apa-apa kerugian penjejasan nilai pada aset kewangan tersebut yang sebelum ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.
78. Kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia dijual tidak boleh ditimbal balik melalui lebihan atau kurangan.
79. Jika, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama bagi instrumen hutang yang dikelaskan sebagai sedia dijual meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, kerugian penjejasan nilai hendaklah ditimbal balik, dengan amaun timbal balik yang telah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Lindung Nilai

80. Jika terdapat hubungan lindung nilai yang ditetapkan antara instrumen lindung nilai dengan item dilindung nilai seperti yang diterangkan dalam perenggan 95–98 dan perenggan PA142–PA144 dalam Lampiran A, perakaunan untuk laba dan rugi bagi instrumen lindung nilai dan item dilindung nilai hendaklah mengikut perenggan 99–113.

Instrumen Lindung Nilai

Instrument Layak

81. Piawai ini tidak mengehadkan keadaan apabila derivatif mungkin ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dengan syarat, syarat dalam perenggan 98 dipenuhi, kecuali bagi beberapa opsyen bertulis (lihat perenggan PA127 dalam Lampiran A). Walau bagaimanapun, aset kewangan bukan derivatif atau liabiliti kewangan bukan derivatif boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai hanya bagi lindung nilai risiko mata wang asing.
82. Bagi tujuan perakaunan lindung nilai, hanya instrumen yang melibatkan pihak luar kepada entiti pelaporan (iaitu pihak luar kepada entiti ekonomi atau entiti individu yang sedang dilaporkan) boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai. Walau bagaimanapun, entiti individu dalam entiti ekonomi atau bahagian dalam entiti boleh menjalankan urusan niaga lindung nilai dengan entiti lain dalam entiti ekonomi atau bahagian dalam entiti tersebut, apa-apa urusan niaga

sedemikian dalam entiti ekonomi disingkirkan semasa penyatuan. Oleh itu, urus niaga lindung nilai tersebut tidak layak bagi perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan entiti ekonomi tersebut. Walau bagaimanapun, ia mungkin layak bagi perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan individu atau berasingan bagi entiti individu dalam entiti ekonomi dengan syarat ia merupakan pihak luar kepada entiti individu yang sedang dilaporkan.

Penetapan Instrumen Lindung Nilai

83. Biasanya terdapat ukuran nilai saksama tunggal bagi instrumen lindung nilai pada keseluruhannya, dan faktor yang menyebabkan perubahan pada nilai saksama adalah saling bergantung. Oleh itu, hubungan lindung nilai ditetapkan oleh entiti bagi instrumen lindung nilai pada keseluruhannya. Satu-satunya pengecualian yang dibenarkan ialah:
- (a) Mengasingkan nilai intrinsik dan nilai masa bagi kontrak opsyen serta menetapkan hanya perubahan pada nilai intrinsik opsyen sebagai instrumen lindung nilai dan mengecualikan perubahan pada nilai masanya; dan
 - (b) Mengasingkan elemen faedah dan harga semerta bagi kontrak hadapan.

Pengecualian ini dibenarkan kerana nilai intrinsik opsyen dan premium hadapan umumnya boleh diukur secara berasingan. Strategi lindung nilai yang dinamik yang menaksir nilai intrinsik dan nilai masa kontrak opsyen adalah layak untuk perakaunan lindung nilai.

84. Sebahagian daripada keseluruhan instrumen lindung nilai, contohnya 50 peratus daripada amaun nosional, mungkin boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam hubungan lindung nilai. Walau bagaimanapun, hubungan lindung nilai mungkin tidak boleh ditetapkan hanya untuk sebahagian dari tempoh masa apabila instrumen lindung nilai masih belum dijelaskan.
85. Instrumen lindung nilai tunggal mungkin boleh ditetapkan sebagai lindung nilai bagi lebih daripada satu jenis risiko dengan syarat:
- (a) risiko lindung nilai boleh dikenal pasti dengan jelas;
 - (b) keberkesanan lindung nilai boleh ditunjukkan; dan
 - (c) penetapan khusus instrumen lindung nilai dan kedudukan risiko yang berbeza mungkin boleh dipastikan.
86. Dua derivatif atau lebih, atau perkadarannya (atau, bagi kes lindung nilai risiko mata wang, dua bukan derivatif atau lebih atau perkadarannya, atau gabungan derivatif dan bukan derivatif atau perkadarannya), mungkin boleh dilihat secara gabungan dan ditetapkan bersama sebagai instrumen lindung nilai, termasuk apabila risiko yang timbul daripada beberapa derivatif mengofset risiko yang timbul daripada derivatif lain. Walau bagaimanapun, kolar kadar faedah atau instrumen derivatif lain yang menggabungkan opsyen bertulis dan opsyen yang dibeli tidak layak sebagai instrumen lindung nilai sekiranya, apabila dikuatkuasakan merupakan opsyen bertulis bersih (untuk premium bersih yang diterima). Dua atau lebih instrumen (atau perkadarannya) juga boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai sekiranya bukan opsyen bertulis atau opsyen bertulis bersih.

Item Lindung Nilai

Item Layak

87. Item lindung nilai mungkin merupakan aset atau liabiliti diiktiraf, komitmen teguh tidak diiktiraf, urus niaga ramalan yang berkebarangkalian tinggi atau pelaburan bersih dalam operasi asing. Item lindung nilai mungkin merupakan:
- (a) item tunggal bagi aset, liabiliti, komitmen teguh, urus niaga ramalan yang berkebarangkalian tinggi atau pelaburan bersih dalam operasi asing,
 - (b) sekumpulan aset, liabiliti, komitmen teguh, urus niaga ramalan yang berkebarangkalian tinggi atau pelaburan bersih dalam operasi asing dengan ciri risiko yang serupa, atau
 - (c) dalam portfolio lindung nilai risiko kadar faedah sahaja, sebahagian daripada portfolio aset kewangan atau liabiliti kewangan yang berkongsi risiko dilindung nilai.
88. Tidak seperti pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang tidak boleh menjadi item lindung nilai berhubung risiko kadar faedah atau risiko pembayaran terdahulu kerana penetapan pelaburan sebagai dipegang hingga matang memerlukan niat untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang tanpa mengambil kira perubahan pada nilai saksama atau aliran tunai bagi pelaburan tersebut yang disebabkan perubahan dalam kadar faedah. Walau bagaimanapun, pelaburan dipegang hingga matang boleh menjadi item lindung nilai berhubung risiko daripada perubahan kadar tukaran mata wang asing dan risiko kredit.
89. Bagi tujuan perakaunan lindung nilai, hanya aset, liabiliti, komitmen teguh atau urus niaga ramalan yang berkebarangkalian tinggi yang melibatkan pihak luar kepada entiti boleh ditetapkan sebagai item lindung nilai. Justeru, perakaunan lindung nilai boleh diguna pakai untuk urus niaga antara entiti dalam entiti ekonomi yang sama sahaja dalam penyata kewangan individu atau berasingan entiti tersebut dan bukan dalam penyata kewangan disatukan entiti ekonomi tersebut. Sebagai pengecualian, risiko mata wang asing bagi item monetari dalam entiti ekonomi (contohnya, belum bayar/belum terima antara dua entiti dikawal) mungkin layak sebagai item lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan jika ia menyebabkan pendedahan kepada laba atau rugi kadar tukaran asing yang tidak disingkirkan sepenuhnya selepas penyatuan menurut MPSAS 4, *Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing*. Menurut MPSAS 4, laba dan rugi kadar tukaran asing bagi item monetari dalam entiti ekonomi tidak disingkirkan sepenuhnya semasa penyatuan apabila urus niaga item monetari tersebut berlaku antara dua entiti dalam entiti ekonomi yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza. Sebagai tambahan, risiko mata wang asing bagi urus niaga ramalan yang berkebarangkalian tinggi dalam entiti ekonomi tersebut mungkin layak sebagai item lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan dengan syarat urus niaga tersebut didenominasikan dalam mata wang selain mata wang fungsian entiti yang menjalankan urus niaga tersebut dan risiko mata wang asing akan mempengaruhi lebihan atau kurangan disatukan.

Penetapan Item Kewangan sebagai Item Lindung Nilai

90. Jika item lindung nilai ialah aset kewangan atau liabiliti kewangan, item tersebut mungkin merupakan item lindung nilai berhubung risiko yang dikaitkan dengan hanya sebahagian daripada aliran tunai atau nilai saksamanya (seperti satu atau lebih daripada aliran tunai berkontrak yang

dipilih atau sebahagian daripadanya atau peratusan nilai saksama tersebut) dengan syarat keberkesanannya boleh diukur. Sebagai contoh, pendedahan kadar faedah bagi bahagian yang boleh dikenal pasti dan diukur secara berasingan untuk aset berfaedah atau liabiliti berfaedah mungkin boleh ditetapkan sebagai risiko lindung nilai (seperti kadar faedah bebas risiko atau komponen kadar faedah tanda aras bagi pendedahan kadar faedah keseluruhan bagi instrumen kewangan lindung nilai).

91. Dalam lindung nilai saksama bagi pendedahan kadar faedah portfolio aset kewangan atau liabiliti kewangan (dan hanya dalam lindung nilai tersebut), bahagian yang lindung nilai boleh ditetapkan dari segi amaun mata wang (contohnya, amaun dolar, euro, pound atau rand) dan bukan sebagai aset individu (atau liabiliti). Walaupun portfolio tersebut mungkin, bagi tujuan pengurusan risiko, termasuk aset dan liabiliti, amaun yang ditetapkan ialah amaun aset atau amaun liabiliti. Penetapan amaun bersih termasuk aset dan liabiliti adalah tidak dibenarkan. Entiti mungkin melindungi nilai sebahagian daripada risiko kadar faedah yang berkaitan amaun yang ditetapkan ini. Sebagai contoh, dalam kes lindung nilai portfolio yang mengandungi aset bayaran terdahulu, entiti mungkin melindungi nilai perubahan nilai saksama yang dikaitkan dengan perubahan kadar faedah lindung nilai pada asas tarikh harga semula dijangka, selain berkontrak. Apabila bahagian tersebut lindung nilai berdasarkan tarikh harga semula dijangka, kesan perubahan kadar faedah lindung nilai terhadap tarikh harga semula dijangka hendaklah dimasukkan apabila menentukan perubahan nilai saksama item lindung nilai. Kesannya, jika portfolio yang mengandungi item bayaran terdahulu lindung nilai dengan derivatif bukan bayaran terdahulu, ketidakberkesanan akan timbul jika tarikh item dalam portfolio lindung nilai dijangka membuat bayaran terdahulu disemak semula, atau tarikh bayaran terdahulu sebenar berbeza daripada tarikh yang dijangka.

Penetapan Item Bukan Kewangan sebagai Item Lindung Nilai

92. **Jika item lindung nilai ialah aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan, item tersebut hendaklah ditetapkan sebagai item lindung nilai:**
- (a) **bagi risiko mata wang asing, atau**
 - (b) **pada keseluruhannya bagi semua risiko, kerana kesukaran mengasingkan dan mengukur bahagian yang wajar dalam aliran tunai atau perubahan nilai saksama yang disebabkan risiko khusus selain risiko mata wang asing.**

Penetapan Sekumpulan Item sebagai Item Lindung Nilai

93. Aset serupa atau liabiliti serupa hendaklah dikumpul dan dilindung nilai sebagai satu kumpulan hanya jika aset individu atau liabiliti individu dalam kumpulan berkongsi pendedahan risiko yang ditetapkan sebagai lindung nilai. Tambahan lagi, perubahan nilai saksama yang disebabkan risiko lindung nilai bagi setiap item individu dalam kumpulan hendaklah dijangka sebagai hampir berkadar dengan perubahan keseluruhan nilai saksama yang disebabkan oleh risiko lindung nilai bagi sekumpulan item tersebut.
94. Oleh sebab entiti menilai keberkesanan lindung nilai dengan membandingkan perubahan nilai saksama atau aliran tunai instrumen lindung nilai (atau sekumpulan instrumen lindung nilai yang serupa) dan item lindung nilai (atau sekumpulan item lindung nilai yang serupa), perbandingan item lindung nilai dengan kedudukan bersih secara keseluruhan (contohnya, semua aset kadar tetap bersih dan liabiliti kadar tetap bersih dengan kematangan yang serupa), dan bukan dengan

item lindung nilai khusus, adalah tidak layak bagi perakaunan lindung nilai.

Perakaunan Lindung Nilai

95. Perakaunan lindung nilai mengiktiraf kesan ofset terhadap lebih atau kurangan perubahan nilai saksama instrumen lindung nilai dan item lindung nilai.
96. **Terdapat tiga jenis hubungan lindung nilai:**
- (a) **Lindung nilai saksama:** lindung nilai bagi pendedahan terhadap perubahan nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf atau komitmen teguh yang tidak diiktiraf, atau bahagian aset, liabiliti atau komitmen teguh tersebut yang dikenal pasti, yang berkaitan risiko tertentu dan boleh mempengaruhi lebih atau kurangan.
 - (b) **Lindung nilai aliran tunai:** lindung nilai bagi pendedahan terhadap keberubahan aliran tunai yang (i) berkaitan risiko tertentu yang berkaitan aset atau liabiliti yang diiktiraf (contohnya, semua atau beberapa bayaran faedah masa hadapan bagi hutang kadar berubah) atau urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi dan (ii) boleh mempengaruhi lebih atau kurangan.
 - (c) **Lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 4.**
97. Lindung nilai risiko mata wang asing bagi komitmen teguh boleh diperakaunkan sebagai lindung nilai saksama atau sebagai lindung nilai aliran tunai.
98. **Hubungan lindung nilai layak sebagai perakaunan lindung nilai di bawah perenggan 99-113 jika, dan hanya jika, semua syarat yang berikut dipenuhi.**
- (a) **Pada permulaan lindung nilai terdapat penetapan rasmi dan dokumentasi bagi hubungan lindung nilai tersebut, dan objektif dan strategi pengurusan risiko entiti bagi melaksanakan lindung nilai tersebut. Dokumentasi tersebut hendaklah merangkumi pengenalanpastian instrumen lindung nilai, item atau urus niaga lindung nilai, jenis risiko yang dilindung nilai dan bagaimana entiti akan menilai keberkesanan instrumen lindung nilai untuk mengofset pendedahan terhadap perubahan nilai saksama atau aliran tunai item lindung nilai yang disebabkan risiko lindung nilai.**
 - (b) **Lindung nilai tersebut dijangka mempunyai keberkesanan yang tinggi (lihat Lampiran A perenggan PA145–PA156) untuk mencapai perubahan ofset dalam nilai saksama atau aliran tunai yang disebabkan risiko lindung nilai, selaras dengan strategi pengurusan risiko asal yang didokumenkan khusus bagi hubungan lindung nilai tersebut.**
 - (c) **Bagi lindung nilai aliran tunai, urus niaga ramalan yang tertakluk kepada lindung nilai mesti mempunyai keberangakalian tinggi dan mesti menunjukkan pendedahan kepada perubahan dalam aliran tunai yang secara muktamad boleh mempengaruhi lebih atau kurangan.**
 - (d) **Keberkesanan lindung nilai boleh diukur secara munasabah, iaitu nilai saksama atau**

aliran tunai item lindung nilai yang disebabkan risiko lindung nilai dan nilai saksama instrumen lindung nilai boleh diukur secara munasabah (lihat perenggan 48 dan 49 dan Lampiran A perenggan PA113 dan PA114 bagi panduan untuk menentukan nilai saksama).

- (e) **Lindung nilai ditaksir secara berterusan dan ditentukan sebagai sangat berkesan sepanjang tempoh pelaporan kewangan apabila lindung nilai tersebut ditetapkan.**

Lindung Nilai Saksama

99. **Jika lindung nilai saksama memenuhi syarat dalam perenggan 98 dalam tempoh tersebut, lindung nilai saksama hendaklah diperakaunkan seperti yang berikut:**

- (a) **Laba atau rugi daripada pengukuran semula instrumen lindung nilai pada nilai saksama (bagi instrumen lindung nilai derivatif) atau komponen mata wang asing bagi amaun bawaannya yang diukur menurut MPSAS 4 (bagi instrumen lindung nilai bukan derivatif) hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan; dan**
- (b) **Laba atau rugi bagi item lindung nilai yang disebabkan risiko yang dilindung nilai hendaklah dilaraskan amaun bawaan item yang dilindung nilai tersebut dan perlu diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Perkara ini terpakai sekiranya item yang dilindung nilai tersebut diukur selain daripada kos. Pengiktirafan laba atau rugi yang berkaitan risiko lindung nilai dalam lebihan atau kurangan adalah terpakai jika item lindung nilai ialah aset kewangan sedia dijual.**

100. Bagi lindung nilai saksama, pendedahan kadar faedah untuk sebahagian daripada portfolio aset kewangan atau liabiliti kewangan (dan hanya dalam lindung nilai tersebut), keperluan dalam perenggan 99(b) mungkin boleh dipenuhi dengan membentangkan laba atau rugi disebabkan item lindung nilai sama ada dalam:

- (a) Butiran item barisan tunggal yang berasingan dalam aset, bagi tempoh masa penentuan harga semula apabila item lindung nilai ialah aset; atau
- (b) Butiran item barisan tunggal yang berasingan dalam liabiliti, bagi tempoh masa penentuan harga semula apabila item lindung nilai ialah liabiliti.

Butiran item yang berasingan yang dirujuk dalam (a) dan (b) di atas hendaklah dibentangkan selepas aset kewangan atau liabiliti kewangan. Amaun yang termasuk dalam butiran ini hendaklah dikeluarkan daripada penyata kedudukan kewangan apabila aset atau liabiliti yang berkaitan dinyahiktiraf.

101. Jika hanya risiko tertentu yang disebabkan item lindung nilai yang dilindung nilai, perubahan yang diiktiraf dalam nilai saksama item lindung nilai yang tidak berkaitan risiko lindung nilai diiktiraf seperti yang dinyatakan dalam perenggan 64.

102. **Entiti hendaklah tidak meneruskan perakaunan lindung nilai yang dinyatakan dalam perenggan 99 secara prospektif jika:**

- (a) **Instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dilaksanakan**

(bagi tujuan ini, penggantian atau pembaharuan instrumen lindung nilai kepada instrumen lindung nilai lain bukan merupakan tamat tempoh atau penamatan jika penggantian atau pembaharuan tersebut adalah sebahagian daripada strategi lindung nilai entiti yang didokumenkan);

- (b) **Lindung nilai tersebut tidak lagi memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai dalam perenggan 98; atau**
 - (c) **Entiti membatalkan penetapan tersebut.**
103. **Apa-apa pelarasan yang timbul daripada perenggan 99(b) kepada amaun bawaan instrumen kewangan lindung nilai apabila kaedah faedah berkesan digunakan (atau, dalam kes portfolio lindung nilai risiko kadar faedah, kepada item barisan yang berasingan dalam penyata kedudukan kewangan yang diterangkan dalam perenggan 100) hendaklah dilunaskan kepada lebih atau kurang. Pelunasan boleh dimulakan sebaik sahaja pelarasan wujud dan hendaklah tidak melebihi tempoh apabila item lindung nilai berhenti dilaraskan bagi perubahan dalam nilai saksamanya disebabkan risiko yang dilindung nilai. Pelarasan adalah berdasarkan kadar faedah berkesan yang dikira semula pada tarikh pelunasan dimulakan. Bagaimanapun, jika, dalam kes lindung nilai saksama pendedahan kadar faedah bagi portfolio aset kewangan atau liabiliti kewangan (dan hanya dalam lindung nilai tersebut), pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan yang dikira semula adalah tidak praktikal, pelarasan tersebut hendaklah dilunas menggunakan kaedah garis lurus. Pelarasan tersebut hendaklah dilunaskan sepenuhnya sebelum instrumen kewangan matang atau, dalam kes portfolio lindung nilai risiko kadar faedah, sebelum tamat tempoh masa penentuan harga semula yang relevan.**
104. Apabila komitmen teguh yang tidak diiktiraf ditetapkan sebagai item lindung nilai, perubahan kumulatif berikutnya dalam nilai saksama komitmen teguh tersebut yang disebabkan risiko lindung nilai diiktiraf sebagai aset atau liabiliti dengan laba atau rugi yang sepadan diiktiraf dalam lebih atau kurang (lihat perenggan 99(b)). Perubahan dalam nilai saksama instrumen lindung nilai juga diiktiraf dalam lebih atau kurang.
105. Apabila entiti memasuki komitmen teguh untuk memperoleh aset atau menanggung liabiliti yang merupakan item lindung nilai dalam lindung nilai saksama, amaun bawaan awal bagi aset atau liabiliti yang timbul akibat entiti memenuhi komitmen teguh tersebut dilaraskan untuk merangkumi perubahan kumulatif dalam nilai saksama komitmen teguh tersebut yang disebabkan risiko lindung nilai yang telah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Lindung Nilai Aliran Tunai

106. **Jika lindung nilai aliran tunai memenuhi syarat dalam perenggan 98 dalam tempoh tersebut, ia hendaklah diperakaunkan seperti yang berikut:**
- (a) **Bahagian laba atau rugi bagi instrumen lindung nilai yang ditentukan sebagai lindung nilai yang efektif (lihat perenggan 98) hendaklah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti melalui penyata perubahan aset bersih/ekuiti; dan**
 - (b) **Bahagian laba atau rugi yang tidak berkesan dalam instrumen lindung nilai hendaklah diiktiraf dalam lebih atau kurang.**

107. Secara khususnya, lindung nilai aliran tunai diperakaunkan seperti yang berikut:
- (a) Komponen berasingan aset bersih/ekuiti yang dikaitkan dengan item lindung nilai dilaraskan kepada amaun yang paling kurang seperti berikut (dalam amaun mutlak):
 - (i) Laba atau rugi kumulatif bagi instrumen lindung nilai daripada permulaan lindung nilai; dan
 - (ii) Perubahan kumulatif dalam nilai saksama (nilai kini) bagi aliran tunai masa hadapan yang dijangka bagi item lindung nilai daripada permulaan lindung nilai;
 - (b) Apa-apa baki laba atau rugi bagi instrumen lindung nilai atau komponennya yang ditetapkan (yang bukan lindung nilai berkesan) diiktiraf dalam lebihan atau kurangan; dan
 - (c) Jika strategi pengurusan risiko entiti yang didokumenkan bagi hubungan lindung nilai tertentu mengecualikan komponen khusus laba atau rugi atau aliran tunai yang berkaitan bagi instrumen lindung nilai daripada penaksiran keberkesanan lindung nilai (lihat perenggan 83, 84 dan 98(a)), yang mengecualikan komponen laba atau rugi diiktiraf menurut perenggan 64.
108. **Jika lindung nilai bagi urus niaga ramalan yang berikutnya akan menyebabkan pengiktirafan aset kewangan atau liabiliti kewangan, laba atau rugi berkaitan yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti menurut perenggan 106 hendaklah dikelaskan semula ke dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh yang sama atau tempoh semasa aliran tunai ramalan yang dilindung nilai mempengaruhi lebihan atau kurangan (contohnya, tempoh apabila hasil faedah atau perbelanjaan faedah diiktiraf). Bagaimanapun, jika entiti menjangkakan semua atau sebahagian daripada kerugian yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti tidak akan diperoleh semula dalam satu atau lebih tempoh masa hadapan, ia hendaklah mengelaskan semula amaun yang tidak dijangka akan diperoleh ke dalam lebihan atau kurangan.**
109. **Jika lindung nilai bagi urus niaga ramalan yang berikutnya akan menyebabkan pengiktirafan aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan, atau urus niaga ramalan bagi aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan menjadi komitmen teguh apabila perakaunan lindung nilai saksama diguna pakai, maka entiti hendaklah menggunakan (a) atau (b) di bawah:**
- (a) **Mengelaskan semula laba dan rugi berkaitan yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti menurut perenggan 106 ke dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh yang sama atau tempoh semasa apabila aset yang diperoleh atau liabiliti yang ditanggung mempengaruhi lebihan atau kurangan (contohnya, tempoh apabila susut nilai atau inventori diiktiraf sebagai perbelanjaan). Bagaimanapun, jika entiti menjangkakan semua atau sebahagian daripada kerugian yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti tidak akan diperoleh semula dalam satu atau lebih tempoh masa hadapan, ia hendaklah mengelaskan semula amaun yang tidak dijangka akan diperoleh daripada aset bersih/ekuiti ke dalam lebihan atau kurangan.**

- (b) Menyingkirkan laba dan rugi berkaitan yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti menurut perenggan 106, dan memasukkannya ke dalam kos awal atau amaun bawaan lain bagi aset atau liabiliti tersebut.
110. Entiti hendaklah menerima pakai sama ada (a) atau (b) dalam perenggan 109 sebagai dasar perakaunan dan hendaklah mengguna pakai dasar tersebut secara konsisten kepada semua lindung nilai yang berkaitan perenggan 109.
111. Bagi lindung nilai aliran tunai selain yang dirangkumi oleh perenggan 108 dan 109, amaun yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh yang sama atau tempoh semasa aliran tunai apabila aliran tunai lindung tunai ramalan mempengaruhi lebihan atau kurangan (contohnya, apabila jualan ramalan berlaku).
112. Dalam mana-mana keadaan yang berikut, entiti hendaklah tidak meneruskan perakaunan lindung nilai yang dinyatakan dalam perenggan 106 - 111 secara prospektif:
- a. Instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dilaksanakan (bagi tujuan ini, penggantian atau pembaharuan instrumen lindung nilai kepada instrumen lindung nilai lain bukan merupakan tamat tempoh atau penamatan jika penggantian atau pembaharuan tersebut adalah sebahagian daripada strategi lindung nilai entiti yang didokumenkan). Dalam kes ini, laba atau rugi kumulatif bagi instrumen lindung nilai yang kekal diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti daripada tempoh apabila lindung nilai dikuatkuasakan (lihat perenggan 106(a)) hendaklah kekal diiktiraf secara berasingan dalam aset bersih/ekuiti hingga urusan niaga ramalan berlaku. Apabila urusan niaga tersebut berlaku, perenggan 108, 109 atau 111 diguna pakai.
 - b. Lindung nilai tersebut tidak lagi memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai dalam perenggan 98. Dalam kes ini, laba atau rugi kumulatif bagi instrumen lindung nilai yang kekal diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti daripada tempoh apabila lindung nilai dikuatkuasakan (lihat perenggan 106(a)) hendaklah kekal diiktiraf secara berasingan dalam aset bersih/ekuiti hingga urusan niaga ramalan berlaku. Apabila urusan niaga tersebut berlaku, perenggan 108, 109 atau 111 diguna pakai.
 - c. Urusan niaga ramalan tidak lagi dijangka akan berlaku, dalam kes ini apa-apa laba atau rugi kumulatif yang berkaitan bagi instrumen lindung nilai yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti dari tempoh apabila lindung nilai dikuatkuasakan (lihat perenggan 106(a)) hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Urusan niaga ramalan yang tidak lagi mempunyai kebarangkalian tinggi (lihat perenggan 98(c)) mungkin masih dijangka akan berlaku.
 - d. Entiti membatalkan penetapan tersebut. Bagi lindung nilai urusan niaga ramalan, laba atau rugi kumulatif bagi instrumen lindung nilai yang kekal diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti dari tempoh apabila lindung nilai dikuatkuasakan (lihat perenggan 106(a)) hendaklah kekal diiktiraf secara berasingan dalam aset bersih/ekuiti hingga urusan niaga ramalan berlaku atau tidak lagi dijangka akan berlaku. Apabila urusan niaga tersebut berlaku, perenggan 108, 109 atau 111 diguna

pakai. Jika urus niaga tersebut tidak lagi dijangka akan berlaku, laba atau rugi kumulatif yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Lindung Nilai Pelaburan Bersih

113. Lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing, termasuk lindung nilai item monetari yang diperakaunkan sebagai sebahagian daripada pelaburan bersih (lihat MPSAS 4), hendaklah diperakaunkan sama seperti lindung nilai aliran tunai:

- (a) Bahagian laba atau rugi bagi instrumen lindung nilai yang ditentukan sebagai lindung nilai berkesan (lihat perenggan 98) hendaklah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti melalui penyata perubahan aset bersih/ekuiti (lihat MPSAS 1); dan**
- (b) Bahagian tidak berkesan hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.**

Laba atau rugi bagi instrumen lindung nilai yang berkaitan bahagian lindung nilai yang berkesan yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan menurut perenggan 56-57 MPSAS 4 berkaitan pelupusan operasi asing.

Peralihan

114. Piawaian ini hendaklah diguna pakai secara retrospektif kecuali seperti yang dinyatakan dalam perenggan 115-123. Baki awal bagi lebihan atau kurangan terkumpul bagi tempoh terdahulu yang terawal dibentangkan dan semua amaun perbandingan lain hendaklah dilaraskan seolah-olah Piawaian ini sentiasa digunakan melainkan menyatakan semula maklumat tersebut tidak praktikal. Jika penyataan semula tidak dapat dilaksanakan, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan menunjukkan sejauh mana maklumat tersebut telah dinyatakan semula.

115. Apabila Piawaian ini kali pertama diguna pakai, entiti dibenarkan untuk menetapkan aset kewangan, termasuk aset yang mungkin telah diiktiraf sebelum ini, sebagai sedia dijual. Bagi mana-mana aset kewangan tersebut, entiti hendaklah mengiktiraf semua perubahan kumulatif dalam nilai saksama dalam komponen berasingan aset bersih/ekuiti sehingga penyahiktirafan atau penjejasan nilai berikutnya, apabila entiti akan memindahkan laba atau rugi kumulatif tersebut kepada lebihan atau kurangan. Bagi aset kewangan yang diiktiraf sebelum ini, entiti juga hendaklah:

- (a) Menyatakan semula aset kewangan menggunakan penetapan baharu dalam penyata kewangan perbandingan; dan**
- (b) Mendedahkan nilai saksama aset kewangan tersebut pada tarikh penetapan dan pengelasannya serta amaun bawaan dalam penyata kewangan sebelum ini.**

116. Apabila Piawaian ini kali pertama diguna pakai, entiti dibenarkan untuk menetapkan aset kewangan atau liabiliti kewangan, termasuk yang mungkin telah diiktiraf sebelum ini, pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan yang memenuhi kriteria penetapan

dalam perenggan 10, 13, 14, 15, 51, PA7–PA16, PA47 dan PA48. Apabila entiti telah mengiktiraf aset kewangan dan liabiliti kewangan sebelum ini, perkara yang berikut adalah terpakai:

- (a) Tanpa mengambil kira perenggan 111, apa-apa aset kewangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut subperenggan ini yang sebelum ini ditetapkan sebagai item lindung nilai dalam hubungan perakaunan lindung nilai saksama hendaklah dinyahtetapkan daripada hubungan tersebut pada masa yang sama ia ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.
 - (b) Hendaklah mendedahkan nilai saksama bagi apa-apa aset kewangan atau liabiliti kewangan yang ditetapkan menurut subperenggan (a) pada tarikh penetapan serta pengelasannya dan amaun bawaan dalam penyata kewangan sebelum ini.
 - (c) Hendaklah dinyahtetapkan semua apa-apa aset kewangan atau liabiliti kewangan yang sebelum ini ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan jika ia tidak layak bagi penetapan itu menurut perenggan tersebut. Apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan akan diukur pada kos pelunasan selepas dinyahtetapkan, tarikh dinyahtetapkan dianggap sebagai tarikh pengiktirafan awal.
 - (d) Hendaklah mendedahkan nilai saksama apa-apa aset kewangan atau liabiliti kewangan yang dinyahtetapkan menurut subperenggan (c) pada tarikh dinyahtetapkan dan pengelasan baharunya.
117. Entiti hendaklah menyatakan semula penyata kewangan perbandingan menggunakan penetapan baharu dalam perenggan 116 dengan syarat, dalam kes aset kewangan, liabiliti kewangan atau sekumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya, ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, item atau kumpulan tersebut telah memenuhi kriteria dalam perenggan 10(b)(i), 10(b)(ii), atau 13 pada permulaan tempoh perbandingan atau, jika diperoleh selepas permulaan tempoh perbandingan, telah memenuhi kriteria dalam perenggan 10(b)(i), 10(b)(ii), atau 13 pada tarikh pengiktirafan awal.
118. Kecuali seperti yang dibenarkan dalam perenggan 119, entiti hendaklah mengguna pakai keperluan penyahiktirafan dalam perenggan 17–39 dan perenggan PA51–PA67 dalam Lampiran A secara prospektif. Jika entiti menyahiktiraf aset kewangan di bawah asas perakaunan lain kesan urus niaga yang berlaku sebelum pemakaian Piawaian ini dan aset tersebut tidak akan dinyahiktiraf di bawah Piawaian ini, ia hendaklah tidak mengiktiraf aset tersebut.
119. Tanpa mengambil kira perenggan 118, entiti boleh mengguna pakai keperluan penyahiktirafan dalam perenggan 17–39 dan perenggan PA51–PA67 dalam Lampiran A secara retrospektif dari tarikh yang dipilih oleh entiti, dengan syarat maklumat yang diperlukan untuk mengguna pakai Piawaian ini terhadap aset dan liabiliti yang dinyahiktiraf kesan urus niaga lampau diperoleh pada masa awal perakaunan urus niaga tersebut.

120. Tanpa mengambil kira perenggan 114, entiti boleh menggunakan pakai keperluan dalam ayat terakhir perenggan PA108, dan perenggan PA109, dalam mana-mana cara yang berikut:
- (a) Secara prospektif bagi urus niaga yang dilaksanakan selepas pemakaian Piawaian ini; atau
 - (b) Secara retrospektif dari tarikh yang dipilih oleh entiti, dengan syarat maklumat yang diperlukan untuk menggunakan pakai Piawaian ini terhadap aset dan liabiliti kesan urus niaga lampau diperoleh pada masa awal perakaunan urus niaga tersebut.
121. Entiti tidak boleh melaraskan amaun bawaan aset bukan kewangan dan liabiliti bukan kewangan untuk mengecualikan laba dan rugi yang berkaitan lindung nilai aliran tunai yang termasuk dalam amaun bawaan sebelum permulaan tahun kewangan apabila Piawaian ini kali pertama diguna pakai. Pada permulaan tempoh kewangan apabila Piawaian ini kali pertama diguna pakai, apa-apa amaun yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti bagi lindung nilai komitmen teguh bawah Piawaian ini diperakaunkan sebagai pada lindung nilai saksama hendaklah dikelaskan semula sebagai aset atau liabiliti, kecuali bagi lindung nilai risiko mata wang asing yang terus dianggap sebagai lindung nilai aliran tunai.
122. Jika entiti telah menetapkan sebagai item lindung nilai urus niaga ramalan luar yang:
- (a) Didenominasikan dalam mata wang fungsian entiti yang menjalankan urus niaga tersebut;
 - (b) Menyebabkan pendedahan yang akan memberikan kesan terhadap lebihan atau kekurangan disatukan (iaitu didenominasikan dalam mata wang selain mata wang pembentangan entiti ekonomi); dan
 - (c) Layak untuk perakaunan lindung nilai jika urus niaga tidak didenominasikan dalam mata wang fungsian entiti yang menjalankan urus niaga tersebut;

entiti boleh menggunakan pakai perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan dalam tempoh sebelum tarikh pemakaian kali pertama ayat terakhir dalam perenggan 89 dan perenggan PA133 dan PA134.

123. Entiti tidak perlu menggunakan pakai perenggan PA134 bagi maklumat perbandingan yang berkaitan tempoh sebelum tarikh pemakaian ayat terakhir dalam perenggan 89 dan perenggan PA133.

Tarikh Kuat Kuasa

124. Entiti hendaklah menggunakan pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal digalakkan. Jika entiti menggunakan pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.
125. Entiti hendaklah tidak menggunakan pakai Piawaian sebelum 1 Januari 2017, melainkan ia juga menggunakan pakai MPSAS 28 dan MPSAS 30.

- 125A. **Perenggan 2 dipinda oleh MPSAS 32, *Pengaturan Konsesi Perkhidmatan: Grantor* yang diterbitkan pada Oktober 2011. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut bagi penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas Januari 1, 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Jika entiti mengguna pakai pindaan tersebut bagi tempoh bermula sebelum Januari 1, 2017, ia hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan pada masa yang sama mengguna pakai MPSAS 32, pindaan bagi perenggan 6 dan 42A dalam MPSAS 5, pindaan bagi perenggan 25–27 dan 85B dalam MPSAS 13, pindaan bagi perenggan 5, 7 dan 107C dalam MPSAS 17, dan pindaan bagi perenggan 6 dan 132A dalam MPSAS 31.**
126. Apabila entiti menerima pakai asas perakaunan akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai bagi penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

Lampiran A

Panduan Aplikasi

Lampiran ini ialah bahagian penting MPSAS 29.

Skop (perenggan 2–8)

PA1. Piawaian ini tidak mengubah keperluan berkaitan pelan manfaat pekerja yang mematuhi piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan berkaitan perakaunan dan pelaporan oleh pelan manfaat persaraan dan perjanjian royalti berdasarkan volum jualan atau hasil perkhidmatan yang diperakaunkan menurut MPSAS 9.

Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Entiti Bersekutu dan Usaha Sama

PA2. Kadangkala, entiti mengambil langkah yang dilihat sebagai “pelaburan strategik” dalam instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh entiti lain, dengan niat mewujudkan atau mengekalkan hubungan operasi jangka panjang dengan entiti yang dilaburkannya. Entiti pelabur menggunakan MPSAS 7 untuk menentukan sama ada kaedah perakaunan ekuiti adalah sesuai untuk pelaburan tersebut. Entiti pelabur juga menggunakan MPSAS 8 untuk menentukan sama ada penyatuan berkadar atau kaedah ekuiti sesuai untuk pelaburan tersebut. Jika kaedah ekuiti atau penyatuan berkadar tidak sesuai, entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk pelaburan strategik tersebut.

Kontrak Insurans

PA3. Piawaian ini terpakai untuk aset kewangan dan liabiliti kewangan bagi penanggung insurans, selain hak dan obligasi yang dikecualikan dalam perenggan 2(e) kerana ia timbul daripada kontrak insurans. Walau bagaimanapun, entiti masih mengguna pakai Piawaian ini untuk:

- Kontrak jaminan kewangan, kecuali apabila pengeluar memilih untuk mengolah kontrak tersebut sebagai kontrak insurans menurut MPSAS 28; dan
- Derivatif terkandung yang termasuk dalam kontrak insurans.

Entiti boleh, tetapi tidak dikehendaki untuk mengguna pakai Piawaian ini bagi kontrak insurans lain yang melibatkan pindahan risiko kewangan.

PA4. Kontrak jaminan kewangan mungkin mempunyai pelbagai bentuk perundangan, seperti jaminan, beberapa jenis surat kredit, kontrak mungkir kredit atau kontrak insurans. Pengolahan perakaunan tidak bergantung pada bentuk perundangannya. Senarai di bawah ialah contoh bagi pengolahan yang wajar (lihat perenggan 2(e)):

- (a) Walaupun kontrak jaminan kewangan memenuhi takrif kontrak insurans jika risiko yang dipindahkan adalah signifikan, pengeluar mengguna pakai Piawaian ini. Walau bagaimanapun, entiti boleh memilih, dalam keadaan tertentu, untuk mengolah kontrak jaminan kewangan sebagai kontrak insurans bagi instrumen kewangan menggunakan MPSAS 28 jika sebelum ini pengeluar telah menerima pakai dasar perakaunan yang mengolah kontrak jaminan kewangan sebagai kontrak insurans dan menggunakan

perakaunan yang relevan bagi kontrak insurans, pengeluar boleh memilih untuk mengguna pakai sama ada Piawaian ini atau piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan berkaitan kontrak insurans untuk kontrak jaminan kewangan tersebut. Jika Piawaian ini terpakai, perenggan 45 memerlukan pengeluar untuk mengiktiraf kontrak jaminan kewangan awalnya pada nilai saksama. Jika kontrak jaminan kewangan dikeluarkan kepada pihak yang tidak berkaitan dalam urus niaga tulus yang berdiri sendiri, nilai saksamanya pada permulaan mungkin sama dengan premium yang diterima, melainkan terdapat bukti sebaliknya. Berikutnya, melainkan kontrak jaminan kewangan ditetapkan permulaannya pada nilai saksama melalui lebih atau kurang atau melainkan perenggan 31–39 dan PA62–67 adalah terpakai (apabila pindahan aset kewangan tidak layak untuk penyahiktirafan atau kaedah pelibatan berterusan adalah terpakai), pengeluar mengukurnya pada amaun yang lebih tinggi daripada:

- (i) Amaun yang ditentukan menurut MPSAS 19; dan
 - (ii) Amaun yang pada awalnya diiktiraf tolak, apabila berkenaan, pelunasan kumulatif yang diiktiraf menurut MPSAS 9 (lihat perenggan 49(c)).
- (b) Sesetengah jaminan berkaitan kredit tidak, sebagai prasyarat pembayaran memerlukan pemegang didedahkan kepada, dan telah menanggung kerugian akibat kegagalan penghutang untuk membuat pembayaran bagi aset yang dijamin apabila perlu dibayar. Contoh bagi jaminan tersebut ialah jaminan yang memerlukan pembayaran sebagai tindak balas kepada perubahan dalam penarafan kredit atau indeks kredit tertentu. Jaminan tersebut bukan kontrak jaminan kewangan, seperti yang ditakrifkan dalam Piawaian ini, dan bukan kontrak insurans. Jaminan tersebut ialah derivatif dan pengeluar mengguna pakai Piawaian ini terhadapnya.
- (c) Jika kontrak jaminan kewangan dikeluarkan berhubung jualan barangan, pengeluar mengguna pakai MPSAS 9 untuk menentukan apabila ia mengiktiraf hasil daripada jaminan dan daripada jualan barangan.

PA5. Sesetengah kontrak memerlukan bayaran berdasarkan pemboleh ubah iklim, geologi atau fizikal lain. (Bayaran berdasarkan pemboleh ubah iklim kadangkala dirujuk sebagai “derivatif cuaca”). Jika kontrak tersebut bukan kontrak insurans, kontrak tersebut berada dalam skop Piawaian ini.

Hak dan Obligasi yang Timbul daripada Urus Niaga Hasil Bukan Tukaran

PA6. Hak dan obligasi (aset dan liabiliti) mungkin timbul daripada urus niaga hasil bukan tukaran, sebagai contoh, entiti mungkin menerima tunai daripada agensi multilateral untuk melaksanakan aktiviti tertentu. Apabila pelaksanaan aktiviti tersebut tertakluk kepada syarat, aset dan liabiliti diiktiraf serentak. Apabila aset ialah aset kewangan, ia diiktiraf awalnya diukur menurut MPSAS 23, dan pada awalnya diukur menurut MPSAS 23 dan Piawaian ini. Liabiliti yang pada awalnya diiktiraf akibat syarat yang dikenakan terhadap penggunaan aset berada di luar skop Piawaian ini dan dibincangkan dalam MPSAS 23. Selepas pengiktirafan awal, jika keadaan menunjukkan bahawa pengiktirafan liabiliti menurut MPSAS 23 tidak lagi berkenaan, entiti mempertimbangkan sama ada liabiliti kewangan perlu diiktiraf menurut Piawaian ini. Liabiliti lain yang mungkin timbul daripada urus niaga hasil bukan tukaran

diiktiraf dan diukur menurut Piawaian ini jika ia memenuhi takrif liabiliti kewangan dalam MPSAS 28.

Takrif (perenggan 9 dan 10)

Penetapan sebagai pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Kurangan

- PA7. Perenggan 10 Piawaian ini membenarkan entiti untuk menetapkan aset kewangan, liabiliti kewangan, atau sekumpulan instrumen kewangan (aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya) sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan dengan syarat tindakan sedemikian menyebabkan maklumat yang lebih relevan diperoleh.
- PA8. Keputusan entiti untuk menetapkan aset kewangan atau liabiliti kewangan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan adalah serupa dengan pilihan dasar perakaunan (walau bagaimanapun, tidak seperti pilihan dasar perakaunan, ia tidak perlu diguna pakai secara konsisten bagi semua urusan niaga yang serupa). Apabila entiti mempunyai pilihan tersebut, perenggan 17(b) MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan* memerlukan dasar yang dipilih akan menghasilkan penyata kewangan yang menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan tentang kesan urusan niaga, peristiwa dan keadaan lain bagi kedudukan kewangan, prestasi kewangan atau aliran tunai entiti. Dalam kes penetapan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, perenggan 10 menerangkan dua keadaan apabila keperluan untuk maklumat yang lebih relevan akan dipenuhi. Oleh itu, untuk memilih penetapan tersebut menurut perenggan 10, entiti perlu menunjukkan bahawa ia berada dalam salah satu (atau kedua-dua) keadaan ini.

Perenggan 10(b)(i): Penetapan Menyingkirkan atau Mengurangkan dengan Ketara Ketaktekalan Pengukuran atau Pengiktirafan yang Mungkin Timbul

- PA9. Menurut MPSAS 29, pengukuran aset kewangan atau liabiliti kewangan dan pengelasan perubahan dalam nilainya yang diiktiraf adalah ditentukan oleh pengelasan item tersebut dan sama ada item tersebut merupakan sebahagian daripada hubungan lindung nilai yang ditetapkan. Keperluan tersebut boleh mewujudkan ketaktekalan pengukuran atau pengiktirafan (kadang-kala dirujuk sebagai “ketakpadanan perakaunan”) apabila, sebagai contoh, ketiadaan penetapan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, aset kewangan akan dikelaskan sebagai sedia dijual (dengan kebanyakan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti) dan liabiliti berkaitan yang entiti pertimbangkan akan diukur pada kos pelunasan (dengan perubahan dalam nilai saksama yang tidak diiktiraf). Dalam keadaan tersebut, entiti boleh menyimpulkan bahawa penyata kewangannya akan menyediakan maklumat yang lebih relevan jika aset dan liabiliti dikelaskan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.
- PA10. Contoh yang berikut menunjukkan bila syarat ini boleh dipenuhi. Dalam semua kes, entiti boleh menggunakan syarat ini untuk menetapkan aset kewangan atau liabiliti kewangan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan hanya jika ia memenuhi prinsip dalam perenggan 10(b)(i).
- (a) Entiti mempunyai liabiliti yang aliran tunainya secara kontrak adalah berdasarkan prestasi aset yang sebaliknya akan dikelaskan sebagai sedia dijual. Sebagai contoh, penginsurans mungkin mempunyai liabiliti yang mengandungi ciri-ciri penyertaan budi

bicara yang membayar manfaat berdasarkan pulangan pelaburan direalisasi dan/atau belum direalisasi bagi kumpulan aset khusus penginsurans. Jika pengukuran liabiliti tersebut menunjukkan harga pasaran semasa, pengelasan aset sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan bermaksud perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh yang sama dengan perubahan nilai liabiliti yang berkaitan.

- (b) Entiti mempunyai liabiliti di bawah kontrak insurans yang pengukurannya merangkumi maklumat semasa, dan aset kewangan yang dianggap berkaitan yang sebaliknya dikelaskan sebagai sedia dijual atau diukur pada kos pelunasan.
 - (c) Entiti mempunyai aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya yang berkongsi risiko, seperti risiko kadar faedah, yang menimbulkan perubahan bertentangan dalam nilai saksama yang cenderung untuk mengofset satu sama lain. Walau bagaimanapun, hanya beberapa instrumen akan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan (iaitu, merupakan derivatif, atau dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan). Selain itu, mungkin juga terdapat situasi apabila keperluan perakaunan lindung nilai tidak dipenuhi, sebagai contoh disebabkan keperluan bagi keberkesanan dalam perenggan 98 tidak dipenuhi.
 - (d) Entiti mempunyai aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya yang berkongsi risiko, seperti risiko kadar faedah, yang menimbulkan perubahan bertentangan dalam nilai saksama yang cenderung untuk mengofset satu sama lain dan entiti tidak layak untuk perakaunan lindung nilai kerana tiada sebarang instrumen derivatif. Tambahan pula, dengan ketiadaan perakaunan lindung nilai, terdapat ketaktekaln yang signifikan dalam pengiktirafan laba dan rugi. Sebagai contoh:
 - (i) Entiti telah membiayai portfolio aset kadar tetap yang sebaliknya dikelaskan sebagai sedia dijual dengan kadar debentur tetap yang perubahan dalam nilai saksamanya cenderung untuk mengofset satu sama lain. Pelaporan kedua-dua aset dan debentur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan membetulkan ketaktekaln yang sebaliknya timbul daripada pengukuran aset pada nilai saksama dengan perubahan dilaporkan dalam aset bersih/ekuiti dan debentur pada kos pelunasan.
 - (ii) Entiti telah membiayai sekumpulan pinjaman khusus dengan menerbitkan bon yang diniagakan, yang perubahan dalam nilai saksamanya cenderung untuk mengofset satu sama lain. Jika, sebagai tambahan, entiti kerap membeli dan menjual bon tersebut tetapi jarang, jika pernah, membeli atau menjual pinjaman tersebut, pelaporan kedua-dua pinjaman dan bon pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menyingkirkan ketaktekaln dalam pemasaan pengiktirafan laba dan rugi yang sebaliknya diakibatkan oleh pengukuran kedua-duanya pada kos pelunasan dan pengiktirafan laba atau rugi setiap kali bon dibeli semula.
- PA11. Dalam kes seperti yang diterangkan dalam perenggan sebelum ini, untuk menetapkan, pada pengiktirafan awal, aset kewangan dan liabiliti kewangan yang sebaliknya tidak diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan mungkin menyingkirkan atau mengurangkan dengan signifikan ketaktekaln pengukuran atau pengiktirafan dan menghasilkan maklumat

yang lebih relevan. Bagi tujuan praktikal, entiti tidak perlu mengiktiraf semua aset dan liabiliti yang menyebabkan ketaktekalan pengukuran atau pengiktirafan yang berlaku serentak. Penangguhan yang munasabah adalah dibenarkan dengan syarat setiap urus niaga ditetapkan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan pada pengiktirafan awalnya dan, pada masa tersebut, apa-apa baki urus niaga dijangka akan berlaku.

- PA12. Penetapan hanya beberapa aset kewangan dan liabiliti kewangan yang menimbulkan ketaktekalan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan adalah tidak boleh diterima, sekiranya dengan berbuat demikian tidak akan menyingkirkan atau mengurangkan ketaktekalan dengan signifikan, dan oleh itu tidak akan menyebabkan maklumat lebih relevan diperolehi. Walau bagaimanapun, penetapan hanya beberapa aset kewangan dan liabiliti kewangan yang serupa adalah diterima jika dengan berbuat sedemikian menyebabkan pengurangan yang signifikan dicapai (dan mungkin pengurangan yang lebih besar berbanding penetapan lain yang dibenarkan) dalam ketaktekalan tersebut. Sebagai contoh, andaikan entiti mempunyai beberapa liabiliti kewangan yang serupa yang berjumlah RM100¹ dan beberapa aset kewangan yang serupa yang berjumlah RM50 tetapi diukur pada asas berlainan. Entiti mungkin mengurangkan ketaktekalan dalam pengukuran dengan signifikan dengan menetapkan pada pengiktirafan awal semua aset tetapi hanya beberapa daripada liabiliti tersebut (contohnya, liabiliti individu dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM45) pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Walau bagaimanapun, oleh sebab penetapan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan hanya boleh diguna pakai terhadap keseluruhan instrumen kewangan, entiti dalam contoh ini hendaklah menetapkan satu atau lebih liabiliti pada keseluruhannya. Entiti tidak boleh menetapkan sama ada komponen dalam liabiliti (contohnya, perubahan dalam nilai yang berkaitan disebabkan oleh satu risiko, seperti perubahan dalam kadar faedah tanda aras) atau bahagian (iaitu peratusan) dalam liabiliti.

Perenggan 10(b)(ii): Sekumpulan Aset Kewangan, Liabiliti Kewangan atau Kedua-duanya yang Diuruskan dan Prestasinya Dinilai pada Asas Nilai Saksama, menurut Strategi Pengurusan Risiko atau Pelaburan yang Didokumenkan

- PA13. Entiti boleh menguruskan dan menilai prestasi sekumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya dalam cara yang selaras dengan pengukuran kumpulan tersebut pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan dapat menghasilkan maklumat yang lebih relevan. Dalam keadaan ini, tumpuan diberikan pada cara entiti menguruskan dan menilai prestasi, dan bukan pada sifat instrumen kewangan tersebut.
- PA14. Contoh yang berikut menunjukkan bila syarat ini boleh dipenuhi. Dalam semua kes, entiti boleh menggunakan syarat ini untuk ditetapkan sebagai aset kewangan atau liabiliti kewangan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan hanya jika ia memenuhi prinsip dalam perenggan 10(b)(ii).
- (a) Entiti ialah organisasi pengusaha niaga modal, dana bersama, unit amanah atau entiti yang serupa yang perniagaannya adalah membuat pelaburan dalam aset kewangan dengan tujuan mendapatkan keuntungan daripada keseluruhan pulangannya dalam bentuk faedah, dividen atau pengagihan yang serupa dan perubahan dalam nilai saksama. MPSAS 7 dan MPSAS 8 membenarkan pelaburan tersebut dikecualikan daripada skopnya dengan syarat ia diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau

¹ Dalam Piawaian ini, amaun monetari didenominasikan dalam “Ringgit Malaysia” (RM).

kurangan. Entiti boleh mengguna pakai dasar perakaunan yang sama bagi pelaburan lain yang diuruskan pada asas pulangan menyeluruh tetapi pengaruh ke atasnya tidak mencukupi untuk ia berada dalam skop MPSAS 7 atau MPSAS 8.

- (b) Entiti mempunyai aset kewangan dan liabiliti kewangan yang berkongsi satu atau lebih risiko dan risiko tersebut diuruskan dan dinilai pada asas nilai saksama menurut dasar pengurusan aset dan liabiliti yang didokumenkan. Contohnya, boleh jadi entiti yang telah menerbitkan “produk berstruktur” yang mengandungi beberapa derivatif terkandung dan menguruskan risiko yang timbul pada asas nilai saksama menggunakan campuran instrumen kewangan derivatif dan bukan derivatif. Contoh yang serupa ialah entiti yang mewujudkan pinjaman kadar faedah tetap dan menguruskan risiko kadar faedah tanda aras yang timbul menggunakan instrumen kewangan derivatif dan bukan derivatif.
- (c) Entiti ialah penginsurans yang memegang portfolio aset kewangan, menguruskan portfolio tersebut untuk memaksimumkan pulangan menyeluruhnya (iaitu, faedah, dividen atau pengagihan yang serupa dan perubahan dalam nilai saksama), dan menilai prestasinya pada asas tersebut. Portfolio tersebut mungkin dipegang untuk menyokong liabiliti tertentu, aset bersih/ekuiti atau kedua-duanya. Jika portfolio tersebut dipegang untuk menyokong liabiliti tertentu, syarat dalam perenggan 10(b)(ii) mungkin dipenuhi bagi aset tersebut tanpa mengira sama ada penginsurans juga menguruskan dan menilai liabiliti pada asas nilai saksama. Syarat dalam perenggan 10(b)(ii) mungkin dipenuhi apabila objektif penginsurans adalah untuk memaksimumkan pulangan menyeluruh daripada aset bagi tempoh yang lebih panjang walaupun amaun jika dibayar kepada pemegang kontrak sertaan bergantung pada faktor lain seperti amaun untung yang direalisasikan dalam tempoh yang lebih pendek (contohnya, setahun) atau tertakluk kepada budi bicara penginsurans.

PA15. Seperti yang dinyatakan di atas, syarat ini bergantung pada cara entiti menguruskan dan menilai prestasi sekumpulan instrumen kewangan yang dipertimbangkan. Sewajarnya, (tertakluk kepada keperluan penetapan pada pengiktirafan awal) entiti yang menetapkan instrumen kewangan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan pada asas syarat ini hendaklah menetapkan semua instrumen kewangan yang layak yang diuruskan dan dinilai bersama.

PA16. Dokumentasi bagi strategi entiti tidak perlu ekstensif tetapi hendaklah mencukupi untuk menunjukkan pematuhan terhadap perenggan 10(b)(ii). Dokumentasi tersebut tidak diperlukan bagi setiap item individu, tetapi mungkin boleh dibuat pada asas portfolio. Sebagai contoh, jika sistem pengurusan prestasi dalam entiti seperti yang diluluskan oleh personel pengurusan utama entiti – dengan jelas menunjukkan prestasinya dinilai pada asas pulangan menyeluruh, tiada dokumentasi selanjutnya diperlukan untuk menunjukkan pematuhan terhadap perenggan 10(b)(ii).

Kadar Faedah Efektif

PA17. Dalam sesetengah kes, aset kewangan diperolehi pada diskaun tinggi yang menunjukkan kerugian kredit yang ditanggung. Entiti memasukkan kerugian kredit tersebut dalam aliran tunai yang dianggarkan semasa mengira kadar faedah efektif.

- PA18. Apabila mengguna pakai kaedah faedah berkesan, entiti secara umumnya melunaskan apa-apa fi, mata yang dibayar atau diterima, kos urus niaga dan premium atau diskaun lain yang termasuk dalam pengiraan kadar faedah berkesan sepanjang hayat jangkaan instrumen. Walau bagaimanapun, tempoh yang lebih pendek digunakan jika ia merupakan tempoh yang berkaitan fi, mata yang dibayar atau diterima, kos urus niaga, premium atau diskaun. Perkara ini berlaku apabila pemboleh ubah yang berkaitan fi, mata yang dibayar atau diterima, kos urus niaga, premium atau diskaun ditentukan semula harga kepada kadar pasaran sebelum instrumen dijangka matang. Dalam kes tersebut, tempoh pelunasan yang sewajarnya ialah tempoh bagi tarikh penentuan harga semula yang seterusnya. Sebagai contoh, jika premium atau diskaun bagi instrumen kadar terapung menunjukkan faedah yang terakru pada instrumen sejak pembayaran terakhir faedah, atau perubahan dalam kadar pasaran sejak kadar faedah terapung diset semula kepada kadar pasaran, ia akan dilunaskan pada tarikh seterusnya apabila faedah terapung diset semula kepada kadar pasaran. Hal ini kerana premium atau diskaun adalah berkait dengan tempoh bagi tarikh set semula faedah yang seterusnya kerana, pada tarikh tersebut, pemboleh ubah yang berkaitan premium atau diskaun (iaitu kadar faedah) diset semula kepada kadar pasaran. Walau bagaimanapun, jika premium atau diskaun adalah disebabkan perubahan spread kredit atas kadar terapung yang dinyatakan dalam instrumen, atau pemboleh ubah lain yang tidak diset semula kepada kadar pasaran, ia perlu dilunaskan sepanjang hayat jangkaan instrumen tersebut.
- PA19. Bagi aset kewangan kadar terapung dan liabiliti kewangan kadar terapung, anggaran semula aliran tunai secara berkala untuk menunjukkan pergerakan dalam kadar faedah pasaran mengubah kadar faedah berkesan. Jika aset kewangan kadar terapung dan liabiliti kewangan kadar terapung pada awalnya diiktiraf pada amaun yang sama dengan prinsipal yang belum terima atau belum bayar semasa matang, anggaran semula bayaran faedah masa hadapan biasanya tidak mempunyai kesan signifikan terhadap amaun bawaan aset dan liabiliti tersebut.
- PA20. Jika entiti menyemak semula anggaran bayaran atau terimaannya, entiti hendaklah membetulkan amaun bawaan bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan (atau sekumpulan instrumen kewangan) untuk menunjukkan anggaran aliran tunai sebenar dan disemak semula. Entiti mengira semula amaun bawaan dengan mengira nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan pada kadar faedah berkesan asal bagi instrumen kewangan tersebut atau, apabila berkenaan, kadar faedah berkesan yang disemak semula yang dikira menurut perenggan 103. Pelarasan diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan sebagai hasil atau belanja. Jika aset kewangan dikelaskan semula menurut perenggan 55, 57 atau 58, dan entiti kemudiannya meningkatkan anggarannya bagi terimaan tunai masa hadapan akibat peningkatan kebolehpulihan terimaan tunai tersebut, kesan bagi peningkatan tersebut hendaklah diiktiraf sebagai pelarasan kepada kadar faedah berkesan dari tarikh perubahan anggaran dan bukan sebagai pelarasan kepada amaun bawaan aset pada tarikh perubahan anggaran.

Derivatif

- PA21. Contoh biasa bagi derivatif ialah kontrak hadapan dan masa depan, swap dan opsiyen. Derivatif biasanya mempunyai amaun nosional, iaitu amaun mata wang, bilangan saham, bilangan unit berat atau isipadu atau unit lain yang dinyatakan dalam kontrak. Walau bagaimanapun, instrumen derivatif tidak memerlukan pemegang atau penulis untuk membuat pelaburan atau menerima amaun nosional semasa permulaan kontrak. Sebagai alternatif,

derivatif mungkin memerlukan bayaran tetap atau bayaran bagi amaun yang boleh berubah (tetapi tidak berkadar langsung dengan perubahan sandaran) sebagai kesan beberapa peristiwa masa hadapan yang tidak berkait dengan amaun nosional. Sebagai contoh, sesebuah kontrak mungkin memerlukan bayaran tetap sebanyak RM1,000² jika kadar enam bulan antara bank yang ditawarkan meningkat sebanyak 100 mata asas. Kontrak tersebut ialah derivatif walaupun amaun nosional tidak dinyatakan.

- PA22. Takrifan bagi derivatif dalam Piawaian ini termasuk kontrak yang diselesaikan secara kasar melalui penyerahan item sandaran (contohnya, kontrak hadapan untuk membeli instrumen hutang kadar tetap). Entiti boleh mempunyai kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan yang boleh diselesaikan secara tunai bersih atau instrumen kewangan lain atau dengan menukar instrumen kewangan (contohnya, kontrak untuk membeli atau menjual komoditi pada harga tetap pada tarikh masa hadapan). Kontrak tersebut adalah di bawah skop Piawaian ini melainkan ia ditandatangani dan terus dipegang bagi tujuan penyerahan item bukan kewangan menurut keperluan pembelian, jualan atau penggunaan entiti yang dijangka (lihat perenggan 4-6).
- PA23. Satu daripada ciri khusus bagi derivatif ialah ia mempunyai pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan bagi jenis kontrak lain yang dijangkakan mempunyai respon yang serupa kepada perubahan dalam faktor pasaran. Kontrak opsyen memenuhi takrif tersebut kerana premiumnya kurang daripada pelaburan yang diperlukan untuk mendapatkan instrumen kewangan sandaran yang mempunyai kaitan dengan opsyen tersebut. Swap mata wang yang memerlukan pertukaran awal mata wang yang berbeza pada nilai yang sama memenuhi takrif kerana ia mempunyai pelaburan awal bersih yang sifar.
- PA24. Belian atau jualan cara biasa menimbulkan komitmen harga tetap di antara tarikh perdagangan dan tarikh penyelesaian yang memenuhi takrifan derivatif. Walau bagaimanapun, disebabkan tempoh komitmen yang pendek, ia tidak diiktiraf sebagai instrumen kewangan derivatif. Sebaliknya, Piawaian ini memperuntukkan perakaunan khas bagi kontrak cara biasa tersebut (lihat perenggan 40 dan PA68-PA71).
- PA25. Takrifan derivatif merujuk pemboleh ubah bukan kewangan yang tidak khusus kepada pihak dalam kontrak. Hal ini termasuk indeks kerugian gempa bumi di rantau tertentu dan indeks suhu di bandar tertentu. Pemboleh ubah bukan kewangan yang khusus kepada pihak dalam kontrak termasuk kebakaran yang berlaku atau tidak berlaku yang merosakkan atau memusnahkan aset pihak dalam kontrak. Perubahan dalam nilai saksama bagi aset bukan kewangan adalah khusus kepada pemilik jika nilai saksama bukan sahaja menunjukkan perubahan dalam harga pasaran bagi aset tersebut (pemboleh ubah kewangan) tetapi juga keadaan bagi aset bukan kewangan tertentu yang dipegang (pemboleh ubah bukan kewangan). Sebagai contoh, jika jaminan nilai sisa bagi kereta tertentu mendedahkan penjamin kepada risiko perubahan keadaan fizikal kereta tersebut, perubahan dalam nilai sisa tersebut adalah khusus kepada pemilik kereta.

Kos Urus Niaga

- PA26. Kos urus niaga termasuk fi dan komisen yang dibayar kepada ejen (termasuk pekerja yang

² Dalam Piawaian ini, amaun monetari didenominasikan dalam "Ringgit Malaysia" (RM).

bertindak sebagai ejen penjual), penasihat, broker dan peniaga, levi oleh agensi kawal selia dan tukaran sekuriti, dan pindahan cukai dan duti. Kos urus niaga tidak termasuk premium hutang atau diskaun, kos pembiayaan, atau kos pentadbiran dalaman atau kos pemegang.

Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan Dipegang untuk Dagangan

PA27. Dagangan umumnya menunjukkan belian dan jualan aktif dan kerap, dan instrumen kewangan yang dipegang untuk dagangan biasanya digunakan dengan tujuan menjana keuntungan daripada turun naik harga atau margin peniaga untuk jangka pendek.

PA28. Liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk:

- (a) Liabiliti derivatif yang tidak diakaunkan sebagai instrumen lindung nilai;
- (b) Obligasi untuk menyerahkan aset kewangan yang dipinjam oleh penjual singkat (iaitu, entiti yang menjual aset kewangan yang dipinjam dan belum dimiliki);
- (c) Liabiliti kewangan yang ditanggung dengan niat untuk membelinya semula dalam tempoh terdekat (contohnya, instrumen hutang disebut yang mungkin dibeli semula oleh pengeluar dalam tempoh terdekat bergantung pada perubahan dalam nilai saksamanya); dan
- (d) Liabiliti kewangan yang merupakan sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan dikenal pasti yang diuruskan bersama dan terdapat bukti terkini corak pengambilan keuntungan jangka pendek.

Fakta bahawa liabiliti digunakan untuk membiayai aktiviti perdagangan tidak dengan sendirinya menyebabkan liabiliti tersebut dipegang untuk dagangan.

Pelaburan Dipegang Hingga Matang

PA29. Entiti tidak mempunyai niat positif untuk memegang hingga matang sesuatu pelaburan dalam aset kewangan dengan kematangan tetap jika:

- (a) Entiti berniat untuk memegang aset kewangan bagi satu tempoh yang tidak ditentukan;
- (b) Entiti bersedia untuk menjual aset kewangan (selain daripada jika sesuatu keadaan timbul yang tidak berulang dan tidak dijangka secara munasabah oleh entiti) sebagai respon kepada perubahan dalam kadar faedah atau risiko pasaran, keperluan kecairan, perubahan dalam ketersediaan dan hasil pelaburan alternatif, perubahan dalam sumber kewangan dan terma atau perubahan dalam risiko mata wang asing; atau
- (c) Pengeluar berhak untuk menyelesaikan aset kewangan pada amaun yang secara signifikannya rendah daripada kos terlunas.

PA30. Instrumen hutang yang mempunyai kadar faedah berubah boleh memenuhi kriteria bagi pelaburan dipegang hingga matang. Instrumen ekuiti tidak boleh menjadi pelaburan dipegang hingga matang sama ada kerana instrumen mempunyai hayat yang tidak dapat ditentukan (seperti saham biasa) atau kerana amaun yang diterima oleh pemegang boleh diterima melalui pelbagai cara yang tidak ditetapkan terlebih dahulu (seperti opsyen saham, waran dan hak

yang serupa). Berkenaan dengan takrifan pelaburan dipegang hingga matang, bayaran tetap atau yang boleh ditentukan dan kematangan tetap bermaksud perjanjian berkontrak mentakrifkan amaun dan tarikh bayaran kepada pemegang, seperti bayaran faedah dan prinsipal. Risiko yang signifikan bagi tiada pembayaran tidak menghalang pengelasan aset kewangan sebagai pelaburan dipegang hingga matang selagi bayaran berkontraknya tetap atau boleh ditentukan dan kriteria lain untuk pengelasan tersebut dipenuhi. Jika terma instrumen hutang kekal disediakan bagi bayaran faedah dalam tempoh yang tidak dapat ditentukan, instrumen tidak boleh dikelaskan sebagai dipegang hingga matang kerana tiada tarikh matang.

- PA31. Kriteria untuk pengelasan sebagai pelaburan dipegang hingga matang dipenuhi bagi aset kewangan yang boleh panggil oleh pengeluar jika pemegang berniat dan mampu untuk memegangnya sehingga pelaburan dipanggil atau hingga matang dan pemegang boleh mendapatkan semula sebahagian besar amaun bawaannya. Opsyen panggil pengeluar, jika digunakan, hanya mempercepatkan kematangan aset. Walau bagaimanapun, jika aset kewangan boleh panggil pada asas yang akan memberi kesan kepada pemegang tidak boleh mendapatkan semula sebahagian besar amaun bawaannya, aset kewangan tidak boleh dikelaskan sebagai pelaburan dipegang hingga matang. Entiti menganggap mana-mana premium yang dibayar dan kos urus niaga dipermodalkan dalam menentukan sama ada sebahagian besar amaun bawaan boleh didapatkan semula.
- PA32. Aset kewangan yang boleh dijual (contohnya, pemegang berhak menghendaki pengeluar membayar semula atau menebus semula aset kewangan sebelum matang) tidak boleh dikelaskan sebagai pelaburan dipegang hingga matang kerana membayar untuk ciri jual dalam aset kewangan adalah tidak konsisten dengan menyatakan niat untuk memegang aset kewangan sehingga matang.
- PA33. Bagi kebanyakan aset kewangan, nilai saksama merupakan ukuran yang lebih sesuai daripada kos pelunasan. Pengelasan pegang hingga matang merupakan satu pengecualian, tetapi hanya jika entiti mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan sehingga matang. Jika tindakan entiti menyebabkan niat dan keupayaannya untuk memegang pelaburan tersebut sehingga matang diragui, perenggan 10 menghalang penggunaan pengecualian untuk tempoh masa yang munasabah.
- PA34. Senario paling buruk yang mungkin sangat tipis berlaku, seperti permintaan yang mendadak terhadap bank atau keadaan serupa yang menjejaskan syarikat insurans, bukanlah sesuatu yang dinilai oleh entiti dalam membuat keputusan sama ada entiti mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan sehingga matang.
- PA35. Penjualan sebelum matang boleh memenuhi syarat dalam perenggan 10 – dan oleh itu, tidak timbul persoalan tentang niat entiti untuk memegang pelaburan lain sehingga matang – jika berpunca daripada mana-mana yang berikut:
- (a) Kemerosotan yang signifikan terhadap kepercayaan kredit pengeluar. Contohnya, jualan yang diikuti dengan penurunan penarafan kredit oleh agensi penarafan luar tidak semestinya menimbulkan persoalan tentang niat entiti untuk memegang pelaburan lain sehingga matang jika penurunan tersebut memberikan bukti kemerosotan yang signifikan terhadap kepercayaan kredit pengeluar yang diadili dengan merujuk kepada penarafan kredit pada pengiktirafan awal. Begitu juga, jika entiti menggunakan

penarafan dalaman untuk menaksir pendedahan, perubahan dalam penarafan dalaman tersebut boleh membantu untuk mengenal pasti pengeluar yang mempunyai kemerosotan yang signifikan dalam kepercayaan kredit, dengan syarat pendekatan yang diambil oleh entiti untuk melantik penarafan dalaman dan perubahan dalam penarafan tersebut memberikan pengukuran yang konsisten, boleh dipercayai dan objektif terhadap kualiti kredit pengeluar. Jika terdapat bukti aset kewangan terjejas (lihat perenggan 67 dan 68), kemerosotan terhadap kepercayaan kredit selalunya dianggap sebagai signifikan.

- (b) Perubahan dalam undang-undang cukai yang menyingkirkan atau menurunkan dengan signifikan status pengecualian cukai terhadap faedah pelaburan dipegang hingga matang (tetapi bukan perubahan dalam undang-undang cukai yang menyamak kadar cukai sut yang diguna pakai untuk hasil faedah).
 - (c) Penggabungan entiti utama atau pelupusan utama (seperti jualan segmen yang memerlukan jualan atau pindahan pelaburan dipegang hingga matang untuk mengekalkan kedudukan risiko kadar faedah sedia ada atau dasar risiko kredit entiti (walaupun penggabungan entiti merupakan perkara dalam kawalan entiti, perubahan dalam portfolio pelaburannya dalam mengekalkan kedudukan risiko kadar faedah atau dasar risiko kredit boleh berlanjutan daripada yang dijangka).
 - (d) Perubahan dalam keperluan berkanun atau kawal selia yang mengubah suai secara signifikan sama ada apa-apa yang membentuk pelaburan yang dibenarkan atau tahap maksimum pelaburan jenis tertentu, dan dengan itu, menyebabkan entiti melupuskan pelaburan dipegang hingga matang.
 - (e) Peningkatan yang signifikan bagi keperluan modal dalam kawal selia sesuatu industri yang menyebabkan entiti membuat pengecilan dengan menjual pelaburan dipegang hingga matang.
 - (f) Peningkatan yang signifikan dalam wajaran risiko pelaburan dipegang hingga matang digunakan untuk tujuan kawal selia modal berdasarkan risiko.
- PA36. Entiti tidak menunjukkan keupayaan untuk memegang pelaburan hingga matang dalam aset kewangan dengan kematangan tetap jika:
- (a) Entiti tidak mempunyai sumber kewangan sedia ada untuk meneruskan pembiayaan pelaburan sehingga matang; atau
 - (b) Entiti tertakluk kepada undang-undang sedia ada atau kekangan lain yang boleh menghalang niatnya untuk memegang aset kewangan sehingga matang. (Walau bagaimanapun, opsyen beli oleh pengeluar tidak semestinya menghalang niat entiti untuk memegang aset kewangan sehingga matang—lihat perenggan PA31).
- PA37. Keadaan lain yang tidak diterangkan dalam perenggan PA29–PA36 boleh menunjukkan bahawa entiti tidak mempunyai niat positif atau keupayaan untuk memegang pelaburan sehingga matang.
- PA38. Entiti menilai niat dan keupayaannya untuk memegang pelaburan dipegang hingga matang

sehingga matangnya bukan sahaja semasa aset kewangan tersebut pada awalnya diiktiraf, tetapi juga pada hujung setiap tempoh pelaporan berikutnya.

Pinjaman dan Belum Terima

PA39. Apa-apa aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau yang boleh ditentukan (termasuklah aset pinjaman, belum terima, pelaburan dalam instrumen hutang dan deposit dipegang dalam bank) berpotensi memenuhi takrifan pinjaman dan belum terima. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang disebut dalam pasaran aktif (seperti instrumen hutang disebut, lihat perenggan PA103) tidak layak dikelaskan sebagai pinjaman atau belum terima. Aset kewangan yang tidak memenuhi takrifan pinjaman dan belum terima boleh dikelaskan sebagai pelaburan dipegang hingga matang jika aset memenuhi syarat untuk pengelasan tersebut (lihat perenggan 10 dan PA29–PA38). Pada pengiktirafan awal aset kewangan melainkan dikelaskan sebagai pinjaman atau belum terima, entiti boleh menetapkan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan, atau sedia untuk dijual.

Derivatif Terkandung (perenggan 11–13)

PA40. Jika kontrak hos tidak menyatakan atau tidak ditetapkan terlebih dahulu kematangannya dan mewakili faedah sisa bagi aset bersih entiti, maka ciri dan risiko ekonominya merupakan instrumen ekuiti, dan derivatif terkandung perlu mempunyai ciri aset bersih/ekuiti berkaitan dengan entiti yang sama untuk diambil kira sebagai berkait rapat. Jika kontrak hos bukan instrumen ekuiti dan memenuhi takrifan bagi instrumen kewangan, maka ciri dan risiko ekonominya merupakan instrumen hutang.

PA41. Derivatif terkandung bukan opsiyen (seperti kontrak hadapan terkandung atau swap) diasingkan daripada kontrak hosnya berdasarkan syarat hakikinya yang tertulis atau tersirat, supaya memberi kesan ia mempunyai nilai saksama kosong pada pengiktirafan awal. Derivatif terkandung berdasarkan opsiyen (seperti jual, beli, had, lantai, atau tukaran terkandung) diasingkan daripada kontrak hosnya berdasarkan terma yang dinyatakan bagi ciri opsiyen. Amaun bawaan awal bagi instrumen hos ialah amaun sisa selepas mengasingkan derivative terkandung.

PA42. Secara umum, derivatif terkandung pelbagai dalam instrumen tunggal diolah sebagai derivatif terkandung kompaun tunggal. Walau bagaimanapun, derivatif terkandung yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti (lihat MPSAS 28) diperakaunkan secara berasingan daripada yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti. Selain itu, jika instrumen mempunyai lebih daripada satu derivatif terkandung dan derivatif tersebut berkaitan dengan pendedahan risiko yang berbeza dan sedia diasingkan serta bebas daripada satu sama lain, instrumen diperakaunkan secara berasingan antara satu sama lain.

PA43. Ciri dan risiko ekonomi bagi derivatif terkandung tidak berkait rapat dengan kontrak hos (perenggan 12(a)) dalam contoh yang berikut. Dalam contoh ini, diandaikan syarat dalam perenggan 12(b) dan (c) dipenuhi, entiti mengakaunkan derivatif terkandung secara berasingan dengan kontrak hos.

- (a) Opsyen jual yang terkandung dalam instrumen yang membolehkan pemegang memerlukan pengeluar untuk memperoleh semula instrumen bagi amaun tunai atau aset lain yang berubah-ubah pada dasar perubahan ekuiti atau harga atau indeks komoditi

tidak berkait rapat dengan instrumen hutang hos.

- (b) Opsyen beli yang terkandung dalam instrumen ekuiti yang membolehkan pengeluar memperoleh semula instrumen ekuiti pada harga tertentu yang tidak berkait rapat dengan instrumen ekuiti hos daripada perspektif pemegang (daripada perspektif pengeluar, opsiyen beli merupakan instrumen ekuiti dengan syarat, ia memenuhi syarat bagi pengelasan di bawah MPSAS 28, oleh itu ia dikecualikan dari skop Piawaian ini).
- (c) Peruntukan pilihan atau automatik untuk melanjutkan tempoh baki hingga matang bagi instrumen hutang yang tidak berkait rapat dengan instrumen hutang hos melainkan terdapat pelarasan serentak terhadap anggaran kadar faedah pasaran semasa pada masa lanjutan. Jika entiti mengeluarkan instrumen hutang dan pemegang instrumen hutang menulis opsiyen beli bagi instrumen hutang kepada pihak ketiga, pengeluar menganggap opsiyen beli sebagai melanjutkan tempoh hingga matang bagi instrumen hutang dengan syarat, pengeluar boleh dikehendaki untuk terlibat dalam atau memudahkan pemasaran semula instrumen hutang sebagai kesan dari opsiyen jual yang digunakan.
- (d) Faedah indeks ekuiti atau bayaran prinsipal yang terkandung dalam instrumen hutang hos atau kontrak insurans – yang mana amaun faedah atau prinsipal telah diindeks dalam nilai instrumen ekuiti – adalah tidak berkait rapat dengan instrumen hos kerana risiko yang wujud dalam hos dan derivatif terkandung adalah berbeza.
- (e) Faedah indeks-komoditi atau bayaran prinsipal yang terkandung dalam instrumen hutang hos atau kontrak insurans – yang mana amaun faedah atau prinsipal telah diindeks dalam harga komoditi (seperti minyak) adalah tidak berkait rapat dengan instrumen hos kerana risiko yang wujud dalam hos dan derivatif terkandung adalah berbeza.
- (f) Ciri penukaran ekuiti yang terkandung dalam instrumen hutang boleh tukar tidak berkait rapat dengan instrumen hutang hos daripada perspektif pemegang instrumen (daripada perspektif pengeluar, opsiyen penukaran ekuiti merupakan instrumen ekuiti dan oleh itu ia dikecualikan dari skop Piawaian ini dengan syarat, ia memenuhi syarat bagi pengelasan di bawah MPSAS 28).
- (g) Opsyen beli, jual atau bayaran terdahulu yang terkandung dalam kontrak hutang hos atau kontrak insurans hos tidak berkait rapat dengan kontrak hos melainkan harga laksana opsiyen adalah hampir sama dengan setiap tarikh laksana dengan kos pelunasan atas instrumen hutang hos atau amaun bawaan kontrak insurans hos. Daripada perspektif pengeluar instrumen hutang boleh tukar dengan ciri opsiyen jual atau beli terkandung, penilaian sama ada opsiyen beli atau jual adalah berkait rapat dengan kontrak hutang hos dibuat sebelum mengasingkan elemen aset bersih/ekuiti di bawah MPSAS 28.
- (h) Derivatif kredit yang terkandung dalam instrumen hutang hos dan membenarkan satu pihak (“benefisiari”) untuk memindahkan risiko kredit terhadap aset rujukan tertentu, yang mungkin tidak dimiliki, kepada pihak lain (“penjamin”) adalah tidak berkait rapat dengan instrumen hutang hos. Seperti derivatif kredit membenarkan penjamin untuk menanggung risiko kredit berkaitan dengan aset rujukan tanpa memilikinya secara

langsung.

- PA44. Contoh bagi instrumen hibrid ialah instrumen kewangan yang memberikan pemegang satu hak untuk menjual semula instrumen kewangan kepada pengeluar sebagai pertukaran kepada amaun tunai atau aset kewangan lain yang berbeza pada dasar perubahan dalam indeks ekuiti atau komoditi yang mungkin meningkat atau menurun (“instrumen boleh dijual”). Melainkan pengeluar pada pengiktirafan awal menetapkan instrumen boleh dijual sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, ia diperlukan untuk mengasingkan derivatif terkandung (contohnya, bayaran indeks prinsipal) di bawah perenggan 12 kerana kontrak hos merupakan instrumen hutang di bawah perenggan PA40 dan bayaran indeks prinsipal tidak berkait rapat dengan instrumen hutang hos di bawah perenggan PA43(a). Oleh sebab bayaran prinsipal boleh meningkat dan menurun, derivatif terkandung merupakan derivatif bukan opsyen yang nilainya telah diindeks kepada pemboleh ubah sandaran.
- PA45. Dalam kes instrumen boleh dijual yang boleh dijual semula pada bila-bila masa untuk tunai yang setara mengikut kadar saham bagi nilai aset bersih entiti (seperti unit dana bersama terbuka atau beberapa unit berkaitan produk pelaburan), kesan daripada mengasingkan derivatif terkandung dan perakaunan bagi setiap komponen adalah untuk mengukur instrumen gabungan pada amaun penebusan yang boleh dibayar pada akhir tempoh pelaporan sekiranya pemegang menggunakan haknya untuk menjual semula instrumen kepada pengeluar.
- PA46. Ciri dan risiko ekonomi bagi derivatif terkandung berkait rapat dengan ciri dan risiko ekonomi kontrak hos dalam contoh yang berikut. Dalam contoh ini, entiti tidak memperakaunkan derivatif terkandung secara berasingan daripada kontrak hos.
- (a) Derivatif terkandung yang sandarannya ialah kadar faedah atau indeks kadar faedah yang boleh mengubah amaun faedah yang sepatutnya dibayar atau diterima atas kontrak hutang hos dengan faedah atau kontrak insurans berkait rapat dengan kontrak hos melainkan instrumen gabungan boleh diselesaikan dengan cara pemegang tidak akan mendapatkan semula sebahagian besar pelaburannya yang diiktiraf atau derivatif terkandung boleh sekurang-kurangnya menggandakan kadar pulangan awal pemegang terhadap kontrak hos dan boleh memberi kesan dalam kadar pulangan yang sekurang-kurangnya dua kali daripada pulangan pasaran untuk kontrak yang mempunyai terma yang sama seperti kontrak hos.
 - (b) Lantai atau had yang terkandung atas kadar faedah dalam kontrak hutang atau kontrak insurans berkait rapat dengan kontrak hos dengan syarat, had tersebut pada atau melebihi kadar faedah pasaran dan lantai adalah pada atau di bawah kadar faedah pasaran semasa kontrak dikeluarkan, dan had atau lantai tidak berkeumpilan berhubung dengan kontrak hos. Begitu juga dengan peruntukan yang dimasukkan dalam kontrak untuk pembelian atau penjualan aset (contohnya, komoditi) yang menetapkan had dan lantai terhadap harga yang akan dibayar atau diterima bagi aset yang berkait rapat dengan kontrak hos jika kedua-dua had dan lantai tanpa wang pada permulaan atau tidak berkeumpilan.
 - (c) Derivatif mata wang asing terkandung yang menyediakan aliran bayaran prinsipal atau faedah yang didenominasikan dalam mata wang asing dan terkandung dalam instrumen hutang hos (contohnya, bon dwimata wang) berkait rapat dengan instrumen hutang hos.

Derivatif tersebut tidak diasingkan daripada instrumen hos kerana MPSAS 4 menghendaki laba dan rugi mata wang asing dalam item monetari diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

- (d) Derivatif mata wang asing yang terkandung dalam kontrak hos iaitu kontrak insurans atau bukan instrumen kewangan (seperti kontrak untuk pembelian atau penjualan item bukan kewangan yang harganya didenominasikan dalam mata wang asing) berkait rapat dengan kontrak hos dengan syarat, ia tidak berkeumpilan, tidak mempunyai ciri opsyen dan menghendaki bayaran didenominasikan dalam satu daripada mata wang yang berikut:
 - (i) Mata wang fungsian bagi mana-mana pihak berkepentingan dalam kontrak;
 - (ii) Mata wang yang harga berkaitan barangan atau perkhidmatan yang diperoleh atau dihantar secara rutin didenominasikan dalam arus niaga komersial di seluruh dunia (seperti dolar AS untuk arus niaga minyak mentah); atau
 - (iii) Mata wang yang biasanya digunakan dalam kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan dalam persekitaran ekonomi arus niaga dibuat (contohnya, mata wang yang secara relatif stabil dan cair yang biasanya digunakan dalam arus niaga tempatan atau perdagangan luar).
- (e) Opsyen bayaran terdahulu terkandung dalam strip faedah sahaja atau strip prinsipal sahaja berkait rapat dengan kontrak hos dengan syarat, kontrak hos (i) pada awalnya, terhasil daripada mengasingkan hak untuk menerima aliran tunai kontraktual bagi instrumen kewangan yang dalam dan dengan sendirinya tidak mengandungi derivatif terkandung, dan (ii) tidak mengandungi apa-apa terma yang tidak ada dalam kontrak hutang hos asal.
- (f) Derivatif terkandung dalam kontrak pajakan hos berkait rapat dengan kontrak hos jika derivatif terkandung merupakan (i) indeks berkaitan inflasi seperti indeks bayaran pajakan kepada indeks harga pelanggan (dengan syarat, pajakan tidak berkeumpilan dan indeks berkaitan dengan inflasi dalam persekitaran ekonomi entiti tersebut sendiri), (ii) sewaan luar jangka berdasarkan jualan berkaitan, atau (iii) sewaan luar jangka berdasarkan kadar faedah boleh ubah.
- (g) Ciri penyambungan unit yang terkandung dalam instrumen kewangan hos atau kontrak insurans hos berkait rapat dengan instrumen hos atau kontrak hos jika bayaran unit didenominasikan diukur pada nilai unit semasa yang menunjukkan nilai saksama aset dalam dana. Ciri penyambungan unit ialah terma berkontrak yang menghendaki bayaran didenominasikan dalam unit dana pelaburan dalaman atau luaran.
- (h) Derivatif terkandung dalam kontrak insurans berkait rapat dengan kontrak insurans hos jika derivatif terkandung dan kontrak insurans hos sangat saling bergantung, iaitu entiti tidak boleh diukur derivatif terkandung secara berasingan (contohnya, tanpa mengambil kira kontrak hos).

Instrumen Mengandungi Derivatif Terkandung

- PA47. Apabila entiti menjadi pihak kepada instrumen hibrid (gabungan) yang mengandungi satu atau lebih derivatif terkandung, perenggan 12 memerlukan entiti untuk mengenal pasti mana-mana derivatif terkandung tersebut, menilai sama ada ia perlu diasingkan daripada kontrak hos dan, bagi derivatif yang perlu diasingkan, mengukur derivatif pada nilai saksama pada pengiktirafan awal dan berikutnya. Keperluan ini boleh menjadi lebih kompleks, atau memberi kesan kepada ukuran yang kurang dipercayai berbanding mengukur keseluruhan instrumen pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh sebab itu, Piawaian ini membenarkan keseluruhan instrumen ditetapkan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.
- PA48. Penetapan tersebut boleh digunakan sama ada perenggan 12 memerlukan derivatif terkandung diasingkan daripada kontrak hos atau pengasingan tersebut adalah dilarang. Namun begitu, perenggan 13 tidak dijadikan alasan bagi menetapkan instrumen hibrid (gabungan) pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan dalam kes yang dinyatakan dalam perenggan 12(a) dan (b) kerana dengan berbuat demikian tidak akan mengurangkan kerumitan atau meningkatkan kebolehpercayaan.

Pengiktirafan dan Penyahiktirafan (perenggan 16–44)

Pengiktirafan Awal (perenggan 16)


- PA49. Kesan daripada prinsip dalam perenggan 16, entiti mengiktiraf semua hak dan obligasi kontraktualnya di bawah derivatif dalam penyata kedudukan kewangan masing-masing sebagai aset dan liabiliti, kecuali bagi derivatif yang menghalang pindahan aset kewangan daripada diperakaunkan sebagai jualan (lihat perenggan PA64). Jika pindahan aset kewangan tidak layak untuk dinyahiktirafkan, penerima pindahan tidak mengiktiraf aset yang dipindahkan sebagai asetnya (lihat perenggan PA65).
- PA50. Berikut merupakan contoh yang mengguna pakai prinsip dalam perenggan 16:
- (a) Belum terima dan belum bayar tanpa syarat yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti apabila entiti menjadi pihak dalam kontrak dan, kesan daripada itu, mempunyai hak undang-undang untuk menerima atau obligasi undang-undang untuk membayar tunai.
 - (b) Aset yang akan diperoleh dan liabiliti yang akan ditanggung kesan daripada komitmen teguh terhadap pembelian dan penjualan barangan atau perkhidmatan secara umumnya tidak diiktiraf sehingga sekurang-kurangnya satu pihak melaksanakannya di bawah perjanjian. Contohnya, entiti yang menerima pesanan teguh tidak secara umumnya mengiktiraf aset (dan entiti yang membuat pesanan tidak mengiktiraf liabiliti) pada masa komitmen, tetapi sebenarnya, menanggung pengiktirafan sehingga barangan atau perkhidmatan yang dipesan telah dihantar, diterima atau diserahkan. Jika komitmen teguh untuk membeli atau menjual item bukan kewangan dalam skop Piawaian ini di bawah perenggan 4-6, nilai saksama bersihnya diiktiraf sebagai aset atau liabiliti pada tarikh komitmen (lihat (c) di bawah). Selain itu, jika komitmen teguh sebelum ini tidak diiktiraf ditetapkan sebagai item lindung nilai dalam lindung nilai saksama, apa-apa perubahan dalam nilai saksama bersih disebabkan oleh risiko lindung nilai diiktiraf sebagai aset atau liabiliti selepas permulaan lindung nilai (lihat perenggan

104 dan 105).

- (c) Kontrak hadapan dalam skop Piawaian ini (lihat perenggan 2-6) diiktiraf sebagai aset atau liabiliti pada tarikh komitmen, dan bukannya pada tarikh penyelesaian dibuat. Apabila entiti menjadi pihak dalam kontrak hadapan, nilai saksama bagi hak dan obligasi selalunya sama supaya nilai saksama bersih bagi kontrak hadapan adalah kosong. Jika nilai saksama bersih bagi hak dan obligasi tidak kosong, kontrak tersebut diiktiraf sebagai aset atau liabiliti.
- (d) Kontrak opsi dalam skop Piawaian ini (lihat perenggan 2-6) adalah diiktiraf sebagai aset atau liabiliti apabila pemegang atau penulis menjadi pihak dalam kontrak.
- (e) Urus niaga masa hadapan yang dirancang, tanpa mengira kemungkinan, bukan merupakan aset dan liabiliti kerana entiti tidak menjadi pihak dalam kontrak.

Penyahiktirafan Aset Kewangan (perenggan 17–39)

PA51. Carta aliran yang berikut menjelaskan penilaian sama ada dan sejauh mana aset kewangan dinyahiktirafkan.



Pengaturan di bawah Entiti yang Mengekalkan Hak Kontraktual untuk Menerima Aliran Tunai Aset Kewangan, tetapi Mengandaikan Obligasi Kontraktual untuk Membayar Aliran Tunai kepada Satu atau Lebih Penerima (perenggan 20(b))

- PA52. Keadaan yang diterangkan dalam perenggan 20(b) (apabila entiti mengekalkan hak kontraktual untuk menerima aliran tunai aset kewangan, tetapi mengandaikan obligasi kontraktual untuk membayar aliran tunai kepada satu atau lebih penerima) berlaku, sebagai contoh, jika entiti merupakan entiti tujuan khas (SPE) atau amanah, dan dikeluarkan kepada pelabur faedah benefisial dalam aset kewangan sandaran kepunyaannya dan menyediakan perkhidmatan untuk aset kewangan tersebut. Dalam kes ini, aset kewangan layak untuk dinyahiktirafkan jika syarat dalam perenggan 21 dan 22 dipenuhi.
- PA53. Bagi mengguna pakai perenggan 21, entiti boleh menjadi, sebagai contoh, pemegang asal aset kewangan, atau ia boleh menjadi kumpulan yang termasuk SPE disatukan yang memperoleh aset kewangan dan memindahkan aliran tunai kepada pelabur pihak ketiga yang tidak berkaitan.

Penilaian Pindahan Risiko dan Ganjaran Pemilikan (perenggan 22)

- PA54. Contoh apabila entiti memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan ialah:
- (a) Jualan tanpa syarat bagi aset kewangan;
 - (b) Jualan aset kewangan berserta opsiyen untuk membeli semula aset kewangan pada nilai saksamanya semasa pembelian semula; dan
 - (c) Jualan aset kewangan berserta opsiyen jual atau beli tanpa wang besar (contohnya, opsiyen tanpa wang setakat ini, ia sangat tidak berkemungkinan untuk ditukarkan kepada wang sebelum luput).
- PA55. Contoh apabila entiti mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan ialah:
- (a) Urus niaga jualan dan pembelian semula apabila harga pembelian semula merupakan harga tetap atau harga jualan tambah pulangan pemberi pinjaman;
 - (b) Perjanjian pinjaman sekuriti;
 - (c) Jualan aset kewangan berserta jumlah pulangan swap yang memindahkan pendedahan risiko pasaran kembali kepada entiti;
 - (d) Jualan aset kewangan berserta dapatan wang besar atas opsiyen jual atau beli (contohnya, opsiyen yang setakat ini dapatan wang, ia sangat tidak berkemungkinan untuk tanpa wang sebelum luput); dan
 - (e) Jualan belum terima jangka pendek iaitu entiti memberi jaminan untuk membayar pampasan kepada penerima pindahan atas kerugian kredit yang mungkin berlaku.
- PA56. Jika entiti menentukan kesan daripada pindahan, entiti telah memindahkan sebahagian besar

semua risiko dan ganjaran pemilikan aset yang dipindah tersebut, ia tidak mengiktiraf semula aset yang telah dipindahkan pada masa hadapan, melainkan ia memperoleh semula aset yang dipindahkan itu dalam urus niaga baharu.

Penilaian Atas Pindahan Kawalan

- PA57. Entiti tidak mengekalkan kawalan terhadap aset yang telah dipindahkan jika penerima pindahan mempunyai kebolehan praktikal untuk menjual aset yang telah dipindahkan. Entiti mengekalkan kawalan terhadap aset yang telah dipindahkan jika penerima pindahan tidak mempunyai kebolehan praktikal untuk menjual aset yang telah dipindahkan. Penerima pindahan mempunyai kebolehan praktikal untuk menjual aset yang telah dipindahkan jika aset didagangkan dalam pasaran aktif kerana penerima pindahan boleh membeli semula aset yang telah dipindahkan dalam pasaran jika ia perlu memulangkan aset kepada entiti. Contohnya, penerima pindahan mempunyai kebolehan praktikal untuk menjual aset yang telah dipindahkan jika aset yang telah dipindahkan itu tertakluk kepada opsyen yang membenarkan entiti untuk menjualnya semula, tetapi penerima pindahan sedia memperoleh aset yang telah dipindahkan dalam pasaran jika opsyen dilaksanakan. Penerima pindahan tidak mempunyai kebolehan praktikal untuk menjual aset yang telah dipindahkan jika entiti mengekalkan opsyen tersebut dan penerima pindahan tidak sedia memperoleh aset yang telah dipindahkan dalam pasaran jika entiti melaksanakan opsyennya.
- PA58. Penerima pindahan mempunyai kebolehan praktikal untuk menjual aset yang telah dipindahkan sahaja jika penerima pindahan boleh menjual aset yang telah dipindahkan secara keseluruhannya kepada pihak ketiga yang tidak berkaitan dan boleh melaksanakan keupayaan secara unilateral serta tanpa mengenakan sekatan tambahan terhadap pindahan. Persoalan kritikal ialah, adakah penerima pindahan mampu untuk mengamalkannya, bukan apakah hak kontraktual penerima pindahan yang perlu diberi perhatian tentang apa yang boleh dilakukan dengan aset yang telah dipindahkan atau apakah larangan kontraktual yang wujud. Khususnya ialah:
- (a) Hak kontraktual untuk melupuskan aset yang telah dipindahkan yang mempunyai kesan praktikal yang sedikit jika tiada pasaran untuk aset yang telah dipindahkan; dan
 - (b) Kebolehan untuk melupuskan aset yang telah dipindahkan yang mempunyai kesan praktikal yang sedikit jika ia tidak boleh dilaksanakan secara bebas. Bagi tujuan itu:
 - (i) Kebolehan penerima pindahan untuk melupuskan aset yang telah dipindahkan hendaklah merupakan tindakan bebas daripada orang lain (contohnya, ia hendaklah merupakan keupayaan unilateral); dan
 - (ii) Penerima pindahan hendaklah mampu melupuskan aset yang telah dipindahkan tanpa perlu terikat syarat terhadap atau “rentetan” terhadap pindahan (contohnya, syarat tentang cara aset pinjaman dilayan atau opsyen yang memberikan penerima pindahan hak untuk membeli semula aset).
- PA59. Penerima pindahan tidak berkemungkinan untuk menjual aset yang telah dipindahkan dengan sendiri, yang bermaksud bahawa pemindah mengekalkan kawalan terhadap aset yang telah dipindahkan. Walau bagaimanapun, jika opsyen jual atau jaminan mengekang penerima pindahan daripada menjual aset yang telah dipindahkan, dengan itu pemindah mengekalkan

kawalan terhadap aset yang telah dipindahkan. Contohnya, jika opsyen jual atau jaminan bernilai secukupnya, ia mengekang penerima pindahan daripada menjual aset yang telah dipindahkan kerana penerima pindahan akan, mengamalkan, tidak menjual aset yang telah dipindahkan kepada pihak ketiga tanpa menyertakan opsyen atau syarat sekatan lain yang serupa. Sebaliknya, penerima pindahan akan memegang aset yang telah dipindahkan supaya ia memperoleh bayaran di bawah jaminan atau opsyen jual. Dalam keadaan ini, pemindah mengekalkan kawalan terhadap aset yang telah dipindahkan.

Pindahan yang Layak untuk Dinyahiktiraf

- PA60. Entiti boleh mengekalkan hak bagi bahagian bayaran faedah atas aset yang telah dipindahkan sebagai pampasan pelayanan aset tersebut. Bahagian bayaran faedah yang entiti akan lepaskan semasa penamatan atau pindahan kontrak pelayanan diperuntukkan kepada aset pelayanan atau liabiliti pelayanan. Bahagian bayaran faedah yang entiti tidak akan lepaskan ini merupakan belum terima strip faedah sahaja. Contohnya, jika entiti tidak melepaskan apa-apa faedah semasa penamatan atau pindahan kontrak pelayanan, keseluruhan tebaran faedah merupakan belum terima strip faedah sahaja. Bagi tujuan mengguna pakai perenggan 29, nilai saksama bagi aset pelayanan dan belum terima strip faedah sahaja digunakan untuk mengagihkan amaun bawaan belum terima antara bahagian aset yang dinyahiktiraf dan bahagian yang terus diiktiraf. Jika tiada fi pelayanan yang khusus atau fi yang akan diterima adalah tidak dijangka bagi membayar pampasan kepada entiti secukupnya untuk melaksanakan pelayanan, liabiliti bagi obligasi pelayanan diiktiraf pada nilai saksama.
- PA61. Dalam menganggarkan nilai saksama bagi bahagian yang terus diiktiraf dan bahagian yang telah dinyahiktiraf untuk tujuan mengguna pakai perenggan 29, entiti mengguna pakai keperluan pengukuran nilai saksama dalam perenggan 50–52 dan PA101–PA115 sebagai tambahan kepada perenggan 30.

Pindahan yang tidak Layak untuk Dinyahiktiraf

- PA62. Berikut merupakan aplikasi bagi prinsip yang dinyatakan dalam perenggan 31. Jika jaminan diberikan oleh entiti untuk kerugian mungkin bagi aset yang telah dipindahkan menghalang aset yang telah dipindahkan daripada dinyahiktiraf kerana entiti mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan terhadap aset yang telah dipindahkan, aset yang telah dipindahkan terus diiktiraf pada keseluruhannya dan ganjaran yang telah diterima diiktiraf sebagai liabiliti.

Penglibatan Berterusan dalam Aset yang telah Dipindahkan

- PA63. Berikut merupakan contoh cara entiti mengukur aset yang telah dipindahkan dan liabiliti yang berkaitan di bawah perenggan 32.

Semua aset

- (a) Jika jaminan diberikan oleh entiti untuk membayar kerugian mungkin atas aset yang telah dipindahkan menghalang aset yang telah dipindahkan daripada dinyahiktiraf setakat penglibatan berterusan, aset yang telah dipindahkan pada tarikh pindahan diukur pada yang lebih rendah (i) amaun bawaan aset dan (ii) amaun maksimum ganjaran yang diterima dalam pindahan yang entitiv perlu membayar semula (“amaun

jaminan”). Liabiliti yang berkaitan pada awalnya diukur pada amaun jaminan tambah nilai saksama jaminan (yang biasanya ganjaran diterima untuk jaminan). Kemudian, nilai saksama awal bagi jaminan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan pada asas perkadaran masa (lihat MPSAS 9) dan nilai bawaan aset dikurangkan oleh mana-mana kerugian penjejasan nilai.

Aset diukur pada kos terlunas

- (b) Jika obligasi opsyen jual ditulis oleh entiti atau hak opsyen beli yang dipegang oleh entiti menghalang aset yang telah dipindahkan daripada dinyahiktiraf dan entiti mengukur aset yang telah dipindahkan pada kos terlunas, liabiliti yang berkaitan diukur pada kosnya (contohnya, ganjaran diterima) dilaraskan bagi pelunasan apa-apa perbezaan antara kos dengan kos terlunas terhadap aset yang telah dipindahkan pada tarikh luput opsyen. Contohnya, andaikan kos terlunas dan amaun bawaan aset pada tarikh pindahan adalah sebanyak RM98 dan ganjaran diterima adalah sebanyak RM95. Kos terlunas aset pada tarikh laksana opsyen akan menjadi RM100. Amaun bawaan awal bagi liabiliti yang berkaitan adalah sebanyak RM95 dan perbezaan antara RM95 dengan RM100 diiktiraf dalam lebihan atau kurangan menggunakan kaedah faedah berkesan. Jika opsyen dilaksanakan, apa-apa perbezaan antara amaun bawaan bagi liabiliti yang berkaitan dengan harga laksana diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Aset diukur pada nilai saksama

- (c) Jika hak opsyen beli dikekalkan oleh entiti menghalang aset yang telah dipindahkan daripada dinyahiktiraf dan entiti mengukur aset yang telah dipindahkan pada nilai saksama, aset akan terus diukur pada nilai saksama. Liabiliti yang berkaitan diukur pada (i) harga laksana opsyen tolak nilai masa opsyen jika opsyen tersebut ialah opsyen dapatan wang atau pada wang, atau (ii) nilai saksama bagi aset yang telah dipindahkan tolak nilai masa opsyen jika opsyen tersebut ialah opsyen tanpa wang. Pelarasan terhadap pengukuran liabiliti yang berkaitan memastikan amaun bawaan bersih bagi aset dan liabiliti yang berkaitan ialah nilai saksama bagi hak opsyen beli. Contohnya, jika nilai saksama bagi aset sandaran adalah sebanyak RM80, harga laksana opsyen adalah sebanyak RM95 dan nilai masa opsyen adalah sebanyak RM5, amaun bawaan bagi liabiliti yang berkaitan adalah sebanyak RM75 ($RM80 - RM5$) dan amaun bawaan bagi aset yang telah dipindahkan adalah sebanyak RM80 (contoh, nilai saksamanya).
- (d) Jika opsyen jual ditulis oleh entiti menghalang aset yang telah dipindahkan daripada dinyahiktiraf dan entiti mengukur aset yang telah dipindahkan pada nilai saksama, liabiliti yang berkaitan diukur pada harga laksana opsyen tambah nilai masa opsyen. Pengukuran aset pada nilai saksama adalah terhad kepada yang lebih rendah nilai saksama dan harga laksana opsyen kerana entiti tidak mempunyai hak untuk menaikkan nilai saksama aset yang telah dipindahkan melebihi harga laksana opsyen. Ini memastikan bahawa amaun bawaan bersih bagi aset dan liabiliti yang berkaitan merupakan nilai saksama bagi obligasi opsyen jual. Contohnya, jika nilai saksama bagi aset sandaran adalah sebanyak RM120, harga laksana opsyen adalah sebanyak RM100 dan nilai masa opsyen adalah sebanyak RM5, amaun bawaan bagi liabiliti yang berkaitan adalah sebanyak RM105 ($RM100 + RM5$) dan amaun bawaan aset adalah sebanyak RM100 (dalam kes ini ialah harga laksana opsyen).

Jika kolar, dalam keadaan membeli opsi beli dan menulis opsi jual, menghalang aset yang telah dipindahkan daripada dinyahiktiraf dan entiti mengukur aset pada nilai saksama, ia terus mengukur aset pada nilai saksama. Liabiliti yang berkaitan diukur pada (i) jumlah harga laksana beli dan nilai saksama bagi opsi jual tolak nilai masa opsi beli, jika opsi beli dapatan wang atau pada wang, atau (ii) jumlah nilai saksama bagi aset dan nilai saksama bagi opsi jual tolak nilai masa opsi beli jika opsi beli adalah tanpa wang. Pelarasan liabiliti yang berkaitan memastikan amaun bawaan bersih bagi aset dan liabiliti yang berkaitan adalah nilai saksama bagi opsi yang dipegang atau ditulis oleh entiti. Contohnya, andaikan entiti memindahkan aset kewangan yang diukur pada nilai saksama dan pada masa yang sama membeli opsi beli dengan harga laksana sebanyak RM120 dan menulis opsi jual dengan harga laksana sebanyak RM80. Andaikan juga bahawa nilai saksama aset adalah sebanyak RM100 pada tarikh pindahan. Nilai masa bagi jual dan beli masing-masing adalah bernilai RM1 dan RM5. Dalam kes ini, entiti mengiktiraf aset sebanyak RM100 (nilai saksama aset) dan liabiliti sebanyak RM96 [(RM100 + RM1) – RM5]. Ini memberikan nilai aset bersih sebanyak RM4, iaitu nilai saksama opsi yang dipegang dan ditulis oleh entiti.

Semua Pindahan

- PA64. Setakat mana pindahan aset kewangan tidak layak untuk dinyahiktiraf, hak kontraktual dan obligasi pemindah berkait dengan pindahan tidak diperakaunkan secara berasingan sebagai derivatif jika mengiktiraf kedua-dua derivatif dan sama ada aset yang dipindah atau liabiliti yang timbul daripada pindahan tersebut akan memberi kesan dalam mengiktiraf hak dan obligasi yang sama dua kali. Sebagai contoh, opsi beli dikekalkan oleh pemindah boleh menghalang pindahan aset kewangan daripada diperakaunkan sebagai jualan. Dalam kes ini, opsi beli tidak diiktiraf secara berasingan sebagai aset derivatif.
- PA65. Setakat mana pindahan aset kewangan tidak layak untuk dinyahiktiraf, penerima pindahan tidak mengiktiraf aset yang telah dipindahkan sebagai asetnya. Penerima pindahan menyahiktiraf tunai atau ganjaran lain yang dibayar dan mengiktiraf belum terima daripada pemindah. Jika pemindah mempunyai kedua-dua hak dan obligasi untuk memperoleh semula kawalan terhadap keseluruhan aset yang telah dipindahkan pada untuk amaun tetap (seperti di bawah perjanjian pembelian semula), penerima pindahan boleh mengakaunkan belum terimanya sebagai pinjaman atau belum terima.

Contoh

- PA66. Berikut merupakan contoh yang menunjukkan aplikasi prinsip penyahiktirafan dalam Piawaian ini.
- (a) Perjanjian pembelian semula dan pinjaman sekuriti. Jika aset kewangan dijual di bawah perjanjian untuk membelinya semula pada harga tetap atau harga jual tambah pulangan pemberi pinjaman atau jika ia diberi pinjam di bawah perjanjian untuk memulangkannya kepada pemindah, ia tidak dinyahiktiraf kerana pemindah mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan. Jika penerima pindahan memperoleh hak untuk menjual atau menjadikan aset tersebut sebagai sandaran, pemindah mengelaskan semula aset dalam penyata kedudukan kewangannya, contohnya, sebagai aset yang diberi pinjam atau pembelian semula belum terima.
- (b) Perjanjian pembelian semula dan pinjaman sekuriti—aset yang sebahagian besarnya

sama. Jika aset kewangan dijual di bawah perjanjian untuk membeli semula aset yang sama atau sebahagian besar aset yang sama pada harga tetap atau pada harga jual tambah pulangan pemberi pinjaman atau jika aset kewangan dipinjam atau diberi pinjam di bawah perjanjian untuk memulangkan aset yang sama atau sebahagian besar aset yang sama kepada pemindah, ia tidak dinyahiktiraf kerana pemindah mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.

- (c) Perjanjian pembelian semula dan pinjaman sekuriti—hak untuk penggantian. Jika perjanjian pembelian semula pada harga pembelian semula tetap atau harga yang sama dengan harga jual tambah pulangan pemberi pinjaman, atau urus niaga pinjaman sekuriti yang serupa, memberikan penerima pindahan hak untuk menggantikan aset yang serupa dan sama nilai saksama dengan aset yang telah dipindahkan pada tarikh pembelian semula, aset dijual atau diberi pinjam di bawah urus niaga pembelian semula atau pinjaman sekuriti tidak dinyahiktiraf kerana pemindah mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.
- (d) Pembelian semula bagi hak penolakan pertama pada nilai saksama. Jika entiti menjual aset kewangan dan mengekalkan hak bagi penolakan pertama sahaja untuk membeli semula aset yang telah dipindahkan pada nilai saksama jika penerima pindahan kemudian menjualnya, entiti menyahiktiraf aset kerana ia telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.
- (e) Urus niaga jualan cuci Pembelian semula aset kewangan sejurus selepas aset dijual kadangkala dirujuk sebagai jualan cuci. Pembelian semula tersebut tidak menghalang penyahiktirafan dengan syarat urus niaga asal memenuhi keperluan penyahiktirafan. Walau bagaimanapun, jika perjanjian untuk menjual aset kewangan dimasukkan serentak ke dalam perjanjian untuk membeli semula aset yang sama pada harga tetap atau harga jual tambah pulangan pemberi pinjaman, dengan itu aset tidak dinyahiktiraf.
- (f) Opsyen jual dan opsyen beli dapatan wang besar. Jika aset kewangan yang dipindah boleh dibeli semula oleh pemindah dan opsyen beli merupakan opsyen beli dapatan wang besar, pindahan tidak layak untuk dinyahiktiraf kerana pemindah mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan. Begitu juga, jika aset kewangan boleh dijual semula oleh penerima pindahan dan opsyen jual merupakan opsyen jual dapatan wang besar, pindahan tidak layak untuk dinyahiktiraf kerana pemindah mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.
- (g) Opsyen jual dan opsyen beli tanpa wang besar. Aset kewangan yang telah dipindahkan hanya tertakluk kepada opsyen jual tanpa wang besar yang dipegang oleh penerima pindahan atau opsyen beli tanpa wang besar yang dipegang oleh pemindah adalah dinyahiktiraf. Hal ini disebabkan oleh pemindah telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.
- (h) Aset sedia diperoleh tertakluk kepada opsyen beli yang sama ada dapatan wang besar atau tanpa wang besar. Jika entiti memegang opsyen beli atas aset yang sedia diperoleh dalam pasaran dan opsyen sama ada dapatan wang besar atau tanpa wang besar, aset tersebut dinyahiktiraf. Ini kerana entiti (i) sama ada mengekalkan atau memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan, dan (ii) tidak mengekalkan kawalan. Walau bagaimanapun, jika aset tidak sedia diperoleh dalam pasaran,

penyahiktirafan dihalang setakat mana amaun aset yang tertakluk kepada opsiyen beli kerana entiti mengekalkan kawalan terhadap aset.

- (i) Aset tidak sedia diperolehi tertakluk kepada opsiyen jual yang ditulis oleh entiti sama ada dapatan wang besar atau tanpa wang besar. Jika entiti memindahkan aset kewangan yang tidak sedia diperolehi dalam pasaran, dan menulis opsiyen jual tanpa wang besar, entiti sama ada mengekalkan atau memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan kerana opsiyen jual bertulis. Entiti mengekalkan kawalan terhadap aset jika opsiyen jual mempunyai nilai secukupnya untuk menghalang penerima pindahan daripada menjual aset, dalam kes ini aset terus diiktiraf sehingga penglibatan berterusan pemindah (lihat perenggan PA64). Entiti memindahkan kawalan terhadap aset jika opsiyen jual tidak mempunyai nilai secukupnya untuk menghalang penerima pindahan daripada menjual aset, dalam kes ini aset dinyahiktiraf.
- (j) Aset yang tertakluk kepada nilai saksama opsiyen jual atau beli atau perjanjian pembelian semula hadapan. Pindahan aset kewangan yang hanya tertakluk kepada opsiyen jual atau beli atau perjanjian pembelian semula hadapan yang mempunyai harga laksana atau pembelian semula yang sama dengan nilai saksama aset kewangan pada masa pembelian semula kesan daripada penyahiktirafan kerana pindahan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.
- (k) Opsiyen beli atau jual yang diselesaikan secara tunai. Entiti menilai pindahan aset kewangan yang tertakluk kepada opsiyen jual atau beli atau perjanjian pembelian semula hadapan yang akan diselesaikan bersih secara tunai untuk menentukan sama ada entiti mengekalkan atau memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan. Jika entiti tidak mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset yang telah dipindahkan, entiti menentukan sama ada entiti telah mengekalkan kawalan terhadap aset yang telah dipindahkan. Opsiyen jual atau beli atau perjanjian pembelian semula hadapan yang diselesaikan bersih secara tunai tidak membawa maksud secara automatik entiti telah memindahkan kawalan (lihat perenggan PA59 dan (g), (h) dan (i) di atas).
- (l) Penyingkiran peruntukan akaun. Penyingkiran akaun peruntukan ialah opsiyen pembelian semula (beli) tanpa syarat yang memberikan entiti hak untuk menuntut semula aset yang telah dipindahkan tertakluk kepada sekatan tertentu. Dengan syarat, opsiyen tersebut memberi kesan kepada entiti sama ada mengekalkan atau memindahkan semua risiko dan ganjaran pemilikan, ia menghalang penyahiktirafan sahaja setakat mana amaun yang tertakluk kepada pembelian semula (andaikan penerima pindahan tidak boleh menjual aset). Contohnya, jika amaun bawaan dan terimaan daripada pindahan aset pinjaman sebanyak RM100,000 dan mana-mana pinjaman individu yang boleh dibeli semula tetapi amaun pinjaman agregat yang boleh dibeli semula tidak boleh melebihi RM10,000, RM90,000 daripada pinjaman layak untuk dinyahiktiraf.
- (m) Panggilan pembersihan. Entiti, boleh menjadi pemindah, yang melayan aset yang telah dipindahkan boleh memegang panggilan pembersihan untuk membeli baki aset yang telah dipindahkan semasa amaun aset yang belum dibayar jatuh ke tahap yang ditetapkan iaitu kos pelayanan aset tersebut menjadi beban berkaitan dengan faedah

pelayanan. Dengan syarat, panggilan pembersihan tersebut memberi kesan kepada entiti sama ada mengekalkan atau memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan dan penerima pindahan tidak boleh menjual aset, ia menghalang penyahiktirafan sahaja setakat mana amaun aset yang tertakluk kepada opsi beli.

- (n) Faedah tertahan subordinat dan jaminan kredit. Entiti boleh menyediakan peningkatan kredit kepada penerima pindahan dengan mensubordinat sesetengah atau semua faedah tertahan dalam aset yang telah dipindahkan. Secara alternatif, entiti boleh menyediakan peningkatan kredit kepada penerima pindahan dalam bentuk jaminan kredit yang boleh menjadi amaun tanpa had atau mempunyai had yang spesifik. Jika entiti mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset yang telah dipindahkan, aset terus diiktiraf keseluruhannya. Jika entiti mengekalkan sebahagian, tetapi bukan sebahagian besarnya, risiko dan ganjaran pemilikan serta mengekalkan kawalan, penyahiktirafan dihalang setakat mana amaun tunai atau aset lain yang entiti diperlukan untuk membuat pembayaran.
- (o) Swap pulangan menyeluruh. Entiti boleh menjual aset kewangan kepada penerima pindahan dan memasuki swap pulangan menyeluruh dengan penerima pindahan, yang dengannya semua bayaran faedah aliran tunai daripada aset sandaran diremit kepada entiti sebagai pertukaran kepada bayaran tetap atau kadar bayaran berubah dan apa-apa peningkatan atau penurunan dalam nilai saksama aset sandaran diserap oleh entiti. Dalam kes ini, penyahiktirafan semua aset adalah dilarang.
- (p) Swap kadar faedah. Entiti boleh memindahkan aset kewangan kadar tetap kepada penerima pindahan dan memasuki swap kadar faedah bersama penerima pindahan untuk menerima kadar faedah tetap dan membayar kadar faedah berubah berdasarkan amaun nosional yang sama dengan amaun prinsipal aset kewangan yang telah dipindahkan. Swap kadar faedah tidak menghalang penyahiktirafan aset yang telah dipindahkan dengan syarat, bayaran atas swap adalah tidak bersyarat terhadap bayaran yang dibuat atas aset yang telah dipindahkan.
- (q) Swap kadar faedah berlunas. Entiti boleh memindahkan aset kewangan kadar tetap yang dibayar dari masa ke masa kepada penerima pindahan, dan memasuki dalam swap kadar faedah berlunas bersama penerima pindahan untuk menerima kadar faedah tetap dan membayar kadar faedah berubah berdasarkan amaun nosional. Jika amaun nosional bagi swap dilunaskan supaya ia sama dengan amaun prinsipal bagi aset kewangan yang telah dipindahkan yang tertunggak pada bila-bila masa, swap akan memberi kesan kepada entiti untuk mengekalkan risiko sebahagian besar pembayaran terdahulu secara umumnya, dalam kes ini entiti boleh sama ada meneruskan untuk mengiktiraf semua aset yang telah dipindahkan atau meneruskan untuk mengiktiraf aset yang telah dipindahkan setakat penglibatan berterusan. Sebaliknya, jika pelunasan amaun nosional bagi swap tidak berkaitan dengan amaun prinsipal tertunggak bagi aset yang telah dipindahkan, swap tersebut tidak memberi kesan dalam entiti mengekalkan risiko pembayaran terdahulu atas aset. Oleh itu, ia tidak menghalang penyahiktirafan aset yang telah dipindahkan dengan syarat, bayaran atas swap adalah tidak bersyarat atas bayaran faedah yang dibuat atas aset yang telah dipindahkan dan swap tidak memberi kesan kepada entiti untuk mengekalkan apa-apa risiko dan ganjaran pemilikan lain yang signifikan atas aset yang telah dipindahkan.

PA67. Perenggan ini menunjukkan aplikasi pendekatan penglibatan berterusan apabila penglibatan berterusan entiti merupakan bahagian daripada aset kewangan.

Andaikan entiti mempunyai portfolio pinjaman belum bayar terdahulu yang kupon dan kadar faedah berkesan adalah 10 peratus dan amaun prinsipal dan kos terlunas adalah RM10,000. Entiti memasuki urusan niaga yang membawa pulangan bayaran sebanyak RM9,115, penerima pindahan memperoleh hak terhadap RM9,000 daripada mana-mana kutipan prinsipal tambah faedah di atasnya sebanyak 9.5 peratus. Entiti mengekalkan hak terhadap RM1,000 daripada mana-mana kutipan prinsipal tambah faedah di atasnya sebanyak 10 peratus, tambah tebaran lebih sebanyak 0.5 peratus terhadap baki prinsipal sebanyak RM9,000. Kutipan daripada bayaran terdahulu yang diagihkan antara entiti dengan penerima pindahan mengikut kadar nisbah 1:9, tetapi apa-apa kemungkiran akan ditolak daripada faedah entiti sebanyak RM1,000 sehingga faedah habis. Nilai saksama pinjaman pada tarikh urusan niaga adalah RM10,100 dan nilai saksama yang dianggarkan bagi tebaran lebih 0.5 peratus adalah sebanyak RM40.

Entiti menentukan yang ia telah memindahkan beberapa risiko dan ganjaran pemilikan yang signifikan (contohnya, risiko bayaran terdahulu yang signifikan) tetapi juga mengekalkan beberapa risiko atau ganjaran pemilikan yang signifikan (kerana faedah tertahan subordinat) dan mengekalkan kawalan. Oleh itu, ia mengguna pakai pendekatan penglibatan berterusan.

Untuk mengguna pakai Piawaian ini, entiti menganalisis urusan niaga sebagai (a) penahanan faedah tertahan mengikut kadar penuh sebanyak RM1,000, tambah (b) subordinasi bagi faedah tertahan untuk memberikan peningkatan kredit kepada penerima pindahan bagi kerugian kredit.

Entiti mengira bahawa RM9,090 (90 peratus \times RM10,100) daripada ganjaran yang diterima sebanyak RM9,115 menunjukkan ganjaran bagi 90 peratus perkongsian mengikut kadar penuh. Baki ganjaran yang diterima (RM25) menunjukkan ganjaran yang diterima bagi mengsubordinat faedah tertahan untuk memberikan peningkatan kredit kepada penerima pindahan bagi kerugian kredit. Selain itu, tebaran lebih sebanyak 0.5 peratus menunjukkan ganjaran yang diterima bagi peningkatan kredit. Oleh sebab itu, jumlah ganjaran yang diterima bagi peningkatan kredit adalah sebanyak RM65 (RM25 + RM40).

Entiti mengira laba atau rugi atas jualan bagi 90 peratus perkongsian dalam aliran tunai. Andaikan nilai saksama berasingan daripada 90 peratus bahagian yang telah dipindahkan dan 10 peratus bahagian yang dikekalkan tidak sedia pada tarikh pindahan, entiti mengagihkan amaun bawaan aset menurut perenggan 30 seperti yang berikut:

	<i>Nilai saksama yang dianggarkan</i>	<i>Peratus</i>	<i>Amaun bawaan yang diagihkan</i>
Bahagian yang telah dipindahkan	9,090	90%	9,000
Bahagian yang dikekalkan	1,010	10%	1,000
Jumlah	10,100		10,000

Entiti mengira laba atau ruginya atas jualan bagi 90 peratus perkongsian dalam aliran tunai dengan menolak amaun bawaan yang diagihkan daripada bahagian ganjaran yang telah diterima, contohnya, RM90 (RM9,090 – RM9,000). Amaun bawaan bahagian yang dikekalkan oleh entiti adalah sebanyak RM1,000.

Selain itu, entiti mengiktiraf penglibatan berterusan kesan daripada subordinasi faedah tertahannya bagi kerugian kredit. Oleh sebab itu, ia mengiktiraf aset sebanyak RM1,000 (amaun aliran tunai maksimum yang ia tidak akan terima di bawah subordinasi), dan liabiliti yang berkaitan sebanyak RM1,065 (iaitu amaun aliran tunai maksimum yang ia tidak akan terima di bawah subordinasi, contohnya, RM1,000 tambah nilai saksama subordinasi sebanyak RM65). Entiti menggunakan semua maklumat di atas untuk mengakaunkan bagi urusan niaga seperti berikut:

MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
Aset asal	–	9,000
Aset yang diiktiraf untuk subordinasi atau faedah sisa	1,000	–
Aset bagi ganjaran yang diterima dalam bentuk tebaran lebihan	40	–
Lebihan atau kurangan (laba daripada pindahan)	–	90
Liabiliti	–	1,065
Tunai diterima	9,115	–
Jumlah	10,155	10,155

Sejurus selepas urus niaga, amaun bawaan aset adalah sebanyak RM2,040 yang terdiri daripada RM1,000, mewakili kos yang diagihkan bagi bahagian yang dikekalkan, dan RM1,040, mewakili penglibatan berterusan tambahan entiti daripada subordinasi faedah tertahannya bagi kerugian kredit (termasuklah tebaran lebihan sebanyak RM40).

Dalam tempoh yang berikutnya, entiti mengiktiraf ganjaran yang diterima bagi peningkatan kredit (RM65) berasaskan perkadaran masa, faedah terakru bagi aset yang diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan dan mengiktiraf apa-apa penjejasan nilai kredit atas aset yang diiktiraf. Sebagai contoh sebelum ini, andaikan dalam tahun seterusnya, terdapat kerugian penjejasan nilai kredit dalam pinjaman sandaran sebanyak RM300. Entiti menurunkan mengurangkan aset yang diiktiraf sebanyak RM600 (RM300 berkaitan dengan faedah tertahan dan RM300 berkaitan dengan penglibatan berterusan tambahan yang timbul daripada subordinasi faedah tertahan bagi kerugian kredit), dan menurunkan liabiliti yang diiktiraf sebanyak RM300. Kesan bersih adalah merupakan caj kepada lebihan atau kurangan bagi penjejasan nilai kredit sebanyak RM300.

Membeli atau Menjual Cara Biasa Aset Kewangan (perenggan 40)

- PA68. Membeli atau menjual cara biasa aset kewangan diiktiraf menggunakan sama ada perakaunan tarikh perdagangan atau perakaunan tarikh penyelesaian yang diterangkan dalam perenggan PA70 dan PA71. Kaedah yang diguna pakai adalah konsisten bagi semua pembelian dan jualan aset kewangan yang berada dalam kategori aset kewangan sama yang ditakrif dalam perenggan 10. Bagi aset tujuan aset ini, yang dipegang untuk dagangan, membentuk kategori yang berasingan dengan aset yang ditetapkan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.
- PA69. Kontrak yang memerlukan atau membenarkan penyelesaian bersih bagi perubahan dalam nilai kontrak, bukanlah kontrak cara biasa. Sebaliknya, kontrak seperti ini diperakaunkan sebagai derivatif dalam tempoh antara tarikh perdagangan dengan tarikh penyelesaian.
- PA70. Tarikh perdagangan ialah tarikh entiti menyatakan kesanggupan penglibatan untuk membeli atau menjual aset. Perakaunan tarikh perdagangan merujuk (a) pengiktirafan aset yang akan diterima dan liabiliti untuk dibayarnya pada tarikh perdagangan, dan (b) penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan apa-apa laba dan rugi atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh perdagangan. Secara umumnya, faedah tidak mula diakru atas aset dan liabiliti yang berkaitan sehingga tarikh penyelesaian apabila hak milik dilepaskan.
- PA71. Tarikh penyelesaian ialah tarikh aset diserahkan kepada atau daripada entiti. Perakaunan tarikh penyelesaian merujuk kepada (a) pengiktirafan aset pada hari ia diterima oleh entiti, dan (b) penyahiktirafan aset dan pengiktirafan apa-apa laba atau rugi atas pelupusan pada hari ia diserahkan oleh entiti. Apabila perakaunan tarikh penyelesaian diguna pakai, entiti memperakaunkan apa-apa perubahan dalam nilai saksama aset yang akan diterima semasa tempoh antara tarikh perdagangan dengan tarikh penyelesaian dengan cara yang sama ia memperakaunkan aset yang diperoleh. Dalam kata lain, perubahan dalam nilai tidak diiktiraf bagi aset yang dibawa pada kos atau kos terlunas; ia diiktiraf dalam lebihan atau kurangan bagi aset yang dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan; dan ia diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti bagi aset yang dikelaskan sebagai sedia untuk dijual.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan (perenggan 41–44)

- PA72. Liabiliti kewangan (atau sebahagian daripadanya) dilangsaikan apabila penghutang sama ada:
- (a) menyelesaikan liabiliti (atau sebahagian daripadanya) dengan membayar pemiutang, selalunya dengan tunai, aset kewangan yang lain, barangan atau perkhidmatan; atau
 - (b) dilepaskan daripada tanggungjawab utama bagi liabiliti (atau sebahagian daripadanya) secara sah sama ada melalui proses undang-undang atau oleh pemiutang. (Jika penghutang memberi jaminan syarat ini masih boleh dipenuhi).
- PA73. Jika seorang pengeluar instrumen hutang membeli semula instrumen tersebut, hutang dilangsaikan walaupun pengeluar merupakan penggerak pasaran dalam instrumen tersebut atau berniat untuk menjualnya semula dalam tempoh terdekat.

- PA74. Pembayaran kepada pihak ketiga, termasuklah amanah (kadangkala dipanggil “inti pati difisans”) tidak, dengan sendirinya, melepaskan obligasi utama penghutang terhadap pemiutang, apabila ketiadaan pelepasan undang-undang.
- PA75. Jika penghutang membayar pihak ketiga untuk mengambil alih obligasi dan memberitahu pemiutangnya yang pihak ketiga telah mengambil alih obligasi hutangnya, penghutang tidak menyahiktirafkan obligasi hutang melainkan syarat dalam perenggan PA72(b) dipenuhi. Jika penghutang membayar pihak ketiga untuk mengambil alih obligasi dan memperoleh pelepasan undang-undang daripada pemiutangnya, penghutang telah menyelesaikan hutang tersebut. Walau bagaimanapun, jika penghutang bersetuju untuk membayar hutang kepada pihak ketiga atau secara terus kepada pemiutang asal, penghutang mengiktiraf obligasi hutang baharu kepada pihak ketiga.
- PA76. Jika pihak ketiga mengambil alih obligasi entiti, dan entiti tidak memberi ganjaran atau ganjaran nominal kepada pihak ketiga sebagai balasan, entiti mengguna pakai keperluan penyahiktirafan Piawaian ini berserta perenggan 84 hingga 87 dalam MPSAS 23.
- PA77. Pemberi pinjaman kadangkala akan menyetepikan hak mereka untuk mengutip hutang entiti sektor awam, sebagai contoh, kerajaan nasional boleh membatalkan pinjaman yang dibuat oleh kerajaan tempatan. Penetapan hak ini boleh menjadi pelepasan yang sah terhadap hutang peminjam kepada pemberi hutang. Jika obligasi entiti diketepikan sebagai sebahagian daripada urusan niaga bukan pertukaran, ia mengguna pakai keperluan penyahiktirafan Piawaian ini berserta perenggan 84 hingga 87 dalam MPSAS 23.
- PA78. Walaupun dilepaskan secara sah, sama ada menurut undang-undang atau oleh pemiutang, memberi kesan kepada penyahiktirafan liabiliti, entiti boleh mengiktiraf liabiliti baharu jika kriteria penyahiktirafan dalam perenggan 17–39 tidak dipenuhi bagi aset kewangan yang telah dipindah. Jika kriteria tersebut tidak dipenuhi, aset yang dipindah tidak dinyahiktirafkan, dan entiti mengiktiraf liabiliti baharu berkaitan dengan aset yang telah dipindah.
- PA79. Bagi tujuan perenggan 42, sebahagian besar terma adalah berbeza jika nilai kini terdiskaun bagi aliran tunai di bawah terma baharu, termasuk apa-apa fi bersih yang dibayar bagi apa-apa fi yang diterima dan didiskaun menggunakan kadar faedah berkesan asal, iaitu sekurang-kurangnya 10 peratus berbeza daripada nilai kini terdiskaun bagi baki aliran tunai atas liabiliti kewangan asal. Jika pertukaran instrumen hutang atau pengubahsuaian terma diperakakan sebagai penyelesaian, apa-apa kos atau fi yang ditanggung diiktiraf sebagai sebahagian daripada untung atau rugi bagi penyelesaian. Jika pertukaran atau pengubahsuaian tidak diperakakan sebagai penyelesaian, apa-apa kos atau fi yang ditanggung melaraskan amaun bawaan liabiliti dan dilunaskan sepanjang baki tempoh liabiliti diubah suai.
- PA80. Bagi sesetengah kes, pemiutang melepaskan penghutang daripada obligasi kini untuk membuat pembayaran, tetapi penghutang mengambil alih obligasi jaminan untuk membayar jika pihak yang memegang tanggungjawab utama gagal. Dalam keadaan ini, penghutang:
- (a) mengiktiraf liabiliti kewangan baharu berdasarkan nilai saksama obligasinya sebagai jaminan; dan
 - (b) mengiktiraf laba dan rugi berdasarkan perbezaan antara (i) apa-apa bayaran yang telah dibuat dan (ii) amaun bawaan asal bagi liabiliti kewangan tolak nilai saksama bagi

liabiliti kewangan baharu.

Pengukuran (perenggan 45–86)

Urus Niaga Hasil Bukan Pertukaran

PA81. Pengiktirafan dan pengukuran awal aset dan liabiliti kesan daripada urus niaga hasil bukan pertukaran dibincangkan dalam MPSAS 23. Aset kesan daripada urus niaga bukan pertukaran boleh timbul daripada pengaturan kontraktual dan bukan kontraktual (lihat MPSAS 28, perenggan PA20 dan PA21). Apabila aset ini timbul daripada pengaturan kontraktual dan sebaliknya memenuhi takrifan instrumen kewangan, aset:

- (a) diiktiraf awal menurut MPSAS 23;
- (b) diukur awal:
 - (i) pada nilai saksama menggunakan prinsip dalam MPSAS 23; dan
 - (ii) mengambil kira kos urus niaga yang berkaitan secara langsung kepada perolehan aset kewangan menurut perenggan 45 dalam Piawaian ini, apabila aset diukur berikutnya selain daripada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.

(Lihat perenggan CI46 hingga CI50 yang disertakan dengan Piawaian ini).

Pengukuran Awal Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (perenggan 45)

PA82. Nilai saksama bagi instrumen kewangan pada pengiktirafan awal biasanya merupakan harga urus niaga (contohnya, nilai saksama bagi ganjaran yang diberikan atau diterima, lihat juga perenggan PA108). Walau bagaimanapun, jika bahagian ganjaran yang diberikan atau diterima adalah untuk sesuatu selain daripada instrumen kewangan, nilai saksama bagi instrumen kewangan dianggarkan, menggunakan teknik penilaian (lihat perenggan PA106–PA112). Contohnya, nilai saksama bagi pinjaman jangka panjang atau belum terima yang tanpa faedah boleh dianggarkan sebagai nilai kini bagi semua terimaan tunai masa hadapan yang terdiskaun menggunakan kadar pasaran lazim bagi faedah untuk instrumen yang serupa (serupa dari segi mata wang, terma, jenis kadar faedah dan faktor lain) dengan penarafan kredit yang serupa. Apa-apa amaun tambahan yang dipinjamkan adalah belanja atau pengurangan hasil melainkan ia layak untuk pengiktirafan seperti sesetengah jenis aset yang lain.

PA83. Jika entiti memulakan pinjaman yang menanggung kadar faedah luar pasaran (contohnya, 5 peratus apabila kadar pasaran bagi pinjaman yang serupa adalah 8 peratus), dan menerima fi terdahulu sebagai pampasan, entiti mengiktiraf pinjaman pada nilai saksamanya, iaitu, fi bersih yang diterima. Entiti meningkatkan diskaun terhadap lebihan atau kurangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

Pinjaman Konsesi

PA84. Pinjaman konsesi diberikan kepada atau diterima oleh entiti di bawah terma pasaran. Contohnya, pinjaman konsesi diberikan oleh entiti termasuk pinjaman kepada negara sedang membangun, pekebun kecil, pinjaman pelajaran yang diberikan kepada pelajar yang layak

untuk pendidikan universiti atau kolej dan pinjaman perumahan diberikan kepada keluarga berpendapatan rendah. Entiti boleh menerima pinjaman konsesi, contohnya, daripada agensi pembangunan dan entiti kerajaan yang lain.

- PA85. Pemberian atau penerimaan pinjaman konsesi dibezakan dengan pelepasan pemilikan hutang kepada atau oleh entiti. Perbezaan ini penting kerana ia mempengaruhi sama ada keadaan di bawah pasaran diambil kira dalam pengiktirafan atau pengukuran awal pinjaman dan bukannya sebagai sebahagian daripada pengukuran berikutnya atau penyahiktirafan.
- PA86. Niat pinjaman konsesi pada permulaannya adalah untuk menyediakan atau menerima sumber pada terma di bawah pasaran. Pelepasan hutang kesan daripada pinjaman yang pada awalnya diberikan atau diterima pada terma yang berkaitan pasaran apabila niat salah satu pihak kepada pinjaman telah berubah selepas daripada pengeluaran atau terimaan awalnya. Contohnya, kerajaan boleh meminjamkan wang kepada entiti bukan untung dengan niat bahawa pinjaman akan dibayar semula sepenuhnya mengikut terma pasaran. Walau bagaimanapun, kerajaan boleh menghapus kira sebahagian daripada pinjaman berikutnya. Ini bukanlah pinjaman konsesi kerana niat pinjaman pada mulanya adalah untuk menyediakan kredit kepada entiti pada kadar berkaitan pasaran. Entiti boleh mengolah hapus kira pinjaman berikutnya sebagai pelepasan hutang dan mengguna pakai keperluan penyahiktirafan dalam MPSAS 29.
- PA87. Apabila pinjaman konsesi diberikan atau diterima di bawah terma pasaran, harga urus niaga pada pengiktirafan awal pinjaman tersebut tidak boleh menjadi nilai saksamanya. Pada pengiktirafan awal, entiti menganalisis inti pati pinjaman yang diberikan atau diterima kepada bahagian komponennya, dan mengambil kira komponen tersebut menggunakan prinsip dalam perenggan PA88 dan PA89 di bawah.
- PA88. Entiti pada mulanya menilai sama ada inti pati pinjaman konsesi ialah sebenarnya pinjaman, geran, caruman daripada pemilik atau gabungan antaranya, dengan mengguna pakai prinsip dalam MPSAS 28 dan perenggan 42–58 dalam MPSAS 23. Jika entiti telah menentukan urus niaga tersebut, atau sebahagian daripada urus niaga, merupakan pinjaman, ia menaksir sama ada harga urus niaga merupakan nilai saksama bagi pinjaman pada pengiktirafan awal. Entiti menentukan nilai saksama pinjaman dengan menggunakan prinsip dalam PA101–PA115. Apabila entiti tidak dapat menentukan nilai saksama dengan rujukan kepada pasaran aktif, entiti menggunakan teknik penilaian. Nilai saksama menggunakan teknik penilaian boleh ditentukan dengan mendiskaunkan semua terimaan tunai masa hadapan menggunakan kadar faedah berkaitan pasaran bagi pinjaman yang serupa (lihat PA82).
- PA89. Apa-apa perbezaan antara nilai saksama pinjaman dengan harga urus niaga (terimaan pinjaman) diolah seperti yang berikut:
- (a) Apabila pinjaman diterima oleh entiti, perbezaan diperakaunkan menurut MPSAS 23.
 - (b) Apabila pinjaman diberikan oleh entiti, perbezaan diolah sebagai belanja dalam lebihan atau kurangan pada pengiktirafan awal, kecuali apabila pinjaman merupakan urus niaga dengan pemilik, atas kapasitinya sebagai pemilik. Apabila pinjaman merupakan urus niaga dengan pemilik atas kapasitinya sebagai pemilik, contohnya, apabila entiti mengawal memberikan pinjaman konsesi kepada entiti dikawal, perbezaan boleh mewakili caruman modal, iaitu, pelaburan dalam entiti dan bukan sebagai belanja.

Contoh ilustrasi diberikan dalam perenggan PP54 dalam MPSAS 23 begitu juga dalam perenggan CI40 dan CI41 yang disertakan dengan Piawaian ini.

- PA90. Selepas pengiktirafan awal, entiti berikutnya mengukur pinjaman konsesi menggunakan kategori bagi instrumen kewangan yang ditakrifkan dalam perenggan 10.

Urus Niaga Hasil Bukan Pertukaran

- PA91. [Dimansuhkan]

Menilai Jaminan Kewangan yang Dikeluarkan Melalui Urus Niaga Bukan Pertukaran

- PA92. Hanya jaminan kewangan kontraktual (atau jaminan yang mempunyai inti pati, kontraktual) berada dalam skop Piawaian ini (Lihat PA3 dan PA4 dalam MPSAS 28). Jaminan bukan kontraktual tidak berada dalam skop Piawaian ini kerana tidak memenuhi takrifan instrumen kewangan. Piawaian ini menetapkan keperluan pengiktirafan dan pengukuran sahaja untuk pengeluaran kontrak jaminan kewangan.

- PA93. Dalam perenggan 10, “kontrak jaminan kewangan” ditakrifkan sebagai “kontrak yang memerlukan pengeluaran untuk membuat bayaran khusus untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggung disebabkan penghutang yang dinyatakan gagal membuat bayaran pada tarikh perlu dibayar menurut terma asal atau diubah suai bagi instrumen hutang.” Di bawah keperluan Piawaian ini, kontrak jaminan kewangan, seperti aset kewangan dan liabiliti kewangan lain, memerlukan pengiktirafan awal pada nilai saksama. Perenggan 50–52 dalam Piawaian ini menyediakan ulasan dan panduan untuk menentukan nilai saksama dan ini dilengkapi oleh Panduan Aplikasi dalam perenggan PA101–PA115. Pengukuran berikutnya bagi kontrak jaminan kewangan adalah pada amaun yang lebih tinggi daripada amaun yang ditentukan menurut MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka* dan amaun yang diiktiraf pada awalnya tolak, apabila berkenaan, pelunasan kumulatif yang diiktiraf menurut MPSAS 9, *Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*.

- PA94. Dalam sektor awam, jaminan kerap diberikan dengan cara urus niaga bukan pertukaran, contoh, pada tanpa ganjaran atau ganjaran nominal. Jenis jaminan ini diberikan secara umum untuk melanjutkan ekonomi entiti dan objektif sosial. Tujuan tersebut termasuklah menyokong projek infrastruktur, menyokong entiti korporat pada masa kegawatan ekonomi, menjamin bon yang diterbitkan oleh entiti dalam peringkat lain dalam kerajaan dan pinjaman pekerja untuk membiayai kenderaan bermotor yang akan digunakan untuk melaksanakan tugas mereka sebagai pekerja. Apabila terdapat ganjaran bagi jaminan kewangan, entiti perlu menentukan sama ada ganjaran tersebut timbul daripada urus niaga pertukaran dan sama ada ganjaran menggambarkan nilai saksama. Jika ganjaran menggambarkan nilai saksama, entiti perlu mengiktiraf jaminan kewangan pada amaun ganjaran tersebut. Pengukuran berikutnya mestilah pada amaun yang tertinggi yang ditentukan menurut MPSAS 19 dan amaun yang diiktiraf pada awalnya, tolak, apabila berkenaan, pelunasan kumulatif yang diiktiraf menurut MPSAS 9. Apabila entiti membuat kesimpulan bahawa ganjaran bukan nilai saksama, entiti menentukan amaun bawaan pada pengiktirafan awal dengan cara yang sama seolah-olah tiada ganjaran dibayar.

- PA95. Pada pengiktirafan awal, apabila tiada fi dikenakan atau apabila ganjaran bukan nilai saksama, pertama sekali entiti mempertimbangkan sama ada terdapat harga disebut tersedia dalam

pasaran aktif bagi kontrak jaminan kewangan yang sama secara langsung dengan yang telah dimasuki. Bukti bagi pasaran aktif termasuklah urus niaga pasaran tulus terkini antara pihak yang berpengetahuan dan bersetuju, dan rujukan kepada nilai saksama semasa bagi kontrak jaminan kewangan lain yang sebahagian besarnya sama seperti yang diberikan pada tanpa atau ganjaran nominal oleh pengeluar. Fakta bahawa kontrak jaminan kewangan telah dimasuki pada tanpa ganjaran oleh penghutang kepada pengeluar bukan, dengan sendirinya, bukti kukuh bagi ketidakhadiran pasaran aktif. Jaminan tersedia daripada pengeluar komersial, tetapi entiti sektor awam mungkin bersetuju untuk memasuki kontrak jaminan kewangan bagi beberapa sebab bukan komersial. Sebagai contoh, jika penghutang tidak mampu untuk menanggung fi komersial, dan permulaan projek bagi memenuhi satu daripada objektif sosial atau dasar entiti akan meletakkannya sebagai berisiko melainkan kontrak jaminan kewangan dikeluarkan, entiti boleh memohon entiti sektor awam atau kerajaan untuk mengeluarkan kontrak jaminan kewangan.

- PA96. Apabila tiada pasaran aktif bagi kontrak jaminan yang sama secara langsung; entiti mempertimbangkan sama ada teknik penilaian selain daripada pemerhatian pasaran aktif adalah tersedia dan memberikan pengukuran nilai saksama yang boleh dipercayai. Teknik penilaian tersebut bergantung pada model matematik yang mengambil kira risiko kewangan. Sebagai contoh, Kerajaan Negara W menjamin bon yang diterbitkan oleh Perbandaran X. Memandangkan Perbandaran X mempunyai jaminan kerajaan yang menyokong bon yang diterbitkan, bon tersebut mempunyai kupon yang rendah berbanding jika mereka tidak dilindungi oleh jaminan kerajaan. Ini kerana jaminan merendahkan profil risiko bon terhadap pelabur. Fi jaminan boleh ditentukan menggunakan tebaran kredit antara kadar kupon pengeluaran tidak disokong oleh jaminan kerajaan dan kadar dengan jaminan kerajaan. Apabila nilai saksama boleh diperoleh sama ada dengan pemerhatian pasaran aktif atau melalui teknik penilaian lain, entiti mengiktiraf jaminan kewangan pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan dan mengiktiraf perbelanjaan bagi amaun yang sama dalam penyata prestasi kewangan. Apabila menggunakan teknik penilaian yang bukan berdasarkan pemerhatian pasaran aktif, entiti perlu meyakinkan dirinya sendiri yang output bagi mana-mana model boleh dipercayai dan boleh difahami.
- PA97. Jika tiada pengukuran nilai saksama yang boleh dipercayai dapat ditentukan, sama ada dengan pemerhatian secara langsung terhadap pasaran aktif atau melalui teknik penilaian lain, entiti perlu mengguna pakai prinsip dalam MPSAS 19 terhadap kontrak jaminan kewangan pada pengiktirafan awal. Entiti menilai sama ada obligasi kini timbul kesan daripada peristiwa lampau berkaitan kontrak jaminan kewangan sama ada ia mempunyai kebarangkalian bahawa obligasi kini tersebut akan mengakibatkan aliran keluar tunai menurut terma bagi kontrak dan sama ada anggaran yang boleh dipercayai boleh dibuat terhadap aliran keluar. Ia berkemungkinan bahawa obligasi kini berkaitan kontrak jaminan kewangan akan timbul pada pengiktirafan awal apabila, sebagai contoh, entiti memasuki kontrak jaminan kewangan untuk menjamin pinjaman kepada sebilangan besar perusahaan kecil dan, berdasarkan pengalaman lampau, entiti sedar akan sebahagian daripada perusahaan ini akan gagal.

Pengukuran Berikutnya bagi Aset Kewangan (perenggan 47 dan 48)

- PA98. Jika instrumen kewangan yang sebelum ini diiktiraf sebagai aset kewangan diukur pada nilai saksama dan nilai saksamanya jatuh di bawah kosong, ia merupakan liabiliti kewangan yang diukur menurut perenggan 49.

- PA99. Contoh yang berikut menunjukkan perakaunan bagi kos urus niaga pada pengukuran awal dan berikutnya bagi aset kewangan sedia dijual. Aset diperoleh pada harga RM100 tambah komisen pembelian sebanyak RM2. Pada awalnya, aset diiktiraf pada RM102. Pada tarikh akhir tempoh pelaporan yang berlaku sehari kemudian, apabila harga pasaran disebut bagi aset adalah RM100. Jika aset dijual, komisen sebanyak RM3 akan dibayar. Pada tarikh tersebut, aset diukur pada RM100 (tanpa mengambil kira komisen yang mungkin terhadap jualan) dan rugi sebanyak RM2 diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Jika aset kewangan sedia dijual mempunyai bayaran tetap atau boleh ditentukan, kos urus niaga dilunaskan kepada lebih atau kurangan menggunakan kaedah faedah berkesan. Jika aset kewangan sedia dijual tidak mempunyai bayaran tetap dan boleh ditentukan, kos urus niaga diiktiraf dalam lebih atau kurangan apabila aset dinyahiktirafkan atau terjejas.
- PA100. Instrumen yang dikelaskan sebagai pinjaman dan belum terima diukur pada kos pelunasan tanpa mengambil kira niat entiti untuk memegang instrumen hingga matang.

Pertimbangan Pengukuran Nilai Saksama (perenggan 50–52)

- PA101. Takrifan nilai saksama didasari dengan andaian bahawa entiti berusaha secara berterusan tanpa apa-apa niat atau keperluan untuk mencairkan, untuk mengurangkan dengan material skala operasinya atau untuk menjalankan urus niaga mengikut terma yang memudaratkan. Oleh itu, ia bukan nilai saksama kerana amaun yang entiti akan terima atau bayar dalam urus niaga paksaan, pembubaran bukan sukarela atau jualan kecemasan. Walau bagaimanapun, nilai saksama menunjukkan kualiti kredit instrumen.
- PA102. Piawaian ini menggunakan istilah “harga bida” dan “harga diminta” (kadangkala dirujuk sebagai “harga tawaran semasa”) dalam konteks harga pasaran disebut, dan istilah “spread bida-tawar” termasuk kos urus niaga sahaja. Pelarasan lain untuk mencapai nilai saksama (contohnya, bagi risiko kredit pihak berlawanan) tidak termasuk dalam istilah “spread bida-tawar”.

Pasaran Aktif: Harga Disebut

- PA103. Instrumen kewangan diambil kira seperti yang disebut dalam pasaran aktif jika harga disebut adalah tersedia dan biasa ada daripada pertukaran, peniaga, broker, kumpulan industri, perkhidmatan penentuan harga atau agensi kawal selia, dan harga tersebut mewakili urus niaga pasaran yang sebenar dan biasa terjadi dalam urus niaga tulus. Nilai saksama ditakrifkan dari segi harga yang dipersetujui oleh pembeli yang bersedia dan penjual yang bersedia dalam urus niaga tulus. Objektif dalam menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif adalah untuk mendapatkan harga urus niaga yang akan berlaku pada akhir tempoh pelaporan bagi instrumen tersebut (contohnya, tanpa pengubahsuaian atau mepakejkan semula instrumen) dalam pasaran aktif yang paling memberi kelebihan akses segera kepada entiti. Walau bagaimanapun, entiti melaraskan harga dalam pasaran yang paling memberi kelebihan untuk menunjukkan sebarang perbezaan dalam risiko kredit pihak berlawanan antara instrumen yang didagangkan dalam pasaran tersebut dengan instrumen yang dinilai. Kewujudan sebut harga yang tersiar dalam pasaran aktif adalah bukti terbaik bagi nilai saksama dan apabila ia wujud ia digunakan untuk mengukur aset kewangan atau liabiliti kewangan.
- PA104. Harga pasaran disebut yang sesuai bagi aset yang dipegang atau liabiliti yang akan diterbitkan

selalunya merupakan harga bida semasa dan, bagi aset yang akan diperolehi atau liabiliti yang dipegang adalah harga diminta. Apabila entiti mempunyai aset dan liabiliti dengan mengofset risiko pasaran, ia boleh menggunakan harga pertengahan pasaran sebagai asas untuk menentukan nilai saksama bagi kedudukan mengofset risiko tersebut dan menggunakan pakai harga bida atau harga diminta kepada kedudukan terbuka bersih yang sewajarnya. Apabila harga bida dan harga diminta semasa tidak tersedia, harga urus niaga terkini memberikan bukti bagi nilai saksama semasa selagi masih tiada perubahan yang ketara dalam keadaan ekonomi sejak masa urus niaga tersebut. Jika keadaan berubah sejak masa urus niaga (contohnya, perubahan dalam kadar faedah bebas risiko berikutan harga terkini yang disebut untuk bon kerajaan), nilai saksama menunjukkan perubahan keadaan dengan merujuk harga atau kadar semasa bagi instrumen kewangan serupa, yang sewajarnya. Begitu juga, jika entiti boleh menunjukkan harga urus niaga terakhir bukan nilai saksama (contohnya, oleh sebab ia menunjukkan amaun yang entiti akan terima atau bayar dalam urus niaga paksaan, pembubaran paksaan atau jualan kecemasan), yang harganya diselaraskan. Nilai saksama bagi portfolio instrumen kewangan merupakan produk bagi bilangan unit instrumen dan harga pasaran disebutnya. Jika sebut harga tersiar dalam pasaran aktif tidak wujud bagi instrumen kewangan pada keseluruhannya, tetapi pasaran aktif wujud bagi bahagian komponennya, nilai saksama ditentukan pada asas harga pasaran yang relevan bagi bahagian komponen tersebut.

- PA105. Jika kadar (selain harga) disebut dalam pasaran aktif, entiti menggunakan kadar pasaran disebut itu sebagai input dalam teknik penilaian untuk menentukan nilai saksama. Jika kadar pasaran disebut tidak termasuk risiko kredit atau faktor lain yang peserta pasaran akan masukkan dalam menilai instrumen, entiti melaraskan untuk faktor tersebut.

Tiada Pasaran Aktif: Teknik Penilaian

- PA106. Jika pasaran bagi instrumen kewangan adalah tidak aktif, entiti menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian termasuklah menggunakan urus niaga pasaran tulus yang terkini antara pihak berpengetahuan, yang bersedia, jika ada, rujukan nilai saksama semasa bagi instrumen lain yang sebahagian besarnya sama, analisis aliran tunai terdiskaun dan model penentuan harga opsyen. Jika terdapat teknik penilaian yang biasa digunakan oleh peserta pasaran untuk menentukan harga instrumen dan teknik tersebut telah terbukti memberikan anggaran harga yang boleh dipercayai yang diperolehi dalam urus niaga pasaran sebenar, entiti menggunakan teknik tersebut.
- PA107. Objektif menggunakan teknik penilaian adalah untuk menentukan apakah harga urus niaga yang akan ditetapkan pada tarikh pengukuran dalam tukaran tulus yang didorong oleh pertimbangan operasi biasa. Nilai saksama dianggarkan pada asas bahawa keputusan daripada teknik penilaian yang menggunakan input pasaran secara maksimum, dan bergantung sedikit mungkin kepada input entiti spesifik. Teknik penilaian dijangkakan mencapai anggaran nilai saksama yang realistik jika (a) ia sewajarnya menggambarkan bagaimana pasaran dapat menjangkakan harga instrumen tersebut dan (b) input kepada teknik penilaian sewajarnya menunjukkan jangkaan pasaran dan ukuran bagi faktor risiko pulangan yang wujud dalam instrumen kewangan.
- PA108. Oleh itu, teknik penilaian (a) menggabungkan semua faktor yang akan dipertimbangkan oleh peserta pasaran dalam menetapkan harga dan (b) konsisten dengan metodologi ekonomi yang diterima bagi penetapan harga instrumen kewangan. Entiti mengkalibrasi secara berkala

teknik penilaian dan mengujinya untuk kesahan menggunakan harga daripada mana-mana urus niaga pasaran semasa yang boleh diperhatikan bagi instrumen yang sama (contohnya, tanpa pengubahsuaian atau dipakejkan semula) atau berdasarkan pemerhatian apa-apa data pasaran yang tersedia. Entiti memperoleh data pasaran secara konsisten dalam pasaran yang sama iaitu tempat instrumen berasal atau dibeli. Bukti terbaik nilai saksama bagi instrumen kewangan pada pengiktirafan awal, dalam urus niaga pertukaran, ialah harga urus niaga (contohnya, nilai saksama bagi ganjaran yang diberi atau diterima) melainkan nilai saksama bagi instrumen tersebut dibuktikan melalui perbandingan dengan pemerhatian urus niaga pasaran semasa yang lain dalam instrumen yang sama (contohnya, tanpa pengubahsuaian atau dipakejkan semula) atau berdasarkan teknik penilaian yang pemboleh ubahnya hanya termasuk data daripada pasaran yang boleh diperhatikan.

- PA109. Pengukuran berikutnya bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan dan pengiktirafan laba dan rugi berikutnya hendaklah konsisten dengan keperluan Piawaian ini. Aplikasi dalam perenggan PA108 akan menyebabkan tiada laba atau rugi yang diiktiraf pada pengiktirafan awal bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan. Dalam kes ini, MPSAS 29 menghendaki laba atau rugi hendaklah diiktiraf selepas pengiktirafan awal hanya setakat yang ia timbul daripada perubahan dalam faktor (termasuk masa) yang akan dipertimbangkan oleh peserta pasaran dalam penetapan harga.
- PA110. Pemerolehan atau pengasalan awal bagi aset kewangan atau penglibatan liabiliti kewangan merupakan urus niaga pasaran yang menyediakan asas untuk menganggarkan nilai saksama bagi instrumen kewangan. Khususnya, jika instrumen kewangan merupakan instrumen hutang (seperti pinjaman), nilai saksamanya boleh ditentukan dengan merujuk kepada keadaan pasaran yang wujud pada tarikh pemerolehan atau pengasalannya dan keadaan pasaran semasa atau kadar faedah terkini yang dikenakan oleh entiti atau orang lain bagi instrumen hutang yang serupa (contohnya, baki kematangan yang serupa, corak aliran tunai, mata wang, risiko kredit, cagaran dan asas faedah). Alternatifnya, dengan syarat tiada perubahan dalam risiko kredit penghutang dan spread kredit yang digunakan selepas pengasalan instrumen hutang, anggaran bagi kadar faedah pasaran semasa boleh diperolehi dengan menggunakan kadar faedah tanda aras yang menunjukkan kualiti kredit yang lebih baik daripada instrumen hutang sandaran, memegang tetap spread kredit, dan melaraskan perubahan dalam kadar faedah tanda aras daripada tarikh pengasalan. Jika keadaan berubah kerana urus niaga pasaran paling terkini, perubahan sepadan dalam nilai saksama bagi instrumen kewangan yang dinilai ditentukan dengan merujuk kepada harga atau kadar semasa bagi instrumen kewangan yang serupa, dilaraskan sewajarnya, bagi mana-mana perbezaan daripada instrumen yang dinilai.
- PA111. Maklumat yang sama mungkin tidak ada pada setiap tarikh pengukuran. Sebagai contoh, pada tarikh entiti membuat pinjaman atau memperoleh instrumen hutang yang tidak didagangkan secara aktif, entiti mempunyai harga urus niaga yang juga merupakan harga pasaran. Walau bagaimanapun, tiada maklumat urus niaga baharu yang ada pada tarikh pengukuran berikutnya dan, walaupun entiti boleh menentukan tingkat umum kadar faedah pasaran, ia mungkin tidak mengetahui tingkat kredit atau risiko lain yang peserta pasaran akan pertimbangkan dalam menentukan harga instrumen pada tarikh tersebut. Entiti mungkin tidak mempunyai maklumat daripada urus niaga terkini untuk menentukan spread kredit yang bersesuaian berbanding kadar faedah asas untuk digunakan bagi menentukan kadar diskaun bagi pengiraan nilai kini. Ia mungkin wajar untuk menganggarkan, dengan ketiadaan bukti berlawanan, tiada perubahan yang berlaku dalam spread yang wujud pada tarikh pinjaman

dibuat. Walau bagaimanapun, entiti dijangka akan membuat usaha yang sewajarnya untuk menentukan sama ada terdapat bukti berlakunya perubahan dalam faktor tersebut. Apabila bukti perubahan wujud, entiti akan mempertimbangkan kesan perubahan dalam menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan.

- PA112. Bagi mengguna pakai analisis aliran tunai terdiskaun, entiti menggunakan satu atau lebih kadar diskaun bersamaan dengan kadar pulangan semasa bagi instrumen kewangan yang mempunyai sebahagian besar terma dan ciri-ciri yang sama, termasuklah kualiti kredit instrumen, baki tempoh tamat bagi kadar faedah kontraktual yang tetap, baki tempoh bagi pembayaran semula prinsipal dan mata wang bagi bayaran yang akan dibuat. Belum terima dan belum bayar jangka pendek dengan kadar faedah yang tidak dinyatakan akan diukur pada amaun invois asal jika kesan pendiskaunan adalah tidak material.

Tiada Pasaran Aktif: Instrumen Ekuiti

- PA113. Nilai saksama bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut dalam pasaran aktif dan derivatif yang berkaitan dan hendaklah diselesaikan dengan penyerahan instrumen ekuiti tidak disebut ini (lihat perenggan 48(c) dan 49) boleh diukur secara munasabah jika (a) kebolehubahan dalam julat anggaran nilai saksama yang munasabah adalah tidak ketara bagi instrumen tersebut atau (b) kebarangkalian anggaran yang pelbagai dalam julat yang boleh dinilai secara munasabah dan digunakan dalam menganggar nilai saksama.
- PA114. Terdapat banyak situasi yang kebolehubahan dalam julat anggaran nilai saksama pelaburan yang sewajarnya bagi instrumen ekuiti, yang tidak mempunyai harga pasaran disebut dan derivatif berkaitan serta hendaklah diselesaikan dengan penyerahan instrumen ekuiti tidak disebut ini (lihat perenggan 48(c) dan 49) tidak mungkin menjadi signifikan. Biasanya entiti boleh menganggarkan nilai saksama bagi aset kewangan yang diperoleh daripada pihak luar. Walau bagaimanapun, jika julat anggaran nilai saksama yang munasabah adalah signifikan dan kebarangkalian anggaran yang pelbagai tidak boleh dinilai dengan munasabah, entiti dihalang untuk mengukur instrumen pada nilai saksama.

Input kepada Teknik Penilaian

- PA115. Teknik yang sewajarnya untuk menganggarkan nilai saksama bagi instrumen kewangan tertentu akan menggabungkan data pasaran yang boleh diperhatikan tentang keadaan pasaran dan faktor lain yang mungkin memberikan kesan kepada nilai saksama instrumen. Nilai saksama bagi instrumen kewangan akan berdasarkan satu atau lebih daripada faktor yang berikut (dan mungkin yang lain).
- (a) Nilai masa wang (contohnya, faedah pada kadar asas atau kadar bebas risiko). Kadar faedah asas biasanya boleh diperoleh daripada harga bon kerajaan yang boleh diperhatikan dan yang selalu disebut dalam penerbitan kewangan. Kadar ini selalunya berubah-ubah mengikut tarikh unjuran aliran tunai yang dijangka sepanjang keluk hasil kadar faedah bagi horizon masa yang berbeza. Bagi sebab praktikal, entiti boleh menggunakan kadar pasaran umum tersedia yang boleh diperhatikan dan diterima baik, seperti kadar swap, sebagai kadar tanda aras. (Jika kadar yang digunakan bukan kadar faedah bebas risiko, pelarasan risiko kredit yang sewajarnya terhadap instrumen kewangan tertentu yang ditentukan pada asas risiko kreditnya berkaitan dengan risiko

kredit dalam kadar tanda aras ini). Bagi sesetengah negara, bon kerajaan pusat boleh membawa risiko kredit yang signifikan dan tidak memberikan kadar faedah asas tanda aras yang stabil bagi instrumen yang didenominasikan dalam mata wang tersebut. Sesetengah entiti dalam negara ini mempunyai kedudukan kredit yang lebih baik dan kadar pinjaman yang lebih rendah berbanding kerajaan pusat. Dalam kes ini, kadar faedah asas mungkin lebih wajar ditentukan dengan merujuk kepada kadar faedah tertinggi bagi bon korporat yang dikeluarkan dalam mata wang bidang kuasa tersebut.

- (b) Risiko kredit. Kesan terhadap nilai saksama risiko kredit (contohnya, premium atas kadar faedah asas bagi risiko kredit) boleh diperoleh daripada harga pasaran yang boleh diperhatikan untuk instrumen yang didagangkan bagi kualiti kredit berbeza atau daripada kadar faedah yang boleh diperhatikan yang dikenakan oleh pemberi pinjaman bagi pinjaman pelbagai penarafan kredit.
- (c) Harga pertukaran mata wang asing. Pasaran pertukaran mata wang aktif wujud bagi kebanyakan mata wang utama, dan disebut harga setiap hari dalam penerbitan kewangan.
- (d) Harga komoditi. Terdapat harga pasaran yang boleh diperhatikan bagi kebanyakan komoditi.
- (e) Harga ekuiti. Harga (dan indeks harga) instrumen ekuiti didagangkan yang tersedia boleh diperhatikan dalam sesetengah pasaran. Teknik berdasarkan nilai kini boleh digunakan untuk menganggarkan harga pasaran semasa bagi instrumen ekuiti yang harganya tidak boleh diperhatikan.
- (f) Turun naik (contohnya, magnitud perubahan masa hadapan dalam harga instrumen kewangan atau item lain). Pengukuran turun naik bagi item yang didagangkan secara aktif biasanya boleh dianggarkan sewajarnya pada asas data pasaran sejarah atau dengan menggunakan turun naik yang tersirat dalam harga pasaran semasa.
- (g) Risiko bayaran terdahulu dan risiko serahan. Corak bayaran terdahulu yang dijangkakan bagi aset kewangan dan corak serahan yang dijangkakan bagi liabiliti kewangan boleh dianggarkan pada asas data sejarah. (Nilai saksama bagi liabiliti kewangan yang boleh diserahkan oleh pihak berlawanan tidak boleh kurang daripada nilai kini bagi amaun serahan – lihat perenggan 52).
- (h) Kos pelayanan bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan. Kos pelayanan boleh dianggarkan menggunakan perbandingan dengan fi semasa yang dikenakan oleh peserta pasaran lain. Jika kos pelayanan aset kewangan atau liabiliti kewangan adalah signifikan dan peserta pasaran lain akan menghadapi kos boleh banding, pengeluar akan mempertimbangkan kos tersebut dalam menentukan nilai saksama bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut. Ia berkemungkinan bahawa nilai saksama pada permulaan hak kontraktual pada fi masa hadapan sama dengan kos pengasalan yang dibayar untuk mereka, melainkan fi masa hadapan dan kos yang berkaitan terkeluar daripada garis pasaran boleh banding.

Laba dan Rugi (perenggan 64–66)

PA116. Entiti mengguna pakai MPSAS 4 untuk aset kewangan dan liabiliti kewangan bagi item monetari menurut MPSAS 4, dan didenominasikan dalam mata wang asing. Menurut MPSAS 4, apa-apa laba dan rugi dalam pertukaran mata wang asing ke atas aset monetari dan liabiliti monetari adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Pengecualian adalah item monetari yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai sama ada dalam lindung nilai aliran tunai (lihat perenggan 106–112) atau dalam lindung nilai bagi pelaburan bersih (lihat perenggan 113). Bagi tujuan mengiktiraf laba dan rugi dalam pertukaran mata wang asing di bawah MPSAS 4, aset kewangan monetari sedia dijual dianggap dibawa pada kos pelunasan dalam mata wang asing. Oleh sebab itu, bagi aset kewangan tersebut, kesan perbezaan pertukaran daripada perubahan dalam kos pelunasan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dan perubahan lain bagi amaun bawaan diiktiraf menurut perenggan 64(b). Bagi aset kewangan sedia dijual yang bukan item monetari di bawah MPSAS 4 (contohnya, instrumen ekuiti), laba atau rugi yang diiktiraf secara terus dalam aset bersih/ekuiti di bawah perenggan 64(b) termasuk apa-apa komponen pertukaran asing yang berkaitan. Jika terdapat hubungan lindung nilai antara aset monetari bukan derivatif dengan liabiliti monetari bukan derivatif, perubahan dalam komponen mata wang asing bagi instrumen kewangan tersebut diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Penjejasan nilai dan Ketidakbolehpungutan Aset Kewangan (perenggan 67–79)

Aset Kewangan Dibawa pada Kos Pelunasan (perenggan 72–74)

PA117. Penjejasan nilai bagi aset kewangan dibawa pada kos pelunasan diukur menggunakan kadar faedah berkesan asal instrumen kewangan kerana mendiskaunkan pada kadar faedah pasaran semasa akan memberi kesan, mengenakan pengukuran nilai saksama pada aset kewangan yang sebaliknya diukur pada kos pelunasan. Jika terma pinjaman, belum terima atau pelaburan dipegang hingga matang dirunding semula atau sebaliknya diubah suai kerana kesukaran kewangan peminjam atau pengeluar, penjejasan nilai diukur menggunakan kadar faedah berkesan asal sebelum pengubahsuaian terma. Aliran tunai berkaitan belum terima jangka pendek tidak didiskaunkan jika kesan pendiskaunan adalah tidak material. Jika pinjaman, belum terima atau pelaburan dipegang hingga matang mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskaun untuk mengukur apa-apa kerugian penjejasan nilai di bawah perenggan 72 merupakan kadar faedah berkesan semasa yang ditentukan di bawah kontrak. Sebagai usaha yang praktikal, pemiutang boleh mengukur penjejasan nilai aset kewangan yang dibawa pada kos pelunasan pada asas nilai saksama instrumen menggunakan harga pasaran yang boleh diperhatikan. Pengiraan nilai kini bagi aliran tunai masa hadapan untuk cagaran aset kewangan menunjukkan aliran tunai kesan daripada penutupan tolak kos untuk memperoleh dan menjual cagaran, sama ada penutupan berkebarangkalian atau tidak.

PA118. Proses untuk menganggarkan penjejasan nilai mengambil kira semua pendedahan kredit, bukan sahaja kualiti kredit yang rendah. Sebagai contoh, jika entiti menggunakan sistem penggredan kredit dalaman, ia mengambil kira semua gred kredit, bukan sahaja yang menunjukkan kemerosotan kredit yang teruk.

PA119. Proses untuk menganggarkan amaun kerugian penjejasan nilai boleh memberi kesan sama ada dalam satu amaun atau dalam julat amaun yang mungkin. Bagi kes dalam julat amaun yang mungkin, entiti mengiktiraf kerugian penjejasan nilai bersamaan dengan anggaran terbaik

dalam julat dengan mengambil kira semua maklumat sedia ada yang relevan sebelum penyata kewangan dikeluarkan tentang syarat yang wujud pada akhir tempoh pelaporan (perenggan 47 dalam MPSAS 19 mengandungi panduan tentang cara menentukan anggaran terbaik dalam julat hasil yang mungkin).

- PA120. Bagi tujuan penilaian kolektif penjejasan nilai, aset kewangan dikumpulkan pada asas ciri risiko kredit serupa yang menunjukkan keupayaan penghutang untuk membayar semua amaun pada tempoh tamat menurut terma kontraktual (contohnya, pada asas penilaian risiko kredit atau proses penggredan yang mengambil kira jenis aset, industri, kedudukan geografi, jenis cagaran, status lampau tempoh dan faktor relevan lain). Ciri yang dipilih adalah relevan kepada anggaran aliran tunai masa hadapan bagi kumpulan aset tersebut dengan menjadi penunjuk keupayaan penghutang untuk membayar semua amaun pada tarikh perlu bayar menurut terma kontraktual aset yang dinilai. Walau bagaimanapun, kebarangkalian kerugian dan statistik kerugian yang lain berbeza pada peringkat kumpulan antara (a) aset yang dinilai secara individu untuk penjejasan nilai dan didapati tidak berlaku penjejasan nilai dan (b) aset yang tidak dinilai secara individu untuk penjejasan nilai, dengan keputusan bahawa amaun penjejasan nilai yang berbeza mungkin diperlukan. Jika entiti tidak mempunyai kumpulan aset dengan ciri risiko serupa, ia tidak membuat penilaian tambahan.
- PA121. Kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf dalam asas kumpulan menjelaskan langkah interim belum selesai bagi pengenpastian kerugian penjejasan nilai terhadap aset individu dalam kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif bagi penjejasan nilai. Sebaik sahaja maklumat diperolehi tentang aset penjejasan nilai secara individu dalam kumpulan yang dikenal pasti secara spesifik sebagai penjejasan nilai, aset tersebut dikeluarkan daripada kumpulan.
- PA122. Aliran tunai masa hadapan dalam kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif bagi penjejasan nilai dianggarkan pada asas pengalaman rugi sejarah bagi aset dengan ciri risiko kredit serupa dengan yang berada dalam kumpulan. Entiti yang tidak mempunyai pengalaman rugi entiti spesifik atau pengalaman tidak mencukupi, gunakan pengalaman kumpulan entiti yang setaraf untuk kumpulan aset kewangan yang boleh banding. Pengalaman rugi sejarah dilaraskan pada asas data yang boleh diperhatikan semasa untuk menunjukkan kesan keadaan semasa yang tidak menjejaskan tempoh yang padanya pengalaman rugi sejarah didasarkan dan untuk menyingkirkan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang tidak wujud masa kini. Anggaran perubahan dalam aliran tunai masa hadapan menggambarkan dan konsisten secara terus dengan perubahan dalam data berkaitan yang boleh diperhatikan dari tempoh ke tempoh (seperti perubahan dalam kadar pengangguran, harga hartanah, harga komoditi, status pembayaran atau faktor lain yang menunjukkan kerugian yang ditanggung dalam kumpulan dan magnitud mereka). Metodologi dan andaian yang digunakan untuk menganggarkan aliran tunai masa hadapan disemak secara berkala untuk mengurangkan apa-apa perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman rugi sebenar.
- PA123. Sebagai contoh mengguna pakai perenggan PA122, entiti boleh menentukan, pada asas pengalaman sejarah, bahawa satu daripada sebab utama kemungkiran pinjaman ialah kematian peminjam. Entiti boleh memerhatikan kadar kematian adalah tidak berubah dari satu tahun ke tahun yang seterusnya. Walaupun begitu, sesetengah peminjam dalam kumpulan pinjaman entiti mungkin telah meninggal dunia dalam tahun tersebut, menunjukkan kerugian penjejasan nilai telah berlaku atas pinjaman tersebut, walaupun, ketika akhir tahun, entiti

masih belum menyedari peminjam spesifik yang manakah telah meninggal dunia. Kerugian penjejasan nilai sewajarnya diiktiraf bagi kerugian “ditanggung tetapi tidak dilaporkan” ini. Walau bagaimanapun, tidak wajar untuk mengiktiraf kerugian penjejasan nilai untuk kematian yang dijangka akan berlaku dalam tempoh masa hadapan, kerana peristiwa kerugian yang tidak dapat dielakkan (kematian peminjam) belum lagi berlaku.

- PA124. Apabila menggunakan kadar rugi sejarah dalam menganggarkan aliran tunai masa hadapan, adalah penting bahawa maklumat tentang kadar rugi sejarah diguna pakai dalam kumpulan yang ditentukan dengan cara konsisten bersama kumpulan yang mana kadar rugi sejarah diperhatikan. Oleh itu, kaedah yang digunakan hendaklah membolehkan setiap kumpulan dikaitkan dengan maklumat tentang pengalaman rugi lampau dalam kumpulan aset dengan ciri risiko kredit serupa dan data yang boleh diperhatikan serta relevan yang menggambarkan keadaan semasa.
- PA125. Pendekatan berdasarkan formula atau kaedah statistik boleh digunakan untuk menentukan kerugian penjejasan nilai dalam kumpulan aset kewangan (contohnya, untuk baki pinjaman yang lebih kecil) selagi mereka konsisten dengan keperluan dalam perenggan 72–74 dan PA120–PA124. Mana-mana model yang digunakan akan menggabungkan kesan nilai masa wang, mengambil kira aliran tunai bagi semua baki hayat aset (bukan sahaja tahun seterusnya), mengambil kira umur pinjaman dalam portfolio dan tidak memberikan kenaikan kepada kerugian penjejasan nilai pada pengiktirafan awal aset kewangan.

Hasil Faedah selepas Pengiktirafan Penjejasan nilai

- PA126. Apabila aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang serupa telah diturun nilai kesan daripada kerugian penjejasan nilai, hasil faedah selepas itu diiktiraf menggunakan kadar faedah yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa hadapan dengan tujuan untuk mengukur kerugian penjejasan nilai.

Lindung Nilai (perenggan 80–113)

Instrumen Lindung Nilai (perenggan 81–86)

Instrumen Layak (perenggan 81 dan 82)

- PA127. Potensi rugi atas opsyen yang ditulis oleh entiti boleh menjadi lebih besar dengan signifikan berbanding potensi laba dalam nilai item lindung nilai yang berkaitan. Dalam kata lain, opsyen bertulis tidak berkesan dalam mengurangkan pendedahan lebihan atau kurangan bagi item lindung nilai. Oleh itu, opsyen bertulis tidak layak sebagai instrumen lindung nilai melainkan ia ditetapkan sebagai ofset bagi opsyen dibeli, termasuk yang terkandung dalam instrumen kewangan lain (contohnya, opsyen beli bertulis digunakan untuk melindungi nilai liabiliti boleh panggil). Sebaliknya, opsyen dibeli mempunyai potensi laba bersamaan dengan atau lebih besar daripada rugi dan oleh itu, mempunyai potensi untuk mengurangkan pendedahan lebihan atau kurangan daripada perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai. Oleh sebab itu, ia layak sebagai instrumen lindung nilai.
- PA128. Pelaburan dipegang hingga matang dibawa pada kos pelunasan boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai risiko mata wang asing.

- PA129. Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut yang tidak dibawa pada nilai saksama kerana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan munasabah atau derivatif yang dipautkan dan hendaklah diselesaikan dengan penyerahan instrumen ekuiti tidak disebut tersebut (lihat perenggan 48 (c) dan 49) tidak boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai.
- PA130. Instrumen ekuiti entiti sendiri yang bukan merupakan aset kewangan atau liabiliti kewangan entiti dan oleh itu, tidak boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai.

Item lindung nilai (perenggan 87–94)

Item Layak (perenggan 87–89)

- PA131. Komitmen teguh untuk memperoleh entiti atau set aktiviti bersepadu dalam penggabungan entiti bukan item lindung nilai, kecuali bagi risiko tukaran asing, kerana risiko lain yang dilindung nilai tidak boleh dikenal pasti dan diukur secara spesifik. Risiko lain ini merupakan risiko operasi umum.
- PA132. Pelaburan kaedah ekuiti tidak boleh menjadi item lindung nilai dalam lindung nilai saksama kerana kaedah ekuiti mengiktiraf dalam lebihan atau kurangan perkongsian pelabur dalam lebihan atau kurangan entiti bersekutu, dan bukannya perubahan dalam nilai saksama pelaburan. Bagi sebab yang serupa, pelaburan dalam entiti dikawal disatukan tidak boleh menjadi item lindung nilai dalam lindung nilai saksama kerana penyatuan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan bagi lebihan atau kurangan entiti dikawal, dan bukannya perubahan dalam nilai saksama pelaburan. Lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing adalah berbeza kerana ia merupakan lindung nilai bagi pendedahan mata wang asing, bukan lindung nilai saksama bagi perubahan dalam nilai pelaburan.
- PA133. Perenggan 89 menyatakan bahawa dalam penyata kewangan disatukan, risiko mata wang asing bagi urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi dalam ekonomi entiti mungkin layak sebagai item lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai, dengan syarat urus niaga didenominasikan dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian bagi entiti yang memasuki urus niaga dan risiko mata wang asing akan memberi kesan kepada lebihan atau kurangan yang disatukan. Bagi tujuan ini, entiti boleh menjadi entiti mengawal, entiti dikawal, entiti bersekutu, usaha sama atau cawangan. Jika risiko mata wang asing bagi urus niaga ramalan dalam entiti ekonomi tidak memberi kesan kepada lebihan atau kurangan yang disatukan, urus niaga tidak layak sebagai item lindung nilai. Hal ini biasa bagi kes pembayaran royalti, pembayaran faedah atau caj pengurusan antara ahli bagi ekonomi entiti yang sama melainkan terdapat urus niaga luaran yang berkaitan. Walau bagaimanapun, apabila risiko mata wang asing bagi urus niaga ramalan dalam entiti ekonomi akan memberi kesan kepada lebihan atau kurangan yang disatukan, urus niaga layak sebagai item lindung nilai. Contohnya, ramalan jualan atau pembelian inventori ramalan antara ahli ekonomi entiti yang sama jika terdapat jualan inventori berikutnya kepada pihak luar entiti ekonomi. Begitu juga, ramalan jualan bagi hartanah, loji dan peralatan dalam entiti ekonomi daripada entiti yang membinanya untuk entiti yang akan menggunakan hartanah, loji dan peralatan dalam operasinya boleh memberi kesan kepada lebihan atau kurangan yang disatukan. Hal ini boleh berlaku, sebagai contoh, kerana loji dan peralatan akan susut nilai dengan pembelian entiti dan amaun diiktiraf pada awalnya bagi loji dan peralatan boleh berubah jika urus niaga ramalan dalam entiti ekonomi didenominasikan dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian entiti yang membeli.

- PA134. Jika lindung nilai bagi urus niaga ramalan dalam entiti ekonomi layak untuk perakaunan lindung nilai, apa-apa laba atau rugi yang diiktiraf secara terus dalam aset bersih/ekuiti menurut perenggan 106(a) hendaklah dikelaskan semula ke dalam lebih atau kurangan dalam tempoh yang sama atau tempoh semasa risiko mata wang asing bagi urus niaga lindung nilai memberi kesan kepada lebih atau kurangan yang disatukan.
- PA135. Entiti boleh menetapkan semua perubahan dalam aliran tunai atau nilai saksama bagi item lindung nilai dalam hubungan lindung nilai. Entiti juga boleh menetapkan perubahan sahaja dalam aliran tunai atau nilai saksama bagi item lindung nilai yang di atas atau di bawah daripada harga yang tertentu atau pemboleh ubah lain (risiko sebelah pihak). Nilai intrinsik bagi instrumen lindung nilai opsyen dibeli (andaikan bahawa ia mempunyai syarat prinsipal yang sama dengan risiko yang ditetapkan), tetapi bukan nilai masanya, menggambarkan risiko sebelah pihak dalam item lindung nilai. Contohnya, entiti boleh menetapkan keberubahan terhadap keberhasilan aliran tunai masa hadapan kesan daripada peningkatan harga bagi pembelian komoditi ramalan. Dalam situasi ini, hanya kerugian aliran tunai kesan daripada peningkatan harga di atas tahap yang tertentu. Risiko lindung nilai tidak termasuk nilai masa bagi opsyen dibeli kerana nilai masa bukan komponen bagi urus niaga ramalan yang memberi kesan kepada lebih atau kurangan (perenggan 96(b)).

Penetapan Item Kewangan sebagai Item Lindung Nilai (perenggan 90 dan 91)

- PA136. Jika bahagian aliran tunai aset kewangan atau liabiliti kewangan ditetapkan sebagai item lindung nilai, bahagian yang ditetapkan hendaklah kurang daripada jumlah aliran tunai bagi aset atau liabiliti. Sebagai contoh, jika liabiliti yang kadar faedah berkesannya di bawah kadar faedah berkaitan pasaran, entiti tidak boleh menetapkan (a) bahagian liabiliti bersamaan dengan amaun prinsipal tambah faedah pada kadar berkaitan pasaran dan (b) bahagian sisa negatif. Walau bagaimanapun, entiti boleh menetapkan semua aliran tunai bagi keseluruhan aset kewangan atau liabiliti kewangan sebagai item lindung nilai dan melindungi nilai mereka bagi satu risiko tertentu sahaja (contohnya, hanya untuk perubahan yang berkaitan perubahan dalam kadar pasaran). Sebagai contoh, dalam kes liabiliti kewangan yang kadar faedah berkesannya adalah 100 mata asas di bawah kadar pasaran, entiti boleh menetapkan sebagai item lindung nilai bagi keseluruhan liabiliti (contohnya, prinsipal tambah faedah pada kadar pasaran tolak 100 mata asas) dan melindungi nilai perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai bagi keseluruhan liabiliti yang dikaitkan dengan perubahan dalam kadar pasaran. Entiti juga boleh memilih nisbah lindung nilai selain satu kepada satu bagi meningkatkan keberkesanan lindung nilai seperti yang diterangkan dalam perenggan PA140.
- PA137. Sebagai tambahan, jika instrumen kewangan kadar tetap dilindung nilai pada suatu masa selepas pewujudan dan sementara itu kadar faedahnya berubah, entiti boleh menetapkan bahagian bersamaan dengan kadar tanda aras yang lebih tinggi daripada kadar kontraktual yang dibayar atas item tersebut. Entiti boleh berbuat demikian dengan syarat kadar tanda aras kurang daripada kadar faedah berkesan yang dikira dengan andaian bahawa entiti telah membeli instrumen pada hari pertama entiti menetapkan item lindung nilai. Sebagai contoh, andaikan entiti mewujudkan aset kewangan kadar tetap sebanyak RM100 yang mempunyai kadar faedah berkesan sebanyak 6 peratus pada ketika kadar pasaran adalah 4 peratus. Entiti mula melindungi nilai aset tersebut sehingga suatu masa apabila kadar pasaran meningkat kepada 8 peratus dan nilai saksama aset menurun kepada RM90. Entiti mengira seolah-olah aset tersebut telah dibeli pada tarikh entiti pertama kali menetapkannya sebagai item lindung

nilai pada nilai saksamanya selepas itu iaitu RM90, hasil berkesan menjadi 9.5 peratus. Oleh kerana kadar pasaran adalah kurang daripada hasil berkesan ini, entiti boleh menetapkan bahagian kadar pasaran sebanyak 8 peratus yang mengandungi sebahagian daripada faedah kontraktual aliran tunai dan sebahagian daripada perbezaan antara nilai saksama semasa (contohnya, RM90) dan amaun bayaran balik ketika matang (contohnya, RM100).

PA138. Perenggan 90 membenarkan entiti untuk menetapkan sesuatu selain daripada keseluruhan perubahan nilai saksama atau keberubahan aliran tunai instrumen kewangan. Sebagai contoh:

- (a) Semua aliran tunai bagi instrumen kewangan boleh ditetapkan untuk perubahan aliran tunai atau nilai saksama yang berkaitan beberapa (tetapi bukan semua) risiko; atau
- (b) Sebahagian (tetapi bukan semua) aliran tunai bagi instrumen kewangan boleh ditetapkan untuk perubahan aliran tunai atau nilai saksama yang berkaitan semua atau hanya beberapa risiko (contohnya, “bahagian” aliran tunai bagi instrumen kewangan boleh ditetapkan bagi perubahan yang berkaitan semua atau hanya beberapa risiko sahaja).

PA139. Untuk melayakkan bagi perakaunan lindung nilai, risiko dan bahagian yang ditetapkan hendaklah diasingkan menjadi komponen yang boleh dikenal pasti bagi instrumen kewangan, dan perubahan dalam aliran tunai atau nilai saksama bagi keseluruhan instrumen kewangan yang timbul daripada perubahan dalam risiko dan bahagian yang ditetapkan hendaklah boleh diukur dengan pasti. Sebagai contoh:

- (a) Bagi instrumen kewangan kadar tetap yang dilindung nilai bagi perubahan dalam nilai saksama yang berkaitan dengan perubahan dalam kadar faedah bebas risiko atau kadar faedah tanda aras, kadar faedah bebas risiko atau kadar faedah tanda aras tersebut biasanya berkaitan dengan kedua-dua komponen yang boleh dikenal pasti secara berasingan bagi instrumen kewangan dan boleh diukur dengan pasti.
- (b) Inflasi tidak boleh dikenal pasti secara berasingan dan diukur dengan pasti serta tidak boleh ditetapkan sebagai risiko atau bahagian instrumen kewangan melainkan keperluan dalam (c) dipenuhi.
- (c) Bahagian inflasi yang ditentukan secara kontrak bagi aliran tunai bon berkait inflasi yang dikenal pasti (mengandaikan tiada keperluan untuk memperakaunkan derivatif terkandung secara berasingan) dikenal pasti secara berasingan dan boleh diukur dengan pasti selagi aliran tunai lain bagi instrumen tidak memberi kesan kepada bahagian inflasi tersebut.

Penetapan Item Bukan Kewangan sebagai Item Lindung Nilai (perenggan 92)

PA140. Perubahan dalam harga bagi bahan atau komponen aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan secara umumnya tidak boleh diramal, kesan boleh diukur secara berasingan terhadap harga item yang boleh dibandingkan dengan kesan, contohnya, perubahan dalam kadar faedah pasaran terhadap harga bon. Oleh itu, aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan merupakan item dilindung nilai sahaja pada keseluruhannya atau bagi risiko tukaran asing. Jika terdapat perbezaan antara terma instrumen lindung nilai dengan item dilindung nilai (seperti, bagi lindung nilai ramalan pembelian minyak *Brent Crude*

menggunakan kontrak hadapan untuk membeli minyak *Light Sweet Crude* atau sebaliknya pada terma yang serupa), walau bagaimanapun hubungan lindung nilai layak sebagai hubungan perlindungan nilai dengan syarat, semua syarat dalam perenggan 98 dipenuhi, termasuklah lindung nilai tersebut dijangka sangat berkesan. Bagi tujuan ini, amaun instrumen lindung nilai mungkin lebih besar atau kurang daripada item lindung nilai tersebut jika ini meningkatkan keberkesanan hubungan lindung nilai. Sebagai contoh, analisis regresi boleh dijalankan untuk menetapkan hubungan statistik antara item lindung nilai (contohnya, urusan niaga dalam minyak Brent Crude) dengan instrumen lindung nilai (contohnya, urusan niaga dalam minyak Light Sweet Crude). Jika terdapat hubungan statistik yang sah antara dua pemboleh ubah (contohnya, antara harga unit minyak Brent Crude dengan minyak Light Sweet Crude), kelerengan garisan regresi boleh digunakan untuk menetapkan nisbah lindung nilai yang akan memaksimumkan jangkaan keberkesanan. Sebagai contoh, jika kelerengan garisan regresi adalah 1.02, nisbah lindung nilai berdasarkan 0.98 kuantiti item dilindung nilai sehingga 1.00 kuantiti instrumen lindung nilai memaksimumkan jangkaan keberkesanan. Walau bagaimanapun, hubungan perlindungan nilai boleh memberi kesan dalam ketidakberkesanan yang diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan semasa tempoh hubungan lindung nilai.

Penetapan Kumpulan Item bagi Item Dilindung Nilai (perenggan 93 dan 94)

- PA141. Lindung nilai bagi kedudukan bersih keseluruhan (contohnya, semua aset kadar tetap dan liabiliti kadar tetap bersih dengan kematangan serupa) dan bukannya item lindung nilai spesifik, tidak layak untuk perakaunan lindung nilai. Walau bagaimanapun, kesan yang hampir sama terhadap lebihan atau kekurangan bagi perakaunan lindung nilai untuk jenis hubungan lindung nilai ini boleh dicapai dengan menetapkan sebagai item dilindung nilai sebahagian daripada item sandaran. Sebagai contoh, jika bank mempunyai aset sebanyak RM100 dan liabiliti sebanyak RM90 dengan risiko dan terma bagi sifat yang serupa dan melindungi nilai bersih pendedahan sebanyak RM10, ia boleh ditetapkan sebagai item dilindung nilai aset sebanyak RM10 tersebut. Penetapan ini boleh digunakan jika aset dan liabiliti tersebut merupakan instrumen kadar tetap, dalam kes ini ia merupakan lindung nilai saksama, atau jika mereka merupakan instrumen kadar berubah, dalam kes ini ia merupakan lindung nilai aliran tunai. Begitu juga, jika entiti mempunyai komitmen teguh untuk membuat pembelian dalam mata wang asing sebanyak RM100 dan komitmen teguh untuk membuat jualan dalam mata wang asing sebanyak RM90, ia boleh lindung nilai amaun bersih sebanyak RM10 dengan memperoleh derivatif dan menetapkannya sebagai instrumen lindung nilai dikaitkan dengan RM10 bagi komitmen pembelian teguh sebanyak RM100.

Perakaunan Lindung Nilai (perenggan 95–113)

- PA142. Contoh lindung nilai saksama ialah lindung nilai pendedahan kepada perubahan dalam nilai saksama bagi instrumen hutang kadar tetap kesan daripada perubahan dalam kadar faedah. Lindung nilai tersebut boleh dimasuki oleh pengeluar atau pemegang.
- PA143. Contoh lindung nilai aliran tunai ialah penggunaan swap untuk mengubah hutang kadar terapung kepada hutang kadar tetap (contohnya, lindung nilai bagi urusan niaga masa hadapan apabila aliran tunai masa hadapan yang dilindung nilai merupakan bayaran faedah masa hadapan).
- PA144. Lindung nilai bagi komitmen teguh (contohnya, lindung nilai bagi perubahan dalam harga

bahan api berkaitan komitmen berkontrak tidak diiktiraf oleh utiliti elektrik untuk membeli bahan api pada harga tetap) merupakan lindung nilai pendedahan kepada perubahan dalam nilai saksama. Oleh sebab itu, lindung nilai tersebut merupakan lindung nilai saksama. Walau bagaimanapun, di bawah perenggan 97, lindung nilai bagi risiko mata wang asing bagi komitmen teguh boleh diperakaunkan sebagai lindung nilai aliran tunai.

Menilai Keberkesanan Lindung Nilai

PA145. Lindung nilai dianggap sebagai sangat berkesan jika hanya kedua-dua syarat yang berikut dipenuhi:

- (a) Pada permulaan lindung nilai dan dalam tempoh berikutnya, lindung nilai dijangka menjadi sangat berkesan dalam mencapai perubahan ofset dalam nilai saksama atau aliran tunai yang berkaitan risiko lindung nilai semasa tempoh lindung nilai ditetapkan. Jangkaan tersebut boleh ditunjukkan dalam pelbagai cara, termasuklah perbandingan perubahan lampau dalam nilai saksama atau aliran tunai item dilindung nilai yang dikaitkan dengan risiko lindung nilai dengan perubahan lampau dalam nilai saksama atau aliran tunai instrumen lindung nilai, atau dengan menunjukkan korelasi statistik yang tinggi antara nilai saksama atau aliran tunai item dilindung nilai dengan instrumen lindung nilai tersebut. Entiti boleh memilih nisbah lindung nilai selain daripada satu kepada satu untuk meningkatkan keberkesanan lindung nilai seperti yang diterangkan dalam perenggan PA140.
- (b) Keputusan sebenar lindung nilai adalah dalam julat 80-125 peratus. Sebagai contoh, jika keputusan sebenar iaitu kerugian dalam instrumen lindung nilai adalah RM120 dan laba dalam instrumen tunai adalah RM100, ofset boleh diukur dengan $120/100$, iaitu 120 peratus, atau dengan $100/120$, iaitu 83 peratus. Dalam contoh ini, andaikan lindung nilai memenuhi syarat dalam (a), entiti akan merumuskan bahawa lindung nilai mempunyai keberkesanan yang tinggi.

PA146. Keberkesanan dinilai, pada minimum, ketika entiti menyediakan penyata kewangan tahunannya.

PA147. Piawaian ini tidak mengkhususkan satu kaedah untuk menilai keberkesanan lindung nilai. Kaedah yang entiti terima pakai untuk menilai keberkesanan lindung nilai bergantung pada strategi pengurusan risikonya. Sebagai contoh, jika strategi pengurusan risiko entiti melaraskan amaun instrumen lindung nilai secara berkala bagi menunjukkan perubahan dalam kedudukan dilindung nilai, entiti perlu menunjukkan bahawa lindung nilai adalah dijangka akan menjadi sangat berkesan hanya untuk tempoh sehingga amaun instrumen lindung nilai seterusnya dilaraskan. Dalam sesetengah kes, entiti menerima pakai kaedah berbeza bagi jenis lindung nilai yang berbeza. Entiti mendokumentasikan strategi lindung nilai termasuk prosedur untuk menilai keberkesanan. Prosedur tersebut menyatakan sama ada penilaian termasuk semua laba atau rugi atas instrumen lindung nilai atau sama ada nilai masa instrumen dikecualikan.

PA148. Jika entiti lindung nilai kurang daripada 100 peratus dedahan atas sesuatu item, seperti 85 peratus, entiti hendaklah menetapkan item dilindung nilai sebagai 85 peratus dedahan dan hendaklah mengukur ketidakberkesanan berdasarkan perubahan dalam 85 peratus dedahan yang ditetapkan tersebut. Walau bagaimanapun, ketika melindungi nilai 85 peratus dedahan

yang ditetapkan tersebut, entiti boleh menggunakan nisbah lindung nilai selain daripada satu kepada satu jika ia meningkatkan keberkesanan lindung nilai yang dijangka, seperti yang diterangkan dalam perenggan PA140.

- PA149. Jika terma prinsipal bagi instrumen lindung nilai dan aset dilindung nilai, liabiliti, komitmen teguh atau urus niaga ramalan kebarangkalian tinggi adalah sama, perubahan dalam nilai saksama dan aliran tunai yang berkaitan risiko dilindung nilai berkemungkinan mengofset satu sama lain sepenuhnya, kedua-duanya apabila lindung nilai dilaksanakan dan selepasnya. Sebagai contoh, swap kadar faedah mungkin menjadi lindung nilai berkesan jika amaun nosional dan prinsipal, tempoh, tarikh harga semula, tarikh terimaan dan bayaran bagi faedah dan prinsipal, dan asas bagi pengukuran kadar faedah adalah sama bagi instrumen lindung nilai dan item dilindung nilai. Sebagai tambahan, lindung nilai pembelian ramalan kebarangkalian tinggi bagi komoditi dengan kontrak hadapan mungkin menjadi sangat berkesan jika:
- (a) Kontrak hadapan adalah untuk pembelian bagi kuantiti yang sama bagi komoditi yang sama pada masa dan lokasi yang sama semasa pembelian ramalan yang dilindung nilai;
 - (b) Nilai saksama bagi kontrak hadapan pada permulaan adalah sifar; dan
 - (c) Sama ada perubahan dalam diskaun atau premium pada kontrak hadapan dikecualikan daripada penilaian keberkesanan dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau perubahan dalam aliran tunai yang dijangka terhadap urus niaga ramalan kebarangkalian tinggi adalah berdasarkan harga hadapan bagi komoditi.
- PA150. Kadangkala instrumen lindung nilai mengofset sebahagian daripada risiko dilindung nilai sahaja. Sebagai contoh, lindung nilai tidak akan berkesan sepenuhnya jika instrumen lindung nilai dan item dilindung nilai didenominasikan dalam mata wang berbeza yang tidak bergerak seiring. Begitu juga, lindung nilai bagi risiko kadar faedah menggunakan derivatif tidak akan berkesan sepenuhnya jika sebahagian daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif dikaitkan dengan risiko kredit pihak berlawanan.
- PA151. Untuk layak sebagai perakaunan lindung nilai, lindung nilai hendaklah berkait dengan risiko yang dikenal pasti dan ditetapkan secara spesifik, dan bukan sahaja kepada risiko operasi umum entiti, dan hendaklah akhirnya memberi kesan kepada lebihan atau kurangan entiti. Lindung nilai risiko keusangan aset fizikal atau risiko perubahan perundangan berkait dengan pemuliharaan kerosakan terhadap persekitaran tidak layak untuk perakaunan lindung nilai; keberkesanan tidak boleh diukur kerana risiko tersebut tidak boleh diukur secara pasti.
- PA152. Perenggan 83(a) membenarkan entiti untuk mengasingkan nilai intrinsik dan nilai masa bagi kontrak opsi dan ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai sahaja bagi perubahan dalam nilai intrinsik bagi kontrak opsi. Penetapan tersebut mungkin memberi kesan kepada hubungan lindung nilai yang berkesan dengan sempurna dalam mencapai perubahan ofset dalam aliran tunai yang berkaitan risiko sebelah pihak dilindung nilai bagi urus niaga ramalan, jika syarat prinsipal bagi urus niaga ramalan dan instrumen lindung nilai adalah sama.
- PA153. Jika entiti menetapkan opsi dibeli dalam keseluruhannya sebagai instrumen lindung nilai bagi risiko sebelah pihak yang timbul daripada urus niaga ramalan, hubungan lindung nilai tidak akan berkesan dengan sempurna. Ini disebabkan premium yang dibayar bagi opsi

termasuklah nilai masa dan, seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA135, risiko sebelah pihak yang ditetapkan tidak termasuk nilai masa bagi sesuatu opsyen. Oleh itu, dalam situasi ini, tidak akan ada ofset antara aliran tunai yang berkaitan dengan nilai masa bagi opsyen premium yang dibayar dan risiko dilindung nilai yang ditetapkan.

- PA154. Dalam kes risiko kadar faedah, keberkesanan lindung nilai boleh dinilai dengan menyediakan jadual kematangan bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang menunjukkan pendedahan kadar faedah bersih bagi setiap tempoh masa, dengan syarat pendedahan bersih berkait dengan aset atau liabiliti spesifik (atau kumpulan aset atau liabiliti yang spesifik atau bahagian spesifik daripadanya) menimbulkan pendedahan bersih, dan keberkesanan lindung nilai yang dinilai terhadap aset atau liabiliti tersebut.
- PA155. Dalam menilai keberkesanan lindung nilai, entiti secara umumnya mempertimbangkan nilai masa wang. Kadar faedah tetap bagi item dilindung nilai tidak perlu betul-betul sepadan dengan kadar faedah tetap bagi swap yang ditetapkan sebagai lindung nilai saksama. Begitu juga dengan kadar faedah boleh ubah bagi aset atau liabiliti berfaedah perlu sama dengan kadar faedah boleh ubah bagi swap yang ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai. Nilai saksama swap diterbitkan daripada penyelesaian bersihnya. Kadar tetap dan boleh ubah bagi swap boleh diubah tanpa memberi kesan kepada penyelesaian bersih jika kedua-duanya diubah pada amaun yang sama.
- PA156. Jika entiti tidak memenuhi kriteria keberkesanan lindung nilai, entiti menamatkan perakaunan lindung nilai dari tarikh akhir pematuhan kepada keberkesanan lindung nilai yang boleh ditunjukkan. Walau bagaimanapun, jika entiti mengenal pasti peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan hubungan lindung nilai gagal memenuhi kriteria keberkesanan, dan menunjukkan bahawa lindung nilai berkesan sebelum peristiwa atau perubahan dalam keadaan terjadi, entiti menamatkan perakaunan lindung nilai dari tarikh peristiwa tersebut atau perubahan dalam keadaan.

Nilai Saksama Perakaunan Lindung Nilai bagi Portfolio Lindung Nilai Risiko Kadar Faedah

- PA157. Bagi lindung nilai saksama risiko kadar faedah yang berkait dengan portfolio aset kewangan atau liabiliti kewangan, entiti perlu memenuhi keperluan Piawaian ini jika ia mematuhi prosedur yang dinyatakan dalam (a)–(i) dan perenggan PA158–PA175 di bawah.
- (a) Sebagai sebahagian daripada proses pengurusan risikonya, entiti mengenal pasti portfolio item bagi risiko kadar faedah yang entiti berniat untuk lindung nilai. Portfolio boleh terdiri daripada aset sahaja, liabiliti sahaja atau kedua-dua aset dan liabiliti. Entiti boleh mengenal pasti dua atau lebih portfolio (contohnya, entiti boleh mengumpulkan aset sedia dijual kepada portfolio berasingan), dalam kes yang mana ia mengguna pakai panduan di bawah untuk setiap portfolio berasingan.
- (b) Entiti menganalisis portfolio ke dalam tempoh masa penentuan harga semula berdasarkan jangkaan dan bukannya kontraktual tarikh penentuan harga semula. Analisis ke dalam tempoh masa penentuan harga semula boleh dilaksanakan dalam pelbagai cara termasuklah menjadualkan aliran tunai ke dalam tempoh yang dijangkakan berlaku atau menjadualkan amaun prinsipal nosional ke dalam semua tempoh sehingga penentuan harga semula dijangkakan berlaku.

- (c) Pada asas analisis ini, entiti memutuskan amaun yang entiti berniat untuk lindung nilai. Entiti menetapkan sebagai item lindung nilai bagi amaun aset atau liabiliti (tetapi bukan amaun bersih) daripada portfolio yang dikenal pasti bersamaan dengan amaun yang entiti berniat untuk ditetapkan sebagai dilindung nilai. Amaun ini juga menentukan pengukuran peratusan yang digunakan untuk menguji keberkesanan menurut perenggan PA169(b).
- (d) Entiti menetapkan risiko kadar faedah yang dilindung nilai. Risiko ini mungkin menjadi sebahagian daripada risiko kadar faedah dalam setiap item dalam kedudukan yang dilindung nilai, seperti kadar faedah tanda aras (contohnya, kadar swap).
- (e) Entiti menetapkan satu atau lebih instrumen yang dilindung nilai bagi setiap tempoh penentuan harga semula.
- (f) Menggunakan penetapan yang dibuat dalam (c)-(e) di atas, entiti menilai pada permulaan dan tempoh berikutnya, sama ada lindung nilai dijangka akan menjadi sangat berkesan semasa tempoh bagi lindung nilai itu ditetapkan.
- (g) Secara berkala, entiti mengukur perubahan dalam nilai saksama bagi item dilindung nilai (seperti ditetapkan dalam (c)) yang dikaitkan dengan risiko dilindung nilai (seperti ditetapkan dalam (d)), pada asas tarikh penentuan harga semula yang dijangkakan ditentukan dalam (b). Dengan syarat, lindung nilai tersebut sebenarnya telah menjadi sangat berkesan apabila dinilai menggunakan kaedah dokumentasi entiti dalam menilai keberkesanan, entiti mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama bagi item yang dilindung nilai sebagai laba atau rugi dalam lebihan atau kekurangan dan dalam satu daripada dua barisan item dalam penyata kedudukan kewangan seperti yang diterangkan dalam perenggan 100. Perubahan dalam nilai saksama tidak perlu diagihkan kepada aset atau liabiliti individu.
- (h) Entiti mengukur perubahan dalam nilai saksama bagi instrumen lindung nilai (seperti ditetapkan dalam (e)) dan mengiktirafnya sebagai laba atau rugi dalam lebihan atau kekurangan. Nilai saksama bagi instrumen lindung nilai diiktiraf sebagai aset atau liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.
- (i) Sebarang ketidakberkesanan akan diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan sebagai perbezaan antara perubahan dalam nilai saksama merujuk kepada (g) dan yang merujuk kepada (h) (keberkesanan diukur menggunakan pertimbangan kematanan yang sama seperti dalam MPSAS yang lain).

PA158. Pendekatan ini diterangkan dengan lebih lanjut di bawah. Pendekatan ini hendaklah diguna pakai hanya kepada lindung nilai saksama bagi risiko kadar faedah yang berkaitan dengan portfolio aset kewangan atau liabiliti kewangan.

PA159. Portfolio yang dikenal pasti dalam perenggan PA157(a) boleh mengandungi aset dan liabiliti. Sebagai alternatif, ia boleh menjadi portfolio yang mengandungi aset sahaja, atau liabiliti sahaja. Portfolio tersebut digunakan untuk menentukan amaun aset atau liabiliti yang entiti berniat untuk lindung nilai. Walau bagaimanapun, portfolio tersebut tidak dengan sendirinya ditetapkan sebagai item dilindung nilai.

- PA160. Dengan mengguna pakai perenggan PA157(b), entiti menentukan tarikh harga semula dijangka bagi sesuatu item pada tarikh terawal apabila item dijangka matang atau harga ditentukan semula pada kadar pasaran. Tarikh harga semula dijangka dianggarkan pada permulaan lindung nilai dan sepanjang tempoh lindung nilai, berdasarkan pengalaman sejarah dan maklumat lain yang ada, termasuk maklumat dan jangkaan berkenaan kadar pembayaran terdahulu, kadar faedah dan interaksi antara mereka. Entiti yang tidak mempunyai pengalaman entiti spesifik atau pengalaman tidak mencukupi, menggunakan pengalaman kumpulan entiti setaraf untuk instrumen kewangan boleh banding. Anggaran ini disemak secara berkala dan dikemaskinikan berdasarkan pengalaman. Bagi kes item berkadar tetap yang dibayar terdahulu, tarikh harga semula dijangka ialah tarikh bagi item dijangkakan untuk dibayar dahulu melainkan ia ditentukan harga semula pada kadar pasaran pada tarikh terawal. Bagi kumpulan item yang serupa, analisis dalam tempoh masa berdasarkan tarikh harga semula dijangka mungkin dalam bentuk pengagihan peratusan bagi kumpulan tersebut, dan bukannya item individu, terhadap setiap tempoh masa. Entiti boleh mengguna pakai metodologi lain bagi tujuan pengagihan tersebut. Sebagai contoh, ia boleh menggunakan kadar bayaran terdahulu pengganda bagi pengagihan pelunasan pinjaman terhadap tempoh masa berdasarkan tarikh harga semula yang dijangka. Walau bagaimanapun, metodologi bagi pengagihan tersebut hendaklah menurut prosedur dan objektif pengurusan risiko entiti.
- PA161. Sebagai contoh penetapan yang dinyatakan dalam perenggan PA157(c), jika dalam tempoh masa penentuan harga semula tertentu, entiti menganggarkan yang ia mempunyai aset kadar tetap sebanyak RM100 dan liabiliti kadar tetap sebanyak RM80 dan memutuskan untuk melindungi nilai semua kedudukan bersih sebanyak RM20, ia ditetapkan sebagai item aset dilindung nilai bagi amaun sebanyak RM20 (bahagian aset yang ditetapkan seperti yang Piawaian membenarkan entiti untuk menetapkan apa-apa amaun aset atau liabiliti yang layak dan sedia ada, contohnya, dalam contoh ini apa-apa amaun aset antara RM0 dengan RM100). Penetapan dinyatakan sebagai “amaun mata wang” (contohnya, amaun dalam RM, dolar, euro, paun atau rand) dan bukannya sebagai aset individu. Ia mengikut semua aset (atau liabiliti) daripada amaun dilindung nilai yang ditarik - contohnya, semua aset sebanyak RM100 dalam contoh di atas - hendaklah:
- (a) Item yang nilai saksamanya berubah sebagai tindak balas kepada perubahan dalam kadar faedah yang dilindung nilai; dan
 - (b) Item yang sepatutnya layak bagi nilai saksama perakaunan lindung nilai jika mereka ditetapkan sebagai dilindung nilai secara individu. Khususnya, oleh sebab perenggan 52 dalam Piawaian ini mengkhususkan yang nilai saksama bagi liabiliti kewangan dengan ciri permintaan (seperti deposit permintaan dan sesetengah jenis deposit masa) adalah tidak kurang daripada amaun belum bayar yang diminta, terdiskaun daripada tarikh pertama amaun diperlukan untuk dibayar, iaitu item tidak layak bagi nilai saksama perakaunan lindung nilai untuk bila-bila tempoh masa melebihi tempoh terpendek yang pemegang boleh meminta bayaran. Dalam contoh di atas, kedudukan dilindung nilai merupakan amaun aset. Oleh sebab itu, liabiliti tersebut bukan sebahagian daripada item dilindung nilai yang ditetapkan, tetapi digunakan oleh entiti untuk menentukan amaun aset yang ditetapkan sebagai dilindung nilai. Jika entiti berniat untuk melindungi nilai kedudukan amaun liabiliti, amaun menunjukkan item dilindung nilai yang ditetapkan hendaklah ditarik daripada liabiliti kadar tetap selain daripada liabiliti yang entiti dikehendaki untuk membayar semula dalam tempoh masa

terawal, dan pengukuran peratusan digunakan untuk menilai keberkesanan lindung nilai menurut perenggan PA169(b) akan dikira sebagai peratusan liabiliti lain tersebut. Sebagai contoh, andaikan entiti menganggar bahawa dalam tempoh masa penentuan harga semula tertentu, ia mempunyai liabiliti kadar tetap sebanyak RM100, terdiri daripada deposit permintaan sebanyak RM40 dan liabiliti tanpa ciri permintaan sebanyak RM60, dan aset kadar tetap sebanyak RM70. Jika entiti memutuskan untuk melindungi nilai semua kedudukan bersih sebanyak RM30, ia ditetapkan sebagai liabiliti item dilindung nilai sebanyak RM30 atau 50 peratus ($RM30 / (RM100 - RM40) = 50$ peratus) bagi liabiliti tanpa ciri permintaan.

PA162. Entiti juga mematuhi keperluan penetapan dan dokumentasi lain yang dinyatakan dalam perenggan 98(a). Bagi lindung nilai portfolio risiko kadar faedah, penetapan dan dokumentasi ini menetapkan dasar entiti bagi kesemua pemboleh ubah yang digunakan untuk mengenal pasti amaun yang dilindung nilai dan cara keberkesanan diukur, termasuk yang berikut:

- (a) Aset dan liabiliti yang akan dimasukkan dalam portfolio lindung nilai dan asas yang akan digunakan untuk mengeluarkan item berkenaan daripada portfolio.
- (b) Cara entiti menganggar tarikh harga semula, termasuk andaian kadar faedah yang menjadi dasar untuk menganggar kadar bayaran terdahulu dan asas kepada penukaran anggaran tersebut. Kaedah yang sama digunakan bagi anggaran awal yang dibuat pada masa aset atau liabiliti dimasukkan dalam portfolio dilindung nilai dan apa-apa semakan kemudiannya bagi anggaran tersebut.
- (c) Bilangan dan tempoh jangka masa penentuan harga semula.
- (d) Sekerap manakah entiti akan menguji keberkesanan dan manakah antara dua kaedah dalam perenggan PA169 yang akan digunakan.
- (e) Metodologi yang digunakan oleh entiti untuk menentukan amaun aset atau liabiliti yang ditetapkan sebagai item dilindung nilai dan ukuran peratusan digunakan apabila entiti menguji keberkesanan menggunakan kaedah yang diterangkan dalam perenggan PA169(b).
- (f) Apabila entiti menguji keberkesanan menggunakan kaedah yang diterangkan dalam perenggan PA169(b), sama ada entiti akan menguji keberkesanan bagi setiap tempoh masa penentuan harga semula secara individu bagi keseluruhan tempoh masa dalam agregat, atau dengan menggunakan beberapa kombinasi dua kaedah tersebut.

Dasar yang dinyatakan dalam penetapan dan pendokumenan hubungan lindung nilai hendaklah selari dengan objektif dan prosedur pengurusan risiko entiti. Perubahan dalam dasar tidak boleh dibuat secara sembarangan. Ia hendaklah dijustifikasi atas asas perubahan dalam keadaan pasaran dan faktor lain dan diasaskan kepada dan konsisten dengan objektif dan prosedur pengurusan risiko entiti.

PA163. Instrumen lindung nilai yang dirujuk dalam perenggan PA157(e) boleh terdiri daripada derivatif tunggal atau portfolio derivatif yang mana kesemuanya mempunyai pendedahan kepada risiko kadar faedah dilindung nilai yang ditetapkan dalam perenggan PA157(d). Portfolio derivatif sedemikian boleh mengandungi kedudukan risiko mengofset. Walau

bagaimanapun, ia mungkin tidak termasuk opsyen bertulis atau opsyen bertulis bersih kerana perenggan 86 Piawaian dan perenggan PA127 tidak membenarkan opsyen sedemikian ditetapkan sebagai instrument lindung nilai (kecuali apabila opsyen bertulis ditetapkan sebagai ofset kepada opsyen dibeli). Jika instrumen lindung nilai melindungi nilai amaun yang dinyatakan dalam perenggan PA157(c) lebih daripada satu jangka masa penetapan harga semula, instrumen tersebut diagihkan kepada semua tempoh masa yang dilindung nilai. Walau bagaimanapun, keseluruhan instrumen lindung nilai mesti diagihkan kepada tempoh masa penetapan harga semula kerana perenggan 84 Piawaian tidak membenarkan hubungan lindung nilai ditetapkan untuk hanya sebahagian tempoh masa apabila sesuatu instrumen lindung nilai belum dijelaskan.

- PA164. Apabila entiti mengukur perubahan dalam nilai saksama bagi item bayaran terdahulu menurut perenggan PA157(g), perubahan dalam kadar faedah memberi kesan kepada nilai saksama item bayaran terdahulu tersebut dalam dua cara: ia memberi kesan kepada nilai saksama aliran tunai kontraktual dan nilai saksama opsyen bayaran terdahulu yang terkandung dalam item bayaran terdahulu. Perenggan 90 Piawaian membenarkan entiti menetapkan bahagian aset kewangan atau liabiliti kewangan, yang berkongsi pendedahan risiko yang sama, sebagai item dilindung nilai, dengan syarat keberkesanan dapat diukur. Bagi item bayaran terdahulu, perenggan 91 membenarkan hal ini dicapai dengan menetapkan item dilindung nilai tersebut dari segi perubahan dalam nilai saksama yang disebabkan perubahan kadar faedah yang ditetapkan atas asas yang dijangkakan, dan bukannya kontraktual, tarikh penentuan harga semula. Walau bagaimanapun, kesan perubahan kadar faedah dilindung nilai terhadap tarikh harga semula yang dijangka hendaklah dimasukkan semasa menentukan perubahan nilai saksama item dilindung nilai. Oleh itu, jika tarikh harga semula yang dijangka disamak (contohnya, untuk menggambarkan perubahan dalam bayaran terdahulu yang dijangka) atau jika tarikh tarikh harga semula sebenar berbeza daripada yang dijangka, ketakberkesanan akan wujud seperti yang diterangkan dalam perenggan PA169. Sebaliknya, perubahan pada tarikh harga semula dijangka yang (a) secara jelas timbul daripada faktor selain daripada perubahan dalam kadar faedah dilindung nilai, (b) tidak berkolerasi dengan perubahan kadar faedah dilindung nilai, dan (c) boleh diasingkan dengan pasti daripada perubahan yang disebabkan kadar faedah dilindung nilai (contohnya, perubahan kadar bayaran terdahulu yang secara jelas timbul daripada perubahan faktor demografi atau peraturan cukai dan bukannya perubahan kadar faedah) tidak termasuk apabila menentukan perubahan nilai saksama item dilindung nilai, kerana perubahan tersebut tidak berkaitan dengan risiko dilindung nilai. Jika terdapat ketidakpastian tentang faktor yang menyebabkan perubahan pada tarikh harga semula dijangka atau entiti tidak dapat mengasingkan dengan pasti perubahan yang timbul daripada kadar faedah dilindung nilai daripada perubahan yang timbul daripada faktor lain, perubahan tersebut diandaikan timbul akibat perubahan kadar faedah dilindung nilai.
- PA165. Piawaian tidak menetapkan teknik yang digunakan untuk menentukan amaun yang dirujuk dalam perenggan PA157(g), iaitu perubahan nilai saksama item dilindung nilai yang disebabkan risiko dilindung nilai. Jika teknik statistik atau anggaran lain digunakan bagi pengukuran tersebut, pengurusan mestilah menjangkakan keputusan yang hampir sama dengan keputusan yang diperolehi daripada pengukuran kesemua aset individu atau liabiliti individu yang membentuk item dilindung nilai. Tidak sesuai untuk mengandaikan bahawa perubahan nilai saksama item dilindung nilai adalah sama dengan perubahan nilai instrumen lindung nilai.

- PA166. Perenggan 100 menghendaki bahawa jika item dilindung nilai bagi tempoh masa harga semula tertentu ialah aset, perubahan nilainya dipersembahkan dalam baris item berasingan dalam aset. Sebaliknya, jika item dilindung nilai bagi tempoh masa harga semula tertentu ialah liabiliti, perubahan nilainya dipersembahkan dalam baris item berasingan dalam liabiliti. Item dilindung nilai ini ialah baris item berasingan yang dirujuk dalam perenggan PA157(g). Pengagihan khusus bagi aset individu (atau liabiliti) tidak diperlukan.
- PA167. Perenggan PA157(i) menyatakan bahawa ketidakberkesanan timbul setakat mana perubahan nilai saksama item dilindung nilai yang disebabkan risiko lindung nilai berbeza daripada perubahan nilai saksama derivatif lindung nilai. Perbezaan sedemikian boleh wujud atas beberapa sebab, termasuk:
- (a) Tarikh harga semula sebenar berbeza daripada tarikh yang dijangka, atau tarikh harga semula dijangka yang disemak semula;
 - (b) Item dalam portfolio dilindung nilai menjadi terjejas atau dinyahiktirafkan;
 - (c) Tarikh pembayaran instrumen lindung nilai dan item dilindung nilai adalah berbeza; dan
 - (d) Sebab lain (contohnya, apabila beberapa item lindung nilai menanggung faedah pada kadar di bawah kadar tanda aras yang ditetapkan sebagai dilindung nilai, dan ketidakberkesanan yang terhasil tidak terlalu besar sehingga menyebabkan keseluruhan portfolio tidak layak dilaporkan untuk perakaunan lindung nilai).

Ketidakberkesanan sedemikian (mengguna pakai pertimbangan materialiti yang sama seperti dalam MPSAS lain) hendaklah dikenal pasti dan diiktiraf sebagai lebihan atau kurangan.

- PA168. Secara umumnya, keberkesanan lindung nilai akan bertambah baik:
- (a) Jika entiti menjadualkan item dengan ciri bayaran terdahulu yang berbeza dengan cara mengambil kira perbezaan dalam kelakuan bayaran terdahulu.
 - (b) Apabila bilangan item dalam portfolio adalah lebih besar. Apabila hanya terdapat beberapa item terkandung dalam portfolio tersebut, ketidakberkesanan yang agak tinggi berkemungkinan besar jika satu daripada item dibayar terdahulu lebih awal atau lebih lewat daripada jangkaan. Sebaliknya, apabila portfolio mengandungi beberapa item, kelakuan bayaran terdahulu dapat diramal dengan lebih tepat.
 - (c) Apabila tempoh masa harga semula yang digunakan lebih singkat (contohnya, 1 bulan berbanding 3 bulan tempoh masa harga semula). Tempoh masa harga semula yang lebih singkat mengurangkan kesan apa-apa ketidakpadanan antara tarikh harga semula dengan pembayaran (dalam tempoh masa harga semula) item dilindung nilai dan instrumen lindung nilai.
 - (d) Lebih besar kekerapan amaun instrumen lindung nilai yang diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam item dilindung nilai (contohnya, disebabkan oleh perubahan dalam jangkaan bayaran terdahulu).

- PA169. Entiti menguji keberkesanan secara berkala. Jika anggaran tarikh penentuan harga semula

berubah antara satu tarikh entiti menilai keberkesanan dengan tarikh berikutnya, ia hendaklah mengira amaun keberkesanan sama ada:

- (a) Sebagai perbezaan antara perubahan nilai saksama instrumen lindung nilai (lihat perenggan PA157(h)) dengan perubahan nilai keseluruhan item dilindung nilai yang disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah dilindung nilai (termasuk kesan perubahan kadar faedah dilindung nilai ke atas nilai saksama mana-mana opsyen bayaran terdahulu); atau
- (b) Menggunakan anggaran berikut. Entiti:
 - (i) Mengira peratus aset (atau liabiliti) bagi setiap tempoh masa harga semula yang telah dilindung nilai, pada asas anggaran tarikh harga semula pada tarikh akhir ia diuji keberkesanan.
 - (ii) Mengguna pakai peratusan ini untuk semakan anggaran amaun dalam tempoh masa harga semula yang berkenaan untuk mengira amaun item dilindung nilai berdasarkan anggaran yang disemak.
 - (iii) Mengira perubahan nilai saksama bagi semakan anggaran item dilindung nilai yang disebabkan oleh risiko lindung nilai dan membentangkannya seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA157(g).
 - (iv) Mengiktiraf ketidakberkesanan yang sama dengan perbezaan antara amaun yang ditentukan dalam (iii) dengan perubahan nilai saksama instrumen lindung nilai (lihat perenggan PA157(h)).

PA170. Semasa mengukur keberkesanan, entiti membezakan semakan anggaran tarikh harga semula aset (atau liabiliti) sedia ada daripada pengasalan aset (atau liabiliti) baharu, dengan hanya sebelum ini menimbulkan ketidakberkesanan. Semua semakan terhadap anggaran tarikh harga semula (selain yang tidak termasuk menurut perenggan PA164), termasuk apa-apa pengagihan semula item sedia ada antara tempoh masa, dimasukkan semasa menyemak anggaran amaun dalam suatu tempoh masa menurut perenggan PA169(b)(ii) dan semasa mengukur keberkesanan. Setelah ketidakberkesanan diiktiraf sebagaimana yang dinyatakan di atas, entiti mewujudkan anggaran baharu jumlah aset (atau liabiliti) bagi setiap tempoh masa harga semula, termasuk aset baharu (atau liabiliti) yang wujud sejak kali terakhir keberkesanan diuji, dan menetapkan suatu amaun baharu sebagai item dilindung nilai dan suatu peratusan baharu sebagai peratusan lindung nilai. Prosedur yang dinyatakan dalam perenggan PA169(b) diulangi pada tarikh pengujian keberkesanan yang berikutnya.

PA171. Item yang pada asalnya dijadualkan dalam tempoh masa harga semula boleh dinyahiktiraf disebabkan bayaran terdahulu yang lebih awal daripada yang dijangka atau dihapus kira disebabkan penjejasan nilai atau jualan. Apabila keadaan ini berlaku, amaun perubahan dalam nilai saksama dimasukkan dalam baris item berasingan yang dirujuk dalam perenggan PA157(g) yang berkaitan dengan item dinyahiktiraf hendaklah dikeluarkan daripada penyata kedudukan kewangan, dan dimasukkan dalam laba atau rugi yang timbul ke atas penyahiktirafan item tersebut. Bagi tujuan ini, adalah perlu untuk mengetahui tempoh masa harga semula di mana item dinyahiktiraf dijadualkan, kerana ini menentukan tempoh masa harga semula yang perlu dikeluarkan dan dengan itu amaun yang perlu dikeluarkan daripada

baris item berasingan yang dirujuk kepada perenggan PA157(g). Apabila sesuatu item dinyahiktiraf, jika tempoh masa ia dimasukkan dapat ditentukan, maka ia dikeluarkan daripada tempoh masa tersebut. Jika tidak, ia dikeluarkan daripada tempoh masa yang paling awal jika penyahiktirafan berpunca daripada bayaran terdahulu dijangka yang lebih tinggi, atau diagihkan kepada keseluruhan tempoh masa yang mengandungi item dinyahiktiraf atas asas sistematik dan rasional jika item tersebut dijual atau terjejas.

- PA172. Tambahan itu, apa-apa amaun berkaitan tempoh masa tertentu yang tidak dinyahiktiraf apabila tempoh masa tersebut tamat akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan pada masa tersebut (lihat perenggan 100). Sebagai contoh, andaikan entiti menjadual item kepada tiga tempoh masa harga semula. Pada penetapan semula sebelumnya, perubahan nilai saksama yang dilaporkan dalam satu baris item dalam penyata kedudukan kewangan merupakan aset bernilai RM25. Amaun tersebut mewakili amaun yang diperoleh daripada tempoh 1, 2 dan 3 dengan nilai masing-masing sebanyak RM7, RM8 and RM10. Pada penetapan semula berikutnya, aset yang diperoleh daripada tempoh 1 telah sama ada direalisasikan atau dijadualkan semula ke dalam tempoh yang lain. Oleh itu, RM7 dinyahiktiraf daripada penyata kedudukan kewangan dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. RM8 dan RM10 masing-masing kini diperoleh daripada tempoh 1 dan 2. Baki tempoh ini kemudiannya dilaraskan sebagaimana perlu bagi perubahan dalam nilai saksama seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA157(g).
- PA173. Sebagai ilustrasi keperluan dua perenggan sebelumnya, andaikan entiti menjadualkan aset dengan mengagihkan peratusan portfolio kepada setiap tempoh masa harga semula. Andaikan juga ia menjadualkan RM100 kepada setiap dua tempoh masa pertama. Apabila tempoh masa harga semula pertama luput, RM110 daripada aset dinyahiktiraf disebabkan pembayaran balik yang dijangka atau tidak dijangka. Dalam kes ini, kesemua amaun yang terkandung dalam baris item berasingan yang dirujuk dalam perenggan PA157(g) berkaitan tempoh masa pertama dikeluarkan daripada penyata kedudukan kewangan, ditambah 10 peratus amaun yang berkait dengan tempoh masa kedua.
- PA174. Jika amaun dilindung nilai bagi tempoh masa harga semula dikurangkan tanpa penyahiktirafan aset (atau liabiliti) berkaitan, amaun yang termasuk dalam baris item berasingan yang dirujuk dalam perenggan PA157(g) berkaitan pengurangan hendaklah dilunaskan menurut perenggan 104.
- PA175. Entiti mungkin ingin mengguna pakai pendekatan yang dinyatakan dalam perenggan PA157–PA174 kepada portfolio lindung nilai yang sebelum ini diperakaukan sebagai lindung nilai aliran tunai menurut MPSAS 29. Entiti sedemikian akan membatalkan penetapan lindung nilai aliran tunai sebelum ini menurut perenggan 112(d), dan mengguna pakai keperluan yang dinyatakan dalam perenggan berkenaan. Ia juga akan menetapkan semula lindung nilai sebagai lindung nilai saksama dan mengguna pakai pendekatan yang dinyatakan dalam perenggan PA157–PA174 secara prospektif kepada tempoh perakaunan berikutnya.

Lampiran B

Penaksiran Semula Derivatif Terkandung

Lampiran ini ialah bahagian penting MPSAS 29.

Pengenalan

- B1. Perenggan 11 MPSAS 29 menerangkan derivatif terkandung sebagai “komponen instrumen hibrid (gabungan) termasuk kontrak hos bukan derivatif – dengan kesan beberapa aliran tunai bagi instrumen gabungan berbeza dalam cara yang serupa dengan derivatif berdiri sendiri.”
- B2. Perenggan 12 MPSAS 29 menghendaki derivatif terkandung diasingkan daripada kontrak hos dan diperakaunkan sebagai derivatif jika, dan hanya jika:
- (a) Ciri ekonomi dan risiko derivatif terkandung tidak berkait rapat dengan ciri ekonomi dan risiko kontrak hos;
 - (b) Instrumen berasingan dengan terma yang sama sebagai derivatif terkandung akan menepati takrifan derivatif; dan
 - (c) Instrumen hibrid (gabungan) tidak diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan (iaitu, derivatif yang terkandung dalam aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan tidak diasingkan).
- B3. MPSAS 29 menghendaki entiti, apabila ia menjadi pihak dalam kontrak buat kali pertama, mentaksir sama ada apa-apa derivatif terkandung yang terdapat dalam kontrak dikehendaki untuk diasingkan daripada kontrak hos dan diperakaunkan sebagai derivatif di bawah Piawaian ini. Lampiran ini menekankan sama ada:
- (a) MPSAS 29 menghendaki pentaksiran sedemikian dilakukan hanya apabila entiti menjadi pihak dalam kontrak buat kali pertama, atau jika pentaksiran perlu dipertimbangkan semula sepanjang tempoh kontrak.
 - (b) Penerima pakai kali pertama membuat penaksirannya pada asas syarat yang telah wujud apabila entiti mula-mula menjadi pihak dalam kontrak, atau apa-apa yang mengatasinya apabila entiti mengguna pakai Piawaian ini buat kali pertama.
- B4. Lampiran ini terpakai kepada semua derivatif terkandung dalam skop MPSAS 29 kecuali perolehan kontrak dengan derivative terkandung dalam penggabungan entiti atau kemungkinan penaksiran semula pada tarikh perolehan.

Penggunaan MPSAS 29 bagi Penaksiran Semula Derivatif Terkandung

- B5. Entiti hendaklah menaksir sama ada derivatif terkandung dikehendaki untuk diasingkan daripada kontrak hos dan diperakaunkan sebagai derivatif apabila entiti mula-mula menjadi pihak dalam kontrak. Penaksiran semula berikutnya tidak dibenarkan melainkan terdapat sama ada (a) perubahan dalam terma kontrak yang secara signifikan mengubah aliran tunai walaupun

dikehendaki oleh kontrak atau (b) pengelasan semula aset kewangan selain daripada nilai saksama melalui kategori lebihan atau kurangan, dalam kes ini, penaksiran diperlukan. Entiti menentukan sama ada pengubahsuaian aliran tunai adalah signifikan dengan mengambil kira setakat mana aliran tunai yang dijangka berkaitan dengan derivatif terkandung, kontrak hos atau kedua-duanya berubah dan sama ada perubahan berkenaan adalah signifikan secara relatif kepada aliran tunai yang dijangka sebelumnya dalam kontrak.

- B6. Penaksiran sama ada derivatif terkandung dikehendaki untuk diasingkan daripada kontrak hos dan diperakaunkan sebagai derivatif atas pengelasan semula aset kewangan pada nilai saksama melalui kategori lebihan atau kurangan menurut perenggan B5 hendaklah dilakukan berdasarkan keadaan yang wujud apabila entiti mula-mula menjadi pihak dalam kontrak.
- B7. Ketika pemakaian MPSAS 29 buat kali pertama, entiti hendaklah menaksir sama ada derivatif terkandung dikehendaki untuk diasingkan daripada kontrak hos dan diperakaunkan sebagai derivatif pada asas syarat yang wujud selepas tarikh entiti mula-mula menjadi pihak dalam kontrak buat kali pertama dan tarikh penaksiran semula dikehendaki oleh perenggan B5.

Lampiran C

Lindung Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing

Lampiran ini merupakan bahagian penting MPSAS 29.

Pengenalan

- C1. Kebanyakan entiti pelaporan mempunyai pelaburan dalam operasi asing (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 4, perenggan 10). Operasi asing sedemikian boleh terdiri daripada entiti yang dikawal, entiti bersekutu, usaha sama atau cawangan. MPSAS 4 menghendaki entiti menentukan mata wang fungsian bagi setiap operasi asingnya sebagai mata wang bagi persekitaran ekonomi utama operasi berkenaan. Apabila menterjemah keputusan dan kedudukan kewangan operasi asing kepada mata wang pembentangan, entiti dikehendaki mengiktiraf perbezaan pertukaran asing secara langsung dalam aset bersih/ekuiti sehingga operasi asing tersebut dilupuskan.
- C2. Perakaunan lindung nilai risiko mata wang asing yang timbul daripada pelaburan bersih dalam operasi asing hanya akan terpakai apabila aset bersih operasi asing berkenaan dimasukkan dalam penyata kewangan. Hal ini mungkin berlaku bagi penyata kewangan disatukan, penyata kewangan yang pelaburan diperakaunkan menggunakan kaedah ekuiti, dan penyata kewangan yang kepentingan pengusaha niaga dalam usaha sama disatukan secara berkadaran. Item yang dilindung nilai berhubung dengan risiko mata wang asing yang timbul daripada pelaburan bersih dalam operasi asing boleh terdiri daripada amaun aset bersih sama dengan atau kurang daripada amaun bawaan aset bersih operasi asing.
- C3. MPSAS 29 menghendaki penetapan item dilindung nilai layak dan instrumen lindung nilai layak dalam hubungan perakaunan lindung nilai. Jika terdapat penetapan hubungan lindung nilai, dalam kes lindung nilai pelaburan bersih, laba atau rugi ke atas instrumen lindung nilai yang ditentukan sebagai lindung nilai berkesan bagi pelaburan bersih diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti dan termasuk dengan perbezaan pertukaran asing yang timbul daripada keputusan terjemahan dan kedudukan kewangan operasi asing.
- C4. Lampiran ini terpakai kepada entiti yang melindungi nilai risiko mata wang asing yang timbul daripada pelaburan bersihnya dalam operasi asing dan layak untuk perakaunan lindung nilai menurut MPSAS 29. Ia tidak boleh diguna pakai secara analogi kepada jenis perakaunan lindung nilai yang lain. Lampiran ini merujuk entiti sedemikian sebagai entiti yang mengawal dan penyata kewangan di mana aset bersih operasi asing dimasukkan sebagai penyata kewangan disatukan. Semua rujukan kepada entiti yang mengawal terpakai secara sama rata kepada entiti yang mempunyai pelaburan bersih dalam operasi asing yang merupakan usaha sama, entiti bersekutu atau cawangan.
- C5. Lampiran ini menyediakan panduan tentang:
 - (a) Pengenalpastian risiko mata wang asing yang layak sebagai risiko dilindung nilai bagi lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing, mengambil kira entiti dengan banyak operasi asing mungkin terdedah kepada sejumlah risiko mata wang asing. Ia menekankan secara khusus:

- (i) Sama ada entiti yang mengawal ditetapkan sebagai risiko lindung nilai, hanya perbezaan pertukaran asing yang timbul daripada perbezaan antara mata wang fungsian entiti yang dikawal dengan operasi asingnya, atau sama ada ia juga ditetapkan sebagai risiko lindung nilai perbezaan pertukaran asing yang timbul daripada perbezaan antara mata wang pembentangan penyata kewangan disatukan bagi entiti yang mengawal dengan mata wang pembentangan operasi asing; dan
 - (ii) Jika entiti yang mengawal memegang operasi asing secara tidak langsung, sama ada risiko lindung nilai hanya memasukkan perbezaan pertukaran asing yang timbul daripada perbezaan mata wang fungsian antara operasi asing dengan entiti mengawal langsung, atau sama ada risiko dilindung nilai turut memasukkan apa-apa perbezaan pertukaran asing antara mata wang fungsian operasi asing dengan mana-mana entiti mengawal muktamad atau pertengahan (iaitu hakikatnya sama ada pelaburan bersih dalam operasi asing yang dipegang melalui entiti mengawal pertengahan mempengaruhi risiko ekonomi terhadap entiti mengawal muktamad).
- (b) Di mana dalam entiti ekonomi apabila instrumen lindung nilai boleh dipegang. Ia menekankan secara khusus:
- (i) MPSAS 29 membenarkan entiti menetapkan sama ada instrumen kewangan derivatif atau bukan derivatif (atau gabungan instrumen kewangan derivatif atau bukan derivatif) sebagai instrumen lindung nilai bagi risiko mata wang asing. Lampiran ini menekankan sama ada sifat instrumen lindung nilai (derivatif atau bukan derivatif) atau kaedah penyatuan mempengaruhi keberkesanan pentaksiran.
 - (ii) Lampiran ini juga menekankan apabila, dalam entiti ekonomi, instrumen lindung nilai yang merupakan lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing boleh dipegang untuk layak sebagai perakaunan lindung nilai, iaitu sama ada hubungan perakaunan lindung nilai yang layak dapat diwujudkan hanya jika entiti yang melindungi nilai pelaburan bersihnya merupakan pihak kepada instrumen lindung nilai atau sama ada mana-mana entiti dalam entiti ekonomi, tanpa mengira mata wang fungsian, boleh memegang instrumen lindung nilai.
- (c) Cara entiti menentukan amaun laba atau rugi yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti harus diiktiraf secara langsung dalam lebihan atau kurangan bagi kedua-dua instrumen lindung nilai dan item dilindung nilai kerana MPSAS 4 dan MPSAS 29 menghendaki amaun terkumpul diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti berkaitan dengan kedua-dua perbezaan pertukaran asing yang timbul daripada keputusan terjemahan dan kedudukan kewangan operasi asing serta laba atau rugi daripada instrumen lindung nilai yang ditentukan sebagai lindung nilai berkesan bagi pelaburan bersih untuk diiktiraf secara langsung apabila entiti mengawal melupuskan operasi asing. Ia menekankan secara khusus:
- (i) Apabila operasi asing yang dilindung nilai dilupuskan, jumlah amaun daripada rizab terjemahan mata wang asing entiti mengawal berhubung dengan instrumen lindung nilai dan operasi asing harus diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam penyata kewangan disatukan entiti mengawal; dan
 - (ii) Sama ada kaedah penyatuan memberi kesan ke atas penentuan amaun untuk diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Pemakaian MPSAS 29 dalam Lindung Nilai bagi Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing

Sifat Bagi Risiko Dilindung Nilai dan Amaun Bagi Item Dilindung Nilai yang baginya Hubungan Lindung Nilai boleh Ditetapkan

- C6. Perakaunan lindung nilai terpakai hanya kepada perbezaan pertukaran asing yang timbul antara mata wang fungsian operasi asing dengan mata wang fungsian entiti mengawal.
- C7. Dalam lindung nilai risiko mata wang asing yang timbul daripada pelaburan bersih dalam operasi asing, item dilindung nilai boleh jadi amaun aset bersih bersamaan atau kurang daripada amaun bawaan aset bersih operasi asing dalam penyata kewangan disatukan entity mengawal. Amaun bawaan aset bersih operasi asing yang ditetapkan sebagai item dilindung nilai dalam penyata kewangan disatukan bagi entiti mengawal bergantung sama ada mana-mana entiti mengawal tingkat rendah bagi operasi asing yang telah mengguna pakai perakaunan lindung nilai kepada semua atau sebahagian daripada aset bersih operasi asing berkenaan dan perakaunan tersebut telah dikekalkan dalam penyata kewangan disatukan entiti mengawal.
- C8. Risiko dilindung nilai boleh ditetapkan sebagai pendedahan mata wang asing yang timbul antara mata wang fungsian operasi asing dengan mata wang fungsian mana-mana entiti mengawal (entiti mengawal langsung, pertengahan atau muktamad) operasi asing. Hakikatnya, pelaburan bersih dipegang melalui entiti mengawal pertengahan tidak memberi kesan kepada sifat risiko ekonomi yang timbul daripada pendedahan mata wang asing kepada entiti mengawal muktamad.
- C9. Pendedahan kepada risiko mata wang asing yang timbul daripada pelaburan bersih dalam operasi asing mungkin layak untuk perakaunan lindung nilai sahaja apabila dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan. Oleh itu, jika aset bersih yang sama bagi operasi asing dilindung nilai oleh lebih daripada satu entiti yang mengawal dalam entiti ekonomi (contohnya, entiti yang mengawal secara langsung dan secara tidak langsung) bagi risiko yang sama, hanya satu hubungan lindung nilai layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan bagi entiti mengawal muktamad. Hubungan lindung nilai yang ditetapkan oleh entity mengawal dalam penyata kewangan disatukannya tidak perlu dikekalkan oleh entiti mengawal tingkat lebih tinggi yang lain. Walau bagaimanapun, jika ia tidak dikekalkan oleh entiti mengawal tingkat tinggi, perakaunan lindung nilai yang diguna pakai oleh entiti mengawal tingkat rendah mesti dibalikkan sebelum perakaunan lindung nilai entiti mengawal tingkat tinggi diiktiraf.

Di mana Instrumen Lindung Nilai Boleh Dipegang

- C10. Instrumen derivatif atau bukan derivatif (atau gabungan instrumen derivatif dan bukan derivatif) boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing. Instrumen lindung nilai boleh dipegang oleh mana-mana entiti atau entiti dalam entiti ekonomi (kecuali operasi asing yang dilindung nilai), selagi mana keperluan penetapan tersebut, dokumentasi dan keberkesanan menurut perenggan 98 MPSAS 29 yang berkait dengan lindung nilai pelaburan bersih dipenuhi. Secara khusus, strategi lindung nilai entiti ekonomi hendaklah didokumentasikan dengan jelas kerana kemungkinan penetapan yang berbeza di tingkat entiti ekonomi berbeza.
- C11. Bagi tujuan taksiran keberkesanan, perubahan dalam nilai instrumen lindung nilai berkaitan risiko pertukaran asing dikira dengan merujuk kepada mata wang fungsian entiti mengawal berbanding risiko lindung nilai mata wang fungsian yang diukur, menurut dokumentasi

perakaunan lindung nilai. Bergantung di mana instrumen lindung nilai dipegang, dengan ketiadaan perakaunan lindung nilai, jumlah perubahan dalam nilai mungkin diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, secara langsung dalam aset bersih/ekuiti, atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, pentaksiran keberkesanan tidak terkesan oleh sama ada perubahan dalam nilai instrumen lindung nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau secara langsung dalam aset bersih/ekuiti. Sebagai sebahagian daripada aplikasi perakaunan lindung nilai, jumlah bahagian yang berkesan bagi perubahan dimasukkan secara langsung dalam aset bersih/ekuiti. Pentaksiran keberkesanan tidak terkesan oleh sama ada instrumen lindung nilai merupakan instrumen derivatif atau instrumen bukan derivatif atau melalui kaedah penyatuan.


Pelupusan Operasi Asing yang Dilindung Nilai

- C12. Apabila operasi asing yang dilindung nilai dilupuskan, amaun yang dikelaskan semula kepada lebihan atau kurangan daripada rizab terjemahan mata wang asing dalam penyata kewangan disatukan entiti mengawal berkaitan instrumen lindung nilai ialah amaun yang, menurut perenggan 113 MPSAS 29, perlu untuk dikenal pasti. Amaun tersebut ialah laba atau rugi terkumpul dalam instrumen lindung nilai yang telah ditentukan sebagai lindung nilai efektif.
- C13. Amaun yang dikenal pasti dalam lebihan atau kurangan setelah dipindahkan daripada rizab terjemahan mata wang asing dalam penyata kewangan disatukan entiti mengawal berkaitan pelaburan bersih dalam operasi asing berkenaan, menurut perenggan 57 MPSAS 4, ialah amaun yang dimasukkan dalam rizab terjemahan mata wang asing entiti mengawal berkaitan operasi asing tersebut. Dalam penyata kewangan disatukan entiti mengawal muktamad, amaun bersih agregat yang diiktiraf dalam rizab terjemahan mata wang asing berkaitan semua operasi asing tidak dipengaruhi oleh kaedah penyatuan. Walau bagaimanapun, sama ada entiti mengawal muktamad menggunakan kaedah penyatuan secara langsung atau langkah demi langkah, hal ini boleh memberi kesan kepada amaun yang dimasukkan dalam rizab terjemahan mata wang asingnya berkaitan operasi asing individu.
- C14. Kaedah langsung ialah kaedah penyatuan di mana penyata kewangan operasi asing diterjemah secara langsung kepada mata wang fungsian entiti mengawal muktamad. Kaedah langkah demi langkah ialah kaedah penyatuan yang mana penyata kewangan operasi asing diterjemahkan terlebih dahulu ke dalam mata wang fungsian bagi mana-mana entiti mengawal pertengahan dan kemudian diterjemahkan ke dalam mata wang fungsian entiti mengawal muktamad (atau mata wang pembentangan, jika berbeza).
- C15. Penggunaan kaedah penyatuan langkah demi langkah boleh menyebabkan amaun yang berbeza diiktiraf dalam lebihan atau kurangan berbanding kaedah yang digunakan untuk menentukan keberkesanan lindung nilai. Perbezaan ini boleh disingkirkan dengan menentukan amaun berkaitan operasi asing yang mungkin timbul jika kaedah penyatuan secara langsung digunakan. Pelarasan ini tidak dikehendaki menurut MPSAS 4. Walau bagaimanapun, ia merupakan pilihan dasar perakaunan yang harus diikuti secara konsisten bagi semua pelaburan bersih.

Contoh

- C16. Contoh yang berikut menjelaskan aplikasi perenggan sebelumnya menggunakan struktur entiti yang ditunjukkan di bawah. Dalam kebanyakan kes, hubungan lindung nilai yang diterangkan akan diuji keberkesannya menurut MPSAS 29, walaupun ujian ini tidak dibincangkan. Entiti Mengawal D, iaitu entiti mengawal muktamad, membentangkan penyata kewangan disatukan

dalam mata wang fungsian iaitu euro (EUR). Setiap entiti dikawal, iaitu Entiti Dikawal A, Entiti Dikawal B dan Entiti Dikawal C, ialah milik penuh. Pelaburan bersih Entiti Mengawal D berjumlah £500 juta dalam Entiti Dikawal B (mata wang fungsian paun sterling (GBP)) termasuk £159 juta bersamaan pelaburan bersih Entiti Dikawal B berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal C (mata wang fungsian dolar Amerika (USD)). Dalam erti kata lain, aset bersih Entiti Dikawal B selain pelaburannya dalam Entiti Dikawal C ialah £341 juta.



Sifat Risiko Lindung Nilai yang baginya Hubungan Lindung Nilai boleh Ditetapkan (perenggan C6–C9)

C17. Entiti Mengawal D boleh melindungi nilai pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal A, B dan C daripada risiko pertukaran asing antara mata wang fungsian masing-masing (Yen Jepun (JPY), paun sterling dan dolar Amerika) dan euro. Selain itu, Entiti Dikawal D boleh melindungi nilai risiko pertukaran asing USD/GBP antara mata wang fungsian Entiti Dikawal B dengan Entiti Dikawal C. Dalam penyata kewangan disatukannya, Entiti Dikawal B boleh melindungi nilai pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal C daripada risiko pertukaran asing di antara mata wang fungsian masing-masing iaitu dolar Amerika dan paun sterling. Dalam contoh yang berikut, risiko yang ditetapkan ialah risiko tukaran asing semata disebabkan instrumen lindung nilai adalah bukan derivatif. Jika instrumen lindung nilai ialah kontrak hadapan, Entiti Mengawal D boleh menetapkan risiko tukaran asing hadapan.

Amaun item dilindung nilai yang baginya Hubungan Lindung Nilai boleh Ditetapkan (perenggan C6–C9)

C18. Entiti Mengawal D ingin melindungi nilai risiko tukaran asing daripada pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal C. Andaikan bahawa Entiti Dikawal A mempunyai pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta. Aset bersih Entiti Dikawal A pada permulaan tempoh pelaporan ialah ¥400,000 juta termasuk terimaan pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta.

C19. Item dilindung nilai boleh terdiri daripada amaun aset bersih bersamaan atau kurang daripada amaun bawaan pelaburan bersih Entiti Mengawal D dalam Entiti Dikawal C (US\$300 juta) dalam penyata kewangan disatukannya. Dalam penyata kewangan disatukannya, Entiti Mengawal D boleh menetapkan pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal A sebagai lindung nilai bagi risiko tukaran asing semata EUR/USD berkaitan dengan pelaburan bersihnya dalam US\$300 juta aset bersih Entiti Dikawal C. Dalam kes ini, kedua-dua perbezaan tukaran asing EUR/USD ke atas pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal A dan perbezaan pertukaran asing EUR/USD ke atas pelaburan bersih berjumlah US\$300 juta

dalam Entiti Dikawal C dimasukkan dalam rizab terjemahan mata wang asing dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D selepas pemakaian aplikasi perakaunan lindung nilai.

C20. Dengan ketiadaan perakaunan lindung nilai, jumlah perbezaan pertukaran asing USD/EUR ke atas pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal A akan diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D seperti yang berikut:

- Perubahan kadar tukaran asing semerta USD/JPY yang diterjemahkan kepada euro dalam lebihan atau kurangan; dan
- Perubahan kadar tukaran asing JPY/EUR secara langsung dalam aset bersih/ekuiti.

Selain penetapan dalam perenggan C19, Entiti Mengawal D, dalam penyata kewangan disatukannya, boleh menetapkan pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal A sebagai lindung nilai risiko tukaran asing semerta GBP/USD antara Entiti yang Dikawal C dengan Entiti Dikawal B. Dalam kes ini, jumlah perbezaan tukaran asing USD/EUR atas pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta dalam Entiti A akan diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan Entiti Dikawal D seperti yang berikut:

- Perubahan kadar tukaran asing semerta GBP/USD dalam rizab terjemahan mata wang asing berkaitan dengan Entiti Dikawal C;
- Perubahan kadar tukaran asing semerta GBP/JPY yang diterjemahkan kepada euro dalam lebihan atau kurangan; dan
- Perubahan kadar tukaran asing semerta JPY/EUR secara langsung dalam aset bersih/ekuiti.

C21. Entiti Mengawal D tidak boleh menetapkan pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal A sebagai lindung nilai bagi kedua-dua risiko tukaran asing semerta EUR/USD dan risiko tukaran asing semerta GBP/USD dalam penyata kewangan disatukannya. Instrumen lindung nilai tunggal boleh melindungi nilai risiko sama yang telah ditetapkan hanya sekali. Entiti Dikawal B tidak boleh mengguna pakai perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukannya kerana instrumen lindung nilai dipegang di luar entiti ekonomi yang terdiri daripada Entiti Dikawal B dan Entiti Dikawal C.

Di mana dalam Entiti Ekonomi, Instrumen Lindung Nilai boleh Dipegang (perenggan C10 dan C11)?

C22. Seperti yang dinyatakan dalam perenggan C20, jumlah perubahan dalam nilai berkaitan risiko tukaran asing bagi pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal A akan direkodkan kedua-dua dalam lebihan atau kurangan (risiko semerta USD/JPY) dan direkodkan secara langsung dalam aset bersih/ekuiti (risiko semerta EUR/JPY) dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D dengan ketiadaan perakaunan lindung nilai. Kedua-dua amaun dimasukkan bagi tujuan pentaksiran keberkesanan lindung nilai yang ditetapkan dalam perenggan C19 kerana perubahan dalam nilai bagi kedua-dua instrumen lindung nilai dan item dilindung nilai dikira dengan merujuk mata wang fungsian euro Entiti Mengawal D berbanding mata wang fungsian dolar Amerika Entiti Dikawal C, menurut dokumentasi lindung nilai. Kaedah penyatuan (iaitu kaedah langsung atau kaedah langkah demi langkah) tidak mempengaruhi pentaksiran keberkesanan lindung nilai.

Amaun yang Diiktiraf dalam Lebihan atau Kurangan ke atas Pelupusan Operasi Asing (perenggan C12 dan C13)

- C23. Apabila Entiti Dikawal C dilupuskan, amaun yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D setelah dipindahkan daripada rizab pertukaran mata wang asingnya (FCTR) adalah:
- (a) Berkaitan dengan pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta Entiti Dikawal A, amaun yang dikehendaki untuk diiktiraf menurut MPSAS 29, iaitu jumlah perubahan dalam nilai berkaitan dengan risiko tukaran asing yang telah diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti sebagai bahagian lindung nilai yang berkesan; dan
 - (b) Berkaitan dengan pelaburan bersih berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal C, amaun ditentukan melalui kaedah penyatuan entiti. Jika Entiti Mengawal D menggunakan kaedah langsung, FCTR yang berkaitan dengan Entiti yang Dikawal C akan ditentukan secara langsung melalui kadar tukaran asing EUR/USD. Jika Entiti yang Mengawal D menggunakan kaedah langkah demi langkah, FCTR yang berkaitan dengan Entiti Dikawal C akan ditentukan melalui FCTR yang diiktiraf oleh Entiti Dikawal B bagi menggambarkan kadar pertukaran asing GBP/USD yang diterjemah kepada mata wang fungsian Entiti Mengawal D menggunakan kadar pertukaran asing EUR/GBP. Entiti Mengawal D yang menggunakan kaedah penyatuan langkah demi langkah dalam tempoh terdahulu tidak menghendaki atau menghalangnya daripada menentukan amaun FCTR yang akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila Entiti Dikawal C dilupuskan sebagai amaun yang akan diiktiraf jika kaedah langsung sentiasa digunakan, bergantung pada dasar perakaunannya.

Perlindungan Nilai Lebih daripada Satu Operasi Asing (perenggan C7, C9, dan C11)

- C24. Contoh yang berikut menjelaskan bahawa dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D, risiko yang boleh dilindung nilai selalunya merupakan risiko antara mata wang fungsian (euro) dengan mata wang fungsian Entiti Dikawal B dan C. Tidak kira cara lindung nilai tersebut ditetapkan, amaun maksimum yang boleh lindung nilai secara berkesan dimasukkan dalam rizab pertukaran mata wang asing dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D apabila kedua-dua operasi asing dilindung nilai sebanyak US\$300 juta bagi risiko EUR/USD dan £341 juta bagi risiko EUR/GBP. Perubahan lain dalam nilai disebabkan oleh perubahan dalam kadar pertukaran asing dimasukkan dalam lebihan atau kurangan disatukan Entiti Mengawal D. Entiti Mengawal D boleh menetapkan US\$300 juta sahaja untuk perubahan dalam kadar tukaran asing semerta USD/GBP atau £500 juta sahaja untuk perubahan dalam kadar tukaran asing semerta GBP/EUR.

Entiti D Memegang Instrumen Lindung Nilai USD dan GBP

- C25. Entiti Mengawal D mungkin ingin melindungi nilai risiko tukaran asing berhubung dengan pelaburan bersihnya dalam Entiti Mengawal B dan juga berhubung dengan Entiti Dikawal C. Andaikan bahawa Entiti Mengawal D memegang instrumen lindung nilai yang sesuai didenominasikan dalam dolar Amerika dan paun sterling, yang boleh ditetapkan sebagai lindung nilai pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal B dan Entiti Dikawal C. Penetapan yang boleh dilakukan oleh Entiti Mengawal D dalam penyata kewangan disatukannya termasuk, tetapi tidak terhad kepada perkara yang berikut:

- (a) Instrumen lindung nilai berjumlah US\$300 juta ditetapkan sebagai lindung nilai pelaburan bersih berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal C dengan risiko pendedahan tukaran asing semerta (EUR/USD) antara Entiti Mengawal D dengan Entiti yang Dikawal C dan sehingga £341 juta instrumen lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai pelaburan bersih berjumlah £341 juta dalam Entiti Dikawal B dengan risiko pendedahan tukaran asing semerta (EUR/GBP) antara Entiti Mengawal D dengan Entiti Dikawal B.
- (b) Instrumen lindung nilai berjumlah US\$300 juta ditetapkan sebagai lindung nilai pelaburan bersih berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal C dengan risiko pendedahan tukaran asing semerta (GBP/USD) antara Entiti Dikawal B dengan Entiti Dikawal C dan sehingga £500 juta instrumen lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai pelaburan bersih sebanyak £500 juta dalam Entiti Dikawal B dengan risiko pendedahan tukaran asing semerta (EUR/GBP) antara Entiti Mengawal D dengan Entiti Dikawal B.
- C26. Risiko EUR/USD daripada pelaburan bersih Entiti Mengawal D dalam Entiti Dikawal C ialah risiko yang berbeza daripada risiko EUR/GBP daripada pelaburan bersih Entiti Mengawal D dalam Entiti Dikawal B. Walau bagaimanapun, dalam kes yang dinyatakan dalam perenggan C25(a), melalui penetapan instrumen lindung nilai USD yang dipegangnya, Entiti Mengawal D telah dilindung nilai sepenuhnya risiko EUR/USD daripada pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal C. Jika Entiti Mengawal D juga menetapkan instrumen GBP yang dipegangnya sebagai lindung nilai pelaburan bersihnya berjumlah £500 juta dalam Entiti Dikawal B, £159 juta daripada pelaburan bersih tersebut, yang mewakili kesetaraan GBP pelaburan bersih USDnya dalam Entiti Dikawal C, akan dilindung nilai dua kali daripada risiko GBP/EUR dalam penyata kewangan disatukan Entiti mengawal D.
- C27. Dalam kes yang dinyatakan dalam perenggan C25(b), jika Entiti Mengawal D menetapkan risiko lindung nilai sebagai pendedahan tukaran asing semerta (GBP/USD) antara Entiti Dikawal B dengan Entiti Dikawal C, hanya bahagian perubahan dalam nilai GBP/USD bagi instrumen lindung nilai berjumlah US\$300 juta dimasukkan dalam rizab pertukaran mata wang asing Entiti Mengawal D berhubung dengan Entiti Dikawal C. Baki perubahan (sama dengan perubahan GBP/EUR ke atas £159 juta) dimasukkan dalam lebihan atau kurangan disatukan Entiti mengawal D, seperti yang dinyatakan dalam perenggan C20. Oleh sebab penetapan risiko USD/GBP antara Entiti Dikawal B dengan C tidak memasukkan risiko GBP/EUR, Entiti yang Dikawal D juga boleh menetapkan sehingga £500 juta pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal B dengan risiko pendedahan tukaran asing semerta (GBP/EUR) antara Entiti mengawal D dengan Entiti Dikawal B.

Entiti B Memegang Instrumen Lindung Nilai USD

- C28. Andaikan bahawa Entiti Dikawal B memegang hutang luar negeri berjumlah US\$300 juta, terimaan dipindahkan kepada Entiti Mengawal D melalui pinjaman antara entiti yang didenominasikan dalam paun sterling. Oleh sebab aset dan liabilitinya meningkat sebanyak £159 juta, aset bersih Entiti Dikawal B tidak berubah. Entiti Dikawal B boleh menetapkan hutang luar negeri sebagai lindung nilai risiko GBP/USD bagi pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal C dalam penyata kewangan disatukannya. Entiti Mengawal D boleh mengekalkan penetapan Entiti Dikawal B bagi instrumen lindung nilai sebagai lindung nilai pelaburan bersihnya berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal C bagi risiko GBP/USD (lihat perenggan C9) dan Entiti

Mengawal D boleh menetapkan instrumen lindung nilai GBP yang dipegangnya sebagai lindung nilai keseluruhan pelaburan bersihnya berjumlah £500 juta dalam Entiti Dikawal B. Lindung nilai pertama yang ditetapkan oleh Entiti Dikawal B, boleh ditaksir dengan merujuk mata wang fungsian Entiti Dikawal B (paun sterling) dan lindung nilai kedua yang ditetapkan oleh Entiti Mengawal D, boleh ditaksir dengan merujuk mata wang fungsian Entiti Mengawal D (euro). Dalam kes ini, hanya risiko GBP/USD daripada pelaburan bersih Entiti mengawal D dalam Entiti yang Dikawal C telah dilindung nilai dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D melalui instrumen lindung nilai USD, dan bukan keseluruhan risiko EUR/USD. Oleh itu, keseluruhan risiko EUR/GBP daripada pelaburan bersih Entiti Mengawal D berjumlah £500 juta dalam Entiti Dikawal B boleh dilindung nilai dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D.

- C29. Walau bagaimanapun, perakaunan bagi pinjaman belum bayar Entiti Dikawal D berjumlah £159 juta kepada Entiti Dikawal B juga mesti dipertimbangkan. Jika pinjaman belum bayar Entiti Mengawal D tidak dipertimbangkan sebagai sebahagian pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal B disebabkan ia tidak memenuhi syarat dalam perenggan 18, MPSAS 4, perbezaan tukaran asing GBP/EUR yang timbul daripada pertukaran akan dimasukkan dalam lebih atau kurang disatukan Entiti Mengawal D. Jika pinjaman belum bayar berjumlah £159 juta kepada Entiti Dikawal B dianggap sebagai sebahagian pelaburan bersih Entiti Mengawal D, pelaburan bersih tersebut hanya berjumlah £341 juta dan amaun yang akan ditetapkan oleh Entiti Mengawal D sebagai item dilindung nilai bagi risiko GBP/EUR masing-masing akan dikurangkan daripada £500 juta kepada £341 juta.
- C30. Jika Entiti Mengawal D membalikkan hubungan lindung nilai yang ditetapkan oleh Entiti yang Dikawal B, Entiti Mengawal D boleh menetapkan pinjaman luar negeri berjumlah US\$300 juta yang dipegang oleh Entiti Dikawal B sebagai lindung nilai pelaburan bersihnya berjumlah US\$300 juta dalam Entiti Dikawal C bagi risiko EUR/USD dan menetapkan instrumen lindung nilai GBP yang dipegang olehnya sendiri sebagai lindung nilai pelaburan bersih hanya sehingga £341 juta sahaja dalam Entiti Dikawal B. Dalam kes ini, keberkesanan kedua-dua lindung nilai akan dikira dengan merujuk mata wang fungsian Entiti Mengawal D (euro). Oleh itu, perubahan dalam nilai USD/GBP pinjaman luar negeri yang dipegang oleh Entiti Dikawal B dan perubahan dalam nilai GBP/EUR pinjaman boleh dibayar Entiti Mengawal D kepada Entiti Dikawal B (sama dengan USD/EUR keseluruhannya) akan dimasukkan dalam rizab pertukaran mata wang asing dalam penyata kewangan disatukan Entiti Mengawal D. Oleh sebab Entiti yang Mengawal D telah melindungi nilai risiko EUR/USD sepenuhnya daripada pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal C, ia boleh melindungi nilai hanya sehingga £341 juta sahaja risiko EUR/GBP pelaburan bersihnya dalam Entiti Dikawal B.

Panduan Pelaksanaan

Panduan ini hanyalah sebagai lampiran, dan bukan sebahagian daripada MPSAS 29.

Bahagian A: Skop

A.1 *Amalan Penyelesaian Bersih: Kontrak Hadapan untuk Pembelian Komoditi*

Entiti XYZ mengikat suatu kontrak hadapan harga tetap untuk membeli satu juta liter minyak berdasarkan keperluan jangkaan penggunaan. Kontrak tersebut membenarkan XYZ untuk menerima penghantaran fizikal minyak pada akhir dua belas bulan atau membayar atau menerima penyelesaian bersih secara tunai, berdasarkan perubahan dalam nilai saksama minyak. Adakah kontrak tersebut diakaunkan sebagai derivatif?

Meskipun kontrak sedemikian memenuhi takrifan derivatif, ia tidak semestinya diakaunkan sebagai derivatif. Kontrak berkenaan ialah instrumen derivatif disebabkan oleh ketiadaan pelaburan bersih permulaan, kontrak berkenaan berdasarkan harga minyak, dan perlu diselesaikan pada tarikh hadapan. Walau bagaimanapun, jika XYZ berhasrat untuk menyelesaikan kontrak berkenaan melalui penerimaan penghantaran dan tiada sejarah kontrak yang serupa bagi penyelesaian bersih secara tunai atau penerimaan penghantaran minyak dan penjualannya dalam tempoh yang singkat selepas penghantaran bagi tujuan menjana keuntungan daripada turun naik jangka pendek dalam harga atau margin peniaga, kontrak berkenaan tidak diakaunkan sebagai derivatif dalam MPSAS 29. Sebaliknya, ia diakaunkan sebagai kontrak eksekutori.

A.2 *Opsyen untuk Menjual Aset Bukan Kewangan*

Entiti XYZ memiliki sebuah bangunan pejabat. XYZ mengikat suatu opsyen jual dengan pelabur yang membenarkan XYZ menjual bangunan berkenaan kepada pelabur pada harga RM150 juta. Nilai semasa bangunan tersebut ialah RM175 juta. Opsyen tersebut akan tamat tempoh dalam lima tahun. Opsyen tersebut, jika digunakan, boleh diselesaikan melalui penghantaran fizikal atau tunai bersih, berdasarkan opsyen XYZ. Bagaimanakah XYZ dan pelabur mengakaunkan opsyen tersebut?

Perakaunan XYZ bergantung pada hasrat dan amalan terdahulu XYZ untuk penyelesaian. Walaupun kontrak berkenaan memenuhi takrif derivatif, XYZ tidak mengakaunkannya sebagai derivatif jika XYZ berhasrat untuk menyelesaikan kontrak dengan menyerahkan bangunan tersebut jika XYZ menggunakan opsyennya dan tiada amalan terdahulu bagi penyelesaian bersih (MPSAS 29, perenggan 4 dan MPSAS 29, perenggan PA22).

Walaupun bagaimanapun, pelabur tidak boleh membuat kesimpulan bahawa opsyen tersebut diikat untuk memenuhi jangkaan pembelian, penjualan atau keperluan penggunaan disebabkan pelabur tidak mempunyai keupayaan untuk mengarahkan serahan (MPSAS 29, perenggan 6). Selain itu, opsyen tersebut boleh diselesaikan bersih secara tunai. Oleh itu, pelabur perlu mengakaunkan kontrak tersebut sebagai derivatif. Tanpa mengira amalan terdahulu, hasrat pelabur tidak memberi kesan kepada sama ada penyelesaian dibuat melalui penyerahan atau secara tunai. Pelabur telah menerbitkan suatu opsyen bertulis yang memberi pilihan kepada pemegang untuk membuat penyelesaian fizikal atau penyelesaian tunai bersih tidak akan dapat memenuhi keperluan penghantaran biasa untuk pengecualian daripada MPSAS 29 disebabkan pengeluar opsyen tidak memiliki keupayaan untuk mengarahkan serahan.

Walau bagaimanapun, jika kontrak tersebut ialah kontrak hadapan dan bukannya opsiyen, dan jika kontrak tersebut menghendaki penghantaran fizikal dan entiti yang melaporkan tidak mempunyai amalan terdahulu bagi penyelesaian bersih secara tunai atau menerima bangunan tersebut dan menjualnya dalam tempoh yang singkat selepas penyerahan bagi tujuan menjana keuntungan daripada turun naik jangka pendek dalam harga atau margin peniaga, kontrak tersebut tidak akan diakaunkan sebagai derivatif.

Bahagian B: Takrif

B.1 Takrif bagi Derivatif: Contoh Derivatif dan Sandaran

Apakah contoh kontrak derivatif yang umum dan sandaran yang dikenal pasti?

MPSAS 29 mentakrifkan derivatif seperti yang berikut:

Derivatif ialah instrumen kewangan atau kontrak lain dalam skop Piawaian ini yang memenuhi ketiga-tiga ciri berikut:

- (a) Nilainya berubah berikutan perubahan dalam kadar faedah tertentu, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar pertukaran asing, indeks harga atau kadar, penarafan kredit atau indeks kredit, atau pemboleh ubah lain, dengan syarat, dalam kes pemboleh ubah bukan kewangan, pemboleh ubah tidak dikhususkan kepada pihak dalam kontrak (kadangkala dipanggil “sandaran”);
- (b) Ia tidak memerlukan pelaburan bersih awal atau pelaburan bersih awal yang lebih kecil berbanding yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran; dan
- (c) Ia diselesaikan pada tarikh hadapan.

Jenis Kontrak	Pemboleh ubah utama penyelesaian harga (pemboleh ubah sandaran)
Swap kadar faedah	Kadar faedah
Swap mata wang (swap pertukaran asing)	Kadar mata wang
Swap komoditi	Harga komoditi
Swap ekuiti	Harga ekuiti (instrumen ekuiti entiti lain)
Swap kredit	Penarafan kredit, indeks kredit atau harga kredit
Swap pulangan menyeluruh	Jumlah nilai saksama aset rujukan dan kadar faedah
Opsyen bon perbendaharaan dibeli atau bertulis (beli atau jual)	Kadar faedah
Opsyen mata wang dibeli atau bertulis (beli atau jual)	Kadar mata wang
Opsyen komoditi dibeli atau bertulis (beli atau jual)	Harga komoditi
Opsyen stok dibeli atau bertulis (beli atau jual)	Harga ekuiti (instrumen ekuiti entiti lain)
Masa depan kadar faedah yang berkait dengan hutang kerajaan (masa depan perbendaharaan)	Kadar faedah
Masa depan mata wang	Kadar mata wang

Masa depan komoditi	Harga komoditi
Hadapan kadar faedah dikaitkan dengan hutang kerajaan (hadapan perbendaharaan)	Kadar faedah
Hadapan mata wang	Kadar mata wang
Hadapan komoditi	Harga komoditi
Hadapan ekuiti	Harga ekuiti (instrumen ekuiti entiti lain)

Senarai di atas menyediakan contoh kontrak yang biasanya layak sebagai derivatif di bawah MPSAS 29. Senarai ini tidak menyeluruh. Mana-mana kontrak yang mempunyai sandaran mungkin merupakan derivatif. Tambahan pula, walaupun jika sesuatu instrumen memenuhi takrif kontrak derivatif, peruntukan khas MPSAS 29 boleh terpakai, sebagai contoh, jika kontrak tersebut merupakan derivatif cuaca (lihat MPSAS 29.PA5), kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan seperti komoditi (lihat MPSAS 29.4 dan MPSAS 29.PA22) atau kontrak yang diselesaikan dalam saham entiti tersebut sendiri (lihat MPSAS 28.25-MPSAS 28.29). Oleh itu, entiti tersebut perlu menilai kontrak berkenaan untuk menentukan sama ada wujudnya ciri lain bagi derivatif tersebut dan sama ada peruntukan khas terpakai.

B.2 Takrif bagi Derivatif: Penyelesaian pada Tarikh Hadapan, Swap Kadar Faedah dengan Penyelesaian Kasar atau Bersih

Bagi tujuan menentukan sama ada swap kadar faedah merupakan instrumen kewangan derivatif bawah MPSAS 29, adakah terdapat perbezaan sama ada pihak yang membayar bayaran faedah kepada satu sama lain (penyelesaian kasar) atau menyelesaikannya pada asas bersih?

Tidak. Takrif derivatif tidak bergantung pada penyelesaian kasar atau bersih.

Ilustrasi: Entiti ABC memasuki swap kadar faedah dengan rakan niaga (XYZ) yang menghendaki ABC untuk membayar kadar tetap sebanyak 8 peratus dan menerima amaun berubah berdasarkan kepada LIBOR tiga bulan, diset semula pada asas sukuan. Amaun tetap dan berubah ditentukan berdasarkan kepada amaun nosional RM100 juta. ABC dan XYZ tidak membuat pertukaran amaun nosional. ABC membayar atau menerima amaun tunai bersih setiap sukuan berdasarkan kepada perbezaan antara 8 peratus dan KLIBOR tiga bulan. Sebagai alternatif, penyelesaian mungkin boleh dibuat secara asas kasar.

Kontrak itu menepati takrif derivatif tanpa mengira sama ada terdapat penyelesaian kasar atau bersih kerana nilainya berubah berikutan perubahan dalam pemboleh ubah sandaran (KLIBOR), tiada pelaburan bersih awal, dan penyelesaian berlaku pada tarikh hadapan.

B.3 Takrif bagi Derivatif: Swap Kadar Faedah Prabayar (Obligasi Pembayaran Kadar Tetap Prabayar pada Permulaan atau Berikutnya)

Sekiranya suatu pihak membuat prabayar obligasinya bawah swap kadar faedah bayar tetap, terima berubah pada permulaan, adakah swap berkenaan merupakan instrumen kewangan derivatif?

Ya.

Ilustrasi: Entiti S memasuki amaun nosional RM100 juta dengan lima tahun swap kadar faedah bayar tetap, terima berubah dengan rakan niaga C. Kadar faedah ke atas bahagian berubah swap berkenaan

diset semula pada asas sukuan kepada KLIBOR tiga bulan. Kadar faedah ke atas bahagian tetap swap berkenaan ialah 10 peratus setahun. Entiti S membuat bayaran prabayar obligasi tetapnya di bawah swap RM50 juta (RM100 juta x 10 peratus x 5 tahun) pada permulaan, terdiskaun menggunakan kadar faedah pasaran, sementara mengekalkan hak untuk menerima bayaran faedah ke atas RM100 juta yang diset semula setiap sukuan berdasarkan KLIBOR tiga bulan sepanjang tempoh swap berkenaan.

Pelaburan bersih awal dalam swap kadar faedah adalah secara signifikannya kurang daripada amaun nosional yang mana bayaran boleh ubah di bawah kaki berubah (*variable leg*) akan dikira. Kontrak tersebut memerlukan pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran, seperti bon kadar berubah. Oleh itu, kontrak memenuhi “tiada pelaburan bersih awal atau pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran” seperti yang diperuntukkan dalam MPSAS 29. Walaupun Entiti S tidak mempunyai obligasi prestasi masa depan, penyelesaian muktamad kontrak tersebut adalah pada tarikh hadapan dan nilai kontrak berkenaan berubah berikutan perubahan dalam indeks KLIBOR. Sehubungan itu, kontrak tersebut dianggap sebagai kontrak derivatif.

Adakah jawapan berubah jika obligasi bayaran kadar tetap adalah prabayar selepas pengiktirafan awal?

Jika kaki tetap (*fixed leg*) adalah prabayar semasa tempoh berkenaan, ia akan dianggap sebagai penamatan swap lama dan pengasalan instrumen baharu yang dinilai bawah MPSAS 29.

B.4 Takrif bagi Derivatif: Swap Kadar Faedah Bayar Berubah, Terima Tetap Prabayar

Sekiranya suatu pihak membuat bayaran prabayar obligasinya, di bawah swap kadar faedah bayar berubah, terima tetap pada permulaan kontrak atau berikutnya, adakah swap tersebut merupakan instrumen kewangan derivatif?

Tidak. Swap kadar faedah bayar berubah, terima tetap prabayar bukan merupakan derivatif jika prabayar pada permulaan dan bukan lagi merupakan derivatif jika prabayar selepas permulaan kerana ia memberikan pulangan ke atas amaun prabayar (yang dilaburkan) setara dengan pulangan instrumen hutang dengan aliran tunai tetap. Amaun prabayar gagal memenuhi kriteria derivatif “tiada pelaburan bersih awal atau pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran”.

Ilustrasi: Entiti S memasuki amaun nosional berjumlah RM100 juta dengan swap kadar faedah bayar berubah, terima tetap selama 5 tahun dengan Rakan Niaga C. Kaki berubah (*Variable leg*) bagi swap berkenaan diset semula pada setiap asas sukuan kepada KLIBOR tiga bulan. Bayaran faedah tetap bagi swap tersebut dikira 10 peratus daripada amaun nosional swap, iaitu RM10 juta setahun. Entiti S membuat prabayar obligasinya di bawah kaki berubah (*variable leg*) bagi swap tersebut pada permulaan pada kadar pasaran semasa, sementara mengekalkan hak untuk menerima bayaran faedah tetap sebanyak 10 peratus setahun atas RM100 juta.

Aliran masuk tunai dalam kontrak adalah setara dengan aliran masuk tunai instrumen kewangan dengan aliran anuiti tetap memandangkan Entiti S mengetahui ia akan menerima RM10 juta setahun sepanjang hayat swap tersebut. Oleh itu, disebabkan faktor lain adalah sama, pelaburan awal dalam kontrak seharusnya sama dengan instrumen kewangan lain yang mengandungi anuiti tetap. Dengan demikian,

pelaburan bersih awal dalam swap kadar faedah bayar berubah, terima tetap adalah sama dengan pelaburan yang dikehendaki dalam kontrak bukan derivatif yang mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam keadaan pasaran. Atas sebab ini, instrumen gagal memenuhi kriteria MPSAS 29 “tiada pelaburan bersih awal atau pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran”. Oleh itu, kontrak tidak diperakaunkan sebagai derivatif dalam MPSAS 29. Dengan melepaskan obligasi untuk membayar bayaran kadar faedah berubah, Entiti S pada hakikatnya memberikan pinjaman kepada Rakan Niaga C.

B.5 *Takrif bagi Derivatif: Mengofset Pinjaman*

Entiti A membuat pinjaman kadar tetap lima tahun kepada Entiti B, sementara Entiti B pada masa yang sama membuat pinjaman kadar berubah lima tahun dengan amaun yang sama kepada Entiti A. Tiada pindahan prinsipal pada permulaan kedua-dua pinjaman tersebut memandangkan A dan B mengikat perjanjian penyelesaian. Adakah ini merupakan derivatif bawah MPSAS 29?

Ya. Keadaan ini menepati takrif derivatif (dalam erti kata lain, terdapat pemboleh ubah sandaran, tiada pelaburan bersih awal atau pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran, dan penyelesaian masa hadapan). Kesan kontraktual pinjaman tersebut adalah sama dengan pengaturan swap kadar faedah dengan tiada pelaburan bersih awal. Urus niaga bukan derivatif diagregat dan diolah sebagai derivatif apabila kesan urus niaga, dari segi inti pati, wujud di dalam derivatif. Penunjuk kepada keadaan ini adalah termasuk:

- Kedua-dua pihak memasuki kontrak pada masa yang sama dan dengan mengambil kira kehendak antara satu sama lain;
- Kedua-dua pihak mempunyai rakan niaga yang sama;
- Kedua-dua pihak berkait dengan risiko yang sama; dan
- Tiada keperluan ekonomi yang jelas atau tujuan perniagaan yang substantif untuk menstrukturkan urus niaga secara berasingan yang juga tidak dapat disempurnakan dalam satu urus niaga.

Jawapan yang sama juga terpakai jika Entiti A dan Entiti B tidak mempunyai perjanjian penyelesaian, kerana takrif instrumen derivatif dalam MPSAS 29.10 tidak memerlukan penyelesaian bersih.

B.6 *Takrif bagi Derivatif: Opsyen Dijangka Tidak akan Dilaksanakan*

Takrif derivatif dalam MPSAS 29.10 menghendaki instrumen tersebut “diselesaikan pada tarikh hadapan.” Adakah kriteria ini dipenuhi walaupun jika sesuatu opsyen yang dijangka tidak akan dilaksanakan, sebagai contoh, disebabkan ketiadaan wang?

Ya. Sesuatu opsyen diselesaikan ketika pelaksanaan atau pada tempoh matangnya. Penamatan pada tempoh matang merupakan suatu bentuk penyelesaian walaupun tidak terdapat pertukaran ganjaran tambahan.

B.7 *Takrif bagi Derivatif: Kontrak Mata Wang Asing Berdasarkan Jumlah Jualan*

Suatu Entiti Afrika Selatan, Entiti XYZ, dengan mata wang fungsian rand Afrika Selatan, menjual tenaga elektrik kepada Mozambique dalam denominasi dolar AS. XYZ memasuki

kontrak dengan sebuah bank pelaburan untuk menukar dolar AS kepada rand pada kadar tukaran tetap. Kontrak tersebut memerlukan XYZ meremit rand berdasarkan jumlah jualan di Mozambique untuk menukar dolar AS pada kadar tukaran tetap 6.00. Adakah kontrak ini merupakan derivatif?

Ya. Kontrak tersebut mempunyai dua pemboleh ubah sandaran (kadar pertukaran asing dan jumlah jualan), tiada pelaburan bersih awal atau pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran, dan peruntukan bayaran. MPSAS 29 tidak mengeluarkan derivatif yang didasarkan atas jumlah jualan daripada skopnya.

B.8 *Takrif bagi Derivatif: Prabayar Hadapan*

Suatu entiti memasuki kontrak hadapan untuk membeli saham dalam satu tahun pada harga hadapan. Entiti tersebut membuat prabayar pada permulaan berdasarkan kepada harga semasa saham tersebut. Adakah kontrak hadapan itu merupakan derivatif?

Tidak. Kontrak hadapan tersebut gagal dalam ujian bagi derivatif “tiada pelaburan bersih awal atau pelaburan bersih awal yang lebih kecil daripada yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran”.

Ilustrasi: Entiti XYZ memasuki suatu kontrak hadapan untuk membeli satu juta saham biasa T dalam setahun. Harga pasaran semasa bagi T ialah RM50 sesaham; harga hadapan setahun bagi T ialah RM55 sesaham. XYZ dikehendaki untuk membuat prabayar bagi kontrak hadapan tersebut pada permulaan dengan bayaran RM50 juta. Pelaburan awal dalam kontrak hadapan berjumlah RM50 juta adalah kurang daripada amaun nosional yang diguna pakai kepada sandaran, satu juta saham pada harga hadapan berjumlah RM55 sesaham; iaitu RM55 juta. Walau bagaimanapun, pelaburan bersih awal menganggangkan pelaburan yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran kerana saham T boleh dibeli pada permulaan dengan harga yang sama iaitu pada RM50. Oleh itu, kontrak hadapan prabayar tidak memenuhi kriteria pelaburan bersih awal bagi instrumen derivatif.

B.9 *Takrif bagi Derivatif: Pelaburan Bersih Awal*

Kebanyakan instrumen derivatif, seperti kontrak masa depan dan opsi bertulis pertukaran niaga, memerlukan akaun margin. Adakah akaun margin tersebut merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih awal?

Tidak. Akaun margin tersebut bukan sebahagian daripada pelaburan bersih awal dalam instrumen derivatif. Akaun margin ialah suatu bentuk cagarangan untuk rakan niaga atau gedung penyelesaian dan boleh dalam bentuk tunai, sekuriti atau aset tertentu, lazimnya aset cair. Akaun margin ialah aset berasingan yang diperakaunkan secara berasingan.

B.10 *Takrif Dipegang untuk Dagangan: Portfolio dengan Pola Sebenar Terkini Pengambilan Keuntungan Jangka Pendek*

Takrif aset kewangan atau liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan menyatakan “aset kewangan atau liabiliti kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ... bahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang dikenal pasti diuruskan secara bersama dan

terdapat bukti pola sebenar terkini pengambilan keuntungan jangka pendek”. Apakah maksud “portfolio” bagi tujuan pemakaian takrif ini?

Walaupun istilah “portfolio” tidak ditakrifkan secara jelas dalam MPSAS 29, konteks yang digunakan mencadangkan bahawa suatu portfolio ialah sekumpulan aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diuruskan sebagai bahagian daripada kumpulan tersebut (MPSAS 29.10). Jika terdapat bukti pola sebenar terkini pengambilan keuntungan jangka pendek ke atas instrumen kewangan dimasukkan dalam portfolio sedemikian, instrumen kewangan tersebut layak dilaporkan sebagai dipegang untuk dagangan walaupun instrumen kewangan individu mungkin pada hakikatnya dipegang untuk tempoh masa yang lebih lama.

B.11 Takrif Dipegang untuk Dagangan: Mengimbangi suatu Portfolio

Entiti A mempunyai portfolio pelaburan bagi instrumen hutang dan ekuiti. Garis panduan pengurusan portfolio yang didokumenkan menjelaskan bahawa pendedahan ekuiti bagi portfolio berkenaan hendaklah dihadkan kepada antara 30 dan 50 peratus daripada jumlah nilai portfolio. Pengurus pelaburan bagi portfolio berkenaan diberi kuasa untuk menyeimbangkan portfolio menurut garis panduan yang ditetapkan dengan membeli dan menjual instrumen hutang dan ekuiti. Adakah Entiti A dibenarkan untuk mengelaskan instrumen sebagai sedia untuk dijual?

Pengimbangan ini bergantung pada hasrat dan amalan terdahulu Entiti A. Sekiranya pengurus portfolio diberi kuasa untuk membeli dan menjual instrumen bagi mengimbangi risiko dalam portfolio, tetapi tiada hasrat untuk memperdagangkan dan tiada amalan terdahulu dalam dagangan untuk keuntungan jangka pendek, instrumen tersebut boleh dikelaskan sebagai sedia untuk dijual. Sekiranya pengurus portfolio membeli dan menjual instrumen secara aktif untuk menjana keuntungan jangka pendek, instrumen kewangan dalam portfolio dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan.

B.12 Takrif Aset Kewangan Dipegang hingga Matang: Prinsipal Berkaitan Indeks

Entiti A membeli nota ekuiti berkaitan indeks lima tahun dengan harga terbitan asal RM10 pada harga pasaran RM12 semasa pembelian. Nota tersebut tidak memerlukan bayaran faedah sebelum matang. Ketika matang, nota tersebut memerlukan bayaran harga terbitan asal sebanyak RM10 ditambah amaun penebusan tambahan yang bergantung sama ada indeks harga saham yang ditentukan melebihi tahap yang telah ditetapkan pada tarikh matang. Sekiranya indeks saham tidak melebihi atau sama dengan tahap yang telah ditetapkan, tiada amaun penebusan tambahan yang dibayar. Sekiranya indeks saham melebihi tahap yang telah ditetapkan, amaun penebusan tambahan adalah sama dengan produk 1.15 dan perbezaan antara tahap indeks saham ketika matang dengan tahap indeks saham ketika nota diterbitkan dibahagi dengan tahap indeks saham semasa terbitan. Entiti A mempunyai hasrat yang positif dan keupayaan untuk memegang nota sehingga matang. Bolehkah Entiti A mengelaskan nota sebagai pelaburan dipegang hingga matang?

Ya. Nota tersebut boleh diklasifikasikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang kerana mempunyai bayaran tetap sebanyak RM10 serta tempoh matang yang tetap dan Entiti A mempunyai hasrat yang positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut sehingga matang (MPSAS 29.10). Walau bagaimanapun, ciri indeks ekuiti ialah opsiyen beli yang tidak berkait rapat dengan hos hutang, yang mesti diasingkan sebagai derivatif terkandung dalam MPSAS 29.12. Harga belian sebanyak RM12 diagihkan antara instrumen hutang hos dengan derivatif terkandung. Sebagai contoh, jika nilai saksama opsiyen terkandung semasa pengambilalihan ialah RM4, instrumen hutang hos diukur pada RM8 semasa

pengiktirafan awal. Dalam kes ini, diskaun sebanyak RM2 yang tersirat dalam bon hos (Jumlah prinsipal RM10 tolak amaun bawaan asal berjumlah RM8) dilunaskan kepada lebih atau kurang sepanjang tempoh matang nota tersebut menggunakan kaedah faedah efektif.

B.13 Takrif Aset Kewangan Dipegang hingga Matang: Faedah Berkaitan Indeks

Bolehkah suatu bon dengan bayaran tetap pada tempoh matang dan tarikh matang yang ditentukan dikelaskan sebagai pelaburan dipegang hingga matang jika bayaran faedah bon diindekskan kepada harga komoditi, dan entiti berkenaan mempunyai hasrat yang positif dan keupayaan untuk memegang bon sehingga matang?

Ya. Walau bagaimanapun, bayaran faedah komoditi diindeks mempengaruhi derivatif terkandung yang diasingkan dan diperakaunkan sebagai derivatif pada nilai saksama (MPSAS 29.12). MPSAS 29.14 tidak terpakai memandangkan pengasingan pelaburan hutang hos sepatutnya dilakukan dengan jelas dan mudah (bayaran tetap pada tempoh matang) daripada derivatif terkandung (bayaran faedah berkaitan indeks).

B.14 Takrif Aset Kewangan Dipegang hingga Matang: Jualan Selepas Penurunan Penarafan

Adakah jualan pelaburan yang dipegang hingga matang selepas penurunan penarafan kredit pengeluar oleh agensi penarafan menimbulkan persoalan tentang hasrat entiti untuk memegang pelaburan lain hingga matang?

Tidak semestinya. Suatu penurunan cenderung menunjukkan kemerosotan kepercayaan kredit pengeluar. MPSAS 29 menetapkan bahawa suatu jualan yang disebabkan oleh kemerosotan yang ketara dalam kepercayaan kredit pengeluar boleh memuaskan syarat dalam MPSAS 29 dan dengan itu tidak menimbulkan persoalan tentang hasrat entiti untuk memegang pelaburan lain sehingga matang. Walau bagaimanapun, kemerosotan kepercayaan kredit mesti dinilai secara signifikan dengan merujuk penarafan kredit pada pengiktirafan awal. Penurunan penarafan juga tidak seharusnya dijangkakan secara munasabah apabila entiti mengelaskan pelaburan sebagai dipegang hingga matang bagi memenuhi syarat dalam MPSAS 29. Penurunan kredit satu takuk dalam kelas atau daripada satu kelas penarafan kepada kelas penarafan yang lebih rendah dengan serta-merta selalunya dianggap sebagai jangkakan secara munasabah. Sekiranya penurunan penarafan bersama-sama dengan maklumat yang lain memberikan bukti penjejasan nilai, kemerosotan dalam kepercayaan kredit selalunya akan dianggap signifikan.

B.15 Takrif Aset Kewangan Dipegang hingga Matang: Jualan yang Dibenarkan

Adakah jualan aset kewangan dipegang hingga matang disebabkan perubahan dalam pengurusan menjejaskan pengelasan aset kewangan lain yang dipegang hingga matang?

Ya. Perubahan dalam pengurusan tidak dikenal pasti dalam MPSAS 29.PA35 sebagai contoh di mana jualan atau pindahan daripada dipegang hingga matang tidak menjejaskan pengelasan sebagai dipegang hingga matang. Jualan sebagai tindak balas kepada perubahan dalam pengurusan akan menimbulkan persoalan tentang hasrat entiti untuk memegang pelaburan sehingga matang.

Ilustrasi: Entiti X memiliki portfolio aset kewangan yang dikelaskan sebagai dipegang hingga matang. Dalam tempoh semasa, atas arahan badan pentadbir, kumpulan pengurusan kanan telah diganti. Pengurusan baharu berhasrat untuk menjual bahagian aset kewangan dipegang hingga matang untuk

melaksanakan strategi peluasan yang ditetapkan dan diluluskan oleh badan pentadbir. Walaupun kumpulan pengurusan sebelum ini wujud sejak penubuhan entiti dan Entiti X tidak pernah melaksanakan penstrukturan semula secara besar-besaran, namun jualan tersebut menimbulkan persoalan tentang hasrat Entiti X untuk memegang baki aset kewangan dipegang hingga matang sehingga matang.

B.16 Takrif Pelaburan Dipegang hingga Matang: Jualan sebagai Tindak Balas kepada Keperluan Modal Khusus Entiti

Di sesetengah negara, pengawal selia bank atau industri lain boleh menetapkan keperluan modal khusus entiti berdasarkan pentaksiran risiko terhadap entiti tersebut. MPSAS 29.PA35(e) menyatakan bahawa entiti yang menjual pelaburan dipegang hingga matang sebagai tindak balas kepada peningkatan signifikan yang tidak dijangka oleh pengawal selia keperluan modal industri boleh membuat penetapan tersebut di bawah MPSAS 29 tanpa perlu menimbulkan persoalan tentang hasratnya untuk memegang pelaburan lain sehingga matang. Adakah jualan pelaburan dipegang hingga matang yang disebabkan oleh peningkatan signifikan dalam keperluan modal khusus entiti yang dikenakan oleh pengawal selia (iaitu keperluan modal terpakai kepada entiti tersebut, tetapi bukan kepada industri) menimbulkan keraguan?

Ya, jualan tersebut “mencemarkan” hasrat entiti untuk memegang aset kewangan lain sebagai dipegang hingga matang melainkan dapat dibuktikan bahawa jualan tersebut untuk memenuhi syarat dalam MPSAS 29.10 hasil daripada peningkatan keperluan modal, jualan ini merupakan kes terpencil di luar kawalan entiti, tidak berulang dan tidak dapat dijangkakan secara munasabah oleh entiti.

B.17 Takrif Aset Kewangan Dipegang hingga Matang: Gadaian Sandaran, Perjanjian Belian Semula (repo), dan Perjanjian Pinjaman Sekuriti

Suatu entiti tidak boleh menunjukkan keupayaan untuk memegang sesuatu pelaburan hingga matang jika ia menghadapi kekangan yang boleh menghalang hasratnya untuk memegang aset kewangan hingga matang. Adakah ini bermaksud instrumen hutang yang disandarkan sebagai gadaian atau dipindahkan kepada pihak yang lain di bawah repo atau urus niaga pinjaman sekuriti, dan terus diiktiraf tidak boleh dikelaskan sebagai pelaburan dipegang hingga matang?

Tidak. Hasrat dan keupayaan suatu entiti untuk memegang instrumen hutang hingga matang tidak semestinya dikekang jika instrumen tersebut disandarkan sebagai gadaian atau tertakluk kepada perjanjian belian semula atau perjanjian pinjaman sekuriti. Walau bagaimanapun, suatu entiti tidak mempunyai hasrat dan keupayaan yang positif untuk memegang instrumen hutang hingga matang jika instrumen hutang dijangka tidak berupaya untuk mengekalkan atau memulihkan semula akses kepada instrumen berkenaan.

B18. Tarif Aset Kewangan Dipegang hingga Matang: “Pencemaran”

Sebagai tindak balas kepada tawaran tender tidak diminta, Entiti A menjual aset kewangan yang dikelaskan sebagai dipegang hingga matang dengan amaun yang signifikan dalam keadaan yang menguntungkan dari segi ekonomi. Entiti A tidak mengelaskan mana-mana aset kewangan yang diperoleh selepas tarikh jualan sebagai dipegang hingga matang. Walau bagaimanapun, Entiti A tidak mengelaskan semula baki pelaburan dipegang hingga matang kerana mengekalkan hasrat untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang. Adakah Entiti A patuh kepada MPSAS 29?

Tidak. Apabila jualan atau pindahan aset kewangan melebihi amaun yang tidak signifikan dikelaskan

sebagai dipegang hingga matang (HTM) kesan daripada tidak memenuhi syarat dalam MPSAS 29.10 dan MPSAS 29.PA35, tiada instrumen boleh dikelaskan dalam kategori tersebut. Oleh itu, baki aset HTM dikelaskan semula sebagai aset kewangan sedia untuk dijual. Pengelasan semula direkodkan dalam tempoh pelaporan apabila jualan atau pindahan berlaku dan diperakaunkan sebagai perubahan dalam pengelasan di bawah MPSAS 29.60. MPSAS 29.10 menjelaskan bahawa sekurang-kurangnya dua tahun kewangan penuh mesti dilepasi sebelum suatu entiti boleh mengelaskan aset kewangannya sebagai HTM.

B.19 Takrif Pelaburan Dipegang hingga Matang: Pengkategorian Kecil untuk Tujuan Mengguna Pakai Peraturan "Pencemaran"

Bolehkah suatu entiti mengguna pakai syarat pengelasan dipegang hingga matang dalam MPSAS 29.10 secara berasingan kepada kategori aset kewangan dipegang hingga matang yang berlainan, seperti instrumen hutang yang didenominasikan dalam dolar AS dan instrumen hutang yang didenominasikan dalam euro?

Tidak. "Peraturan pencemaran" dalam MPSAS 29.10 adalah jelas. Sekiranya suatu entiti telah menjual atau mengelaskan semula amaun pelaburan dipegang hingga matang melebihi amaun yang tidak signifikan, entiti tersebut tidak boleh mengelaskan aset kewangan sebagai aset kewangan dipegang hingga matang.

B.20 Takrif Pelaburan Dipegang hingga Matang: Pemakaian Peraturan "Pencemaran" dalam Penyatuan

Bolehkah suatu entiti mengguna pakai syarat dalam MPSAS 29.10 secara berasingan kepada aset kewangan dipegang hingga matang yang dipegang oleh entiti yang berbeza dalam entiti ekonomi, sebagai contoh, jika entiti yang berlainan tersebut beroperasi di negara yang berbeza dengan persekitaran ekonomi dan undang-undang yang berbeza?

Tidak. Sekiranya suatu entiti telah menjual atau mengelaskan semula amaun pelaburan yang lebih daripada tidak signifikan yang dikelaskan sebagai dipegang hingga matang dalam penyata kewangan disatukan, entiti tersebut tidak boleh mengelaskan aset kewangan ini sebagai aset kewangan dipegang hingga matang dalam penyata kewangan disatukan melainkan syarat dalam MPSAS 29.10 dipenuhi.

B.21 Takrif Pinjaman dan Belum Terima: Instrumen Ekuiti

Bolehkah instrumen ekuiti, seperti saham keutamaan, dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dikelaskan dalam pinjaman dan belum terima oleh pemegang?

Ya. Sekiranya instrumen ekuiti bukan derivatif akan direkodkan sebagai liabiliti oleh pengeluar, dan mempunyai bayaran tetap atau boleh ditentukan dan tidak disebutkan dalam pasaran aktif, instrumen ekuiti ini boleh dikelaskan dalam pinjaman dan belum terima oleh pemegang, dengan syarat takrif dipenuhi. MPSAS 27.13-MPSAS 27.27 menyediakan panduan tentang pengelasan instrumen kewangan sebagai liabiliti atau instrumen ekuiti dari perspektif pengeluar instrumen kewangan. Sekiranya suatu instrumen memenuhi takrif instrumen ekuiti di bawah MPSAS 28, instrumen tersebut tidak boleh dikelaskan dalam pinjaman dan belum terima oleh pemegang.

B.22 Takrif Pinjaman dan Belum Terima: Deposit Bank dalam Bank Lain

Bank membuat deposit berjangka dengan bank pusat atau bank lain. Kadangkala, bukti deposit boleh dirunding, kadangkala tidak. Walaupun boleh dirunding, bank pendeposit mungkin atau tidak mempunyai hasrat untuk menjualnya. Adakah deposit tersebut termasuk dalam pinjaman dan belum terima di bawah MPSAS 29.10?

Deposit tersebut memenuhi takrif pinjaman dan belum terima, tanpa mengira terdapat bukti atau tidak deposit tersebut boleh dirunding, melainkan bank pendeposit berhasrat untuk menjual instrumen berkenaan serta merta atau dalam tempoh terdekat, dalam kes ini, deposit berkenaan dikelaskan sebagai aset kewangan dipegang untuk dagangan.

B.23 Takrif Kos Terlunas: Instrumen Hutang Kekal dengan Kadar Tetap atau Kadar Berubah Berasaskan Pasaran

Entiti kadangkala membeli atau menerbitkan instrumen hutang yang perlu diukur pada kos terlunas dan pengeluar tidak mempunyai obligasi untuk membayar semula amaun prinsipal. Faedah boleh dibayar sama ada pada kadar tetap atau pada kadar berubah. Adakah perbezaan antara amaun awal yang dibayar atau diterima dan sifar (“amaun matang”) dilunaskan serta merta semasa pengiktirafan awal bagi tujuan menentukan kos terlunas jika kadar faedah adalah tetap atau ditentukan sebagai kadar berubah berasaskan pasaran?

Tidak. Memandangkan tiada bayaran balik bagi prinsipal, tiada pelunasan terhadap perbezaan antara amaun awal dengan amaun matang jika kadar faedah adalah tetap atau ditentukan sebagai kadar berubah berasaskan pasaran. Oleh sebab bayaran faedah adalah tetap atau berasaskan pasaran dan akan dibayar secara berkekalan, kos terlunas (nilai kini aliran bayaran tunai didiskaunkan pada kadar faedah efektif) bersamaan dengan amaun prinsipal pada setiap tempoh (MPSAS 29.10).

B.24 Takrif Kos Terlunas: Instrumen Hutang Kekal dengan Kadar Faedah Berkurangan

Jika kadar faedah yang dinyatakan pada instrumen hutang kekal semakin berkurang dari semasa ke semasa, adakah kos terlunas bersamaan dengan amaun prinsipal pada setiap tempoh?

Tidak. Dari perspektif ekonomi, sebahagian atau semua bayaran faedah adalah bayaran balik amaun prinsipal tersebut. Sebagai contoh, kadar faedah mungkin dinyatakan sebagai 16 peratus untuk sepuluh tahun pertama dan sifar peratus bagi tempoh berikutnya. Dalam kes tersebut, amaun awal dilunaskan kepada sifar sepanjang sepuluh tahun pertama menggunakan kaedah faedah efektif, memandangkan bahagian bayaran faedah mewakili bayaran balik amaun prinsipal. Kos terlunas ialah sifar selepas tahun ke-10 kerana nilai kini aliran bayaran tunai masa hadapan pada tempoh berikutnya adalah sifar (tiada bayaran tunai masa hadapan bagi prinsipal atau faedah pada tempoh berikutnya).

B.25 Contoh Pengiraan Kos Terlunas: Aset Kewangan

Aset kewangan yang dikecualikan daripada penilaian saksama dan mempunyai kematangan tetap perludiukur pada kos terlunas. Bagaimanakah kos terlunas dikira?

Di bawah MPSAS 29, kos terlunas dikira menggunakan kaedah faedah efektif. Kadar faedah efektif yang terdapat dalam instrumen kewangan ialah kadar yang mendiskaunkan dengan tepat anggaran aliran tunai berkaitan dengan instrumen kewangan sepanjang jangka hayat instrumen atau, jika bersesuaian,

tempoh yang lebih pendek kepada amaun bawaan bersih pada pengiktirafan awal. Pengiraan termasuk semua fi dan mata yang dibayar atau diterima yang merupakan bahagian penting dari kadar faedah efektif, kos urus niaga yang berkaitan secara langsung dan semua premium atau diskaun yang lain.

Contoh berikut menjelaskan cara pengiraan kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Entiti A membeli instrumen hutang dengan baki tempoh matang selama lima tahun bagi nilai saksamanya berjumlah RM1,000 (termasuk kos urus niaga). Instrumen tersebut mempunyai amaun prinsipal sebanyak RM1,250 dengan faedah tetap sebanyak 4.7 peratus yang dibayar setiap tahun ($RM1,250 \times 4.7 \text{ peratus} = RM59$ setahun). Kontrak tersebut juga menetapkan bahawa peminjam mempunyai pilihan untuk prabayar instrumen berkenaan dan tiada penalti akan dikenakan bagi pembayaran terdahulu. Pada permulaan, entiti menjangkakan peminjam tidak akan membuat prabayar.

Dapat ditunjukkan bahawa untuk mengagihkan terimaan faedah dan diskaun awal sepanjang tempoh instrumen hutang pada kadar tetap atas amaun bawaan, ia mesti diakru pada kadar 10 peratus setiap tahun. Jadual di bawah menyediakan maklumat tentang kos terlunas, hasil faedah dan aliran tunai instrumen hutang berkenaan pada setiap tempoh pelaporan.

Tahun	(a)	(b = a × 10%)	(c)	(d = a + b – c)
	Kos terlunas pada awal tahun	Hasil faedah	Aliran tunai	Kos terlunas pada akhir tahun
20X0	1,000	100	59	1,041
20X1	1,041	104	59	1,086
20X2	1,086	109	59	1,136
20X3	1,136	113	59	1,190
20X4	1,190	119	1,250 + 59	–

Pada hari pertama 20X2, entiti menyemak semula anggaran aliran tunainya. Entiti kini menjangkakan 50 peratus prinsipal akan dibuat secara prabayar pada hujung 20X2 dan baki 50 peratus pada hujung 20X4. Menurut MPSAS 29.PA20, baki awal instrumen hutang pada 20X2 diselaraskan. Amaun yang diselaraskan dikira dengan mendiskaunkan amaun yang dijangkakan diterima oleh entiti pada 20X2 dan tahun berikutnya menggunakan kadar faedah efektif yang asal (10 peratus). Keadaan ini akan menghasilkan baki awal yang baru pada 20X2 berjumlah RM1,138. Pelarasan berjumlah RM52 ($RM1,138 - RM1,086$) direkodkan dalam lebihan atau kurangan pada 20X2. Jadual di bawah menyediakan maklumat tentang kos terlunas, hasil faedah dan aliran tunai yang akan diselaraskan dengan mengambil kira perubahan dalam anggaran.

Tahun	(a) Kos terlunas pada awal tahun	(b = a × 10%) Hasil faedah	(c) Aliran tunai	(d = a + b – c) Kos terlunas pada akhir tahun
20X0	1,000	100	59	1,041
20X1	1,041	104	59	1,086
20X2	1,086 + 52	114	625 + 59	568
20X3	568	57	30	595
20X4	595	60	625 + 30	–

Jika instrumen hutang terjejas, katakan, pada akhir 20X3, kerugian penjejasan nilai dikira sebagai perbezaan antara amaun bawaan (RM595) dengan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal (10 peratus).

B.26 Contoh Pengiraan Kos Terlunas: Instrumen Hutang dengan Bayaran Faedah Bertingkat

Adakala, entiti membeli atau menerbitkan instrumen hutang dengan kadar faedah yang ditetapkan terlebih dahulu sama ada meningkat atau berkurang secara progresif (“faedah bertingkat”) sepanjang tempoh instrumen hutang. Jika instrumen hutang dengan faedah bertingkat dan tanpa derivatif terkandung diterbitkan pada RM1,250 dan mempunyai amaun matang berjumlah RM1,250, adakah kos terlunas bersamaan dengan RM1,250 pada setiap tempoh pelaporan sepanjang tempoh instrumen hutang?

Tidak. Walaupun tiada perbezaan antara amaun awal dengan amaun matang, entiti menggunakan kaedah faedah efektif untuk mengagihkan bayaran faedah sepanjang tempoh instrumen hutang untuk mencapai kadar tetap amaun bawaan (MPSAS 29.10).

Contoh berikut menjelaskan cara pengiraan kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif bagi instrumen dengan kadar faedah yang ditetapkan terlebih dahulu sama ada meningkat atau berkurang sepanjang tempoh instrumen hutang (“faedah bertingkat”).

Pada 1 Januari 2000, Entiti A menerbitkan instrumen hutang pada harga RM1,250. Amaun prinsipal ialah RM1,250 dan instrumen hutang perlu dibayar balik pada 31 Disember 2004. Kadar faedah ditetapkan dalam perjanjian hutang sebagai peratusan daripada amaun prinsipal seperti berikut: 6.0 peratus pada 2000 (RM75), 8.0 peratus pada 2001 (RM100), 10.0 peratus pada 2002 (RM125), 12.0 peratus pada 2003 (RM150), dan 16.4 peratus pada 2004 (RM205). Dalam kes ini, kadar faedah yang mendiskaunkan dengan tepat aliran bayaran tunai masa depan melalui tempoh matang ialah 10 peratus. Oleh itu, bayaran faedah tunai diagihkan semula sepanjang tempoh instrumen hutang bagi tujuan menentukan kos terlunas bagi setiap tempoh. Pada setiap tempoh, kos terlunas pada awal tempoh didarab dengan kadar faedah efektif sebanyak 10 peratus dan ditambah dengan kos terlunas. Sebarang bayaran tunai dalam tempoh tersebut ditolak daripada jumlah yang terhasil. Oleh itu, kos terlunas bagi setiap tempoh adalah seperti berikut:

Tahun	(a) Kos terlunas pada awal tahun	(b = a × 10%) Hasil faedah	(c) Aliran tunai	(d = a + b – c) Kos terlunas pada akhir tahun
20X0	1,250	125	75	1,300
20X1	1,300	130	100	1,330
20X2	1,330	133	125	1,338
20X3	1,338	134	150	1,322
20X4	1,322	133	1,250 + 205	–

B.27 Kontrak Cara Biasa: Tiada Pasaran Diwujudkan

Bolehkah sesuatu kontrak untuk membeli aset kewangan menjadi kontrak cara biasa jika tiada pasaran diwujudkan untuk memperdagangkan kontrak tersebut?

Ya. MPSAS 29.10 merujuk syarat yang menghendaki penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan secara umum oleh peraturan atau kelaziman dalam pasaran yang berkenaan. Pasaran, iaitu istilah yang digunakan dalam MPSAS 29.10, tidak terhad kepada bursa saham rasmi atau pasaran di kaunter yang teratur. Sebaliknya, ia bermaksud persekitaran di mana aset kewangan lazimnya bertukar tangan. Tempoh masa yang boleh diterima ialah tempoh yang munasabah dan lazimnya diperlukan oleh pihak yang terlibat untuk menyempurnakan urusan niaga dan menyediakan serta mempersembahkan dokumen penutup.

Sebagai contoh, pasaran bagi instrumen kewangan terbitan swasta boleh dijadikan sebagai pasaran.

B.28 Kontrak Cara Biasa: Kontrak Hadapan

Entiti ABC mengikat satu kontrak hadapan untuk membeli satu juta saham biasa M dalam tempoh dua bulan pada harga RM10 sesaham. Kontrak tersebut adalah bukan kontrak tukaran dagangan. Kontrak tersebut menghendaki ABC untuk menerima penghantaran fizikal saham berkenaan dan membayar RM10 juta kepada rakan niaga dalam tunai. Saham M didagangkan di pasaran awam yang aktif pada purata 100,000 saham sehari. Penghantaran cara biasa ialah tiga hari. Adakah kontrak hadapan tersebut dianggap kontrak cara biasa?

Tidak. Kontrak tersebut hendaklah diperakaunkan sebagai derivatif kerana ia tidak diselesaikan melalui cara yang ditetapkan oleh peraturan atau kelaziman dalam pasaran yang berkenaan.

B.29 Kontrak Cara Biasa: Peruntukan Penyelesaian Lazim Manakah yang Terpakai?

Jika instrumen kewangan sesuatu entiti didagangkan dalam lebih daripada satu pasaran aktif dan peruntukan penyelesaian berbeza dalam pasaran aktif yang pelbagai, peruntukan manakah yang terpakai dalam menilai sama ada sesuatu kontrak untuk membeli instrumen kewangan berkenaan ialah kontrak cara biasa?

Peruntukan yang terpakai ialah peruntukan yang terdapat dalam pasaran di mana pembelian sedang berlaku.

Ilustrasi: Entiti XYZ membeli satu juta saham Entiti ABC di bursa saham AS, sebagai contoh, melalui broker. Tarikh penyelesaian kontrak ialah enam hari bekerja berikutnya. Dagangan saham ekuiti pada bursa AS lazimnya diselesaikan dalam tiga hari berniaga. Disebabkan dagangan diselesaikan dalam enam hari berniaga, ia tidak memenuhi pengecualian sebagai dagangan cara biasa.

Walau bagaimanapun, jika XYZ melakukan urus niaga yang sama di bursa saham asing yang mempunyai tempoh penyelesaian lazim enam hari berniaga, kontrak tersebut akan menepati pengecualian untuk dagangan cara biasa.

B.30 *Kontrak Cara Biasa: Pembelian Saham melalui Opsyen Beli*

Entiti A membuat pembelian opsiyen beli dalam pasaran awam yang membenarkannya untuk membeli 100 saham Entiti XYZ pada bila-bila masa sepanjang tiga bulan berikutnya pada harga RM100 sesaham. Jika Entiti A menggunakan opsiennya, ia mempunyai 14 hari untuk menyelesaikan urus niaga menurut peraturan atau kelaziman dalam pasaran opsiyen. Saham XYZ didagangkan di pasaran awam aktif yang memerlukan penyelesaian dalam tempoh tiga hari. Adakah pembelian saham dengan menggunakan opsiyen berkenaan merupakan cara biasa untuk membeli saham?

Ya. Penyelesaian sesuatu opsiyen adalah dikawal oleh peraturan atau kelaziman dalam pasaran bagi opsiyen dan, dengan itu, apabila menggunakan opsiyen, ia tidak lagi diperakaunkan sebagai derivatif kerana penyelesaian melalui serahan saham dalam tempoh 14 hari ialah urus niaga cara biasa.

B.31 *Pengiktirafan dan Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan Menggunakan Perakaunan Tarikh Perdagangan atau Tarikh Penyelesaian*

MPSAS 29 mempunyai peraturan khas tentang pengiktirafan dan penyahiktirafan aset kewangan menggunakan perakaunan tarikh perdagangan atau tarikh penyelesaian. Adakah peraturan ini terpakai kepada urus niaga bagi instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai liabiliti kewangan, seperti urus niaga dalam liabiliti deposit dan liabiliti dagangan?

Tidak. MPSAS 29 tidak mempunyai sebarang peraturan khusus berkenaan perakaunan tarikh perdagangan dan perakaunan tarikh penyelesaian dalam kes urus niaga bagi instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai liabiliti kewangan. Oleh itu, keperluan umum bagi pengiktirafan dan penyahiktirafan dalam MPSAS 29.18 dan MPSAS 29.41 adalah terpakai. MPSAS 29.16 menyatakan bahawa liabiliti kewangan diiktiraf pada tarikh entiti “menjadi pihak dalam peruntukan kontrak instrumen tersebut”. Pada umumnya, kontrak sedemikian tidak diiktiraf melainkan salah satu pihak telah melaksanakannya atau kontrak tersebut ialah kontrak derivatif yang tidak dikecualikan daripada skop MPSAS 29. MPSAS 29.41 menetapkan bahawa liabiliti kewangan hanya boleh dinyahiktiraf apabila ia dihapuskan, iaitu, apabila obligasi yang ditetapkan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput.

Bahagian C: Derivatif Terkandung

C.1 *Derivatif Terkandung: Pengasingan Instrumen Hutang Hos*

Jika suatu derivatif bukan opsyen terkandung dikehendaki untuk diasingkan daripada instrumen hutang hos, bagaimanakah terma instrumen hutang hos dan derivatif terkandung tersebut dikenal pasti? Sebagai contoh, adakah instrumen hutang hos merupakan instrumen kadar tetap, instrumen boleh ubah atau instrumen tanpa kupon?

Terma bagi instrumen hutang hos menggambarkan terma substantif yang dinyatakan atau tersirat bagi instrumen hibrid tersebut. Sekiranya tiada terma yang dinyatakan atau tersirat, entiti membuat pertimbangan sendiri berkenaan terma. Bagaimanapun, entiti mungkin tidak mengenal pasti komponen yang tidak dinyatakan atau tidak menetapkan terma bagi instrumen hutang hos berkenaan dengan cara yang akan mengakibatkan pengasingan derivatif terkandung yang belum wujud secara jelas dalam instrumen hibrid tersebut, iaitu, ia tidak boleh mencipta aliran tunai yang tidak wujud. Sebagai contoh, jika instrumen hutang lima tahun mempunyai bayaran faedah tetap berjumlah RM40,000 setiap tahun dan bayaran prinsipal pada tarikh matang berjumlah RM1,000,000 didarab dengan perubahan dalam indeks harga ekuiti, adalah tidak sesuai untuk mengenal pasti kontrak hos kadar terapung dan swap ekuiti terkandung yang mempunyai kaki kadar terapung (*floating rate leg*) yang mengofset sebagai ganti kepada pengenpastian hos kadar tetap. Dalam contoh tersebut, kontrak hos ialah instrumen hutang berkadar tetap yang membayar RM40,000 setiap tahun kerana ketiadaan aliran tunai kadar faedah terapung dalam instrumen hibrid berkenaan.

Di samping itu, terma derivatif bukan opsyen terkandung, seperti kontrak hadapan atau swap, mesti ditentukan untuk menghasilkan derivatif terkandung yang mempunyai nilai saksama sifar pada permulaan instrumen hibrid tersebut. Jika ia dibenarkan untuk mengasingkan derivatif bukan opsyen terkandung pada terma yang lain, instrumen hibrid tunggal boleh dibahagikan kepada pelbagai kombinasi instrumen hutang hos dan derivatif terkandung yang tidak terhingga, sebagai contoh, mengasingkan derivatif terkandung dengan terma yang mewujudkan keumpulan, asimetri atau beberapa pendedahan risiko lain yang belum wujud dalam instrumen hibrid. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk mengasingkan derivatif bukan opsyen terkandung berdasarkan terma yang menghasilkan nilai saksama selain dari sifar pada permulaan instrumen hibrid tersebut. Penentuan terma derivatif terkandung tersebut adalah berdasarkan syarat sedia ada ketika instrumen kewangan diterbitkan.

C.2 *Derivatif Terkandung: Pengasingan Opsyen Terkandung*

Maklum balas kepada Soalan C.1 menyatakan bahawa terma bagi suatu derivatif bukan opsyen terkandung hendaklah ditentukan supaya derivatif terkandung berkenaan mempunyai nilai saksama bersamaan sifar pada pengiktirafan awal instrumen hibrid tersebut. Apabila suatu derivatif berasaskan opsyen terkandung diasingkan, perlukah terma opsyen terkandung ditentukan supaya derivatif terkandung berkenaan mempunyai nilai saksama bersamaan sifar atau nilai intrinsik sifar (iaitu pada nilai wang) pada permulaan instrumen hibrid tersebut?

Tidak. Tingkah laku ekonomi bagi instrumen hibrid dengan derivatif terkandung berasaskan opsyen bergantung secara kritikal pada harga laksana (atau kadar laksana) yang ditetapkan bagi ciri opsyen dalam instrumen hibrid, seperti yang dibincangkan di bawah. Oleh itu, pengasingan suatu derivatif terkandung berasaskan opsyen (termasuk sebarang ciri jualan, belian, had, lantai, pengedaran, pelantiaan atau penswapan yang terkandung dalam instrumen hibrid) hendaklah berdasarkan terma

yang dinyatakan bagi ciri opsyen yang didokumenkan dalam instrumen hibrid tersebut. Kesannya, derivatif terkandung tersebut tidak semestinya mempunyai nilai saksama atau nilai asas intrinsik bersamaan sifar pada pengiktirafan awal instrumen hibrid.

Jika suatu entiti dikehendaki untuk mengenal pasti terma derivatif berasaskan opsyen terkandung untuk mencapai nilai saksama bersamaan sifar bagi derivatif terkandung, harga laksana (atau kadar laksana) pada umumnya harus ditentukan untuk menghasilkan opsyen ketiadaan wang yang berterusan. Ini akan menunjukkan kebarangkalian adalah sifar bagi ciri opsyen yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, memandangkan kebarangkalian ciri opsyen dalam instrumen hibrid yang dilaksanakan secara umumnya bukan sifar, andaian bahawa nilai saksama awal bersamaan sifar adalah tidak konsisten dengan kemungkinan tingkah laku ekonomi instrumen hibrid tersebut. Begitu juga, jika suatu entiti dikehendaki mengenal pasti terma derivatif berasaskan opsyen terkandung untuk mencapai nilai intrinsik sifar bagi derivatif terkandung, harga laksana (atau kadar laksana) harus diandaikan sama dengan harga (atau kadar) pemboleh ubah sandaran pada pengiktirafan awal instrumen hibrid tersebut. Dalam kes ini, nilai saksama opsyen tersebut akan terdiri daripada nilai masa sahaja. Walau bagaimanapun, andaian sedemikian adalah tidak konsisten dengan kemungkinan tingkah laku ekonomi instrumen hibrid, termasuk kebarangkalian ciri opsyen yang dilaksanakan, melainkan harga laksana yang dipersetujui sememangnya sama dengan harga (atau kadar) pemboleh ubah sandaran pada pengiktirafan awal instrumen hibrid berkenaan.

Ciri ekonomi bagi suatu derivatif terkandung berasaskan opsyen pada dasarnya berbeza daripada derivatif terkandung berasaskan hadapan (termasuk kontrak hadapan dan swap), kerana terma pembayaran kontrak hadapan yang berasaskan perbezaan antara harga sandaran dengan harga hadapan akan berlaku pada tarikh yang ditetapkan, sementara terma pembayaran suatu opsyen yang berasaskan perbezaan antara harga sandaran dengan harga laksana opsyen tersebut mungkin berlaku atau tidak, bergantung pada hubungan antara harga laksana yang dipersetujui dengan harga sandaran pada tarikh yang ditetapkan atau tarikh pada masa hadapan. Penyelarasan harga laksana bagi derivatif terkandung berasaskan opsyen, dengan itu, akan mengubah ciri instrumen hibrid. Dalam erti kata lain, jika terma derivatif terkandung bukan opsyen dalam instrumen hutang hos ditentukan untuk menghasilkan sebarang amaun nilai saksama selain sifar pada permulaan instrumen hibrid, amaun tersebut pada asasnya mewakili pinjaman atau pemberian pinjaman. Oleh itu, seperti yang dibincangkan dalam jawapan kepada Soalan C.1, adalah tidak sesuai untuk mengasingkan derivatif terkandung bukan opsyen dalam instrumen hutang hos atas terma yang menghasilkan nilai saksama selain sifar pada pengiktirafan awal instrumen hibrid tersebut.

C.3 Derivatif Terkandung: Perakaunan bagi Bon Boleh Tukar

Apakah pengolahan perakaunan bagi pelaburan dalam suatu bon (aset kewangan) yang boleh ditukar kepada instrumen ekuiti bagi entiti pengeluar atau entiti lain sebelum matang?

Suatu pelaburan dalam bon boleh tukar yang boleh ditukar sebelum matang pada umumnya tidak boleh dikelaskan sebagai pelaburan dipegang hingga matang kerana pelaburan tersebut tidak konsisten dengan pembayaran bagi ciri penukaran - hak penukaran kepada instrumen ekuiti sebelum matang.

Suatu pelaburan dalam bon boleh tukar boleh dikelaskan sebagai aset kewangan sedia untuk dijual dengan syarat bon tersebut tidak dibeli untuk tujuan perdagangan. Opsyen penukaran ekuiti tersebut ialah derivatif terkandung.

Jika bon tersebut dikelaskan sebagai sedia untuk dijual (iaitu perubahan nilai saksama diiktiraf dalam

aset bersih/ekuiti sehingga bon tersebut dijual), opsyen penukaran ekuiti tersebut (derivatif terkandung) diasingkan. Amaun yang dibayar ke atas bon dipecahkan kepada instrumen hutang tanpa opsyen penukaran dan opsyen penukaran ekuiti. Perubahan dalam nilai saksama opsyen penukaran ekuiti diiktiraf dalam lebihan atau kurangan melainkan opsyen tersebut merupakan sebahagian daripada hubungan lindung nilai aliran tunai.

Jika bon boleh tukar diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, pengasingan derivatif terkandung daripada bon hos adalah tidak dibenarkan.

C.4 *Derivatif Terkandung: Penonjol Ekuiti (Equity Kicker)*

Dalam beberapa keadaan, entiti pengusaha niaga modal yang menyediakan pinjaman subordinat bersetuju bahawa jika dan apabila peminjam menyenaraikan sahamnya di bursa saham, entiti pengusaha niaga modal berhak untuk terima saham entiti peminjam secara percuma atau pada harga yang sangat rendah (“*Equity Kicker*”) selain daripada faedah dan bayaran balik prinsipal. Hasil daripada ciri penonjol ekuiti (*equity kicker*), faedah ke atas pinjaman subordinat tersebut adalah rendah berbanding yang sepatutnya. Andaikan bahawa pinjaman subordinat tidak diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan (MPSAS 29.12(c)), adakah ciri penonjol ekuiti (*equity kicker*) memenuhi takrifan derivatif terkandung walaupun ia merupakan luar jangka semasa penyenaian peminjam pada masa hadapan?

Ya. Ciri-ciri ekonomi dan risiko pulangan ekuiti tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko instrumen hutang hos (MPSAS 29.12(a)). Penonjol ekuiti (*equity kicker*) memenuhi takrif derivatif kerana ia mempunyai nilai yang berubah sebagai tindak balas kepada perubahan dalam harga saham peminjam, ia tidak menghendaki pelaburan bersih permulaan atau pelaburan bersih permulaan yang lebih kecil berbanding yang diperlukan untuk jenis kontrak lain yang dijangka mempunyai tindak balas yang sama terhadap perubahan dalam faktor pasaran, dan diselesaikan pada tarikh masa hadapan (MPSAS 29.12(b) dan MPSAS 29.10(a)). Ciri penonjol ekuiti (*equity kicker*) memenuhi takrif derivatif walaupun hak untuk menerima saham merupakan luar jangka semasa penyenaian peminjam pada masa hadapan. MPSAS 29.PA21 menyatakan bahawa sesuatu derivatif mungkin menghendaki pembayaran sebagai hasil bagi beberapa peristiwa pada masa hadapan yang tidak berkait dengan amaun nosional. Ciri penonjol ekuiti (*equity kicker*) adalah sama dengan derivatif sedemikian kecuali ia tidak memberi hak untuk pembayaran tetap, sekadar hak opsyen, jika peristiwa pada masa hadapan berlaku.

C.5 *Derivatif Terkandung: Mengenal Pasti Instrumen Hutang atau Ekuiti sebagai Kontrak Hos*

Entiti A membeli instrumen “hutang” lima tahun yang diterbitkan oleh Entiti B dengan amaun prinsipal berjumlah RM1 juta yang diindekskan kepada harga saham Entiti C. Setelah matang, Entiti A akan menerima amaun prinsipal daripada Entiti B, ditambah atau ditolak perubahan dalam nilai saksama bagi 10,000 saham Entiti C. Harga saham semasa ialah RM110. Tiada bayaran faedah berasingan dibuat oleh Entiti B. Harga belian ialah RM1 juta. Entiti A mengelaskan instrumen hutang sebagai sedia untuk dijual. Entiti A membuat kesimpulan bahawa instrumen tersebut merupakan instrumen hibrid dengan derivatif terkandung disebabkan oleh prinsipal indeks ekuiti. Bagi tujuan mengasingkan derivatif terkandung, adakah kontrak hos merupakan instrumen ekuiti atau instrumen hutang?

Kontrak hos ialah instrumen hutang kerana instrumen hibrid mempunyai tempoh matang yang

dinyatakan, iaitu ia tidak memenuhi takrif instrumen ekuiti (MPSAS 28.9 dan MPSAS 28.14). Ia diperakaunkan sebagai instrumen hutang kupon sifar. Oleh itu, dalam perakaunan instrumen hos, Entiti A menaksir faedah ke atas RM1 juta sepanjang lima tahun menggunakan kadar faedah pasaran yang berkenaan pada pengiktirafan awal. Derivatif bukan opsyen terkandung diasingkan untuk mendapatkan nilai saksama awal ialah sifar (lihat Soalan C.1).

C.6 Derivatif Terkandung: Instrumen Tiruan

Entiti A memperoleh instrumen hutang lima tahun kadar terapung yang diterbitkan oleh Entiti B. Pada masa yang sama, ia mengikat swap kadar faedah bayar berubah, terima tetap lima tahun dengan Entiti C. Entiti A menganggap kombinasi instrumen hutang dan swap tersebut sebagai instrumen kadar tetap tiruan dan mengelaskan instrumen tersebut sebagai pelaburan dipegang hingga matang, memandangkan ia mempunyai hasrat dan keupayaan yang positif untuk memegang instrumen tersebut hingga matang. Entiti A menegaskan bahawa perakaunan berasingan bagi swap adalah tidak sesuai memandangkan MPSAS 29.PA46(a) menghendaki derivatif terkandung dikelaskan bersama-sama dengan instrumen hosnya jika derivatif berkenaan dikaitkan dengan kadar faedah yang mengubah amaun faedah selain yang dibayar ke atas atau diterima oleh kontrak hutang hos. Adakah analisis entiti tersebut betul?

Tidak. Instrumen derivatif terkandung ialah terma dan syarat yang termasuk dalam kontrak hos bukan derivatif. Pada umumnya, tidak sesuai untuk menganggap dua atau lebih instrumen kewangan berasingan sebagai satu instrumen digabungkan (perakaunan “instrumen tiruan”) bagi tujuan pemakaian MPSAS 29. Setiap instrumen kewangan mempunyai terma dan syaratnya sendiri dan setiap daripadanya boleh dipindahkan atau diselesaikan secara berasingan. Oleh itu, instrumen hutang dan swap dikelaskan secara berasingan. Urus niaga yang diterangkan di sini berbeza daripada urus niaga yang dibincangkan dalam Soalan B.5, yang tidak memiliki inti pati selain menghasilkan swap kadar faedah.

C.7 Derivatif Terkandung: Kontrak Jual Beli dalam Instrumen Mata Wang Asing

Kontrak pembekalan membenarkan pembayaran dalam mata wang selain (a) mata wang fungsian mana-mana pihak dalam kontrak, (b) mata wang di mana produk didenominasikan secara rutin dalam urus niaga komersil di seluruh dunia, dan (c) mata wang yang lazimnya digunakan dalam kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan dalam persekitaran ekonomi di mana urus niaga berlaku. Adakah terdapat derivatif terkandung yang harus diasingkan di bawah MPSAS 29?

Ya. Ilustrasi: Sebuah entiti di Norway bersetuju untuk menjual minyak kepada entiti di Perancis. Kontrak minyak didenominasikan dalam franc Switzerland, meskipun kontrak minyak didenominasikan secara rutin dalam dolar AS dalam urus niaga komersil di seluruh dunia, dan krone Norway lazimnya digunakan dalam kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan di Norway. Kedua-dua pihak tidak menjalankan apa-apa aktiviti penting dalam franc Switzerland. Dalam kes ini, entiti Norway menganggap kontrak pembekalan sebagai kontrak hos dengan kontrak hadapan mata wang asing terkandung untuk membeli franc Switzerland. Entiti Perancis menganggap kontrak pembekalan sebagai kontrak hos dengan kontrak hadapan mata wang asing terkandung untuk jual franc Switzerland. Setiap entiti memasukkan perubahan nilai saksama kontrak hadapan mata wang dalam lebihan atau kurangan melainkan entiti pelaporan menetakannya sebagai instrumen lindung nilai aliran tunai, jika bersesuaian.

C.8 Derivatif Mata Wang Asing Terkandung: Peruntukan Mata Wang Asing yang Tidak Berkaitan

Entiti A, yang mengukur item dalam penyata kewangannya berasaskan euro (mata wang funkciannya), mengikat kontrak dengan Entiti B, yang menggunakan krone Norway sebagai mata wang funkciannya, untuk membeli minyak dalam enam bulan pada nilai 1,000 dolar AS. Kontrak minyak hos tidak termasuk dalam skop MPSAS 29 disebabkan ia telah mengikat dan terus diikat bagi tujuan penyerahan item bukan kewangan menurut jangkaan keperluan pembelian, penjualan atau penggunaan entiti (MPSAS 29.4 dan MPSAS 29.PA22). Kontrak minyak termasuk peruntukan pertukaran asing berkeumpulan yang menyatakan bahawa pihak, sebagai tambahan kepada peruntukan, dan pembayaran untuk, minyak akan menukarkan amaun yang sama dengan turun naik kadar pertukaran bagi dolar AS dan krone Norway yang terpakai kepada amaun nosional berjumlah 100,000 dolar AS. Di bawah MPSAS 29.12, adakah derivatif terkandung (peruntukan pertukaran asing berkeumpulan) dianggap sebagai berkait rapat dengan kontrak minyak hos?

Tidak, peruntukan pertukaran asing berkeumpulan tersebut diasingkan daripada kontrak minyak hos kerana ia tidak berkait rapat dengan kontrak minyak hos (MPSAS 29.PA46(d)).

Peruntukan bayaran di bawah kontrak minyak hos berjumlah 1,000 dolar AS boleh dilihat sebagai derivatif mata wang asing kerana dolar AS bukan merupakan mata wang fungsian bagi Entiti A atau B. Derivatif mata wang asing ini tidak akan diasingkan kerana mengikut daripada MPSAS 29.PA45(d), kontrak minyak mentah tersebut yang menghendaki bayaran dalam dolar AS tidak dianggap sebagai kontrak hos dengan derivatif mata wang asing.

Peruntukan pertukaran asing berkeumpulan yang menyatakan bahawa pihak berkenaan akan menukar amaun yang sama dengan turun naik kadar pertukaran asing dolar AS dan krone Norway yang terpakai kepada amaun nosional berjumlah 100,000 dolar AS adalah tambahan kepada bayaran yang dikehendaki bagi urus niaga minyak. Ia tidak berkait dengan kontrak minyak hos dan dengan itu, diasingkan daripada kontrak minyak hos dan diperakaunkan sebagai derivatif terkandung di bawah MPSAS 29.12.

C.9 Derivatif Mata Wang Asing Terkandung: Mata Wang bagi Perdagangan Antarabangsa

MPSAS 29.PA46(d) merujuk kepada mata wang yang mana harga barangan atau perkhidmatan berkaitan didenominasikan secara rutin dalam urus niaga komersil di seluruh dunia. Adakah ia merupakan mata wang yang digunakan untuk produk atau perkhidmatan tertentu dalam urus niaga komersil di kawasan tempatan salah satu daripada pihak yang penting dalam kontrak?

Tidak. Mata wang yang mana harga barangan atau perkhidmatan yang berkaitan didenominasikan secara rutin dalam urus niaga komersil di seluruh dunia merupakan mata wang yang digunakan bagi urus niaga yang sama di seluruh dunia sahaja, bukan hanya di satu kawasan tempatan. Sebagai contoh, jika urus niaga merentas sempadan bagi gas asli di Amerika Utara didenominasikan secara rutin dalam dolar AS dan urus niaga sedemikian didenominasikan secara rutin dalam euro di Eropah, kedua-dua dolar AS dan euro bukanlah merupakan mata wang yang mana barangan atau perkhidmatan didenominasikan secara rutin dalam urus niaga komersil di seluruh dunia.

C.10 Derivatif Terkandung: Pemegang Dibenarkan, Tetapi Tidak Dikehendaki untuk Menyelesaikan Tanpa Memperoleh Semula Sebahagian Besar daripada Keseluruhan Pelaburannya yang Diiktiraf

Jika terma instrumen digabungkan membenarkan, tetapi tidak menghendaki pemegang untuk menyelesaikan instrumen digabungkan dengan cara yang menyebabkan ia tidak memperoleh semula sebahagian besar daripada keseluruhan pelaburannya yang diiktiraf dan pengeluar tidak mempunyai hak sedemikian (contohnya, instrumen hutang boleh dijual), adakah kontrak tersebut memenuhi syarat dalam MPSAS 29.PA46(a) yang menyatakan pemegang tidak akan memperoleh semula sebahagian besar daripada keseluruhan pelaburannya yang diiktiraf?

Tidak. Syarat yang menyatakan “pemegang tidak akan memperoleh semula sebahagian besar daripada keseluruhan pelaburannya yang diiktiraf” tidak dipenuhi jika terma instrumen digabungkan membenarkan, tetapi tidak menghendaki pelabur menyelesaikan instrumen digabungkan dalam cara yang menyebabkannya tidak dapat memperoleh semula sebahagian besar daripada keseluruhan pelaburannya yang diiktiraf dan pengeluar tidak mempunyai hak sedemikian. Oleh itu, kontrak hos berfaedah bersama derivatif kadar faedah terkandung dengan terma sedemikian dianggap sebagai berkait rapat dengan kontrak hos. Syarat yang menyatakan “pemegang tidak memperoleh sebahagian besar daripada keseluruhan pelaburan yang diiktirafnya” terpakai dalam situasi yang mana pemegang boleh dipaksa untuk menerima penyelesaian pada amaun yang menyebabkan pemegang tidak memperoleh semula sebahagian besar daripada keseluruhan pelaburannya yang diiktiraf.

C.11 Derivatif Terkandung: Penentuan Nilai Saksama Boleh Percaya

Jika suatu derivatif terkandung yang dikehendaki untuk diasingkan tidak dapat diukur dengan pasti disebabkan ia akan diselesaikan oleh instrumen ekuiti tak disebut yang nilai saksamanya tidak dapat diukur dengan pasti, adakah derivatif terkandung tersebut diukur pada kos?

Tidak. Dalam kes ini, keseluruhan kontrak diolah dianggap sebagai instrumen kewangan dipegang untuk dagangan (MPSAS 29.14). Jika nilai saksama instrumen digabungkan dapat diukur dengan pasti, kontrak digabungkan diukur pada nilai saksama. Walau bagaimanapun, entiti mungkin membuat kesimpulan bahawa komponen ekuiti instrumen digabungkan tersebut mungkin cukup signifikan untuk menghalangnya daripada memperoleh anggaran boleh percaya bagi keseluruhan instrumen. Dalam kes ini, instrumen digabungkan diukur pada kos ditolak dengan penjejasan nilai.

Bahagian D: Pengiktirafan dan Penyahiktirafan

D.1 Pengiktirafan Awal

D.1.1 Pengiktirafan: Cagaran Tunai

Entiti B memindahkan tunai kepada Entiti A sebagai cagaran bagi urus niaga yang lain dengan Entiti A (contohnya urus niaga pinjaman sekuriti). Tunai tidak diasingkan secara sah daripada aset Entiti A. Haruskah Entiti A mengiktiraf cagaran tunai yang diterimanya sebagai aset?

Ya. Realisasi muktamad aset kewangan ialah penukarannya kepada tunai dan, dengan itu, tiada pengubahan lanjut perlu dilakukan sebelum manfaat ekonomi tunai yang dipindahkan oleh Entiti B boleh direalisasikan oleh Entiti A. Oleh itu, Entiti A mengiktiraf tunai sebagai aset dan belum bayar kepada Entiti B manakala Entiti B menyahiktiraf tunai dan mengiktiraf belum terima daripada Entiti A.

D.2 Kaedah Biasa Membeli atau Menjual Aset Kewangan

D.2.1 Tarikh Perdagangan Iwn Tarikh Penyelesaian: Amaun yang Perlu Direkodkan untuk Membeli

Bagaimanakah prinsip perakaunan bagi tarikh perdagangan dan tarikh penyelesaian dalam Piawaian yang digunakan untuk membeli aset kewangan?

Contoh yang berikut menjelaskan pemakaian prinsip perakaunan bagi tarikh perdagangan dan tarikh penyelesaian dalam Piawaian untuk membeli aset kewangan. Pada 29 Disember 20X1, sebuah entiti menyatakan komitmen untuk membeli aset kewangan untuk RM1,000, yang merupakan nilai saksamanya pada tarikh komitmen (perdagangan). Kos urus niaga tidak material. Pada 31 Disember 20X1, (akhir tahun kewangan) dan pada 4 Januari 20X2 (tarikh penyelesaian), nilai saksama aset tersebut ialah masing-masing RM1,002 dan RM1,003. Amaun yang perlu direkodkan bagi aset tersebut bergantung pada cara ia dikelaskan dan sama ada perakaunan tarikh perdagangan atau tarikh penyelesaian digunakan, seperti yang ditunjukkan dalam dua jadual di bawah.

Perakaunan Tarikh Penyelesaian			
Baki	Pelaburan dipegang hingga matang dibawa pada kos terlunas	Aset sedia untuk dijual diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam aset bersih/ekuiti	Aset pada nilai saksama melalui lebihan atau kurang diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam lebihan atau kurang
29 Disember 20X1			
Aset kewangan	–	–	–
Liabiliti kewangan	–	–	–
31 Disember 20X1			
Belum terima	–	2	2
Aset kewangan	–	–	–
Liabiliti kewangan	–	–	–
Aset bersih/ekuiti (Pelarasan nilai saksama)	–	(2)	–
Lebihan atau kurang terkumpul (melalui lebihan atau kurang)	–	–	(2)
4 Januari 20X2			
Belum terima	–	–	–
Aset kewangan	1,000	1,003	1,003
Liabiliti kewangan	–	–	–
Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	(3)	–
Lebihan/kurang terkumpul (melalui lebihan atau kurang)	–	–	(3)

Perakaunan Tarikh Perdagangan			
Baki	Pelaburan dipegang hingga matang dibawa pada kos terlunas	Aset sedia untuk dijual diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam aset/ekuiti	Aset pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam lebihan atau kurangan
29 Disember 20X1			
Aset kewangan	1,000	1,000	1,000
Liabiliti kewangan	(1,000)	(1,000)	(1,000)
31 Disember 20X1			
Belum terima	–	–	–
Aset kewangan	1,000	1,002	1,002
Liabiliti kewangan	(1,000)	(1,000)	(1,000)
Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	(2)	–
Lebihan atau kurangan terkumpul (melalui lebihan atau kurangan)	–	–	(2)
4 Januari 20X2			
Belum terima	–	–	–
Aset kewangan	1,000	1,003	1,003
Liabiliti kewangan	–	–	–
Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	(3)	–
Lebihan atau kurangan terkumpul (melalui lebihan atau kurangan)	–	–	(3)

D.2.2 Tarikh Perdagangan lwn Tarikh Penyelesaian: Amaun yang Perlu Direkodkan untuk Jualan

Bagaimanakah prinsip perakaunan bagi tarikh perdagangan dan tarikh penyelesaian dalam Piawaian yang digunakan untuk penjualan aset kewangan?

Contoh yang berikut menjelaskan pemakaian prinsip perakaunan bagi tarikh perdagangan dan tarikh penyelesaian dalam Piawaian untuk penjualan aset kewangan. Pada 29 Disember 20X2 (tarikh perdagangan) sebuah entiti mengikat kontrak untuk menjual aset kewangan dengan nilai saksama semasanya iaitu RM1,010. Aset tersebut telah diperoleh satu tahun lebih awal pada RM1,000 dan kos terlunasnya ialah RM1,000. Pada 31 Disember 20X2 (akhir tahun kewangan), nilai saksama aset tersebut ialah RM1,012. Pada 4 Januari 20X3 (tarikh penyelesaian), nilai saksama ialah RM1,013. Amaun yang perlu direkodkan bergantung pada bagaimana aset tersebut dikelaskan dan sama ada perakaunan tarikh perdagangan atau tarikh penyelesaian digunakan seperti yang ditunjukkan dalam dua jadual di bawah (apa-apa faedah yang terakru ke atas aset tersebut diabaikan).

MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan yang dijual melalui kaedah biasa tidak direkodkan dalam penyata kewangan di antara tarikh perdagangan dan tarikh penyelesaian, walaupun entiti menggunakan perakaunan tarikh penyelesaian kerana hak penjual untuk mengubah nilai saksama ditamatkan pada tarikh perdagangan.

Perakaunan Tarikh Penyelesaian			
Baki	Pelaburan dipegang hingga matang pada kos terlunas	Aset kewangan sedia untuk dijual diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam aset bersih/ekuiti	Aset pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam lebihan atau kurangan
29 Disember 20X2			
Belum terima	–	–	–
Aset kewangan	1,000	1,010	1,010
Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	10	–
Lebihan atau kurangan terkumpul (melalui lebihan atau kurangan)	–	–	10
31 Disember 20X2			
Belum terima	–	–	–
Aset kewangan	1,000	1,010	1,010
Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	10	–
Lebihan atau kurangan terkumpul (melalui lebihan atau kurangan)	–	–	10
4 Januari 20X3			
Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	–	–
Lebihan atau kurangan terkumpul (melalui lebihan atau kurangan)	10	10	10

Perakaunan Tarikh Perdagangan			
Baki	Pelabiran dipegang hingga matang dibawa pada kos terlunas	Aset sedia untuk dijual diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam aset bersih/ekuiti	Aset pada nilai saksama melalui lebihan atau kurang diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam lebihan atau kurang
29 Disember 20X2			
Belum terima	1,010	1,010	1,010
Aset kewangan	–	–	–
Ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	–	–
Lebihan atau kurang terkumpul (melalui lebihan atau kurang)	10	10	10
31 Disember 20X2			
Belum terima	1,010	1,010	1,010
Aset kewangan	–	–	–
Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	–	–
Lebihan atau kurang terkumpul (melalui lebihan atau kurang)	10	10	10
4 Januari 20X3			
Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama)	–	–	–
Lebihan atau kurang terkumpul (melalui lebihan atau kurang)	10	10	10

D.2.3 Perakaunan Tarikh Penyelesaian: Pertukaran Aset Kewangan Bukan Tunai

Jika sebuah entiti mengiktiraf jualan aset kewangan menggunakan perakaunan tarikh penyelesaian, adakah perubahan dalam nilai saksama suatu aset kewangan yang akan diterima sebagai pertukaran kepada aset kewangan bukan tunai yang dijual diiktiraf menurut MPSAS 29.66?

Bergantung pada keadaan. Apa-apa perubahan dalam nilai saksama aset kewangan yang akan diterima akan diakaunkan di bawah MPSAS 29.66 jika entiti mengguna pakai perakaunan tarikh penyelesaian bagi kategori aset kewangan tersebut. Walau bagaimanapun, jika entiti mengelaskan aset kewangan yang akan diterima dalam kategori yang mengguna pakai perakaunan tarikh perdagangan, aset yang akan diterima diiktiraf pada tarikh perdagangan seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 29.PA70. Dalam kes berkenaan, entiti mengiktiraf liabiliti bagi amaun yang sama dengan amaun bawaan aset kewangan yang akan diserahkan pada tarikh penyelesaian.

Ilustrasi: Pada 29 Disember 20X2 (tarikh perdagangan), Entiti A mengikat kontrak untuk menjual Nota Belum Terima A, yang dibawa pada kos terlunas, sebagai pertukaran kepada Bon B, yang akan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan dan diukur pada nilai saksama. Kedua-dua aset mempunyai nilai saksama berjumlah RM1,010 pada 29 Disember, sementara kos terlunas Nota Belum Terima A ialah RM1,000. Entiti A menggunakan perakaunan tarikh penyelesaian bagi pinjaman dan belum terima dan perakaunan tarikh perdagangan bagi aset dipegang untuk dagangan. Pada 31 Disember 20X2 (tahun kewangan berakhir), nilai saksama Nota Belum Terima A ialah RM1,012 dan nilai saksama Bon B ialah RM1,009. Pada 4 Januari 20X3, nilai saksama Nota Belum Terima A ialah

RM1,013 dan nilai saksama Bon B ialah RM1,007. Catatan perakaunan berikut dibuat:

29 Disember 20X2

Dt	Bon B	RM1,010	
	Kt	Belum bayar	RM1,010

31 Disember 20X2

Dt	Rugi perdagangan	RM1	
	Kt	Bon B	RM 1

4 Januari 20X3

Dt	Belum bayar	RM 1,010	
Dt	Rugi perdagangan	RM 2	
	Kt	Nota Belum Terima A	RM 1,000
	Kt	Bon B	RM 2
	Kt	Laba direalisasikan	RM 10

Bahagian E: Pengukuran

E.1 Pengukuran Awal Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan

E.1.1 Pengukuran Awal: Kos Urus Niaga

Kos urus niaga hendaklah dimasukkan dalam pengukuran awal aset kewangan dan liabiliti kewangan selain yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Bagaimanakah keperluan ini diguna pakai dalam amalan?

Bagi aset kewangan, kos tambahan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset, sebagai contoh fi dan komisyen, ditambah kepada amaun yang diiktiraf pada asalnya. Bagi liabiliti kewangan, kos yang berkaitan secara langsung dalam terbitan hutang ditolak daripada amaun hutang yang diiktiraf pada asalnya. Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, kos urus niaga tidak dimasukkan dalam pengukuran nilai saksama pada pengiktirafan awal.

Bagi instrumen kewangan yang dibawa pada kos terlunas, seperti pelaburan dipegang hingga matang, pinjaman dan belum terima, dan liabiliti kewangan yang bukan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, kos urus niaga dimasukkan dalam pengiraan kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif dan, kesannya, dilunaskan melalui lebihan atau kurangan sepanjang hayat instrumen.

Bagi aset kewangan sedia untuk dijual, kos urus niaga diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti lain sebagai sebahagian daripada perubahan dalam nilai saksama pada pengukuran semula berikutnya. Jika suatu aset kewangan sedia untuk dijual mempunyai pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tidak mempunyai hayat yang tidak dapat ditentukan, kos urus niaga dilunaskan kepada lebihan atau kurangan menggunakan kaedah faedah efektif. Jika suatu aset kewangan sedia untuk dijual tidak mempunyai pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan mempunyai hayat yang tidak dapat ditentukan, kos urus niaga diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila aset berkenaan dinyahiktiraf atau terjejas.

Kos urus niaga dijangka akan ditanggung atas pindahan atau pelupusan instrumen kewangan tidak dimasukkan dalam pengukuran instrumen kewangan berkenaan.

E.2 *Pertimbangan Pengukuran Nilai Saksama*

E.2.1 **Pertimbangan Pengukuran Nilai Saksama untuk Dana Pelaburan**

MPSAS 29.PA104 menyatakan bahawa harga bida semasa biasanya merupakan harga yang bersesuaian untuk digunakan dalam pengukuran nilai saksama aset yang dipegang. Peraturan tersebut terpakai untuk beberapa dana pelaburan yang menghendaki nilai aset bersih dilaporkan kepada pelabur berdasarkan harga pertengahan pasaran. Dalam keadaan ini, adakah sesuai bagi suatu dana pelaburan untuk mengukur asetnya berdasarkan harga pertengahan pasaran?

Tidak. Kewujudan peraturan yang menghendaki pengukuran yang berbeza bagi tujuan khusus tidak mewajarkan penyimpangan daripada peraturan am dalam MPSAS 29.PA104 untuk menggunakan harga bida semasa dengan ketiadaan kedudukan liabiliti yang sepadan. Dalam penyata kewangannya, suatu dana pelaburan mengukur asetnya pada harga bida semasa. Dalam melaporkan nilai aset bersihnya kepada pelabur, suatu dana pelaburan mungkin berhasrat untuk menyediakan penyesuaian antara nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangannya dan harga yang digunakan untuk pengiraan nilai aset bersih.

E.2.2 **Pengukuran Nilai Saksama: Pegangan Besar**

Entiti A memegang 15 peratus modal saham dalam Entiti B. Saham tersebut didagangkan secara awam dalam pasaran aktif. Harga disebut semasa ialah RM100. Jumlah dagangan harian ialah 0.1 peratus daripada saham belum jelas. Disebabkan Entiti A percaya bahawa nilai saksama saham Entiti B yang dimilikinya, jika dijual sebagai satu blok, lebih tinggi daripada harga pasaran disebut, Entiti A mendapatkan beberapa anggaran bebas tentang harga yang mungkin diperoleh jika ia menjual pegangannya. Anggaran ini menunjukkan bahawa Entiti A mampu memperoleh harga sebanyak RM105, iaitu 5 peratus premium melebihi harga disebut. Angka yang manakah harus Entiti A gunakan untuk mengukur pegangannya pada nilai saksama?

Dalam MPSAS 29.PA103, sebut harga tersiar dalam pasaran aktif adalah anggaran terbaik bagi nilai saksama. Oleh itu, Entiti A menggunakan sebut harga tersiar (RM100). Entiti A tidak boleh menyimpang daripada harga pasaran disebut semata-mata kerana anggaran bebas menunjukkan bahawa Entiti A akan memperoleh harga yang lebih tinggi (atau lebih rendah) dengan menjual pegangannya sebagai satu blok.

E.3 *Laba dan Rugi*

E.3.1 **Aset Kewangan Sedia untuk Dijual: Pertukaran Saham**

Entiti A memegang sejumlah kecil saham dalam Entiti B. Saham tersebut dikelaskan sebagai sedia untuk dijual. Pada 20 Disember 20X0, nilai saksama saham tersebut ialah RM120 dan laba terkumpul yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti ialah RM20. Pada hari yang sama, Entiti B diambil alih oleh Entiti C. Hasilnya, Entiti A menerima saham dalam Entiti C sebagai pertukaran kepada saham yang dimilikinya dalam Entiti B dengan nilai saksama yang sama. Di bawah MPSAS 29.64(b), haruskah Entiti A mengelaskan semula laba terkumpul berjumlah RM20 yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti kepada lebih atau kurang?

Ya. Urus niaga tersebut layak untuk penyahiktirafan di bawah MPSAS 29. MPSAS 29.64(b) menghendaki laba atau rugi terkumpul ke atas aset kewangan sedia untuk dijual yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti untuk diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila aset dinyahiktiraf. Dalam pertukaran saham, Entiti A melupuskan saham yang dimilikinya dalam Entiti B dan menerima saham dalam Entiti C.

E.3.2 MPSAS 29 dan MPSAS 4 Aset Kewangan Sedia untuk Dijual: Pengasingan Komponen Mata Wang

Bagi aset kewangan monetari sedia untuk dijual, entiti mengiktiraf perubahan dalam amaun bawaan berkaitan perubahan terhadap kadar pertukaran asing dalam lebihan atau kurangan menurut MPSAS 4.27(a) dan MPSAS 4.32 serta perubahan lain dalam amaun bawaan aset bersih/ekuiti menurut MPSAS 29. Bagaimanakah laba atau rugi terkumpul yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti ditentukan?

Ia merupakan perbezaan antara kos terlunas (dilaraskan ke atas penjejasan nilai, jika ada) dengan nilai saksama aset kewangan monetari sedia untuk dijual dalam mata wang fungsian entiti pelaporan. Bagi tujuan pemakaian MPSAS 4.32 aset diolah sebagai aset yang diukur pada kos terlunas dalam mata wang asing.

Ilustrasi: Pada 31 Disember 20X1, Entiti A memperoleh bon yang didenominasi dalam mata wang asing (*foreign currency*, FC) pada nilai saksama FC1,000. Bon tersebut berbaki lima tahun untuk matang dan amaun prinsipal berjumlah FC1,250, dengan faedah tetap 4.7 peratus yang dibayar setiap tahun ($FC1,250 \times 4.7$ peratus = FC59 setahun), dan kadar faedah efektifnya sebanyak 10 peratus. Entiti A mengeluarkan bon tersebut sebagai sedia untuk dijual, dan mengiktiraf laba dan rugi dalam aset bersih/ekuiti. Mata wang fungsian entiti tersebut ialah mata wang tempatan (*local currency*, LC). Kadar pertukaran ialah FC1 hingga LC1.5 dan amaun bawaan bon tersebut ialah LC1,500 (= $FC1,000 \times 1.5$).

Dt	Bon	LC1,500	
	Kt Tunai		LC1,500

Pada 31 Disember 20X2, nilai mata wang asing telah meningkat dan kadar pertukaran ialah FC1 kepada LC2. Nilai saksama bon tersebut ialah FC1,060 dan amaun bawaan ialah LC2,120 (= $FC1,060 \times 2$). Kos terlunas ialah FC1,041 (= LC2,082). Dalam kes ini, laba atau rugi terkumpul yang perlu diiktiraf dan terkumpul dalam aset bersih/ekuiti adalah perbezaan antara nilai saksama dengan kos terlunas pada 31 Disember 20X2, iaitu LC38 (= $LC2,120 - LC2,082$).

Faedah yang diterima atas bon pada 31 Disember 20X2 ialah FC59 (= LC118). Hasil faedah ditentukan menurut kaedah faedah efektif ialah FC100 (= $1,000 \times 10$ peratus). Kadar pertukaran purata dalam tahun tersebut ialah FC1 kepada LC1.75. Bagi tujuan berkaitan soalan ini, diandaikan bahawa penggunaan kadar pertukaran purata menyediakan anggaran yang boleh dipercayai bagi kadar semerta yang diguna pakai untuk mengakru hasil faedah pada tahun tersebut (MPSAS 4.25). Oleh itu, hasil faedah yang dilaporkan ialah LC175 (= $FC100 \times 1.75$) termasuk pertambahan diskaun awal sebanyak LC72 (= $[FC100 - FC59] \times 1.75$). Dengan itu, perbezaan pertukaran atas bon yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan ialah LC510 (= $LC2,082 - LC1,500 - LC72$). Di samping itu, terdapat laba pertukaran atas faedah belum terima bagi tahun tersebut iaitu LC15 (= $FC59 \times [2.00 - 1.75]$).

Dt	Bon	LC620	
Dt	Tunai	LC118	
Kt	Hasil faedah		LC175
Kt	Laba pertukaran		LC525
Kt	Perubahan nilai saksama dalam aset bersih/ekuiti		LC38

Pada 31 Disember 20X3, mata wang asing tersebut telah meningkat lagi dan kadar pertukaran ialah FC1 kepada LC2.50. Nilai saksama bon tersebut ialah FC1,070 dan amaun bawaan ialah LC2,675 (= $FC1,070 \times 2.50$). Kos terlunas ialah FC1,086 (= LC2,715). Laba atau rugi terkumpul yang akan dikumpulkan dalam aset bersih/ekuiti adalah perbezaan antara nilai saksama dengan kos terlunas pada 31 Disember 20X3, iaitu negatif LC40 (= $LC2,675 - LC2,715$). Dengan itu, amaun yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti adalah sama dengan perubahan dalam perbezaan pada 20X3 iaitu LC78 (= $LC40 + LC38$).

Faedah yang diterima atas bon pada 31 Disember 20X3 ialah FC59 (= LC148). Hasil faedah ditentukan menurut kaedah faedah efektif ialah FC104 (= $FC1,041 \times 10$ peratus). Kadar pertukaran purata pada tahun tersebut ialah FC1 kepada LC2.25. Bagi tujuan berkaitan soalan ini, diandaikan bahawa penggunaan kadar pertukaran purata menyediakan anggaran yang boleh dipercayai bagi kadar semerta yang terpakai untuk mengakru hasil faedah pada tahun tersebut (MPSAS 4.25). Oleh itu, hasil faedah yang diiktiraf ialah LC234 (= $FC104 \times 2.25$) termasuk pertambahan diskaun awal LC101 (= $[FC104 - FC59] \times 2.25$). Dengan itu, perbezaan pertukaran atas bon yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan ialah LC532 (= $LC2,715 - LC2,082 - LC101$). Di samping itu, terdapat laba pertukaran atas faedah belum terima bagi tahun tersebut iaitu LC15 (= $FC59 \times [2.50 - 2.25]$).

Dt	Bon	LC555	
Dt	Tunai	LC148	
Dt	Perubahan nilai saksama dalam aset bersih/ekuiti	LC78	
Kt	Hasil faedah		LC234
Kt	Laba pertukaran		LC547

E.3.3 MPSAS 29 dan MPSAS 4 Perbezaan Pertukaran yang Wujud atas Terjemahan Entiti Asing: Aset Bersih/Ekuiti atau, Lebihan atau Kurangan?

MPSAS 4.37 dan MPSAS 4.57 menyatakan bahawa semua perbezaan pertukaran yang terhasil daripada terjemahan penyata kewangan operasi asing hendaklah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti sehingga pelupusan pelaburan bersih berkenaan. Ini termasuk perbezaan pertukaran yang wujud daripada instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama, termasuk aset kewangan yang dikelaskan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan dan aset kewangan yang sedia untuk dijual.

MPSAS 29.64 menghendaki perubahan dalam nilai saksama aset kewangan yang dikelaskan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dan perubahan dalam nilai saksama pelaburan sedia untuk dijual hendaklah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti.

Jika operasi asing merupakan entiti dikawal yang penyata kewangannya disatukan dengan penyata kewangan entiti mengawal, dalam penyata kewangan disatukan tersebut, bagaimanakah MPSAS 29.64 dan MPSAS 4.44 diguna pakai?

MPSAS 29 diguna pakai dalam perakaunan instrumen kewangan bagi penyata kewangan operasi asing dan MPSAS 4 diguna pakai dalam terjemahan penyata kewangan operasi asing untuk dimasukkan dalam penyata kewangan entiti pelaporan.

Ilustrasi: Entiti A berpangkalan di Negara C dan mata wang fungsian dan mata wang pembentangnya ialah mata wang tempatan Negara X (*local currency X*, LCX). A memiliki entiti dikawal (Entiti B) di Negara Y dengan mata wang fungsian ialah mata wang tempatan Negara Y (*local currency Y*, LCY). B ialah pemilik instrumen hutang yang dipegang untuk dagangan dan dibawa pada nilai saksama di bawah MPSAS 29.

Dalam penyata kewangan B bagi tahun 20X0, nilai saksama dan amaun bawaan instrumen hutang ialah LCY100 dalam mata wang tempatan Negara Y. Dalam penyata kewangan disatukan A, aset diterjemahkan kepada mata wang tempatan Negara X pada kadar tukaran semerta yang diguna pakai pada akhir tempoh pelaporan (2.00). Oleh itu, amaun bawaan ialah LCX200 ($= LCY100 \times 2.00$) dalam penyata kewangan disatukan.

Pada akhir tahun 20X1, nilai saksama instrumen hutang telah meningkat kepada LCY110 dalam mata wang tempatan Negara Y. B mengiktiraf aset didagangkan pada LCY110 dalam penyata kedudukan kewangannya dan mengiktiraf laba nilai saksama sebanyak LCY10 dalam lebihan atau kurangnya. Pada tahun tersebut, kadar tukaran semerta telah meningkat daripada 2.00 kepada 3.00 menghasilkan peningkatan dalam nilai saksama instrumen tersebut daripada LCX200 kepada LCX330 ($= LCY110 \times 3.00$) dalam mata wang Negara X. Oleh itu, Entiti A mengiktiraf aset didagangkannya pada LCX330 dalam penyata kewangan disatukan.

Entiti A menterjemah penyata perubahan dalam aset bersih/ekuiti B “pada kadar pertukaran dan pada tarikh urus niaga” (MPSAS 4.44(b)). Memandangkan laba nilai saksama telah terakru sepanjang tahun, A menggunakan kadar purata sebagai anggaran praktikal ($[3.00 + 2.00] / 2 = 2.50$, menurut MPSAS 4.25). Oleh itu, memandangkan nilai saksama aset didagangkan telah meningkat sebanyak LCX130 ($= LCX330 - LCX200$), Entiti A hanya mengiktiraf LCX25 ($= LCY10 \times 2.5$) daripada kenaikan ini dalam lebihan atau kurangan disatukan untuk mematuhi MPSAS 4.44(b). Perbezaan yang terhasil daripada pertukaran tersebut, iaitu baki kenaikan dalam nilai saksama instrumen hutang ($LCX130 - LCX25 = LCX105$), dikumpulkan dalam aset bersih/ekuiti sehingga pelupusan pelaburan bersih dalam operasi asing menurut MPSAS 4.57.

E.3.4 MPSAS 29 dan MPSAS 4: Interaksi antara MPSAS 29 dengan MPSAS 4

MPSAS 29 merangkumi keperluan tentang pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan serta pengiktirafan laba dan rugi ke atas pengukuran semula dalam lebihan atau kurangan. MPSAS 4 merangkumi peraturan tentang pelaporan item mata wang asing dan pengiktirafan perbezaan tukaran dalam lebihan atau kurangan. Dalam pengaturan apakah MPSAS 4 dan MPSAS 29 diguna pakai?

Penyata Kedudukan Kewangan

Secara umum, pengukuran aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama, kos atau kos pelunasan pada awalnya ditentukan dalam mata wang asing dengan item denominasi mengikut MPSAS 29. Kemudian, amaun mata wang asing ditukar kepada mata wang fungsian menggunakan kadar penutup atau kadar sejarah mengikut MPSAS 4 (MPSAS 29.PA116). Sebagai contoh, jika aset kewangan monetari (seperti instrumen hutang) dibawa pada kos pelunasan di bawah MPSAS 29, kos

pelunasan dikira dalam mata wang denominasi aset kewangan tersebut. Seterusnya, amaun mata wang asing diiktiraf menggunakan kadar penutup dalam penyata kewangan entiti (MPSAS 4.27). Ini diguna pakai tanpa mengira sama ada item kewangan diukur pada nilai kos, kos pelunasan atau nilai saksama dalam mata wang asing (MPSAS 4.28). Aset kewangan bukan monetari (seperti pelaburan dalam instrumen ekuiti) diterjemah menggunakan kadar penutup jika ia dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing (MPSAS 4.27(c)) dan pada kadar sejarah jika ia tidak dibawa pada nilai saksama di bawah MPSAS 29 kerana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti (MPSAS 4.27(b) dan MPSAS 29.48).

Sebagai pengecualian, jika aset kewangan atau liabiliti kewangan dirangka sebagai item lindung nilai dalam nilai saksama lindung nilai daripada dedahan kepada perubahan dalam kadar mata wang asing di bawah MPSAS 29, item lindung nilai tersebut diukur semula untuk perubahan dalam kadar mata wang asing walaupun ia sebaliknya telah diiktiraf menggunakan kadar sejarah bawah MPSAS 4 (MPSAS 29.99), iaitu, amaun mata wang asing diiktiraf menggunakan kadar penutup. Pengecualian ini diguna pakai kepada item bukan monetari yang dibawa dalam bentuk kos sejarah dalam mata wang asing dan dilindung nilai daripada dedahan kepada kadar mata wang asing (MPSAS 4.27(b)).

Lebihan atau Kurangan

Pengiktirafan bagi perubahan pada amaun bawaan aset kewangan atau liabiliti kewangan dalam lebihan atau kurangan bergantung pada beberapa faktor, termasuk sama ada ia adalah perbezaan pertukaran atau perubahan lain dalam amaun bawaan, sama ada ia wujud atas item monetari (contoh, kebanyakan instrumen hutang) atau item bukan monetari (seperti kebanyakan pelaburan ekuiti), sama ada aset atau liabiliti yang berkaitan ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai daripada dedahan kepada perubahan dalam kadar mata wang asing, dan sama ada ia terhasil daripada terjemahan penyata kewangan bagi operasi asing. Isu bagi mengiktiraf perubahan dalam amaun bawaan aset kewangan atau liabiliti kewangan yang dipegang oleh operasi asing dibincangkan dalam soalan berasingan (lihat Soalan E.3.3).

Sebarang perbezaan pertukaran yang wujud apabila mengiktiraf item monetari pada kadar yang berbeza daripada yang pada awal ia diiktiraf sepanjang tempoh tersebut, atau diiktiraf dalam penyata kewangan sebelumnya, diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau dalam aset bersih/ekuiti menurut MPSAS 4 (MPSAS 29.PA116, MPSAS 4.32 dan MPSAS 4.37), melainkan item monetari ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai bagi urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi dalam mata wang asing, dengan keperluan untuk pengiktirafan bagi laba dan rugi atas lindung nilai aliran tunai dalam MPSAS 29 mengguna pakai MPSAS 29.106. Perbezaan yang wujud daripada pengiktirafan item monetari pada amaun mata wang asing yang berbeza daripada yang diiktiraf sebelumnya diperakaunkan dengan cara yang serupa, memandangkan semua perubahan dalam amaun bawaan berkaitan dengan pergerakan mata wang asing perlu diolah dengan konsisten. Semua perubahan lain dalam pengukuran kedudukan penyata kewangan item monetari diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau dalam aset bersih/ekuiti mengikut MPSAS 29. Sebagai contoh, walaupun entiti mengiktiraf laba dan rugi ke atas aset kewangan monetari yang sedia dijual dalam aset bersih/ekuiti (MPSAS 29.64(b)), entiti itu, bagaimanapun, mengiktiraf perubahan dalam amaun bawaan yang berkaitan dengan perubahan pada kadar pertukaran asing dalam lebihan atau kurangan (MPSAS 4.27(a)).

Sebarang perubahan dalam amaun bawaan item bukan monetari adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau dalam aset bersih/ekuiti mengikut MPSAS 29 (MPSAS 29.PA116). Sebagai contoh, bagi aset kewangan yang sedia dijual, perubahan keseluruhan dalam amaun bawaan, termasuk kesan perubahan pada kadar mata wang asing, diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Jika item bukan monetari

ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai bagi komitmen teguh tidak diiktiraf atau urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi dalam mata wang asing, keperluan untuk pengiktirafan bagi laba dan rugi atas lindung nilai aliran tunai dalam MPSAS 29 diguna pakai (MPSAS 29.106).

Apabila sebahagian pada perubahan dalam amaun bawaan diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti dan sebahagian diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, sebagai contoh, jika kos terlunas bagi bon mata wang asing yang dikelaskan sebagai sedia dijual telah meningkat dalam mata wang asing (menghasilkan laba dalam lebihan atau kurangan) tetapi nilai saksamanya telah berkurang dalam mata wang fungsian (menghasilkan kerugian yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti), entiti tidak boleh mengofset dua komponen tersebut bagi tujuan menentukan laba atau rugi yang sepatutnya diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau dalam aset bersih/ekuiti.

E.4 *Penjelasan Nilai dan Ketidakboleh pungutan Aset Kewangan*

E.4.1 **Bukti Objektif Penjelasan Nilai**

Adakah MPSAS 29 menghendaki sesebuah entiti dapat mengenal pasti satu peristiwa penyebab yang jelas pada masa lalu untuk menyimpulkan bahawa ada kemungkinan kerugian penjelasan nilai ke atas aset kewangan berlaku?

Tidak. MPSAS 29.68 menyatakan “Peristiwa tunggal dan berasingan yang menyebabkan penjelasan nilai tersebut mungkin tidak dapat dikenal pasti, sebaliknya penjelasan nilai tersebut mungkin disebabkan oleh gabungan kesan daripada beberapa peristiwa.” MPSAS 29.69 juga menyatakan bahawa “penurunan penarafan kredit entiti tidak dengan sendirinya menjadi bukti penjelasan nilai, walaupun ia mungkin merupakan bukti penjelasan nilai apabila dipertimbangkan dengan maklumat lain yang diperolehi.” Faktor lain yang diambil kira oleh entiti untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjelasan nilai telah berlaku adalah termasuk maklumat tentang kecairan tunai penghutang atau pengeluaran, kemampuan bayar dan pendedahan risiko perniagaan dan kewangan, tahap dan trend kelalaian untuk aset kewangan serupa, arah aliran dan keadaan ekonomi negara dan tempatan, serta nilai saksama cagaran dan jaminan. Perkara ini dan faktor lain boleh, sama ada secara bersendirian atau bersama, memberikan bukti objektif yang cukup bahawa kerugian penjelasan nilai telah berlaku pada aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan.

E.4.2 **Penjelasan Nilai: Kerugian Masa Hadapan**

Adakah MPSAS 29 membenarkan pengiktirafan rugi penjelasan nilai melalui pewujudan elaun kerugian masa hadapan apabila pinjaman diberikan? Sebagai contoh, jika Entiti A meminjamkan RM1,000 kepada Pelanggan B, bolehkah ia mengiktiraf kerugian penjelasan nilai dengan serta-merta sebanyak RM10 jika Entiti A, berdasarkan pengalaman lalu, menjangkakan bahawa 1 peratus daripada amaun prinsipal pinjaman tidak akan dikutip?

Tidak. MPSAS 29.45 menghendaki aset kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama. Bagi aset pinjaman, nilai saksama ialah amaun tunai yang dipinjamkan diselaraskan dengan apa-apa bayaran dan kos (melainkan sebahagian amaun yang dipinjamkan merupakan pampasan untuk hak atau keistimewaan yang dinyatakan atau tersirat). Di samping itu, MPSAS 29.67 menghendaki agar kerugian penjelasan nilai diiktiraf hanya jika terdapat bukti objektif penjelasan nilai akibat peristiwa lalu yang berlaku selepas pengiktirafan awal. Oleh sebab itu, adalah tidak konsisten dengan MPSAS 29.45 dan MPSAS 29.67 untuk mengurangkan amaun bawaan aset pinjaman pada pengiktirafan awal melalui pengiktirafan kerugian penjelasan nilai dengan serta-merta.

E.4.3 Penilaian Penjejasan Nilai: Prinsipal dan Faedah

Disebabkan oleh kesulitan kewangan Pelanggan B, Entiti A bimbang Pelanggan B tidak berupaya untuk membuat kesemua bayaran prinsipal dan faedah yang terhutang ke atas pinjaman pada masa yang ditetapkan. Entiti A berunding untuk menstrukturkan semula pinjaman tersebut. Entiti A menjangkakan Pelanggan B akan berupaya memenuhi obligasinya di bawah terma penstrukturkan semula. Adakah Entiti A akan mengiktiraf kerugian penjejasan nilai jika terma penstrukturkan semula adalah seperti yang ditunjukkan dalam mana-mana kes berikut?

- (a) Pelanggan B akan membayar amaun penuh prinsipal daripada pinjaman asal lima (5) tahun selepas tarikh matang asal, tetapi tiada faedah yang terhutang di bawah terma asal.
- (b) Pelanggan B akan membayar amaun penuh prinsipal daripada pinjaman asal pada tarikh matang asal, tetapi tiada faedah yang terhutang di bawah terma asal.
- (c) Pelanggan B akan membayar amaun penuh prinsipal daripada pinjaman asal pada tarikh matang asal berserta faedah hanya pada kadar faedah lebih rendah daripada kadar faedah yang terdapat dalam pinjaman asal.
- (d) Pelanggan B akan membayar amaun penuh prinsipal daripada pinjaman asal lima (5) tahun selepas tarikh matang asal dan semua faedah terakru sepanjang tempoh pinjaman asal, tetapi tiada faedah untuk tempoh yang dilanjutkan.
- (e) Pelanggan B akan membayar amaun penuh prinsipal daripada pinjaman asal lima (5) tahun selepas tarikh matang asal dan semua faedah, termasuk faedah untuk tempoh pinjaman asal dan tempoh yang dilanjutkan.

MPSAS 29.67 menunjukkan bahawa kerugian penjejasan nilai telah berlaku jika terdapat bukti objektif penjejasan nilai. Amaun kerugian penjejasan nilai untuk pinjaman yang diukur pada kos terlunas ialah perbezaan antara amaun bawaan pinjaman dan nilai kini bayaran prinsipal dan faedah masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif pinjaman asal tersebut. Dalam kes (a)–(d) di atas, nilai kini bayaran prinsipal dan faedah masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif pinjaman asal akan lebih rendah daripada amaun bawaan pinjaman tersebut. Oleh itu, kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam semua kes tersebut.

Dalam kes (e), walaupun tetapan masa bayaran telah berubah, pemberi pinjaman akan menerima faedah atas faedah, dan nilai kini bayaran prinsipal dan faedah masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif pinjaman asal akan bersamaan dengan amaun bawaan pinjaman tersebut. Oleh itu, tiada kerugian penjejasan nilai. Walau bagaimanapun, corak fakta ini tidak mungkin berlaku dengan situasi kesulitan kewangan Pelanggan B.

E.4.4 Penilaian Penjejasan Nilai: Lindung Nilai Saksama

Pinjaman dengan bayaran kadar faedah tetap dilindung nilai terhadap pendedahan kepada risiko kadar faedah melalui swap kadar faedah terima berubah, bayar tetap. Hubungan lindung nilai melayakkan untuk perakaunan lindung nilai saksama dan dilaporkan sebagai lindung nilai saksama. Maka, amaun bawaan pinjaman merangkumi pelarasan untuk perubahan nilai saksama yang disebabkan oleh pergerakan dalam kadar faedah. Haruskah penilaian penjejasan nilai dalam pinjaman mengambil kira pelarasan nilai saksama untuk risiko kadar faedah?

Ya. Kadar faedah efektif pinjaman asal sebelum lindung nilai menjadi tidak relevan apabila amaun bawaan pinjaman tersebut diselaraskan untuk apa-apa perubahan pada nilai saksamanya yang disebabkan oleh pergerakan kadar faedah. Oleh itu, kadar faedah efektif pinjaman asal dan kos terlunas pinjaman tersebut diselaraskan untuk mengambil kira perubahan nilai saksama yang diiktiraf. Kadar faedah efektif yang diselaraskan dikira dengan menggunakan amaun bawaan pinjaman yang diselaraskan.

Kerugian penjejasan nilai pada pinjaman lindung nilai dikira sebagai perbezaan antara amaun bawannya selepas pelarasan untuk perubahan nilai saksama yang dikaitkan dengan risiko yang dilindung nilai dan anggaran aliran tunai pinjaman masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang diselaraskan. Apabila pinjaman dimasukkan ke dalam lindung nilai portfolio risiko kadar faedah, entiti hendaklah memperuntukkan perubahan dalam nilai saksama portfolio pinjaman yang dilindung nilai (atau kumpulan pinjaman serupa) yang dinilai untuk penjejasan nilai pada asas sistematik dan rasional.

E.4.5 Penjejasan Nilai: Matriks Peruntukan

Sebuah entiti mengira penjejasan nilai pada bahagian pinjaman dan belum terima yang tidak bercagar berasaskan matriks peruntukan yang menentukan kadar peruntukan tetap untuk bilangan hari sesuatu pinjaman dikelaskan sebagai tidak berbayar (sifar peratus jika kurang dari 90 hari, 20 peratus jika 90–180 hari, 50 peratus jika 181–365 hari dan 100 peratus jika lebih dari 365 hari). Bolehkah keputusan ini dianggap wajar bagi tujuan pengiraan kerugian penjejasan nilai atas pinjaman dan belum terima di bawah MPSAS 29.72?

Tidak semestinya. MPSAS 29.72 menghendaki kerugian penjejasan nilai atau hutang lapuk dikira sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dengan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal instrumen kewangan tersebut.

E.4.6 Penjejasan Nilai: Kerugian Berlebihan

Adakah MPSAS 29 membenarkan sebuah entiti untuk mengiktiraf kerugian penjejasan nilai atau hutang lapuk melebihi kerugian penjejasan nilai yang telah ditentukan berasaskan bukti objektif mengenai penjejasan nilai dalam aset kewangan individu yang dikenal pasti atau kumpulan aset kewangan serupa yang dikenal pasti?

Tidak. MPSAS 29 tidak membenarkan sebuah entiti untuk mengiktiraf kerugian penjejasan nilai atau hutang lapuk sebagai tambahan kepada yang boleh dikaitkan dengan aset kewangan yang dikenal pasti secara individu atau kumpulan aset kewangan yang dikenal pasti dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa (MPSAS 29.73) berasaskan bukti objektif mengenai kewujudan penjejasan nilai dalam aset tersebut (MPSAS 29.67). Amaun yang mungkin ingin diketepikan oleh entiti untuk kemungkinan penjejasan nilai tambahan dalam aset kewangan, seperti rizab yang tidak boleh disokong oleh bukti objektif mengenai penjejasan nilai, tidak diiktiraf sebagai kerugian penjejasan nilai atau hutang lapuk di bawah MPSAS 29. Walau bagaimanapun, jika entiti menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan nilai wujud untuk aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada ia signifikan atau tidak, ia termasuk aset dalam kumpulan aset kewangan dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa (MPSAS 29.73).

E.4.7 Pengiktirafan Penjejasan Nilai atas suatu Portfolio

MPSAS 29.72 menghendaki penjejasan nilai diiktiraf untuk aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. **MPSAS 29.73** menyatakan bahawa kemungkinan penjejasan nilai boleh diukur dan diiktiraf secara individu atau berasaskan portfolio bagi sekumpulan aset kewangan yang serupa. Jika satu aset dalam kumpulan terjejas tetapi nilai saksama aset lain di dalam kumpulan melebihi kos terlunasnya, adakah MPSAS 29 membenarkan penjejasan nilai aset pertama tersebut tidak diiktiraf?

Tidak. Jika entiti mengetahui bahawa aset kewangan individu dibawa pada kos terlunas telah terjejas, MPSAS 29.72 menghendaki penjejasan nilai ke atas aset tersebut hendaklah diiktiraf. Perenggan berkenaan menyatakan: “amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan *aset* dan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum ditanggung) yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut” (penekanan ditambah). Pengukuran penjejasan nilai berasaskan portfolio bawah MPSAS 29.73 boleh digunakan kepada kumpulan item yang berbaki kecil dan kepada aset kewangan yang dinilai secara individu dan didapati tidak perlu dijejaskan apabila terdapat petunjuk penjejasan nilai dalam kumpulan aset yang serupa dan penjejasan nilai tidak boleh dikenal pasti dengan aset individu dalam kumpulan tersebut.

E.4.8 Penjejasan Nilai: Pengiktirafan Cagaran

Jika aset kewangan terjejas dijamin oleh cagaran yang tidak memenuhi kriteria pengiktirafan untuk aset dalam Piawaian yang lain, adakah cagaran tersebut diiktiraf sebagai aset berasingan daripada aset kewangan terjejas?

Tidak. Pengukuran aset kewangan terjejas menggambarkan nilai saksama cagaran tersebut. Cagaran tersebut tidak diiktiraf sebagai aset berasingan daripada aset kewangan terjejas melainkan ia memenuhi kriteria pengiktirafan untuk aset dalam Piawaian yang lain.

E.4.9 Penjejasan Nilai Aset Kewangan Bukan Monetari Sedia Dijual

Jika aset kewangan bukan monetari, seperti instrumen ekuiti, diukur pada nilai saksama dengan laba dan rugi diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti menjadi terjejas, haruskah kerugian bersih kumulatif yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti, termasuk apa-apa bahagian yang disebabkan oleh perubahan mata wang asing, dikelaskan semula daripada aset bersih/ekuiti kepada lebihan atau kurangan sebagai pelarasan pengelasan semula?

Ya. MPSAS 29.76 menyatakan bahawa apabila penurunan dalam nilai saksama bagi aset kewangan sedia dijual yang telah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti dan terdapat bukti objektif bahawa aset tersebut terjejas, kerugian bersih kumulatif yang telah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan walaupun aset belum lagi dinyahiktiraf. Apa-apa bahagian kerugian bersih kumulatif yang disebabkan oleh perubahan mata wang asing pada aset tersebut yang telah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti juga diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Apa-apa kerugian seterusnya, termasuk apa-apa bahagian yang disebabkan oleh perubahan mata wang asing, juga diiktiraf dalam lebihan atau kurangan sehingga aset tersebut dinyahiktiraf.

E.4.10 **Penjejasan Nilai: Sama ada Rizab Sedia Dijual dalam Aset Bersih/Ekuiti menjadi Negatif**

MPSAS 29 menghendaki laba dan rugi yang timbul daripada perubahan pada nilai saksama ke atas aset kewangan sedia dijual diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Jika agregat nilai saksama aset tersebut adalah kurang daripada amaun bawaannya, haruskah agregat kerugian bersih yang telah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti diiktiraf dalam lebihan atau kurangan?

Tidak semestinya. Kriteria yang relevan bukanlah sama ada agregat nilai saksama kurang daripada amaun bawaan, tetapi sama ada terdapatnya bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset adalah terjejas. Entiti menilai pada hujung setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset mungkin terjejas, selaras dengan MPSAS 29.68–70. MPSAS 29.69 menyatakan bahawa penurunan taraf kredit entiti adalah bukan bukti penjejasan nilai dengan sendirinya, walaupun berkemungkinan menjadi bukti penjejasan nilai apabila dipertimbangkan dengan maklumat lain yang ada. Selain itu, penurunan nilai saksama bagi aset kewangan di bawah kosnya atau kos terlunas tidak semestinya membuktikan penjejasan nilai (contohnya, penurunan nilai saksama bagi pelaburan dalam instrumen hutang yang berpunca daripada peningkatan asas, kadar faedah bebas risiko).

Bahagian F: Lindung Nilai

F.1 *Instrumen Lindung Nilai*

F.1.1 **Lindung Nilai Dedahan Nilai Saksama bagi Bon dengan Didenominasikan dalam Mata Wang Asing**

Entiti J, yang mata wang funkciannya ialah yen Jepun, telah menerbitkan hutang kadar tetap lima (5) tahun sebanyak 5 juta dolar AS. Entiti J turut memiliki bon kadar tetap lima (5) tahun sebanyak 5 juta dolar AS yang telah dikelaskan sebagai sedia dijual. Bolehkah Entiti J menetapkan liabiliti dolar AS tersebut sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai saksama bagi keseluruhan dedahan nilai saksama bon dolar AS tersebut?

Tidak. MPSAS 29.81 membenarkan bukan derivatif untuk digunakan sebagai instrumen lindung nilai hanya untuk melindungi risiko mata wang asing. Bon entiti J mempunyai dedahan nilai saksama kepada mata wang asing dan perubahan kadar faedah serta risiko kredit.

Sebagai alternatif, bolehkah liabiliti dolar AS ditetapkan sebagai lindung nilai saksama atau lindung nilai aliran tunai bagi komponen mata wang asing bon tersebut?

Ya. Walau bagaimanapun, perakaunan lindung nilai tidak diperlukan kerana kos terlunas instrumen lindung nilai dan item yang dilindung nilai kedua-duanya diukur semula menggunakan kadar penutup. Tanpa mengambil kira sama ada Entiti J menetapkan hubungan sebagai lindung nilai aliran tunai atau lindung nilai saksama, kesan ke atas lebihan atau kurangan adalah sama. Apa-apa laba atau rugi ke atas instrumen lindung nilai bukan derivatif yang ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai diiktiraf dengan serta-merta dalam lebihan atau kurangan untuk menyamai pengiktirafan bagi perubahan pada kadar semerta ke atas item yang telah dilindung nilai dalam lebihan atau kurangan seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 4.

F.1.2 Lindung Nilai dengan Aset atau Liabiliti Kewangan Bukan Derivatif

Mata wang fungsian entiti J ialah yen Jepun. Entiti J telah menerbitkan instrumen hutang pada kadar tetap dengan bayaran faedah separuh tahunan yang matang dalam tempoh dua tahun dengan bayaran prinsipal perlu dibayar pada kematangan sebanyak 5 juta dolar AS. Entiti J juga telah mengikat komitmen jualan pada harga tetap untuk 5 juta dolar AS yang matang dalam tempoh dua tahun dan tidak diperakaunkan sebagai derivatif kerana ia memenuhi pengecualian untuk jualan biasa dalam perenggan 4. Bolehkah entiti J menetapkan liabiliti dolar AS tersebut sebagai lindung nilai saksama bagi keseluruhan dedahan nilai saksama komitmen jualan pada harga tetapnya dan layak untuk perakaunan lindung nilai?

Tidak. MPSAS 29.81 membenarkan aset atau liabiliti bukan derivatif untuk digunakan sebagai instrumen lindung nilai hanya untuk lindung nilai risiko mata wang asing.

Sebagai alternatif, bolehkah Entiti J menetapkan liabiliti dolar AS tersebut sebagai lindung nilai aliran tunai bagi dedahan mata wang asing yang berkaitan dengan terimaan dolar AS masa hadapan atas komitmen jualan pada harga tetap?

Ya. MPSAS 29 membenarkan penetapan aset atau liabiliti bukan derivatif sebagai instrumen lindung nilai sama ada dalam lindung nilai aliran tunai atau lindung nilai saksama bagi dedahan kepada perubahan kadar tukaran asing bagi suatu komitmen teguh (MPSAS 29.97). Apa-apa laba atau rugi atas instrumen lindung nilai bukan derivatif tersebut yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti semasa tempoh sebelum jualan masa hadapan diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan apabila jualan berlaku (MPSAS 29.106).

Sebagai alternatif, bolehkah Entiti J menetapkan komitmen jualan tersebut sebagai instrumen lindung nilai dan bukannya item yang dilindung nilai?

Tidak. Hanya instrumen derivatif atau aset atau liabiliti kewangan bukan derivatif boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai risiko mata wang asing. Komitmen teguh tidak boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai. Walau bagaimanapun, jika komponen mata wang asing bagi komitmen jualan tersebut perlu diasingkan sebagai derivatif terkandung bawah MPSAS 29.12 dan MPSAS 29.PA46, komponen tersebut boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai terhadap dedahan kepada perubahan dalam nilai saksama amaun kematangan bagi hutang yang disebabkan oleh risiko mata wang asing.

F.1.3 Perakaunan Lindung Nilai: Penggunaan Opsyen Bertulis dalam Gabungan Instrumen Lindung Nilai

Isu (a) – Adakah MPSAS 29.PA127 menghalang penggunaan kolar kadar faedah atau instrumen derivatif lain yang menggabungkan komponen opsiyen bertulis dan komponen opsiyen dibeli sebagai instrumen lindung nilai?

Bergantung pada keadaan. Kolar kadar faedah atau instrumen derivatif lain yang termasuk opsiyen bertulis tidak boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai jika ia adalah opsiyen bertulis bersih, kerana MPSAS 29.PA127 menghalang penggunaan opsiyen bertulis sebagai instrumen lindung nilai melainkan ditetapkan sebagai ofset kepada opsiyen dibeli. Kolar kadar faedah atau instrumen derivatif lain yang termasuk opsiyen bertulis boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, walau bagaimanapun jika penggabungan tersebut ialah opsiyen dibeli bersih atau kolar tanpa kos.

Isu (b) – Apakah faktor yang menunjukkan bahawa kolar kadar faedah atau instrumen derivatif lain yang menggabungkan komponen opsiyen bertulis dan komponen opsiyen dibeli adalah bukan opsiyen bertulis bersih?

Faktor berikut yang dilihat bersama mencadangkan bahawa kolar kadar faedah atau instrumen derivatif lain yang termasuk opsiyen bertulis adalah bukan opsiyen bertulis bersih.

- (a) Tiada premium bersih diterima sama ada pada permulaan atau sepanjang hayat penggabungan opsiyen tersebut. Ciri yang membezakan opsiyen bertulis ialah terimaan premium sebagai ganti rugi kepada penjual opsiyen untuk risiko yang ditanggung.
- (b) Selain daripada harga laksana, terma dan syarat kritikal bagi komponen opsiyen bertulis dan komponen opsiyen dibeli adalah sama (termasuk pemboleh ubah sandaran, denominasi mata wang dan tarikh kematangan). Begitu juga, amaun nosional bagi komponen opsiyen bertulis adalah tidak melebihi amaun nosional bagi komponen opsiyen dibeli.

F.1.4 Lindung Nilai Dalaman

Sesetengah entiti menggunakan kontrak derivatif dalaman (lindung nilai dalaman) untuk memindahkan dedahan risiko antara entiti berbeza dalam kalangan entiti ekonomi atau bahagian dalam satu entiti yang sah. Adakah MPSAS 29.82 melarang perakaunan lindung nilai dalam kes demikian?

Ya, jika kontrak derivatif adalah bersifat dalaman bagi entiti yang dilaporkan. MPSAS 29 tidak menentukan bagaimana entiti patut menguruskan risikonya. Walau bagaimanapun, piawaian ini menyatakan bahawa urus niaga lindung nilai dalaman tidak layak untuk perakaunan lindung nilai. Ini terpakai untuk kedua-dua (a) dalam penyata kewangan disatukan untuk urus niaga lindung nilai dalam kalangan entiti ekonomi, dan (b) dalam penyata kewangan individu atau berasingan bagi entiti yang sah untuk urus niaga lindung nilai antara bahagian dalam entiti. Prinsip dalam menyediakan penyata kewangan disatukan dalam MPSAS 6.49 menghendaki “Baki, urus niaga, hasil dan belanja dalam kalangan entiti ekonomi hendaklah dihapuskan sepenuhnya.”

Sebaliknya, urus niaga lindung nilai dalam kalangan entiti ekonomi mungkin boleh ditetapkan sebagai lindung nilai dalam penyata kewangan individu atau berasingan bagi sebuah entiti individu, jika urus niaga berkenaan merupakan urus niaga luaran daripada perspektif entiti ekonomi. Di samping itu, jika kontrak dalaman diofset dengan pihak luar, kontrak luaran tersebut boleh dianggap sebagai instrumen lindung nilai dan hubungan lindung nilai tersebut mungkin layak untuk perakaunan lindung nilai.

Perkara berikut merumuskan penggunaan MPSAS 29 bagi urus niaga lindung nilai dalaman.

- MPSAS 29 tidak menghalang entiti daripada menggunakan kontrak derivatif dalaman bagi tujuan pengurusan risiko dan tidak juga menghalang derivatif dalaman daripada dikumpulkan pada peringkat perbendaharaan atau beberapa lokasi pusat lain supaya risiko boleh diuruskan pada asas seluruh entiti atau pada peringkat yang lebih tinggi daripada entiti sah berasingan atau bahagian.
- Kontrak derivatif dalaman antara dua entiti berasingan dalam satu entiti ekonomi boleh layak untuk perakaunan lindung nilai oleh entiti tersebut dalam penyata kewangan mereka secara individu atau berasingan, walaupun kontrak dalaman tidak diofset oleh kontrak derivatif dengan pihak luar kepada entiti ekonomi tersebut.

- Kontrak derivatif dalaman antara dua bahagian berasingan dalam entiti sah yang sama boleh layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan individu atau berasingan bagi entiti sah tersebut hanya jika kontrak tersebut diofset oleh kontrak derivatif dengan pihak luar kepada entiti sah tersebut.
- Kontrak derivatif dalaman antara dua bahagian berasingan dalam entiti sah yang sama dan antara entiti berasingan dalam kalangan entiti ekonomi tersebut boleh layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan hanya jika kontrak dalaman tersebut diofset oleh kontrak derivatif dengan pihak luar kepada entiti ekonomi tersebut.
- Jika kontrak derivatif dalaman tersebut tidak diofset oleh kontrak derivatif dengan pihak luar, penggunaan perakaunan lindung nilai oleh entiti individu dan bahagian menggunakan kontrak dalaman mestilah ditimbal balik semasa penyatuan.

Ilustrasi: bahagian perbendaharaan bagi Entiti A mengikat swap kadar faedah dalaman dengan bahagian lain dalam entiti yang sama. Tujuannya ialah untuk melindungi nilai dedahan risiko kadar faedah bagi pinjaman (atau kumpulan pinjaman yang serupa) dalam portfolio pinjaman. Di bawah swap tersebut, bahagian perbendaharaan membayar faedah tetap kepada bahagian perdagangan dan menerima bayaran kadar faedah boleh ubah sebagai balasan.

Jika instrumen lindung nilai tidak diperolehi daripada pihak luar, MPSAS 29 tidak membenarkan pengolahan perakaunan lindung nilai untuk urus niaga lindung nilai yang dilaksanakan oleh perbendaharaan dan bahagian lain. MPSAS 29.82 menunjukkan bahawa hanya derivatif yang melibatkan pihak luar kepada entiti boleh ditentukan sebagai instrumen lindung nilai dan, seterusnya, apa-apa laba atau rugi atas urus niaga dalam entiti ekonomi atau dalam entiti individu hendaklah dihapuskan semasa penyatuan. Oleh itu, urus niaga antara bahagian berlainan dalam Entiti A tidak layak untuk pengolahan perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan bagi Entiti A. Begitu juga urus niaga antara entiti berlainan dalam entiti ekonomi tidak layak untuk pengolahan perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan.

Walau bagaimanapun, jika sebagai tambahan kepada swap dalaman dalam contoh di atas bahagian perdagangan mengikat swap kadar faedah atau kontrak lain dengan pihak luar yang mengofset dedahan dilindung nilai dalam swap dalaman, perakaunan lindung nilai dibenarkan di bawah MPSAS 29. Bagi tujuan MPSAS 29, item yang dilindung nilai ialah pinjaman (atau kumpulan pinjaman serupa) dalam bahagian perbendaharaan dan instrumen lindung nilai ialah swap kadar faedah luaran atau kontrak lain.

Bahagian perdagangan boleh mengumpulkan beberapa swap dalaman atau sebahagian daripadanya yang tidak mengofset sesama mereka dan mengikat satu kontrak derivatif pihak ketiga yang mengofset dedahan terkumpul. Bawah MPSAS 29, urus niaga lindung nilai luaran demikian boleh layak untuk pengolahan perakaunan lindung nilai dengan syarat item yang dilindung nilai dalam bahagian perbendaharaan adalah dikenal pasti dan syarat lain untuk perakaunan lindung nilai dipenuhi. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa MPSAS 29.88 tidak membenarkan pengolahan perakaunan lindung nilai bagi pelaburan yang dipegang hingga matang jika risiko yang dilindung nilai ialah dedahan kepada perubahan kadar faedah.

F.1.5 Mengofset Kontrak Derivatif Dalaman yang Digunakan untuk Menguruskan Risiko Kadar Faedah

Jika fungsi perbendaharaan pusat mengikat kontrak derivatif dalaman dengan entiti dikawal dan pelbagai bahagian dalam entiti ekonomi untuk menguruskan risiko kadar faedah atas asas

berpusat, bolehkah kontrak tersebut layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan jika, sebelum risiko dibentangkan, kontrak dalaman perlu diselaraskan satu sama lain terlebih dahulu dan hanya dedahan bersih diofset dalam pasaran dengan kontrak derivatif luaran?

Tidak. Kontrak dalaman yang ditetapkan pada peringkat entiti dikawal atau oleh satu bahagian sebagai lindung nilai menyebabkan pengiktirafan atas perubahan dalam nilai saksama item yang dilindung nilai dalam lebih atau kurang (lindung nilai saksama) atau bagi pengiktirafan atas perubahan dalam nilai saksama derivatif dalaman pada aset bersih/ekuiti (lindung nilai aliran tunai). Tiada asas untuk mengubah pengukuran yang disebabkan oleh item yang dilindung nilai dalam lindung nilai saksama melainkan dedahan tersebut diofset dengan derivatif luaran. Tiada juga asas untuk mengiktiraf laba atau rugi atas derivatif dalaman dalam aset bersih/ekuiti untuk satu entiti dan mengiktirafkannya dalam lebih atau kurang oleh entiti yang lain kecuali melainkan diofset dengan derivatif luaran. Dalam kes apabila dua atau lebih derivatif dalaman digunakan untuk menguruskan risiko kadar faedah atas aset atau liabiliti di peringkat entiti dikawal atau bahagian dan derivatif dalaman berkenaan diofset pada peringkat perbendaharaan, kesan dari penetapan derivatif dalaman sebagai instrumen lindung nilai adalah dedahan bukan derivatif yang dilindung nilai di peringkat entiti dikawal atau bahagian akan digunakan untuk mengofset satu sama lain secara penyatuan. Oleh itu, memandangkan MPSAS 29.81 tidak membenarkan penetapan bukan derivatif sebagai instrumen lindung nilai, kecuali untuk dedahan mata wang asing, hasil perakaunan lindung nilai daripada penggunaan derivatif dalaman pada peringkat entiti dikawal atau bahagian yang tidak dibentangkan dengan pihak luar mestilah ditimbal balik pada penyatuan.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa tiada kesan atas lebih atau kurang dan aset bersih/ekuiti bagi mengimbal balik kesan perakaunan lindung nilai dalam penyatuan untuk derivatif dalaman yang mengofset satu sama lain pada peringkat penyatuan jika derivatif tersebut digunakan dalam jenis yang sama bagi hubungan lindung nilai pada peringkat entiti dikawal atau bahagian dan, dalam kes lindung nilai aliran tunai, apabila item yang dilindung nilai mempengaruhi lebih atau kurang dalam tempoh yang sama. Seperti derivatif dalaman yang diofset pada peringkat perbendaharaan, kegunaannya sebagai lindung nilai saksama oleh dua entiti berasingan atau bahagian dalam kumpulan yang disatukan akan menyebabkan amaun nilai saksama yang diiktiraf dalam lebih atau kurang diofset, dan kegunaannya sebagai lindung nilai aliran tunai oleh dua entiti berasingan atau bahagian dalam entiti ekonomi akan menyebabkan amaun nilai saksama diofset antara satu sama lain dalam aset bersih/ekuiti. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat kesan ke atas item baris individu dalam kedua-dua penyata perubahan aset bersih/ekuiti disatukan dan penyata kedudukan kewangan disatukan, sebagai contoh apabila derivatif dalaman yang melindungi nilai aset (atau liabiliti) dalam lindung nilai saksama diofset oleh derivatif dalaman yang digunakan sebagai lindung nilai saksama oleh aset (atau liabiliti) lain yang diiktiraf dalam item baris lain dalam penyata kedudukan kewangan atau penyata perubahan aset bersih/ekuiti. Selain itu, sehingga ke tahap satu daripada kontrak dalaman itu digunakan sebagai lindung nilai aliran tunai dan yang lainnya digunakan dalam lindung nilai saksama, laba dan rugi yang diiktiraf tidak akan diofset memandangkan laba (atau rugi) atas derivatif dalaman yang digunakan sebagai lindung nilai saksama akan diiktiraf dalam lebih atau kurang dan kerugian sepadan (atau laba) atas derivatif dalaman yang digunakan sebagai lindung nilai aliran tunai akan diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti.

Soalan F.1.4 menerangkan penggunaan MPSAS 29 bagi urus niaga lindung nilai dalaman.

F.1.6 Mengofset Kontrak Derivatif Dalam yang Digunakan untuk Menguruskan Risiko Mata Wang Asing

Jika fungsi perbendaharaan pusat mengikat kontrak derivatif dalam dengan entiti dikawal dan pelbagai bahagian dalam entiti ekonomi untuk menguruskan risiko mata wang asing pada asas berpusat, bolehkah kontrak tersebut digunakan sebagai asas untuk mengenal pasti urus niaga luaran yang layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan jika, sebelum risiko dibentangkan, kontrak tersebut diselaraskan antara satu sama lain terlebih dahulu dan hanya dedahan bersih diofset apabila mengikat kontrak derivatif dengan pihak luar?

Bergantung pada keadaan. MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan* menghendaki semua urus niaga dalam dihapuskan dalam penyata kewangan disatukan. Seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 29.82, urus niaga lindung nilai dalam tidak layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan bagi entiti ekonomi. Oleh itu, jika entiti ingin mencapai perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan, urus niaga tersebut mesti ditetapkan sebagai hubungan lindung nilai antara instrumen lindung nilai luaran yang layak dan item lindung nilai yang layak.

Seperti yang dibincangkan dalam Soalan F.1.5, kesan perakaunan bagi dua derivatif dalam atau lebih yang digunakan untuk menguruskan risiko kadar faedah pada peringkat entiti dikawal atau bahagian dan diofset pada peringkat perbendaharaan adalah dedahan bukan derivatif yang dilindung nilai pada peringkat tersebut akan digunakan untuk mengofset satu sama lain semasa penyatuan. Tiada kesan atas lebihan atau kurangan atau aset bersih/ekuiti jika (a) derivatif dalam digunakan dalam jenis hubungan lindung nilai yang sama (sebagai contoh, lindung nilai saksama atau aliran tunai) dan (b), dalam kes lindung nilai aliran tunai, apa-apa derivatif laba dan rugi yang pada awalnya diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti, diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh yang sama. Apabila dua syarat ini dipenuhi, laba dan rugi atas derivatif dalam yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau dalam aset bersih/ekuiti akan diofset semasa penyatuan dan menghasilkan lebihan atau kurangan dan aset bersih/ekuiti yang sama seolah-olah derivatif tersebut telah dihapuskan. Walau bagaimanapun, mungkin akan terdapat kesan ke atas item baris individu, dalam kedua-dua penyata perubahan aset bersih/ekuiti disatukan, dan penyata kedudukan kewangan disatukan, yang perlu dihapuskan. Selain itu, terdapat kesan atas lebihan atau kurangan dan aset bersih/ekuiti jika beberapa derivatif dalam yang diofset digunakan dalam lindung nilai aliran tunai, sementara yang lain digunakan dalam lindung nilai saksama. Terdapat juga kesan atas lebihan atau kurangan dan aset bersih/ekuiti untuk mengofset derivatif dalam yang digunakan dalam lindung nilai aliran tunai jika laba dan rugi derivatif yang pada awalnya diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti, diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh yang berbeza (kerana item yang dilindung nilai mempengaruhi lebihan atau kurangan dalam tempoh yang berbeza).

Berhubung risiko mata wang asing, dengan syarat derivatif dalam mewakili pindahan risiko mata wang asing atas aset atau liabiliti kewangan bukan derivatif sandaran, perakaunan lindung nilai boleh diguna pakai kerana MPSAS 29.81 membenarkan aset atau liabiliti kewangan bukan derivatif ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai bagi tujuan perakaunan lindung nilai untuk lindung nilai risiko mata wang asing. Oleh itu, dalam kes ini, kontrak derivatif dalam boleh digunakan sebagai asas untuk mengenal pasti urus niaga luaran yang layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan walaupun ia diofset antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, bagi penyata kewangan disatukan, adalah perlu untuk menetapkan hubungan lindung nilai supaya melibatkan urus niaga luaran sahaja.

Tambahan pula, entiti tidak boleh mengguna pakai perakaunan lindung nilai sehingga tahap dua atau lebih derivatif dalaman yang diofset mewakili pindahan risiko mata wang asing ke atas urus niaga ramalan sandaran atau komitmen teguh yang tidak diiktiraf. Ini kerana, komitmen teguh yang tidak diiktiraf atau urus niaga ramalan tidak layak menjadi instrumen lindung nilai bawah MPSAS 29. Oleh itu, dalam kes ini, derivatif dalaman tidak boleh digunakan sebagai asas untuk mengenal pasti urus niaga luaran yang layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan. Hasilnya, apa-apa laba atau rugi bersih terkumpul atas derivatif dalaman yang telah dimasukkan dalam amaun bawaan awal bagi aset atau liabiliti (pelarasan asas) atau diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti perlu ditimbal balik semasa penyatuan jika tidak boleh menunjukkan bahawa derivatif dalaman yang diofset mewakili pindahan risiko mata wang asing atas aset atau liabiliti kewangan bagi instrumen lindung nilai luaran.

F.1.7 Derivatif Dalaman: Contoh Penggunaan Soalan F.1.6

Dalam setiap kes, FC = mata wang asing, LC = mata wang tempatan (iaitu mata wang fungsian entiti), dan TC = pusat perbendaharaan.

Kes 1: Lindung Nilai Saksama yang Diofset

Entiti Dikawal A mempunyai urus niaga belum terima sebanyak FC100, yang perlu dibayar dalam 60 hari, yang dilindung nilai dengan menggunakan kontrak hadapan dengan TC. Entiti Dikawal B mempunyai urus niaga belum bayar sebanyak FC50, yang juga perlu dibayar dalam 60 hari, dan yang dilindung nilai dengan menggunakan kontrak hadapan dengan TC.

TC melaraskan dua derivatif dalaman dan mengikat kontrak hadapan luaran bersih bagi membayar FC50 dan menerima LC dalam 60 hari.

Pada penghujung bulan 1, FC melemah berbanding LC. A menanggung kerugian tukaran asing sebanyak LC10 untuk belum terimanya, diofset dengan laba sebanyak LC10 dalam kontrak hadapannya dengan TC. B memperoleh laba tukaran asing sebanyak LC5 untuk belum bayarnya yang diofset dengan rugi sebanyak LC5 dalam kontrak hadapannya dengan TC. TC menanggung kerugian sebanyak LC10 atas kontrak hadapan dalamannya dengan A, laba sebanyak LC5 atas kontrak hadapan dalamannya dengan B, dan laba sebanyak LC5 atas kontrak hadapan luarannya.

Pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan individu atau berasingan A, B dan TC. Catatan yang menunjukkan urus niaga atau peristiwa dalam entiti ekonomi ditunjukkan dalam huruf condong.

Catatan A

Dt	Rugi tukaran asing	LC10	
Kt	Belum terima		LC10
Dt	<i>Kontrak dalaman TC</i>	<i>LC10</i>	
Kt	<i>Laba dalaman TC</i>		<i>LC10</i>

Catatan B

Dt	Belum bayar	LC5	
Kt	Laba tukaran asing		LC5
Dt	<i>Rugi dalaman TC</i>	<i>LC5</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman TC</i>		<i>LC5</i>

Catatan TC

Dt	Rugi dalaman A	LC10	
Kt	Kontrak dalaman A		LC10
Dt	Kontrak dalaman B	LC5	
Kt	Laba dalaman B		LC5
Dt	Kontrak hadapan luaran	LC5	
Kt	Laba tukaran asing		LC5

Kedua-dua A dan B boleh mengguna pakai perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan individu masing-masing selagi mana semua syarat dalam MPSAS 29 dipenuhi. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, perakaunan lindung nilai tidak diperlukan kerana laba dan rugi pada derivatif dalaman dan rugi dan laba yang dioffset atas belum terima dan belum bayar yang dilindung nilai diiktiraf dengan serta-merta dalam lebihan atau kekurangan bagi A dan B tanpa perakaunan lindung nilai.

Dalam penyata kewangan disatukan, urus niaga derivatif dalaman dihapuskan. Dalam terma ekonomi, belum bayar di B melindung nilai FC50 belum terima di A. Kontrak hadapan luaran di TC melindung nilai baki FC50 belum terima di A. Perakaunan lindung nilai tidak semestinya di dalam penyata kewangan disatukan kerana item monetari diukur pada kadar semerta tukaran asing bawah MPSAS 4 tanpa mengira sama ada perakaunan lindung nilai diguna pakai.

Baki bersih sebelum dan selepas penghapusan catatan perakaunan berkaitan dengan derivatif dalaman adalah sama, seperti di bawah. Oleh itu, tiada keperluan untuk membuat catatan perakaunan selanjutnya bagi memenuhi keperluan MPSAS 29.

	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
Belum terima	–	LC10
Belum bayar	LC5	–
Kontrak hadapan luaran	LC5	–
Laba dan rugi	–	–
Kontrak dalaman	–	–

Kes 2: Mengoffset Lindung Nilai Aliran Tunai

Dengan meneruskan contoh yang sama, A juga mempunyai kebarangkalian tinggi hasil masa hadapan sebanyak FC200 yang dijangka diterima tunai dalam 90 hari. B mempunyai kebarangkalian tinggi belanja masa hadapan sebanyak FC500 (sewaan pejabat), juga perlu dibayar dalam 90 hari. A dan B mengikat kontrak hadapan berasingan dengan TC untuk lindung nilai hadapan ini dan TC mengikat kontrak hadapan luaran untuk terima FC300 dalam 90 hari.

Seperti sebelumnya, FC melemah pada penghujung bulan 1. A menanggung “kerugian” sebanyak LC20 melalui hasil yang dijangkanya kerana nilai LC bagi hasil ini menurun. Ini dioffset oleh “laba” sebanyak LC20 atas kontrak hadapannya dengan TC.

B memperoleh “laba” sebanyak LC50 melalui kos pengiklanan yang dijangkanya kerana nilai LC bagi belanja menurun. Ini dioffset oleh “rugi” sebanyak LC50 atas urus niaganya dengan TC.

TC memperoleh “laba” sebanyak LC50 atas urus niaga dalamannya dengan B, “rugi” sebanyak LC20 atas urus niaga dalamannya dengan A dan rugi sebanyak LC30 atas kontrak hadapannya.

A dan B lengkap dokumentasi yang diperlukan, lindung nilai berkenaan adalah efektif, dan kedua-dua A dan B layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan individu mereka masing-masing. A mengiktiraf laba sebanyak LC20 atas urus niaga derivatif dalamannya dalam aset bersih/ekuiti dan B mengiktiraf rugi sebanyak LC50 dalam aset bersih/ekuiti. TC tidak menuntut perakaunan lindung nilai, tetapi mengukur kedua-dua kedudukan derivatif dalaman dan luarannya pada nilai saksama, yang bersih kepada sifar.

Pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan individu atau berasingan bagi A, B dan TC. Catatan yang menunjukkan urus niaga atau peristiwa dalam entiti ekonomi ditunjukkan dalam huruf condong.

Catatan A

<i>Dt</i>	<i>Kontrak dalaman TC</i>	<i>LC20</i>	
	<i>Kt</i>	<i>Aset bersih/ekuiti</i>	<i>LC20</i>

Catatan B

<i>Dt</i>	<i>Aset bersih/ekuiti</i>	<i>LC50</i>	
	<i>Kt</i>	<i>Kontrak dalaman TC</i>	<i>LC50</i>

Catatan TC

<i>Dt</i>	<i>Rugi dalaman A</i>	<i>LC20</i>	
	<i>Kt</i>	<i>Kontrak dalaman A</i>	<i>LC20</i>
<i>Dt</i>	<i>Kontrak dalaman B</i>	<i>LC50</i>	
	<i>Kt</i>	<i>Laba dalaman B</i>	<i>LC50</i>
<i>Dt</i>	<i>Rugi tukaran asing</i>	<i>LC30</i>	
	<i>Kt</i>	<i>Kontrak hadapan luaran</i>	<i>LC30</i>

Bagi penyata kewangan disatukan, kontrak hadapan luaran TC sebanyak FC300 ditetapkan, pada permulaan bulan 1, sebagai instrumen lindung nilai bagi FC300 yang pertama atas kebarangkalian tinggi belanja masa hadapan B. MPSAS 29 menghendaki agar dalam penyata kewangan disatukan pada penghujung bulan 1, kesan perakaunan urus niaga derivatif dalaman mestilah dihapuskan.

Walau bagaimanapun, baki bersih sebelum dan selepas penghapusan catatan perakaunan yang berkaitan dengan derivatif dalaman adalah sama, seperti di bawah. Oleh itu, tiada keperluan untuk membuat catatan perakaunan selanjutnya bagi memenuhi keperluan MPSAS 29.

	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
Kontrak hadapan luaran	–	LC30
Aset bersih/ekuiti	LC30	–
Laba dan rugi	–	–
Kontrak dalaman	–	–

Kes 3: Mengofset Lindung Nilai Saksama dan Lindung Nilai Aliran Tunai

Andaikan bahawa dedahan dan urus niaga derivatif dalaman adalah sama seperti di kes 1 dan 2. Walau bagaimanapun, dari mengikat dua derivatif luaran untuk lindung nilai secara berasingan bagi dedahan untuk nilai saksama dan aliran tunai, TC mengikat satu derivatif luaran bersih untuk terima FC250 sebagai pertukaran untuk LC dalam 90 hari.

TC mempunyai empat derivatif dalaman, dua akan matang dalam 60 hari dan dua akan matang dalam 90 hari. Ini akan diofset oleh derivatif luaran bersih yang akan matang dalam masa 90 hari. Perbezaan kadar faedah antara FC dengan LC adalah minimum, dan oleh itu kesan ketidakberkesanan akibat dari salah ketakpadanan tempoh matang adalah dijangka mempunyai kesan minimum atas lebihan atau kekurangan dalam TC.

Bagi kes 1 dan 2, A dan B mengguna pakai perakaunan lindung nilai bagi lindung nilai aliran tunai dan TC mengukur derivatifnya pada nilai saksama. A mengiktiraf laba sebanyak LC20 atas urus niaga derivatif dalamannya dalam aset bersih/ekuiti dan B mengiktiraf rugi sebanyak LC50 atas urus niaga derivatif dalamannya dalam aset bersih/ekuiti.

Pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan individu atau berasingan bagi A, B dan TC. Catatan yang menunjukkan urus niaga atau peristiwa dalam entiti ekonomi ditunjukkan dalam huruf condong.

Catatan A

Dt	Rugi tukaran asing	LC10	
Kt	Belum terima		LC10
Dt	<i>Kontrak dalaman TC</i>	<i>LC10</i>	
Kt	<i>Laba dalaman TC</i>		<i>LC10</i>
Dt	<i>Kontrak dalaman TC</i>	<i>LC20</i>	
Kt	<i>Aset bersih/ekuiti</i>		<i>LC20</i>

Catatan B

Dt	Belum bayar	LC5	
Kt	Laba tukaran asing		LC5
Dt	<i>Rugi dalaman TC</i>	<i>LC5</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman TC</i>		<i>LC5</i>
Dt	<i>Aset bersih/ekuiti</i>	<i>LC50</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman TC</i>		<i>LC50</i>

Catatan TC

Dt	<i>Rugi dalaman A</i>	<i>LC10</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman A</i>		<i>LC10</i>
Dt	<i>Rugi dalaman A</i>	<i>LC20</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman A</i>		<i>LC20</i>
Dt	<i>Kontrak dalaman B</i>	<i>LC5</i>	
Kt	<i>Laba dalaman B</i>		<i>LC5</i>
Dt	<i>Kontrak dalaman B</i>	<i>LC50</i>	
Kt	<i>Untung dalaman B</i>		<i>LC50</i>
Dt	Rugi tukaran asing	LC25	
Kt	Kontrak hadapan luaran		LC25

JUMLAH (untuk derivatif dalaman)	A	B	Jumlah
	<i>LC</i>	<i>LC</i>	<i>TC</i>
Lebihan atau kekurangan (lindung nilai saksama)	10	(5)	5
Aset bersih/ekuiti (lindung nilai aliran tunai)	20	(50)	(30)
Jumlah	30	(55)	(25)

Gabungan amaun ini dengan urus niaga luaran (iaitu, yang tidak ditandakan dalam huruf condong di atas) akan menghasilkan jumlah baki bersih sebelum penghapusan derivatif dalaman seperti yang berikut:

	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
Belum terima	–	LC10
Belum bayar	LC5	–
Kontrak hadapan	–	LC25
Aset bersih/ekuiti	LC30	–
Laba dan rugi	–	–
Kontrak dalaman	–	–

Bagi penyata kewangan disatukan, ketetapan berikut dibuat pada permulaan bulan 1:

- Belum bayar sebanyak FC50 di B ditetapkan sebagai lindung nilai bagi FC50 yang pertama bagi kebarangkalian tinggi hasil masa hadapan di A. Oleh itu, pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan disatukan: Dt Belum bayar LC5; Kt Aset bersih/ekuiti LC5;
- Belum terima sebanyak FC100 di A ditetapkan sebagai lindung nilai bagi FC100 yang pertama bagi kebarangkalian tinggi belanja masa hadapan di B. Oleh itu, pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan disatukan: Dt Aset bersih/ekuiti LC10; Kt Belum terima LC10; dan
- Kontrak hadapan luaran sebanyak FC250 di TC ditetapkan sebagai lindung nilai bagi FC250 yang seterusnya bagi kebarangkalian tinggi belanja masa hadapan di B. Oleh itu, pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan disatukan: Dt Aset bersih/ekuiti LC25; Kt Kontrak hadapan luaran LC25.

Dalam penyata kewangan disatukan pada penghujung bulan 1, MPSAS 29 menghendaki kesan perakaunan urus niaga derivatif dalaman perlu dihapuskan.

Walau bagaimanapun, jumlah baki bersih sebelum dan selepas penghapusan catatan perakaunan yang berkaitan dengan derivatif dalaman adalah sama, seperti di bawah. Oleh itu, tiada keperluan untuk membuat catatan perakaunan selanjutnya bagi memenuhi keperluan MPSAS 29.

	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
Belum terima	–	LC10
Belum bayar	LC5	–
Kontrak hadapan	–	LC25
Aset bersih/ekuiti	LC30	–
Laba dan rugi	–	–
Kontrak dalaman	–	–

Kes 4: Mengofset Lindung Nilai Saksama dan Lindung Nilai Aliran Tunai dengan Pelarasan kepada Amaun Bawaan Inventori

Andaikan urus niaga serupa seperti dalam kes 3, kecuali aliran keluar tunai yang dijangka sebanyak FC500 di B adalah berkait dengan belian inventori yang dihantar selepas 60 hari. Andaikan juga entiti mempunyai polisi untuk melaraskan asas ramalan lindung nilai item bukan kewangan. Pada penghujung

bulan 2, tiada perubahan lanjut pada kadar tukaran atau nilai saksama. Pada tarikh tersebut, inventori dihantar dan rugi sebanyak LC50 atas derivatif dalaman B, diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti dalam bulan 1, diselaraskan terhadap amaun bawaan inventori di B. Laba sebanyak LC20 atas derivatif dalaman A diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti seperti sebelumnya.

Dalam penyata kewangan disatukan, kini terdapat ketakpadanan berbanding dengan hasil yang mungkin dicapai dengan penghuraian dan penetapan semula lindung nilai. Derivatif luaran (FC250) dan perkadaran belum terima (FC50) ofset FC300 belian inventori yang dijangka. Terdapat lindung nilai natural antara baki FC200 aliran keluar tunai yang dijangka di B dan aliran masuk tunai yang dijangka sebanyak FC200 di A. Hubungan ini tidak layak untuk perakaunan lindung nilai bawah MPSAS 29 dan kali ini, hanya ofset sebahagian antara laba dan rugi atas derivatif dalaman yang melindungi nilai amaun ini.

Pada penghujung bulan 1 dan 2, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan individu atau berasingan bagi A, B dan TC. Catatan yang menunjukkan urus niaga atau peristiwa dalam entiti ekonomi ditunjukkan dalam huruf condong.

Catatan A (semua pada penghujung bulan 1)

Dt	Rugi tukaran asing	LC10	
Kt	Belum terima		LC10
Dt	<i>Kontrak dalaman TC</i>	<i>LC10</i>	
Kt	<i>Laba dalaman TC</i>		<i>LC10</i>
Dt	<i>Kontrak dalaman TC</i>	<i>LC20</i>	
Kt	<i>Aset bersih/ekuiti</i>		<i>LC20</i>

Catatan B

Pada penghujung bulan 1:

Dt	Belum bayar	LC5	
Kt	Laba tukaran asing		LC5
Dt	<i>Rugi dalaman TC</i>	<i>LC5</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman TC</i>		<i>LC5</i>
Dt	<i>Aset bersih/ekuiti</i>	<i>LC50</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman TC</i>		<i>LC50</i>

Pada penghujung bulan 2:

Dt	Inventori	LC50	
Kt	Aset bersih/ekuiti		LC50

Catatan TC (semua pada penghujung bulan 1)

Dt	<i>Rugi dalaman A</i>	<i>LC10</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman A</i>		<i>LC10</i>
Dt	<i>Rugi dalaman A</i>	<i>LC20</i>	
Kt	<i>Kontrak dalaman A</i>		<i>LC20</i>
Dt	<i>Kontrak dalaman B</i>	<i>LC5</i>	
Kt	<i>Laba dalaman B</i>		<i>LC5</i>
Dt	<i>Kontrak dalaman B</i>	<i>LC50</i>	
Kt	<i>Laba dalaman B</i>		<i>LC50</i>
Dt	Rugi tukaran asing	LC25	
Kt	Kontrak hadapan		LC25

JUMLAH (untuk derivatif dalaman)	<i>A</i>	<i>B</i>	<i>Jumlah</i>
	<i>LC</i>	<i>LC</i>	<i>TC</i>
Lebihan atau kurangan (lindung nilai saksama)	10	(5)	5
Aset bersih/ekuiti (lindung nilai aliran tunai)	20	–	20
Pelarasan asas (inventori)	–	(50)	(50)
Jumlah	30	(55)	(25)

Gabungan amaun ini dengan urus niaga luaran (iaitu, yang tidak ditandakan dalam huruf condong di atas) akan menghasilkan jumlah baki bersih sebelum penghapusan derivatif dalaman adalah seperti berikut:

	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
Belum terima	–	LC10
Belum bayar	LC5	–
Kontrak hadapan	–	LC25
Aset bersih/ekuiti	–	LC20
Pelarasan asas (inventori)	LC50	–
Laba dan rugi	–	–
Kontrak dalaman	–	–

Bagi penyata kewangan disatukan, penetapan berikut dibuat pada permulaan bulan 1:

- Belum bayar sebanyak FC50 di B ditetapkan sebagai lindung nilai untuk FC50 yang pertama bagi kebarangkalian tinggi hasil masa hadapan di A. Oleh itu, pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan disatukan: Dt Belum bayar LC5; Kt Aset bersih/ekuiti LC5.
- Belum terima sebanyak FC100 di A ditetapkan sebagai lindung nilai untuk FC100 yang pertama bagi kebarangkalian tinggi belanja masa hadapan di B. Oleh itu, pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan disatukan: Dt Aset bersih/ekuiti LC10; Kt Belum terima LC10; dan pada penghujung bulan 2, Dt Inventori LC10; Kt Aset bersih/ekuiti LC10.
- Kontrak hadapan luaran bagi FC250 di TC ditetapkan sebagai lindung nilai untuk FC250 seterusnya bagi kebarangkalian tinggi belanja masa hadapan di B. Oleh itu, pada penghujung bulan 1, catatan berikut dibuat dalam penyata kewangan disatukan: Dt Aset bersih/ekuiti LC25; Kt Kontrak hadapan luaran LC25; dan pada penghujung bulan 2, Dt Inventori LC25; Kt Aset bersih/ekuiti LC25.

Jumlah baki bersih selepas penghapusan catatan perakaunan yang berkaitan dengan derivatif dalaman adalah seperti berikut:

	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
Belum terima	–	LC10
Belum bayar	LC5	–
Kontrak hadapan	–	LC25
Aset bersih/ekuiti	–	LC5
Pelarasan asas (inventori)	LC35	–
Laba dan rugi	–	–
Kontrak dalaman	–	–

Jumlah baki bersih ini adalah berbeza daripada yang akan diiktiraf jika derivatif dalaman tidak dihapuskan, dan baki bersih ini yang diperlukan oleh MPSAS 29 untuk dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan. Catatan perakaunan yang diperlukan untuk melaraskan jumlah baki bersih sebelum penghapusan derivatif dalaman adalah seperti berikut:

- (a) Untuk pengelasan semula LC15 bagi rugi atas derivatif dalaman B yang dimasukkan dalam inventori untuk menunjukkan bahawa FC150 bagi belian inventori ramalan tidak dilindung nilai oleh instrumen luar (bukan kontrak hadapan luaran sebanyak FC250 di TC mahupun belum bayar luaran sebanyak FC100 di A); dan
- (b) Untuk pengelasan semula laba sebanyak LC15 atas derivatif dalaman A untuk menunjukkan bahawa hasil ramalan sebanyak FC150 yang berkaitan dengannya tidak dilindung nilai oleh instrumen luaran.

Kesan bersih dua pelarasan ini adalah seperti berikut:

Dt	Aset/ekuiti	LC15	
Kt	Inventori		LC15

F.1.8 Kombinasi Opsyen Bertulis dan Opsyen Dibeli

Dalam kebanyakan kes, MPSAS 29.PA127 menghalang penggunaan opsiyen bertulis sebagai instrumen lindung nilai. Jika kombinasi opsiyen bertulis dan opsiyen dibeli (seperti kolar kadar faedah) diniagakan sebagai instrumen tunggal dengan satu pihak berlawanan, bolehkah entiti memisahkan instrumen derivatif kepada komponen opsiyen bertulisnya dan komponen opsiyen dibeli dan menetapkan komponen opsiyen dibeli berkenaan sebagai instrumen lindung nilai?

Tidak. MPSAS 29.83 menyatakan bahawa hubungan lindung nilai ditetapkan oleh entiti untuk instrumen lindung nilai pada keseluruhannya. Pengecualian yang dibenarkan hanyalah bagi memisahkan nilai masa dan nilai intrinsik bagi opsiyen dan memisahkan elemen faedah dan harga semerta hadapan. Soalan F.1.3 menangani isu berkaitan adakah dan bilakah kombinasi opsiyen dianggap sebagai opsiyen bertulis.

F.1.9 Strategi Lindung Nilai Delta-Neutral

Adakah MPSAS 29 membenarkan entiti mengguna pakai perakaunan lindung nilai untuk strategi lindung nilai “delta-neutral” dan strategi lindung nilai dinamik lain yang di bawahnya kuantiti instrumen lindung nilai sentiasa diselaraskan bagi mengekalkan nisbah lindung nilai yang diinginkan, sebagai contoh, untuk mencapai kedudukan delta-neutral yang tidak sensitif terhadap perubahan pada nilai saksama bagi item lindung nilai?

Ya. MPSAS 29.83 menyatakan bahawa “strategi lindung nilai dinamik yang menilai kedua-dua nilai instrinsik dan nilai masa bagi kontrak opsiyen boleh layak untuk perakaunan lindung nilai.” Sebagai contoh, strategi insurans portfolio yang bertujuan untuk memastikan bahawa nilai saksama bagi item yang dilindung nilai tidak jatuh di bawah paras tertentu, yang turut membenarkan nilai saksama untuk meningkat, boleh layak untuk perakaunan lindung nilai.

Bagi melayakkan untuk perakaunan lindung nilai, entiti mesti mendokumenkan bagaimana pemantauan dan pengemaskinian lindung nilai serta pengukuran keberkesanan lindung nilai, mampu untuk menjejak dengan betul semua penamatan dan penetapan semula instrumen lindung nilai, serta menunjukkan

bahawa semua kriteria lain untuk perakaunan lindung nilai dalam MPSAS 29.98 dipenuhi. Ia juga mestilah mampu untuk menunjukkan jangkaan bahawa lindung nilai akan menjadi sangat efektif untuk jangka masa pendek yang ditentukan pada masa lindung nilai tersebut tidak dijangka akan dilaraskan.

F.1.10 Instrumen Lindung Nilai: Opsyen Jual Tanpa Wang

Entiti A mempunyai pelaburan dalam satu saham Entiti B, yang diklasifikasikan sebagai sedia dijual. Bagi memberikannya perlindungan separa terhadap kemerosotan harga saham Entiti B, Entiti A memperoleh opsiyen jual bagi satu saham Entiti B dan menetapkan perubahan pada nilai instrinsik bagi opsiyen jual sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai saksama bagi perubahan nilai saksama sahamnya dalam Entiti B. Opsyen jual tersebut memberikan Entiti A hak untuk menjual satu saham Entiti B pada harga laksana sebanyak RM90. Pada permulaan hubungan lindung nilai, saham tersebut mempunyai harga disebut sebanyak RM100. Memandangkan opsiyen jual memberikan Entiti A hak untuk melupuskan saham pada harga RM90, jualan tersebut pada kebiasaannya harus berkesan sepenuhnya untuk mengofset harga yang jatuh di bawah RM90 pada asas nilai instrinsik. Perubahan harga melebihi RM90 tidak dilindung nilai. Dalam kes ini, adakah perubahan pada nilai saksama saham Entiti B bagi harga melebihi RM90 dianggap sebagai ketidakberkesanan lindung nilai di bawah MPSAS 29.98 dan diiktiraf dalam lebihan dan kekurangan di bawah MPSAS 29.99?

Tidak. MPSAS 29.83 membenarkan Entiti A untuk menetapkan perubahan dalam nilai instrinsik bagi opsiyen sebagai instrumen lindung nilai. Perubahan dalam nilai instrinsik bagi opsiyen memberikan perlindungan terhadap risiko kebolehubahan pada nilai saksama bagi satu saham Entiti B di bawah atau sama dengan harga laksana jual sebanyak RM90. Bagi harga melebihi RM90, opsiyen tersebut adalah tanpa wang dan tiada nilai intrinsik. Oleh itu, laba dan rugi pada satu saham Entiti B bagi harga melebihi RM90 tidak disebabkan oleh risiko yang dilindung nilai bagi tujuan penilaian keberkesanan lindung nilai dan mengiktiraf laba dan rugi pada item lindung nilai.

Maka, Entiti A mengiktiraf perubahan pada nilai saksama saham dalam aset bersih/ekuiti jika ia berkait dengan variasi dalam harganya melebihi RM90 (MPSAS 29.64 dan MPSAS 29.101). Perubahan pada nilai saksama saham yang berkaitan dengan harga yang jatuh di bawah RM90 membentuk sebahagian lindung nilai saksama yang ditetapkan dan diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan bawah MPSAS 29.99(b). Dengan mengandaikan lindung nilai adalah berkesan, perubahan tersebut diofset oleh perubahan pada nilai intrinsik opsiyen jual, yang turut diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan (MPSAS 29.99(a)). Perubahan pada nilai masa opsiyen jual dikecualikan daripada hubungan lindung nilai yang ditetapkan dan diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan bawah MPSAS 29.65(a).

F.1.11 Instrumen Lindung Nilai: Peredaran Aliran Tunai Instrumen Tunai

Dalam kes risiko tukaran asing, aset kewangan bukan derivatif atau liabiliti kewangan bukan derivatif berpotensi untuk layak sebagai instrumen lindung nilai. Bolehkah entiti mengolah aliran tunai tersebut untuk tempoh yang ditentukan semasa aset kewangan atau liabiliti kewangan yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai kekal belum jelas sebagai peredaran instrumen lindung nilai bawah MPSAS 29.84, dan mengecualikan aliran tunai lain daripada hubungan lindung nilai yang ditetapkan?

Tidak. MPSAS 29.84 menunjukkan bahawa hubungan lindung nilai mungkin tidak ditetapkan untuk sebahagian tempoh masa sahaja yang mana instrumen lindung nilai belum dijelaskan. Sebagai contoh, aliran tunai tiga tahun pertama bagi pinjaman bertempoh sepuluh tahun yang didenominasi dalam mata

wang asing tidak layak sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai bagi hasil tiga tahun pertama dalam mata wang asing yang sama. Sebaliknya, aset kewangan bukan derivatif atau liabiliti kewangan bukan derivatif yang didenominasi dalam mata wang asing mungkin berpotensi layak sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai risiko mata wang asing yang berkaitan dengan item lindung nilai yang mempunyai baki tempoh masa sehingga kematangan yang sama atau lebih lama daripada baki kematangan instrumen lindung nilai (lihat Soalan F.2.17).

F.1.12 Lindung Nilai Lebih daripada Satu Jenis Risiko

Isu (a) – Lazimnya, hubungan lindung nilai ditetapkan antara keseluruhan instrumen lindung nilai dengan item lindung nilai supaya terdapat satu ukuran bagi nilai saksama untuk instrumen lindung nilai. Adakah ini menghalang penetapan instrumen kewangan tunggal secara serentak sebagai instrumen lindung nilai bagi kedua-dua lindung nilai aliran tunai dan lindung nilai saksama?

Tidak. Sebagai contoh, entiti kebiasaannya menggunakan gabungan kadar faedah dan swap mata wang untuk menukar kedudukan kadar berubah dalam mata wang asing kepada kedudukan kadar tetap dalam mata wang fungsian. MPSAS 29.85 membenarkan swap ditetapkan secara berasingan sebagai lindung nilai saksama bagi risiko mata wang dan lindung nilai aliran tunai bagi risiko kadar faedah dengan syarat MPSAS 29.85 dipenuhi.

Isu (b) – Jika instrumen kewangan tunggal merupakan instrumen lindung nilai dalam dua lindung nilai berbeza, adakah pendedahan khas diperlukan?

MPSAS 30.25 menghendaki pendedahan secara berasingan untuk penetapan lindung nilai saksama, lindung nilai aliran tunai dan lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing. Instrumen yang berkenaan akan dilaporkan dalam pendedahan MPSAS 30.25 secara berasingan untuk setiap jenis lindung nilai.

F.1.13 Instrumen Lindung Nilai: Kontrak Tukaran Hadapan Dwimata Wang Asing

Mata wang fungsian Entiti A ialah yen Jepun. Entiti A mempunyai liabiliti dolar AS berkadar terapung lima tahun dan nota belum terima berkadar tetap sepuluh tahun yang didenominasi dalam paun sterling. Amaun prinsipal aset dan liabiliti apabila ditukarkan ke yen Jepun adalah sama. Entiti A mengikat kontrak hadapan mata wang asing tunggal untuk melindungi nilai dedahan mata wang asingnya bagi kedua-dua instrumen yang mana entiti terima dolar AS dan bayar paun sterling pada akhir tempoh lima tahun. Jika Entiti A menetapkan kontrak tukaran hadapan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai terhadap dedahan mata wang asing atas pembayaran balik prinsipal kedua-dua instrumen, bolehkah entiti layak untuk perakaunan lindung nilai?

Ya. MPSAS 29.85 membenarkan penetapan instrumen lindung nilai tunggal sebagai lindung nilai bagi pelbagai jenis risiko jika tiga syarat dipenuhi. Dalam contoh ini, instrumen lindung nilai derivatif tersebut memenuhi semua syarat ini, seperti yang berikut.

- (a) Risiko yang dilindung nilai boleh dikenal pasti dengan jelas. Risiko ialah dedahan kepada perubahan pada kadar tukaran, masing-masing antara dolar AS dengan yen, dan yen dengan paun.
- (b) Keberkesanan lindung nilai boleh ditunjukkan. Bagi pinjaman paun sterling, keberkesanan diukur

sebagai tahap ofset antara nilai saksama pembayaran balik dalam paun sterling dengan nilai saksama bayaran paun sterling pada kontrak tukaran hadapan. Bagi liabiliti dolar AS, keberkesanan diukur sebagai tahap ofset antara nilai saksama pembayaran balik prinsipal dalam dolar AS dengan terimaan dolar AS pada kontrak tukaran hadapan. Walaupun belum terima mempunyai hayat sepuluh tahun dan kontrak tukaran hadapan melindunginya untuk lima tahun pertama sahaja, perakaunan lindung nilai hanya dibenarkan untuk sebahagian dedahan sahaja seperti yang diterangkan dalam Soalan F.2.17.

- (c) Adalah mungkin untuk memastikan bahawa terdapat penetapan khusus bagi instrumen lindung nilai dan kedudukan risiko yang berbeza. Dedahan yang dilindung nilai dikenal pasti sebagai amaun prinsipal liabiliti dan nota belum terima dalam mata wang denominasi masing-masing.

F.1.14 Swap Ofset Serentak dan Penggunaan sebagai Satu Instrumen Lindung Nilai

Entiti A mengikat swap kadar faedah dan menetapkan sebagai lindung nilai bagi dedahan nilai saksama yang berkait dengan hutang kadar tetap. Lindung nilai saksama memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai MPSAS 29. Pada masa yang sama, Entiti A mengikat swap kadar faedah kedua dengan pihak berlawanan yang sama dan mempunyai terma mengofset sepenuhnya swap kadar faedah pertama. Adakah Entiti A dikehendaki menganggap dua swap sebagai satu unit dan oleh itu dihalang daripada mengguna pakai perakaunan lindung nilai saksama ke atas swap yang pertama?

Bergantung pada keadaan. MPSAS 29 ialah berasaskan urus niaga. Jika swap kedua tidak diikat dalam pertimbangan swap pertama atau terdapat tujuan perniagaan substantif untuk menstrukturkan urus niaga secara berasingan, maka swap tersebut tidak dianggap sebagai satu unit.

Sebagai contoh, sesetengah entiti mempunyai dasar yang menghendaki perbendaharaan berpusat (iaitu entiti yang dikawal dalam entiti ekonomi) mengikat kontrak derivatif pihak ketiga bagi pihak entiti lain yang dikawal dalam organisasi tersebut bagi melindungi nilai dedahan risiko kadar faedah entiti yang dikawal. Perbendaharaan juga mengikat urus niaga derivatif dalaman dengan entiti yang dikawal bagi menjejaki lindung nilai secara operasi dalam organisasi tersebut. Disebabkan perbendaharaan turut mengikat kontrak derivatif sebagai sebahagian daripada operasi dagangannya, atau disebabkan entiti berharap untuk mengimbangkan semula risiko keseluruhan portfolionya, entiti boleh mengikat kontrak derivatif dengan pihak ketiga yang sama pada hari perniagaan yang sama yang sebahagian besarnya mempunyai terma yang sama sebagai kontrak yang mengikat sebagai instrumen lindung nilai bagi pihak entiti lain yang dikawal. Dalam kes ini, terdapat tujuan perniagaan yang sah untuk mengikat setiap kontrak.

Pertimbangan digunakan untuk menentukan sama ada terdapat tujuan perniagaan substantif untuk menstrukturkan urus niaga secara berasingan. Sebagai contoh, jika tujuan tunggal adalah untuk mendapatkan pengolahan perakaunan nilai saksama untuk hutang, maka tiada tujuan perniagaan substantif.

F.2 *Item Dilindung Nilai*

F.2.1 **Sama ada Derivatif boleh Ditetapkan sebagai Item Dilindung Nilai?**

Adakah MPSAS 29 membenarkan instrumen derivatif ditetapkan (sama ada derivatif terkandung yang diiktiraf berdiri sendiri atau berasingan) sebagai item dilindung nilai sama ada

secara individu atau sebagai sebahagian daripada kumpulan dilindung nilai dalam lindung nilai saksama atau aliran tunai, sebagai contoh, dengan menetapkan Perjanjian Kadar Hadapan (PKH) bayar berubah, terima tetap sebagai lindung nilai aliran tunai bagi PKH bayar tetap, terima berubah?

Tidak. Instrument derivatif sentiasa dianggap dipegang untuk dagangan dan diukur pada nilai saksama dengan laba dan rugi yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan melainkan PKH tersebut merupakan instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan efektif (MPSAS 29.10). Sebagai pengecualian, MPSAS 29.PA127 membenarkan opsyen belian ditetapkan sebagai item dilindung nilai dalam lindung nilai saksama.

F.2.2 Lindung Nilai Aliran Tunai: Jangkaan Terbitan Hutang Kadar Tetap

Adakah perakaunan lindung nilai dibenarkan untuk lindung nilai jangkaan terbitan hutang kadar tetap?

Ya. Perkara ini akan menjadi lindung nilai aliran tunai bagi urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi yang akan mempengaruhi lebihan atau kurangan (MPSAS 29.96) selagi mana syarat-syarat dalam MPSAS 29.98 dipenuhi.

Ilustrasi: Entiti R menerbitkan bon baharu secara berkala untuk membiayai semula bon yang akan matang, menyediakan modal kerja dan untuk pelbagai tujuan lain. Apabila Entiti R memutuskan akan menerbitkan bon, bon tersebut mungkin melindungi nilai risiko perubahan dalam kadar faedah jangka panjang dari tarikh entiti R memutuskan untuk menerbitkan bon tersebut sehingga tarikh bon itu diterbitkan. Jika kadar faedah jangka panjang meningkat, bon tersebut akan diterbitkan sama ada pada kadar yang lebih tinggi atau dengan diskaun yang lebih tinggi atau premium yang lebih kecil daripada jangkaan asalnya. Kadar lebih tinggi dibayar atau pengurangan hasil kebiasaannya dioffset oleh laba dari lindung nilai. Jika kadar faedah jangka panjang menurun, bon akan diterbitkan sama ada pada kadar yang lebih rendah atau dengan premium yang lebih tinggi atau diskaun yang lebih kecil daripada jangkaan asalnya. Kadar lebih rendah dibayar atau peningkatan hasil kebiasaannya dioffset oleh kerugian dari lindung nilai.

Sebagai contoh, pada Ogos 2000 Entiti R memutuskan untuk menerbitkan bon tujuh tahun bernilai RM200 juta pada Januari 2001. Entiti R melaksanakan kajian korelasi sejarah dan menentukan bahawa bon perbendaharaan tujuh tahun tersebut berkorelasi secukupnya dengan bon entiti R yang dijangka akan diterbitkan, dengan mengandaikan nisbah lindung nilai sebanyak 0.93 kontrak hadapan kepada satu unit hutang.

Oleh itu, Entiti R melindungi nilai pengeluaran bon yang dijangka terbit dengan menjual (memendekkan) RM186 juta nilai masa hadapan atas bon perbendaharaan tujuh tahun. Dari Ogos 2000 sehingga Januari 2001 kadar faedah meningkat. Kedudukan masa hadapan yang pendek ditutup pada Januari 2001, pada tarikh bon diterbitkan, dan menghasilkan laba sebanyak RM1.2 juta yang akan mengoffset peningkatan bayaran faedah atas bon tersebut dan oleh itu, akan mempengaruhi lebihan atau kurangan sepanjang hayat bon tersebut. Lindung nilai tersebut layak sebagai lindung nilai aliran tunai bagi risiko kadar faedah atas ramalan terbitan hutang.

F.2.3 Perakaunan Lindung Nilai: Deposit Teras Tak Ketara

Adakah pengolahan perakaunan lindung nilai dibenarkan untuk lindung nilai bagi dedahan nilai saksama atas deposit teras tak ketara?

Bergantung pada keadaan sama ada deposit teras tak ketara dihasilkan secara dalaman atau diperolehi (contohnya, sebagai sebahagian daripada penggabungan entiti).

Deposit teras tak ketara yang dihasilkan secara dalaman tidak diiktiraf sebagai aset tak ketara bawah MPSAS 31, *Aset Tak ketara*. Disebabkan tidak diiktiraf, maka tidak boleh ditetapkan sebagai item dilindung nilai.

Jika deposit teras tak ketara diperolehi bersama dengan portfolio deposit yang berkaitan, deposit teras tak ketara tersebut dikehendaki untuk diiktiraf secara berasingan sebagai aset tak ketara (atau sebagai sebahagian daripada perolehan portfolio deposit yang berkaitan) sekiranya memenuhi kriteria pengiktirafan dalam MPSAS 31. Aset deposit teras tak ketara yang diiktiraf boleh ditetapkan sebagai item yang dilindung nilai, tetapi sekiranya memenuhi syarat dalam perenggan 98, termasuk keperluan dalam perenggan 98 bahawa keberkesanan lindung nilai boleh diukur dengan pasti. Disebabkan kesukaran untuk mengukur dengan pasti nilai saksama aset deposit teras tak ketara selain dari pengiktirafan awal, adalah mustahil untuk keperluan dalam perenggan 98(d) dipenuhi.

F.2.4 Perakaunan Lindung Nilai: Melindung Nilai Aliran Hasil Mata Wang Asing Pada Masa Hadapan

Adakah perakaunan lindung nilai dibenarkan untuk membuat pinjaman mata wang yang melindungi nilai aliran hasil dalam mata wang asing yang dijangka tetapi bukan kontraktual?

Ya, jika hasil berkenaan adalah berkebarangkalian tinggi. Bawah MPSAS 29.96(b) lindung nilai jualan yang dijangka boleh menjadi layak sebagai lindung nilai aliran tunai. Sebagai contoh, entiti yang memiliki dan mengendalikan jalan bertol rentas sempadan boleh menggunakan model sofistikated berdasarkan pengalaman dan data ekonomi untuk mengunjurkan hasilnya dalam pelbagai mata wang. Jika model berkenaan boleh menunjukkan bahawa hasil yang dijangka untuk suatu tempoh pada masa hadapan dalam mata wang tertentu adalah “berkebarangkalian tinggi,” seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 29.98, maka boleh menetapkan pinjaman mata wang sebagai lindung nilai aliran tunai bagi aliran hasil masa hadapan. Bahagian laba atau rugi atas pinjaman yang ditetapkan untuk menjadi lindung nilai efektif diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti sehingga hasil berlaku.

Adalah mustahil bagi sebuah entiti untuk menjangkakan dengan pasti 100 peratus hasil untuk tahun hadapan. Sebaliknya, adalah mungkin sebahagian daripada hasil yang dijangka, lazimnya bagi jangka masa pendek, akan memenuhi kriteria “berkebarangkalian tinggi” tersebut.

F.2.5 Lindung Nilai Aliran Tunai: Lindung Nilai “Semua dalam Satu”

Jika instrumen derivatif adalah dijangka akan diselesaikan secara kasar melalui penyampaian aset sandaran sebagai pertukaran untuk bayaran harga tetap, bolehkah instrumen derivatif tersebut ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai bagi penyelesaian secara kasar, dengan mengandaikan kriteria perakaunan lindung nilai aliran tunai lain adalah dipenuhi?

Ya. Instrumen derivatif yang akan diselesaikan secara kasar boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung

nilai dalam lindung nilai aliran tunai bagi keberubahan ganjaran untuk dibayar atau diterima dalam urusan niaga masa hadapan yang akan berlaku pada penyelesaian kasar bagi kontrak derivatif itu sendiri kerana akan terdapat dedahan kepada keberubahan pada harga belian atau jualan tanpa derivatif tersebut. Ini diguna pakai pada semua kontrak harga tetap yang diperakaunkan sebagai derivatif bawah MPSAS 29.

Sebagai contoh, jika entiti mengikat kontrak harga tetap untuk menjual komoditi dan kontrak tersebut diperakaunkan sebagai derivatif bawah MPSAS 29 (contohnya, disebabkan entiti mempunyai amalan untuk menyelesaikan kontrak tersebut dalam tunai bersih atau menerima penyampaian sandaran dan menjualnya dalam tempoh yang singkat selepas penyampaian bagi tujuan menjana untung daripada turun naik jangka pendek dalam harga atau margin pengedar), entiti boleh menetapkan kontrak harga tetap itu sebagai lindung nilai aliran tunai bagi keberubahan ganjaran yang akan diterima atas jualan aset tersebut (urusan niaga masa hadapan) walaupun kontrak harga tetap tersebut ialah kontrak bagi aset yang akan dijual. Begitu juga, jika entiti mengikat kontrak hadapan untuk membeli instrumen hutang yang akan diselesaikan secara penyampaian, tetapi kontrak hadapan tersebut adalah derivatif kerana tempohnya melebihi tempoh penyampaian cara biasa dalam pasaran, entiti boleh menetapkan kontrak hadapan tersebut sebagai lindung nilai aliran tunai bagi keberubahan ganjaran yang akan dibayar untuk memperoleh instrumen hutang tersebut (urusan niaga masa hadapan), walaupun derivatif tersebut adalah kontrak bagi instrumen hutang yang akan diperoleh.

F.2.6 Hubungan Lindung Nilai: Risiko Seluruh Entiti

Sebuah entiti mempunyai aset kadar tetap dan liabiliti kadar tetap, dengan setiap satunya mempunyai amaun prinsipal yang sama. Di bawah terma instrumen tersebut, bayaran faedah ke atas aset dan liabiliti berlaku dalam tempoh yang sama dan aliran tunai bersih sentiasa positif kerana kadar faedah atas aset melebihi kadar faedah atas liabiliti. Entiti mengikat swap kadar faedah untuk menerima kadar faedah terapung dan membayar kadar faedah tetap pada amaun nosional setara dengan prinsipal aset dan menetapkan swap kadar faedah tersebut sebagai lindung nilai saksama bagi aset kadar tetap. Adakah hubungan lindung nilai tersebut layak untuk perakaunan lindung nilai walaupun kesan swap kadar faedah pada asas seluruh entiti adalah untuk mewujudkan dedahan kepada perubahan kadar faedah yang tidak wujud sebelumnya?

Ya. MPSAS 29 tidak menghendaki pengurangan risiko pada asas seluruh entiti sebagai syarat untuk perakaunan lindung nilai. Dedahan dinilai berdasarkan urusan niaga dan, dalam contoh ini, aset yang dilindung nilai mempunyai dedahan nilai saksama kepada peningkatan kadar faedah yang diofset oleh swap kadar faedah.

F.2.7 Lindung Nilai Aliran Tunai: Urus Niaga Ramalan Berkaitan dengan Aset Bersih/Ekuiti Entiti

Bolehkah urusan niaga ramalan dalam instrumen ekuiti entiti itu sendiri atau dividen ramalan atau bayaran serupa kepada pemilik ditetapkan sebagai item lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai?

Tidak. Untuk layak menjadi item lindung nilai, urusan niaga ramalan hendaklah mendedahkan entiti kepada risiko tertentu yang akan mempengaruhi lebih atau kurang (MPSAS 29.96). Pengelasan instrumen kewangan sebagai liabiliti atau aset bersih/ekuiti secara umumnya memberikan asas untuk menentukan sama ada urusan niaga atau bayaran lain yang berkaitan dengan instrumen sedemikian adalah diiktiraf dalam lebih atau kurang MPSAS 28. Sebagai contoh, agihan kepada pemegang instrumen

ekuiti didebitkan oleh pengeluar terus kepada aset bersih/ekuiti (MPSAS 28.40). Oleh itu, agihan tersebut tidak boleh ditetapkan sebagai item yang dilindung nilai. Walau bagaimanapun, dividen atau agihan serupa yang diisytiharkan yang belum dibayar dan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan boleh menjadi layak sebagai item yang dilindung nilai, sebagai contoh, untuk risiko mata wang asing jika didenominasikan dalam mata wang asing.

F.2.8 Perakaunan Lindung Nilai: Risiko bagi Urus Niaga Tidak Berlaku

Adakah MPSAS 29 membenarkan entiti untuk mengguna pakai perakaunan lindung nilai bagi melindungi nilai risiko atas urus niaga yang tidak akan berlaku, sebagai contoh, jika perkara itu akan menyebabkan hasil yang kurang kepada entiti berbanding yang dijangka?

Tidak. Risiko bagi urus niaga yang tidak akan berlaku ialah risiko pengoperasian secara keseluruhan yang tidak layak sebagai item yang dilindung nilai. Perakaunan lindung nilai adalah dibenarkan hanya untuk risiko yang berkaitan dengan aset dan liabiliti yang diiktiraf, komitmen teguh, urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi dan pelaburan bersih dalam operasi asing (MPSAS 29.96).

F.2.9 Pelaburan Dipegang hingga Matang: Melindung Nilai Bayaran Kadar Faedah Berubah

Bolehkah entiti menetapkan swap kadar faedah terima tetap, bayar berubah sebagai lindung nilai aliran tunai bagi pelaburan yang dipegang hingga matang dengan kadar berubah?

Tidak. Ini tidak konsisten dengan penetapan pelaburan hutang yang dipegang hingga matang untuk menetapkan swap sebagai lindung nilai aliran tunai bagi bayaran kadar faedah berubah pelaburan hutang. MPSAS 29.88 menyatakan bahawa pelaburan yang dipegang sehingga matang tidak boleh menjadi item yang dilindung nilai berhubung risiko atau risiko bayaran terdahulu kadar faedah “oleh sebab penetapan bagi pelaburan yang dipegang hingga matang memerlukan niat untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang tanpa mengira perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai bagi pelaburan tersebut yang disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah.”

F.2.10 Item Lindung Nilai: Pembelian Pelaburan Dipegang hingga Matang

Entiti meramalkan pembelian aset kewangan yang ingin dikelaskan sebagai dipegang hingga matang apabila urus niaga ramalan berlaku. Entiti mengikat kontrak derivatif dengan niat untuk mengekalkan kadar faedah semasa dan menetapkan derivatif sebagai lindung nilai bagi pembelian aset kewangan yang diramal. Bolehkah hubungan lindung nilai layak untuk perakaunan lindung nilai aliran tunai walaupun aset akan dikelaskan sebagai pelaburan dipegang hingga matang?

Ya. Berkenaan dengan risiko kadar faedah, MPSAS 29 tidak membenarkan perakaunan lindung nilai untuk aset kewangan yang dikelaskan sebagai dipegang hingga matang (MPSAS 29.88). Namun, walaupun entiti berniat untuk mengelaskan aset sebagai dipegang hingga matang, instrumen tidak dikelaskan sedemikian sehingga urus niaga berlaku.

F.2.11 Lindung Nilai Aliran Tunai: Pelaburan Semula Dana yang Diperoleh daripada Pelaburan Dipegang hingga Matang

Entiti mempunyai aset kadar berubah yang telah dikelaskan sebagai dipegang hingga matang. Entiti mengikat kontrak derivatif dengan niat untuk mengekalkan kadar faedah semasa ke atas

pelaburan semula aliran tunai kadar berubah, dan menetapkan derivatif sebagai lindung nilai aliran tunai bagi terimaan faedah masa hadapan yang diramal ke atas instrumen hutang hasil daripada pelaburan semula terimaan faedah ke atas aset yang dipegang sehingga matang. Dengan menganggap bahawa kriteria perakaunan lindung nilai yang lain dipenuhi, bolehkah hubungan lindung nilai layak untuk perakaunan lindung nilai aliran tunai walaupun bayaran faedah yang dilaburkan semula diperoleh daripada aset yang dikelaskan sebagai dipegang hingga matang?

Ya. MPSAS 29.88 menyatakan bahawa pelaburan yang dipegang hingga matang tidak boleh menjadi item yang dilindungi nilai yang berkenaan dengan risiko kadar faedah. Soalan F.2.8 menetapkan bahawa perkara ini terpakai bukan sahaja kepada lindung nilai saksama, contohnya, lindung nilai dedahan kepada risiko kadar faedah nilai saksama yang berkaitan dengan pelaburan yang dipegang hingga matang yang membayar faedah tetap, malah juga kepada lindung nilai aliran tunai, contohnya, lindung nilai dedahan kepada risiko kadar faedah aliran tunai yang berkaitan dengan pelaburan yang dipegang hingga matang yang membayar faedah berubah pada kadar pasaran semasa. Walau bagaimanapun, dalam contoh ini, derivatif ditetapkan sebagai ofset bagi dedahan kepada risiko aliran tunai yang berkaitan dengan terimaan faedah masa hadapan yang diramal atas instrumen hutang hasil daripada pelaburan semula ramalan bagi aliran tunai kadar berubah pada pelaburan yang dipegang hingga matang. Sumber dana yang diramalkan akan dilaburkan semula adalah tidak relevan dalam menentukan sama ada risiko pelaburan semula boleh dilindungi nilai. Oleh itu, penetapan derivatif sebagai lindung nilai aliran tunai dibenarkan. Jawapan ini turut terpakai pada lindung nilai dedahan kepada risiko aliran tunai yang berkaitan dengan terimaan faedah masa hadapan yang diramal atas instrumen hutang hasil daripada pelaburan semula terimaan faedah atas aset kadar tetap yang dikelaskan sebagai dipegang hingga matang.

F.2.12 Perakaunan Lindung Nilai: Pembayaran Terdahulu Aset Kewangan

Jika pengeluar berhak untuk membuat bayaran terdahulu aset kewangan, bolehkah pelabur menetapkan aliran tunai selepas tarikh pembayaran terdahulu sebagai sebahagian daripada item yang dilindungi nilai?

Aliran tunai selepas tarikh pembayaran terdahulu boleh ditetapkan sebagai item yang dilindungi nilai sehingga tahap boleh menunjukkan bahawa aliran tunai tersebut “berkebarangkalian tinggi” (MPSAS 29.98). Sebagai contoh, aliran tunai selepas tarikh pembayaran terdahulu layak sebagai berkebarangkalian tinggi jika aliran tunai terhasil daripada kumpulan atau kelompok aset yang sama (contohnya, pinjaman gadai janji) yang padanya pembayaran terdahulu boleh dianggarkan dengan tahap ketepatan yang tinggi atau jika pilihan pembayaran terdahulu adalah tanpa wang secara signifikan. Selain itu, aliran tunai selepas tarikh pembayaran terdahulu boleh ditetapkan sebagai item yang dilindungi nilai jika pilihan bandingan wujud dalam instrumen lindung nilai.

F.2.13 Lindung Nilai Saksama: Risiko yang Boleh Mempengaruhi Lebihan atau Kurangan

Adakah perakaunan lindung nilai saksama dibenarkan untuk dedahan kepada risiko kadar faedah dalam pinjaman berkadar tetap yang dikelaskan sebagai pinjaman dan belum terima?

Ya. Bawah MPSAS 29, pinjaman dan belum terima dibawa pada kos terlunas. Banyak entiti memegang sejumlah besar pinjaman dan belum terima mereka sehingga matang. Maka, perubahan dalam nilai saksama bagi pinjaman dan belum terima tersebut yang disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempengaruhi lebihan atau kurangan. MPSAS 29.96 menetapkan bahawa lindung

nilai saksama ialah lindung nilai dedahan kepada perubahan dalam nilai saksama yang disebabkan oleh risiko tertentu dan boleh mempengaruhi lebih atau kurang. Oleh itu, MPSAS 29.96 mungkin kelihatan untuk menghalang perakaunan lindung nilai saksama untuk pinjaman dan belum terima. Walau bagaimanapun, perkara ini susulan daripada MPSAS 29.88 bahawa pinjaman dan belum terima boleh menjadi item yang dilindung nilai yang berkaitan dengan risiko kadar faedah memandangkan pinjaman dan belum terima tersebut tidak ditetapkan sebagai pelaburan yang dipegang hingga matang. Entiti boleh menjualnya dan perubahan dalam nilai saksama akan mempengaruhi lebih atau kurang. Maka, perakaunan lindung nilai saksama dibenarkan untuk pinjaman dan belum terima.

F.2.14 Urus Niaga Lindung Nilai Dalam Kumpulan dan Intra-entiti

Sebuah entiti Australia, yang mata wang fungsinya ialah dolar Australia, telah meramalkan pembelian dalam yen Jepun yang mempunyai kebarangkalian tinggi. Entiti Australia tersebut dimiliki sepenuhnya oleh entiti Swiss, yang menyediakan penyata kewangan disatukan (merangkumi anak syarikat Australia) dalam franc Swiss. Entiti Swiss yang mengawal mengikat kontrak hadapan untuk melindungi nilai perubahan dalam yen yang relatif kepada dolar Australia. Bolehkah lindung nilai tersebut layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan, atau perlukah entiti yang dikawal Australia yang mempunyai dedahan mata wang asing menjadi pihak kepada urus niaga lindung nilai tersebut?

Lindung nilai tersebut boleh layak untuk perakaunan lindung nilai dengan syarat kriteria perakaunan lindung nilai yang lain dalam MPSAS 29 dipenuhi. Memandangkan entiti Australia tidak melindungi nilai risiko tukaran mata wang asing yang berkaitan dengan ramalan pembelian dalam yen, kesan perubahan kadar tukaran antara dolar Australia dengan yen akan mempengaruhi lebih atau kurang entiti Australia dan, oleh itu, turut mempengaruhi lebih atau kurang disatukan. MPSAS 29 tidak memerlukan unit operasi yang terdedah kepada risiko untuk dilindung nilai menjadi pihak kepada instrumen yang dilindung nilai.

F.2.15 Kontrak Dalam: Derivatif Luaran Mengofset Tunggal

Suatu entiti mengguna apa yang diterangkan sebagai kontrak derivatif dalaman untuk mendokumenkan pindahan tanggungjawab bagi dedahan risiko kadar faedah daripada bahagian individu kepada fungsi perbendaharaan pusat. Fungsi perbendaharaan pusat tersebut agregat kontrak derivatif dalaman dan mengikat kontrak derivatif luaran tunggal yang mengofset kontrak derivatif dalaman pada asas bersih. Sebagai contoh, jika fungsi perbendaharaan pusat tersebut telah mengikat tiga swap kadar faedah terima tetap, bayar berubah dalaman yang memberhentikan dedahan kepada aliran tunai faedah berubah atas liabiliti kadar berubah dalam bahagian lain dan satu swap kadar faedah terima berubah, bayar tetap yang memberhentikan dedahan kepada aliran tunai faedah berubah atas aset kadar berubah dalam bahagian lain, akan mengikat swap kadar faedah dengan pihak berlawanan luaran yang mengofset dengan tepat empat swap dalaman tersebut. Dengan mengandaikan bahawa kriteria perakaunan lindung nilai telah dipenuhi, adakah dalam penyata kewangan entiti berkenaan, derivatif luaran mengofset tunggal tersebut layak sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai bagi bahagian item sandaran pada asas kasar?

Ya, tetapi sehingga ke tahap derivatif luaran tersebut ditetapkan sebagai ofset bagi aliran masuk tunai atau aliran keluar tunai pada asas kasar. MPSAS 29.94 menunjukkan bahawa lindung nilai keseluruhan kedudukan bersih tidak layak untuk perakaunan lindung nilai. Walau bagaimanapun, perenggan

berkenaan membenarkan untuk menentukan bahagian item sandaran sebagai kedudukan yang dilindung nilai pada asas kasar. Oleh itu, walaupun tujuan mengikat derivatif luaran adalah untuk mengofset kontrak derivatif dalaman pada asas bersih, perakaunan lindung nilai dibenarkan sekiranya hubungan lindung nilai tersebut ditakrifkan dan didokumenkan sebagai lindung nilai bagi bahagian sandaran aliran masuk tunai atau aliran keluar tunai pada asas kasar. Entiti mengikut pendekatan yang digariskan dalam MPSAS 29.94 dan MPSAS 29.PA141 untuk menetapkan bahagian sandaran aliran tunai sebagai kedudukan yang dilindung nilai.

F.2.16 **Kontrak Dalaman: Kontrak Derivatif Luaran yang Diselesaikan Secara Bersih**

Isu (a) – Sebuah entiti menggunakan kontrak derivatif dalaman untuk memindahkan dedahan risiko kadar faedah daripada bahagian individu kepada fungsi perbendaharaan pusat. Bagi setiap kontrak derivatif dalaman, fungsi perbendaharaan berpusat mengikat kontrak derivatif dengan satu pihak berlawanan luaran yang mengofset kontrak derivatif dalaman. Sebagai contoh, jika fungsi perbendaharaan pusat mengikat swap kadar faedah terima 5 peratus tetap, bayar LIBOR dengan bahagian lain yang telah mengikat kontrak dalaman dengan perbendaharaan pusat untuk melindungi nilai dedahan kepada keberubahan dalam aliran tunai faedah atas pinjaman bayar LIBOR, perbendaharaan pusat akan mengikat swap kadar faedah bayar 5 peratus tetap, terima LIBOR pada terma prinsipal yang sama dengan pihak berlawanan luaran. Walaupun setiap kontrak derivatif luaran secara rasminya didokumenkan sebagai kontrak berasingan, hanya bayaran bersih atas semua kontrak derivatif dalaman diselesaikan memandangkan terdapat perjanjian penyelesaian dengan pihak berlawanan luaran. Dengan mengandaikan kriteria perakaunan lindung nilai yang lain dipenuhi, bolehkah kontrak derivatif luaran individu, seperti swap kadar faedah bayar 5 peratus tetap, terima LIBOR di atas, ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai bagi dedahan kasar sandaran, seperti dedahan kepada perubahan dalam bayaran faedah berubah atas pinjaman bayar LIBOR di atas, walaupun derivatif luaran diselesaikan pada asas bersih?

Secara umumnya, ya. Kontrak derivatif luaran yang merupakan kontrak berasingan secara sah dan mempunyai tujuan perniagaan yang sah, seperti pemberhentian dedahan risiko pada asas kasar, layak sebagai instrumen lindung nilai walaupun kontrak luaran tersebut diselesaikan pada asas bersih dengan pihak berlawanan luaran yang sama, dengan syarat kriteria perakaunan lindung nilai dalam MPSAS 29 dipenuhi. Lihat juga Soalan F.1.13.

Isu (b) – Perbendaharaan memerhatikan bahawa dengan mengikat kontrak mengofset luaran dan merangkumkan mereka dalam portfolio berpusat, maka tidak lagi boleh menilai dedahan pada asas bersih. Perbendaharaan berharap untuk menguruskan portfolio mengofset derivatif luaran secara berasingan dari dedahan yang lain entiti tersebut. Oleh itu, perbendaharaan mengikat secara tambahan, derivatif tunggal untuk mengofset risiko portfolio tersebut. Bolehkah kontrak derivatif luaran individu dalam portfolio tersebut masih boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai bagi dedahan kasar sandaran walaupun derivatif luaran tunggal digunakan untuk mengofset sepenuhnya dedahan pasaran yang wujud dengan mengikat kontrak luaran?

Secara umumnya, ya. Tujuan menstrukturkan kontrak derivatif luaran dengan cara ini adalah konsisten dengan objektif dan strategi pengurusan risiko entiti. Seperti yang ditunjukkan di atas, kontrak derivatif luaran yang merupakan kontrak berasingan secara sah dan mempunyai tujuan yang sah layak sebagai instrumen lindung nilai. Tambahan pula, jawapan bagi Soalan F.1.13 menyatakan bahawa perakaunan

lindung nilai tidak dihalang hanya kerana entiti telah mengikat swap yang menggambarkan secara tepat terma swap lain dengan pihak berlawanan yang sama sekiranya terdapat tujuan substantif untuk menstrukturkan urus niaga berkenaan secara berasingan.

F.2.17 Lindung Nilai Tempoh Separa

MPSAS 29.84 menyatakan bahawa hubungan lindung nilai mungkin tidak boleh ditetapkan hanya untuk sebahagian dari tempoh masa apabila instrumen lindung nilai masih belum dijelaskan. Adakah dibenarkan untuk menetapkan derivatif itu sebagai lindung nilai hanya sebahagian tempoh masa sehingga matang bagi item yang dilindung nilai?

Ya. Instrumen kewangan boleh menjadi item yang dilindung nilai untuk hanya sebahagian aliran tunai atau nilai saksamanya, sekiranya keberkesanan boleh diukur dan kriteria perakaunan lindung nilai yang lain dipenuhi.

Ilustrasi: Entiti A memperoleh bon kerajaan berkadar tetap 10 peratus dengan baki tempoh untuk matang selama sepuluh tahun. Entiti A mengelaskan bon tersebut sebagai sedia dijual. Bagi melindungi nilainya daripada dedahan nilai saksama bagi bon berkenaan dengan nilai kini atas bayaran kadar faedah sehingga tahun ke-5, Entiti A memperoleh swap bayar tetap, terima terapung untuk lima tahun. Swap ini boleh ditetapkan sebagai lindung nilai dedahan nilai saksama atas bayaran kadar faedah bagi bon kerajaan sehingga tahun ke-5 dan perubahan dalam nilai bayaran prinsipal yang perlu dibayar pada tempoh matang sehingga perubahan itu dipengaruhi pada keluk hasil yang berkaitan dengan lima tahun swap tersebut.

F.2.18 Instrumen Lindung Nilai: Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang

Mata wang fungsian Entiti A ialah yen Jepun. Entiti A mempunyai liabiliti dolar AS kadar terapung lima tahun dan nota belum terima yang didenominasikan paun sterling berkadar tetap 10 tahun. Entiti A berniat untuk melindungi nilai dedahan mata wang asing terhadap aset dan liabilitinya dan dedahan kadar faedah nilai saksama bagi belum terima tersebut, dan mengikat swap kadar faedah mata wang bersilang yang sepadan untuk terima dolar AS berkadar terapung dan bayar paun sterling berkadar tetap dan untuk menukar dolar kepada paun pada penghujung tahun kelima. Bolehkah Entiti A menetapkan swap tersebut sebagai instrumen lindung nilai bagi lindung nilai saksama terhadap risiko mata wang dan risiko kadar faedah, walaupun paun sterling dan dolar AS merupakan mata wang asing bagi Entiti A?

Ya. MPSAS 29.90 membenarkan perakaunan lindung nilai untuk komponen risiko, sekiranya keberkesanan boleh diukur. Begitu juga, MPSAS 29.85 membenarkan penetapan instrumen lindung nilai tunggal sebagai lindung nilai lebih daripada satu jenis risiko sekiranya risiko tersebut boleh dikenal pasti dengan jelas, keberkesanan boleh ditunjukkan, dan penetapan khusus bagi instrumen lindung nilai serta kedudukan risiko yang berbeza boleh dipastikan. Oleh itu, swap boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai saksama bagi belum terima paun sterling terhadap dedahan kepada perubahan dalam nilai saksamanya yang berkaitan dengan perubahan dalam kadar faedah UK bagi sebahagian tempoh awal lima tahun dan kadar pertukaran antara paun dengan dolar AS. Swap berkenaan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Amaun bawaan bagi belum terima dilaraskan untuk perubahan dalam nilai saksamanya yang disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah UK bagi lima tahun yang pertama dalam keluk hasil. Belum terima dan belum bayar boleh diukur semula menggunakan kadar pertukaran

semerta bawah MPSAS 4 dan perubahan pada amaun bawaannya yang diiktiraf dalam lebih atau kurang.

F.2.19 Item Dilindung Nilai: Lindung Nilai bagi Risiko Mata Wang Asing terhadap Saham yang Didagangkan Secara Awam

Entiti A memperoleh saham dalam Entiti B di pertukaran bursa asing untuk nilai saksamanya sebanyak 1,000 dalam mata wang asing (FC). Saham tersebut dikelaskan sebagai sedia dijual. Bagi melindungi dirinya daripada dedahan kepada perubahan dalam kadar tukaran wang asing yang berkaitan dengan saham tersebut, Entiti A mengikat kontrak hadapan untuk menjual FC750. Entiti A berniat untuk membuat pembaharuan kontrak pertukaran hadapan selagi saham tersebut dikekalkan. Dengan mengandaikan bahawa kriteria perakaunan lindung nilai lain dipenuhi, bolehkah kontrak pertukaran hadapan layak sebagai lindung nilai bagi risiko pertukaran asing yang berkaitan dengan saham tersebut?

Ya, tetapi hanya sekiranya terdapat dedahan kepada perubahan dalam kadar tukaran asing yang jelas dan boleh dikenal pasti. Oleh itu, perakaunan lindung nilai adalah dibenarkan sekiranya (a) instrumen ekuiti tersebut tidak didagangkan atas pertukaran (atau dalam pasaran lain yang wujud), iaitu tempat dagangan didenominasikan dalam mata wang yang sama sebagai mata wang fungsian bagi Entiti A dan (b) dividen kepada Entiti A tidak didenominasikan dalam mata wang tersebut. Oleh itu, jika saham itu didagangkan dalam mata wang berbilang dan satu daripada mata wang tersebut merupakan mata wang fungsian bagi entiti yang melaporkan, perakaunan lindung nilai untuk komponen mata wang asing bagi harga saham tersebut adalah tidak dibenarkan.

Jika sedemikian, bolehkah kontrak pertukaran hadapan tersebut ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai risiko pertukaran asing yang berkaitan dengan bahagian nilai saksama bagi saham sehingga FC750 dalam mata wang asing?

Ya. MPSAS 29 membenarkan penetapan bahagian bagi aliran tunai atau nilai saksama aset kewangan tersebut sebagai item yang dilindung nilai sekiranya keberkesanan boleh diukur (MPSAS 29.90). Oleh itu, Entiti A boleh menetapkan kontrak pertukaran hadapan tersebut sebagai lindung nilai bagi risiko pertukaran asing yang berkaitan dengan hanya bahagian nilai saksama bagi saham tersebut dalam mata wang asing. Ia boleh sama ada ditetapkan sebagai lindung nilai saksama bagi dedahan pertukaran asing FC750 yang berkaitan dengan saham tersebut atau sebagai lindung nilai aliran tunai bagi jualan ramalan saham tersebut dengan syarat, masa jualan dikenal pasti. Apa-apa keberubahan dalam nilai saksama bagi saham dalam mata wang asing tidak akan mempengaruhi penilaian atas keberkesanan lindung nilai melainkan nilai saksama bagi saham tersebut dalam mata wang asing jatuh di bawah FC750.

F.2.20 Perakaunan Lindung Nilai: Indeks Saham

Suatu entiti mungkin memperoleh portfolio saham untuk mereplikakan indeks saham dan opsyen jual atas indeks untuk melindunginya daripada kerugian nilai saksama. Adakah MPSAS 29 membenarkan penetapan opsyen jual atas indeks saham tersebut sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai bagi portfolio saham tersebut?

Tidak. Sekiranya instrumen kewangan yang serupa diagregatkan dan dilindung nilai sebagai satu kumpulan, MPSAS 29.93 menyatakan bahawa perubahan dalam nilai saksama yang disebabkan oleh risiko lindung nilai bagi setiap item individu dalam kumpulan tersebut dijangka untuk mejadi hampir berkadar langsung dengan perubahan keseluruhan dalam nilai saksama yang disebabkan oleh risiko

lindung nilai bagi kumpulan tersebut. Dalam senario di atas, perubahan dalam nilai saksama yang disebabkan oleh risiko yang dilindung nilai bagi setiap item individu dalam kumpulan tersebut (harga saham individu) tidak dijangka untuk menjadi hampir berkadar langsung dengan perubahan keseluruhan dalam nilai saksama yang disebabkan oleh risiko lindung nilai bagi kumpulan tersebut.

F.2.21 Perakaunan Lindung Nilai: Penyelesaian Bersih Aset dan Liabiliti

Bolehkah entiti kumpul aset kewangan bersama-sama dengan liabiliti kewangan untuk menentukan pendedahan aliran tunai bersih untuk dilindung nilai bagi tujuan perakaunan lindung nilai?

Strategi lindung nilai dan amalan pengurusan risiko sesebuah entiti boleh menaksir risiko aliran tunai pada asas bersih tetapi MPSAS 29.94 tidak membenarkan penetapan dedahan aliran tunai bersih sebagai item yang dilindung nilai untuk tujuan perakaunan lindung nilai. MPSAS 29.PA141 menyediakan contoh bagaimana entiti boleh menaksir risikonya pada asas bersih (dengan aset dan liabiliti yang serupa dikumpulkan bersama-sama) dan dengan itu layak bagi perakaunan lindung nilai dengan lindung nilai pada asas kasar.

F.3 Perakaunan Lindung Nilai

F.3.1 Lindung Nilai Aliran Tunai: Aliran Tunai Kadar Faedah Tetap

Suatu entiti menerbitkan instrumen hutang kadar tetap dan mengikat swap kadar faedah terima tetap, bayar berubah untuk mengofset dedahan kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan instrumen hutang tersebut. Bolehkah entiti menetapkan swap tersebut sebagai lindung nilai aliran tunai bagi aliran keluar tunai faedah masa hadapan yang berkaitan dengan instrumen hutang?

Tidak. MPSAS 29.96(b) menyatakan bahawa lindung nilai aliran tunai ialah “lindung nilai bagi dedahan terhadap keberubahan dalam aliran tunai”. Dalam kes ini, instrumen hutang yang diterbitkan tidak membangkitkan apa-apa dedahan terhadap keberubahan dalam aliran tunai memandangkan bayaran faedahnya adalah tetap. Entiti tersebut boleh menetapkan swap itu sebagai lindung nilai saksama bagi instrumen hutang, tetapi tidak boleh menetapkan swap itu sebagai lindung nilai aliran tunai bagi aliran keluar tunai masa hadapan instrumen hutang tersebut.

F.3.2 Lindung Nilai Aliran Tunai: Pelaburan Semula Aliran Tunai Kadar Faedah Tetap

Suatu entiti mengurus risiko kadar faedah pada asas bersih. Pada 1 Januari 2001, diramalkan aliran masuk tunai agregat berjumlah RM100 atas aset kadar tetap dan aliran keluar tunai agregat berjumlah RM90 atas liabiliti kadar tetap pada suku pertama 2002. Bagi tujuan pengurusan risiko, Perjanjian Kadar Hadapan (FRA) terima berubah, bayar tetap digunakan untuk melindungi nilai aliran masuk tunai bersih ramalan berjumlah RM10. Entiti tersebut menetapkan aliran masuk tunai pertama RM10 atas aset kadar tetap sebagai item lindung nilai pada suku pertama 2002. Bolehkah entiti tersebut menetapkan FRA terima berubah, bayar tetap sebagai lindung nilai aliran tunai bagi dedahan terhadap keberubahan aliran tunai pada suku pertama 2002 yang berkaitan dengan aset kadar tetap tersebut?

Tidak. FRA itu tidak layak sebagai lindung nilai aliran tunai bagi aliran tunai yang dikaitkan dengan aset kadar tetap kerana tidak mempunyai dedahan aliran tunai. Walau bagaimanapun, entiti tersebut

boleh menetapkan FRA itu sebagai lindung nilai bagi dedahan nilai saksama yang wujud sebelum aliran tunai tersebut dihantar.

Bagi sesetengah kes, entiti juga boleh melindungi nilai dedahan kadar faedah yang dikaitkan dengan pelaburan semula ramalan faedah dan prinsipal yang diterima atas aset kadar tetap (lihat soalan F.6.2). Walau bagaimanapun, dalam contoh ini, FRA tidak layak untuk perakaunan lindung nilai aliran tunai kerana FRA itu meningkat berbanding mengurangkan faedah keberubahan aliran tunai yang terhasil daripada pelaburan semula faedah aliran tunai (contohnya, jika kadar pasaran meningkat, akan ada aliran masuk tunai atas FRA dan peningkatan dalam jangkaan faedah aliran masuk tunai yang terhasil daripada pelaburan semula faedah aliran masuk tunai bagi aset kadar tetap). Walau bagaimanapun, mungkin berpotensi untuk layak sebagai lindung nilai aliran tunai bagi sebahagian dari pembiayaan semula aliran keluar tunai pada asas kasar.

F.3.3 Lindung Nilai Mata Wang Asing

Entiti A mempunyai liabiliti mata wang asing perlu bayar dalam tempoh enam bulan dan berhasrat untuk melindungi nilai amaun belum bayar bagi penyelesaian terhadap turun naik mata wang asing. Bagi tujuan itu, entiti mengeluarkan kontrak hadapan untuk membeli mata wang asing dalam masa enam bulan. Haruskah lindung nilai tersebut dianggap sebagai:

- (a) **Lindung nilai saksama bagi liabiliti mata wang asing dengan laba dan rugi atas penilaian semula liabiliti dan kontrak hadapan pada hujung tahun yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan; atau**
- (b) **Lindung nilai aliran tunai bagi amaun yang perlu diselesaikan pada masa hadapan dengan laba dan rugi atas penilaian semula kontrak hadapan yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti ?**

MPSAS 29 tidak menghalang antara dua kaedah di atas. Sekiranya lindung nilai tersebut diolah sebagai lindung nilai saksama, laba dan rugi atas pengukuran semula nilai saksama bagi instrumen lindung nilai dan laba atau rugi atas pengukuran semula nilai saksama bagi item yang dilindung nilai untuk melindungi nilai risiko adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam lebihan atau kurangan. Jika lindung nilai tersebut diolah sebagai lindung nilai aliran tunai dengan laba atau rugi atas pengukuran semula kontrak hadapan tersebut diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti, amaun tersebut diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh yang sama atau tempoh yang mana item lindung nilai (liabiliti) tersebut mempengaruhi lebihan atau kurangan, iaitu apabila liabiliti diukur semula untuk perubahan dalam kadar pertukaran asing. Oleh itu, jika lindung nilai tersebut berkesan, laba atau rugi atas derivatif dikeluarkan kepada lebihan atau kurangan dalam tempoh yang sama yang mana liabiliti itu diukur semula, bukan semasa pembayaran berlaku. Lihat Soalan F.3.4.

F.3.4 Lindung Nilai Aliran Tunai Mata Wang Asing

Suatu entiti mengeksport produk pada harga yang didenominasikan dalam mata wang asing. Pada tarikh jualan, entiti tersebut memperoleh belum terima bagi harga jualan yang perlu dibayar dalam 90 hari dan mengeluarkan kontrak pertukaran hadapan 90 hari dalam mata wang yang sama sebagai belum terima untuk lindung nilai dedahan mata wang asingnya.

Jualan tersebut direkodkan pada kadar semerta pada tarikh jualan, dan belum terima dinyatakan semula semasa tempoh 90 hari untuk perubahan dalam kadar pertukaran dengan perbezaan dipindahkan kepada lebihan atau kurangan (MPSAS 4.27 dan MPSAS 4.32).

Jika kontrak pertukaran asing ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, adakah entiti tersebut mempunyai pilihan sama ada untuk menetapkan kontrak pertukaran asing tersebut sebagai lindung nilai saksama bagi dedahan mata wang asing untuk belum terima atau sebagai lindung nilai aliran tunai untuk kutipan bagi belum terima?

Ya. Jika entiti tersebut menetapkan kontrak pertukaran asing sebagai lindung nilai saksama, laba atau rugi daripada pengukuran semula kontrak pertukaran asing hadapan tersebut pada nilai saksama diiktiraf dengan serta-merta dalam lebihan atau kurangan dan laba atau rugi atas pengukuran semula belum terima adalah juga diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Jika entiti menetapkan kontrak pertukaran asing sebagai lindung nilai aliran tunai bagi risiko mata wang asing yang berkait dengan kutipan belum terima tersebut, bahagian laba atau rugi yang ditentukan sebagai lindung nilai efektif diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti, dan bahagian yang tidak efektif dalam lebihan atau kurangan (MPSAS 29.106). Amaun yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti diiktiraf dalam lebihan atau kurangan pada tempoh yang sama atau tempoh yang mana perubahan dalam pengukuran belum terima mempengaruhi lebihan atau kurangan (MPSAS 29.111).

F.3.5 Lindung Nilai Saksama: Instrumen Hutang Kadar Berubah

Adakah MPSAS 29 membenarkan suatu entiti untuk menetapkan sebahagian dedahan risiko instrumen hutang kadar berubah sebagai item yang dilindung nilai dalam lindung nilai saksama?

Ya. instrumen hutang kadar berubah mungkin terdedah kepada perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh risiko kredit. Instrumen berkenaan juga mungkin terdedah kepada perubahan dalam nilai saksamanya yang dikaitkan dengan pergerakan kadar faedah pasaran dalam tempoh kadar faedah berubah atas instrumen hutang itu diset semula. Sebagai contoh, jika instrumen hutang memperuntukkan bayaran faedah tahunan diset semula kepada kadar pasaran setiap tahun, maka sebahagian instrumen hutang mempunyai dedahan kepada perubahan dalam nilai saksama sepanjang tahun berkenaan.

F.3.6 Lindung Nilai Saksama: Inventori

MPSAS 29.96(a) menyatakan bahawa lindung nilai saksama ialah “lindung nilai bagi pendedahan terhadap perubahan nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf ... yang berkaitan risiko tertentu dan boleh mempengaruhi lebihan atau kurangan”. Bolehkah suatu entiti menetapkan inventori, seperti inventori minyak, sebagai item yang dilindung nilai dalam lindung nilai saksama bagi dedahan kepada perubahan dalam harga inventori tersebut, seperti harga minyak, walaupun inventori diukur pada kos yang lebih rendah dan nilai atau kos realisasi bersih dan kos pengantian semasa bawah MPSAS 12, *Inventori*?

Ya. Inventori tersebut mungkin dilindung nilai untuk perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh perubahan dalam harga tembaga kerana perubahan dalam nilai saksama inventori akan mempengaruhi lebihan atau kurangan apabila inventori tersebut dijual atau amaun bawaannya diturun nilai. Amaun bawaan yang telah dilaraskan menjadi asas kos bagi tujuan pemakaian ujian antara kos dan nilai realisasi bersih, mana yang lebih rendah bawah MPSAS 12. Instrumen lindung nilai yang digunakan dalam lindung nilai saksama inventori secara alternatifnya mungkin layak sebagai lindung nilai aliran tunai untuk jualan inventori pada masa hadapan.

F.3.7 Perakaunan Lindung Nilai: Urus Niaga Ramalan

Bagi lindung nilai aliran tunai, urus niaga ramalan yang tertakluk kepada lindung nilai mestilah mempunyai “kebarangkalian tinggi.” Bagaimanakah istilah “kebarangkalian tinggi” ditafsirkan?

Istilah “kebarangkalian tinggi” menunjukkan kemungkinan yang lebih besar berlaku berbanding istilah “lebih berkemungkinan daripada tidak”. Penilaian bagi kemungkinan bahawa urus niaga ramalan akan berlaku adalah tidak semata-mata berdasarkan tujuan pengurusan kerana tujuan tidak boleh ditentukan. Kebarangkalian urus niaga hendaklah disokong oleh fakta yang boleh diperhatikan dan keadaan yang menyertainya.

Dalam membuat penilaian kemungkinan bahawa urus niaga akan berlaku, entiti harus mempertimbangkan keadaan berikut:

- (a) Kekerapan urus niaga terdahulu yang sama;
- (b) Kewangan dan kebolehan operasi entiti untuk menjalankan urus niaga tersebut;
- (c) Komitmen sumber yang besar bagi aktiviti tertentu (contohnya, menjalankan projek infrastruktur yang khusus);
- (d) Tahap kerugian atau gangguan operasi mungkin berlaku jika urus niaga tidak berlaku;
- (e) Kemungkinan bahawa urus niaga dengan perbezaan ciri-ciri yang sangat besar mungkin digunakan untuk mencapai tujuan yang sama (contohnya, entiti yang berhasrat untuk mendapatkan tunai mungkin dengan beberapa cara untuk melakukannya, daripada pinjaman bank jangka pendek kepada penawaran instrumen hutang); dan
- (f) Pelan operasi entiti.

Tempoh masa sehingga urus niaga ramalan dijangka berlaku juga merupakan faktor dalam menentukan kebarangkalian. Faktor lain adalah sama, semakin jauh urus niaga ramalan tersebut, semakin kecil urus niaga dianggap sebagai berkebarangkalian tinggi dan semakin kuat bukti yang diperlukan untuk menyokong kenyataan bahawa urus niaga tersebut berkebarangkalian tinggi.

Contohnya, urus niaga ramalan yang berlaku dalam lima tahun kurang berkemungkinan untuk berlaku berbanding urus niaga yang diramal akan berlaku dalam satu tahun. Walau bagaimanapun, bayaran faedah ramalan untuk 20 tahun akan datang atas hutang kadar berubah biasanya akan berkebarangkalian tinggi jika disokong oleh obligasi kontrak sedia ada.

Di samping itu, faktor lain adalah sama, semakin besar kuantiti fizikal atau nilai masa hadapan urus niaga ramalan berkadaran dengan urus niaga entiti yang mempunyai sifat yang sama, lebih kurang kemungkinan urus niaga tersebut dianggap sebagai berkebarangkalian tinggi dan semakin kuat bukti yang diperlukan untuk menyokong kenyataan bahawa urus niaga tersebut berkebarangkalian tinggi. Sebagai contoh, secara amnya kurang bukti yang diperlukan untuk menyokong jualan ramalan, iaitu 100,000 unit pada bulan hadapan berbanding 950,000 unit pada bulan tersebut apabila jualan terkini berpurata 950,000 unit sebulan untuk tiga bulan yang lalu.

Sejarah mempunyai lindung nilai yang ditetapkan bagi urus niaga ramalan dan kemudian menentukan bahawa urus niaga ramalan tersebut tidak lagi dijangka untuk berlaku yang akan mempersoalkan

keupayaan entiti untuk meramalkan urus niaga ramalan dengan tepat dan kewajaran menggunakan perakaunan lindung nilai pada masa hadapan untuk urus niaga ramalan yang serupa.

F.3.8 Penetapan Retrospektif bagi Lindung Nilai

Adakah MPSAS29 membenarkan entiti untuk menetapkan hubungan lindung nilainya secara retrospektif?

Tidak. Penetapan bagi hubungan lindung nilai berkuat kuasa secara prospektif dari tarikh semua kriteria perakaunan lindung nilai dalam MPSAS 29.98 dipenuhi. Secara khususnya, perakaunan lindung nilai boleh digunakan hanya dari tarikh entiti melengkapkan dokumentasi yang diperlukan untuk hubungan lindung nilai, termasuk mengenal pasti instrumen lindung nilai, item atau urus niaga lindung nilai yang berkaitan, sifat risiko yang dilindung nilai, dan bagaimana entiti akan menaksir keberkesanan lindung nilai.

F.3.9 Perakaunan Lindung Nilai: Penetapan pada Permulaan Lindung Nilai

Adakah MPSAS 29 membenarkan entiti untuk menetapkan dan mendokumenkan secara rasmi kontrak derivatif sebagai instrumen lindung nilai selepas mengikat kontrak derivatif berkenaan?

Ya, secara prospektif. Untuk tujuan perakaunan lindung nilai, MPSAS 29 menghendaki instrumen lindung nilai untuk ditetapkan dan didokumenkan secara rasmi sedemikian dari permulaan hubungan lindung nilai tersebut (MPSAS 29.98); dalam erti kata lain, hubungan lindung nilai tidak boleh ditetapkan secara retrospektif. Di samping itu, perenggan berkenaan menghalang penetapan hubungan lindung nilai hanya untuk sebahagian tempoh masa sepanjang instrumen lindung nilai tersebut masih belum dijelaskan (MPSAS 29.84). Walau bagaimanapun, perenggan berkenaan tidak menghendaki instrumen lindung nilai tersebut diperoleh pada permulaan hubungan lindung nilai itu.

F.3.10 Perakaunan Lindung Nilai: Pengenalpastian Urus Niaga Ramalan yang Dilindung Nilai

Bolehkah urus niaga ramalan dikenal pasti sebagai belian atau jualan untuk 15,000 unit produk yang terakhir dalam tempoh khusus atau sebagai peritus dari belian atau jualan sepanjang tempoh yang khusus?

Tidak. Urus niaga ramalan yang dilindung nilai hendaklah dikenal pasti dan didokumenkan dengan kekhususan yang mencukupi supaya apabila urus niaga berlaku, jelas menunjukkan sama ada urus niaga tersebut ialah urus niaga dilindung nilai ataupun tidak. Oleh itu, urus niaga ramalan boleh dikenal pasti sebagai jualan untuk 15,000 unit bagi produk khusus yang pertama sepanjang tempoh tiga bulan yang ditetapkan, tetapi tidak boleh dikenal pasti sebagai 15,000 unit yang terakhir produk yang dijual sepanjang tempoh tiga bulan kerana 15,000 unit terakhir tidak boleh dikenal pasti apabila dijual. Atas sebab yang sama, urus niaga ramalan tidak boleh ditetapkan sepenuhnya sebagai peratus jualan atau belian sepanjang tempoh berkenaan.

F.3.11 Lindung Nilai Aliran Tunai: Dokumentasi Masa bagi Urus Niaga Ramalan

Bagi urus niaga ramalan lindung nilai, adakah perlu mendokumentasikan hubungan lindung nilai yang wujud pada permulaan lindung nilai tersebut dengan kenal pasti tarikh pada, atau tempoh masa urus niaga ramalan dijangka berlaku?

Ya. Untuk melayakkan perakaunan lindung nilai, lindung nilai mestilah berkait dengan risiko khusus yang dikenal pasti dan ditetapkan (MPSAS 29.PA151) dan mestilah boleh untuk mengukur keberkesannya dengan pasti (MPSAS 29.98(d)). Di samping itu, urus niaga ramalan yang dilindung nilai mestilah berkebarangkalian tinggi (MPSAS 29.98(c)). Bagi memenuhi kriteria ini, suatu entiti tidak dikehendaki untuk meramal dan mendokumen tarikh sebenar urus niaga ramalan dijangka berlaku. Walau bagaimanapun, entiti dikehendaki untuk mengenal pasti dan mendokumen tempoh masa sepanjang urus niaga ramalan tersebut dijangka berlaku dalam julat masa yang agak khusus dan umumnya singkat daripada tarikh yang paling mungkin, sebagai asas untuk menilai keberkesanan lindung nilai. Bagi menentukan bahawa lindung nilai tersebut menjadi sangat efektif menurut MPSAS 29.98(d), adalah perlu untuk memastikan bahawa perubahan dalam nilai saksama bagi aliran tunai yang dijangka akan diofset oleh perubahan dalam nilai saksama oleh instrumen lindung nilai dan ujian ini mungkin hanya dapat dipenuhi jika masa aliran tunai berlaku dalam masa yang dekat antara satu sama lain. Jika urus niaga ramalan tersebut tidak lagi dijangka berlaku, perakaunan lindung nilai akan dihentikan menurut MPSAS 29.112(c).

F.4 *Keberkesanan Lindung Nilai*

F.4.1 **Lindung Nilai Berasaskan Selepas Cukai**

Lindung nilai biasanya dilakukan berasaskan selepas cukai. Adakah keberkesanan lindung nilai dinilai selepas cukai?

MPSAS 29 membenarkan, namun tidak menghendaki, penilaian atas keberkesanan lindung nilai berasaskan selepas cukai. Jika lindung nilai dilaksanakan berasaskan selepas cukai, perlu ditetapkan pada permulaan sebagai sebahagian daripada dokumentasi rasmi hubungan dan strategi lindung nilai tersebut.

F.4.2 **Keberkesanan Lindung Nilai: Penilaian Berasaskan Kumulatif**

MPSAS 29.98(b) menghendaki lindung nilai perlu dijangka menjadi sangat efektif. Perlukah keberkesanan lindung nilai yang dijangka dinilai secara berasingan untuk setiap tempoh atau secara kumulatif sepanjang hayat hubungan lindung nilai tersebut?

Keberkesanan lindung nilai yang dijangka boleh dinilai berasaskan kumulatif jika lindung nilai tersebut ditetapkan, dan keadaan tersebut digabungkan ke dalam dokumentasi lindung nilai yang sewajarnya. Oleh itu, walaupun jika lindung nilai tidak dijangka menjadi sangat efektif bagi tempoh tertentu, perakaunan lindung nilai adalah tidak dihalang jika keberkesannya adalah dijangka untuk kekal tinggi secukupnya sepanjang hayat hubungan lindung nilai tersebut. Walau bagaimanapun, apa-apa ketidakberkesanan dikehendaki untuk diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila berlaku.

Ilustrasi: suatu entiti menetapkan swap kadar faedah asas LIBOR sebagai lindung nilai bagi pinjaman yang kadar faedahnya adalah kadar asas UK ditambah margin. Perubahan kadar asas UK tersebut, mungkin, apabila setiap sukuan atau kurang, dengan kenaikan 25-50 mata asas, sementara LIBOR berubah setiap hari. Dalam masa 1-2 tahun, lindung nilai tersebut dijangka hampir sempurna. Walau bagaimanapun, terdapat sukuan apabila kadar asas UK tidak berubah sama sekali, sementara LIBOR berubah secara signifikan. Keadaan ini tidak semestinya menghalang perakaunan lindung nilai.

F.4.3 Keberkesanan Lindung Nilai: Risiko Kredit Pihak Berlawanan

Adakah entity perlu mempertimbangkan kemungkinan untuk mungkir oleh pihak berlawanan bagi instrumen lindung nilai dalam menilai keberkesanan lindung nilai?

Ya. Suatu entiti tidak boleh mengabaikan sama ada dapat mengutip semua amaun yang perlu dibayar bawah peruntukan kontraktual bagi instrumen lindung nilai tersebut. Apabila menilai keberkesanan lindung nilai, pada permulaan lindung nilai tersebut dan pada asas berterusan, entiti perlu mempertimbangkan risiko bahawa pihak berlawanan kepada instrumen lindung nilai tersebut akan mungkir dengan gagal membuat sebarang pembayaran kontraktual kepada entiti. Bagi lindung nilai aliran tunai, jika terdapat kemungkinan bahawa pihak berlawanan akan mungkir, entiti tidak dapat memutuskan bahawa hubungan lindung nilai tersebut adalah dijangka untuk menjadi sangat efektif dalam mengofset aliran tunai. Kesannya, perakaunan lindung nilai akan dihentikan. Bagi lindung nilai saksama, jika terdapat perubahan dalam kepercayaan kredit pihak berlawanan, nilai saksama bagi instrumen lindung nilai akan berubah, yang akan mempengaruhi penilaian sama ada hubungan lindung nilai tersebut adalah efektif dan sama ada layak untuk meneruskan perakaunan lindung nilai.

F.4.4 Keberkesanan Lindung Nilai: Ujian Keberkesanan

Bagaimanakah keberkesanan lindung nilai diukur untuk tujuan kelayakan awal bagi perakaunan lindung nilai dan untuk kelayakan yang berterusan?

MPSAS 29 tidak menyediakan panduan khusus tentang bagaimana ujian keberkesanan dilakukan. MPSAS 29 menyatakan bahawa lindung nilai biasanya dianggap sebagai sangat efektif hanya jika (a) pada permulaan dan tempoh berikutnya, lindung nilai tersebut adalah dijangka akan menjadi sangat efektif bagi mengofset perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai yang boleh dikaitkan dengan risiko yang dilindung nilai sepanjang tempoh yang mana lindung nilai itu ditetapkan, dan (b) keputusan sebenar berada dalam julat 80-125 peratus. MPSAS 29.PA145 juga menyatakan bahawa jangkaan seperti di (a) boleh ditunjukkan dalam pelbagai cara.

Kesesuaian kaedah yang diberikan dalam menilai keberkesanan lindung nilai akan bergantung pada sifat risiko yang dilindung nilai dan jenis instrumen lindung nilai yang digunakan. Kaedah penilaian keberkesanan mestilah munasabah dan konsisten dengan lindung nilai lain yang serupa, melainkan kaedah yang berbeza secara jelasnya wajar. Suatu entiti dikehendaki untuk mendokumentasikan pada permulaan lindung nilai bagaimana keberkesanan akan dinilai dan seterusnya menggunakan ujian keberkesanan tersebut secara konsisten semasa tempoh lindung nilai itu.

Beberapa teknik matematik boleh digunakan untuk mengukur keberkesanan lindung nilai, termasuk analisis nisbah, iaitu perbandingan laba dan rugi dari lindung nilai dengan laba dan rugi yang sepadan pada item yang dilindung nilai pada sesuatu masa, dan teknik pengukuran statistik seperti analisis regresi. Sekiranya analisis regresi digunakan, polisi yang didokumentasikan oleh entiti untuk menilai keberkesanan mesti menentukan bagaimana keputusan dari regresi akan dinilai.

F.4.5 Keberkesanan Lindung Nilai: Ofset yang Kurang daripada 100 Peratus

Jika lindung nilai aliran tunai dianggap sebagai sangat efektif kerana ofset risiko sebenar adalah di antara julat sisihan yang dibenarkan 80-125 peratus daripada ofset penuh, adakah laba atau rugi atas bahagian yang tidak efektif bagi lindung nilai tersebut diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti?

Tidak. MPSAS 29.106(a) menyatakan bahawa hanya bahagian yang efektif sahaja diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. MPSAS 29.106(b) menghendaki bahagian yang tidak efektif diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

F.4.6 Mengandaikan Keberkesanan Lindung Nilai adalah Sempurna

Jika terma prinsipal instrumen lindung nilai dan semua aset atau liability yang dilindung nilai atau urus niaga ramalan yang dilindung nilai adalah sama, bolehkah entiti mengandaikan keberkesanan lindung nilai adalah sempurna tanpa ujian keberkesanan selanjutnya?

Tidak. MPSAS 29.98(e) menghendaki suatu entiti bagi menilai lindung nilai pada asas berterusan untuk keberkesanan lindung nilai. Penilaian ini tidak boleh mengandaikan keberkesanan lindung nilai walaupun terma prinsipal bagi instrumen lindung nilai dan item yang dilindung nilai adalah sama, memandangkan ketidakberkesanan lindung nilai mungkin timbul disebabkan oleh ciri-ciri lain, seperti kecairan instrumen atau risiko kreditnya (MPSAS 29.PA150). Walau bagaimanapun, penetapan hanya risiko tertentu dalam dedahan keseluruhan sebagai yang dilindung nilai dan dengan itu meningkatkan keberkesanan hubungan lindung nilai tersebut. Contohnya, untuk lindung nilai saksama bagi instrumen hutang, jika instrumen lindung nilai derivatif tersebut mempunyai risiko kredit yang bersamaan dengan kadar AA, boleh ditetapkan hanya bagi risiko yang berkait dengan pergerakan kadar faedah bagi kadar AA sebagai yang dilindung nilai, dalam keadaan perubahan dalam spread kredit, secara amnya tidak akan mempengaruhi keberkesanan lindung nilai tersebut.

F.5 Lindung Nilai Aliran Tunai

F.5.1 Perakaunan Lindung Nilai: Aset Monetari Bukan Derivatif atau Liabiliti Monetari Bukan Derivatif Digunakan sebagai Instrumen Lindung Nilai

Sekiranya suatu entiti menetapkan aset monetari bukan derivatif sebagai lindung nilai aliran tunai mata wang asing bagi pembayaran balik prinsipal liabiliti monetari bukan derivatif, adakah perbezaan pertukaran tersebut atas item yang dilindung nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan (MPSAS 4.32) dan perbezaan pertukaran pada instrumen lindung nilai diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti sehingga pembayaran balik liabiliti tersebut (MPSAS 29.106)?

Tidak. Perbezaan pertukaran pada aset monetari dan liabiliti monetary diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh ia terhasil (MPSAS 4.32). MPSAS 29.PA116 menyatakan bahawa jika terdapat hubungan lindung nilai antara aset monetari bukan derivatif dan liabiliti monetari bukan derivatif, perubahan dalam nilai saksama instrumen kewangan tersebut diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

F.5.2 Lindung Nilai Aliran Tunai: Prestasi Instrumen Lindung Nilai (1)

Entiti A mempunyai liabiliti kadar terapung sebanyak RM1,000 dengan baki tempoh lima tahun untuk matang. Entiti mengikat swap kadar faedah lima tahun bayar tetap, terima terapung dalam mata wang yang sama dan dengan tempoh prinsipal yang sama seperti mana liabiliti untuk melindungi nilai dedahan kepada pembayaran aliran tunai berubah pada liabiliti kadar terapung disebabkan oleh risiko kadar faedah. Pada permulaan, nilai saksama swap adalah sifar. Kemudiannya, terdapat peningkatan sebanyak RM49 dalam nilai saksama swap tersebut. Peningkatan ini terdiri daripada perubahan sebanyak RM50 hasil daripada peningkatan dalam kadar faedah pasaran dan perubahan tolak RM1 hasil daripada peningkatan dalam risiko kredit swap pihak berlawanan. Tiada perubahan dalam nilai saksama liabiliti kadar terapung, tetapi

nilai saksama (nilai kini) bagi aliran tunai masa hadapan diperlukan untuk mengofset dedahan kepada aliran tunai faedah berubah atas kenaikan liabiliti sebanyak RM50. Dengan mengandaikan Entiti A menentukan bahawa lindung nilai masih sangat efektif, adakah terdapat ketidakberkesanan yang perlu diiktiraf dalam lebihan atau kurangan?

Tidak. Lindung nilai risiko kadar faedah tidak efektif sepenuhnya jika sebahagian daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif adalah disebabkan oleh risiko kredit pihak berlawanan (MPSAS 29.PA150). Walau bagaimanapun, disebabkan Entiti A menentukan bahawa hubungan lindung nilai masih efektif, maka Entiti A mengiktiraf bahagian yang efektif dalam perubahan nilai saksama swap tersebut, iaitu, perubahan bersih dalam nilai saksama sebanyak RM49, dalam aset bersih/ekuiti. Tiada lebihan atau kurangan debit bagi perubahan dalam nilai saksama swap yang disebabkan oleh kemerosotan dalam kualiti kredit swap pihak berlawanan, kerana perubahan kumulatif dalam nilai kini aliran tunai masa hadapan yang diperlukan untuk mengofset dedahan kepada aliran tunai faedah berubah terhadap item yang dilindung nilai, iaitu, RM50 melebihi perubahan kumulatif dalam nilai bagi instrumen lindung nilai, iaitu, RM49.

Dt	Swap	RM49	
	Kt	Aset bersih/ekuiti	RM49

Jika Entiti A merumuskan bahawa lindung nilai tidak lagi efektif, Entiti A menghentikan perakaunan lindung nilai secara prospektif dari tarikh lindung nilai tersebut tidak lagi sangat efektif menurut MPSAS 29.112.

Adakah jawapan akan berubah jika nilai saksama swap sebaliknya meningkat kepada RM51 yang mana RM50 hasil daripada peningkatan kadar faedah pasaran dan RM1 daripada penurunan dalam risiko kredit swap pihak berlawanan?

Ya. Dalam keadaan ini, terdapat lebihan atau kurangan kredit sebanyak RM1 bagi perubahan nilai saksama swap yang disebabkan oleh penambahbaikan dalam kualiti kredit swap pihak berlawanan. Ini kerana perubahan kumulatif dalam nilai instrumen lindung nilai, iaitu RM51, melebihi perubahan kumulatif dalam nilai kini aliran tunai masa hadapan yang diperlukan untuk mengofset dedahan aliran tunai faedah berubah terhadap item yang dilindung nilai, iaitu, RM50. Perbezaan sebanyak RM1 mewakili lebihan ketidakberkesanan yang disebabkan oleh instrumen lindung nilai derivatif, swap tersebut, dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Dt	Swap	RM51	
	Kt	Aset bersih/ekuiti	RM50
	Kt	Lebihan atau kurangan	RM1

F.5.3 Aliran Tunai Lindung Nilai: Prestasi Instrumen Lindung Nilai (2)

Pada 30 September 20X1, Entiti A melindungi nilai jangkaan jualan 24 tong minyak pada 1 Mac 20X2 dengan mengikat kontrak hadapan jangka pendek atas 24 tong minyak tersebut. Kontrak ini memerlukan penyelesaian bersih dalam tunai yang ditentukan sebagai perbezaan antara harga semerta masa hadapan bagi minyak pada pertukaran komoditi khusus dengan RM1,000. Entiti A menjangkakan untuk menjual minyak tersebut dalam pasaran tempatan yang berbeza. Entiti A menentukan bahawa kontrak hadapan adalah lindung nilai efektif bagi jangkaan jualan

tersebut dan syarat lain untuk perakaunan lindung nilai dipenuhi. Entiti A menilai keberkesanan lindung nilai dengan membandingkan keseluruhan perubahan dalam nilai saksama bagi kontrak hadapan tersebut dengan perubahan dalam nilai saksama bagi aliran masuk tunai yang dijangkakan. Pada 31 Disember, harga semerta bagi minyak telah meningkat dalam pasaran tempatan dan bursa. Peningkatan dalam pasaran tempatan melebihi peningkatan bursa. Kesannya, nilai kini aliran masuk tunai yang dijangkakan daripada jualan dalam pasaran tempatan ialah RM1,100. Nilai saksama kontrak hadapan Entiti A ialah negatif RM80. Dengan mengandaikan bahawa Entiti A menentukan bahawa lindung nilai tersebut adalah masih sangat efektif, adakah terdapat ketidakberkesanan yang harus diiktiraf dalam lebih atau kurang?

Tidak. Dalam lindung nilai aliran tunai, ketidakberkesanan tidak diiktiraf dalam penyata kewangan apabila perubahan kumulatif dalam nilai saksama bagi aliran tunai yang dilindung nilai melebihi perubahan kumulatif dalam nilai instrumen lindung nilai. Dalam keadaan ini, perubahan kumulatif dalam nilai saksama kontrak hadapan ialah RM80, manakala nilai saksama perubahan kumulatif dalam aliran tunai hadapan yang dijangka pada item yang dilindung nilai ialah RM100. Memandangkan nilai saksama perubahan kumulatif yang dijangka dalam aliran tunai masa hadapan pada item yang dilindung nilai daripada permulaan lindung nilai melebihi perubahan kumulatif dalam nilai saksama instrumen lindung nilai (dalam jumlah mutlak), tiada bahagian laba atau rugi atas instrumen lindung nilai diiktiraf dalam lebih atau kurang (MPSAS 29.106(b)). Disebabkan Entiti A menentukan bahawa hubungan lindung nilai tersebut masih sangat efektif, maka pengiktirafan keseluruhan perubahan dalam nilai saksama kontrak hadapan (RM80) dalam aset bersih/ekuiti.

Dt	Aset bersih/ekuiti	RM80	
	Kt	Hadapan	RM80

Jika Entiti A merumuskan bahawa lindung nilai tersebut tidak lagi sangat efektif, maka perakaunan lindung nilai dihentikan secara prospektif dari tarikh lindung nilai tersebut tidak lagi sangat efektif menurut MPSAS 29.112.

F.5.4 Lindung Nilai Aliran Tunai: Urus Niaga Ramalan Berlaku Sebelum Tempoh yang Ditetapkan

Entiti menetapkan derivatif sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai bagi urus niaga ramalan, seperti jualan ramalan komoditi. Hubungan lindung nilai memenuhi semua syarat perakaunan lindung nilai, termasuk keperluan untuk mengenal pasti dan mendokumenkan tempoh urus niaga yang dijangka untuk berlaku dalam julat masa yang khusus dan singkat (lihat Soalan F.2.17). Jika, dalam tempoh yang berikutnya, urus niaga ramalan yang dijangka untuk berlaku dalam tempoh yang lebih awal daripada jangkaan asalnya, bolehkah entiti merumuskan bahawa urus niaga ini adalah sama dengan yang ditetapkan sebagai yang telah dilindung nilai?

Ya. Perubahan dalam masa urus niaga ramalan tidak menjejaskan kesahan kedudukan tersebut. Walau bagaimanapun, perubahan itu boleh menjejaskan penilaian atas keberkesanan hubungan lindung nilai tersebut. Juga, instrumen lindung nilai perlu ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai untuk keseluruhan tempoh kewujudannya agar terus layak sebagai instrumen lindung nilai (lihat MPSAS 29.84 dan Soalan F.2.17).

F.5.5 Lindung Nilai Aliran Tunai: Menilai Keberkesanan untuk Lindung Nilai Urus Niaga Ramalan bagi Instrumen Hutang

Pelaburan ramalan dalam aset peroleh faedah atau terbitan ramalan liabiliti yang menanggung faedah mewujudkan dedahan aliran tunai kepada perubahan kadar faedah kerana pembayaran faedah yang berkaitan akan berdasarkan pada kadar pasaran yang wujud semasa urus niaga ramalan berlaku. Objektif lindung nilai aliran tunai dedahan kepada perubahan kadar faedah adalah untuk mengofset kesan perubahan masa hadapan dalam kadar faedah untuk mendapatkan kadar tetap tunggal, biasanya adalah kadar yang telah wujud pada permulaan lindung nilai itu yang sepadan dengan tempoh dan masa urus niaga ramalan tersebut. Sepanjang tempoh lindung nilai tersebut, adalah mustahil untuk menentukan kadar faedah pasaran bagi urus niaga ramalan itu pada masa lindung nilai tersebut ditamatkan atau apabila urus niaga ramalan itu berlaku. Dalam kes ini, bagaimanakah keberkesanan lindung nilai tersebut dinilai dan diukur?

Sepanjang tempoh ini, keberkesanan boleh diukur pada asas perubahan dalam kadar faedah di antara tarikh penetapan dan tarikh pengukuran keberkesanan interim. Kadar faedah yang digunakan untuk membuat pengukuran ini adalah kadar faedah yang bersesuaian dengan jangka masa dan kejadian urus niaga ramalan yang wujud pada permulaan lindung nilai tersebut dan yang wujud pada tarikh pengukuran yang dibuktikan oleh struktur tempoh kadar faedah.

Umumnya, ini tidak mencukupi hanya untuk membandingkan aliran tunai item yang dilindung nilai dengan aliran tunai yang dihasilkan oleh instrumen lindung nilai derivatif kerana instrumen ini dibayar atau diterima, memandangkan pendekatan tersebut mengabaikan jangkaan entiti sama ada aliran tunai akan dioffset dalam tempoh berikutnya dan sama ada terdapat apa-apa ketidakberkesanan yang terhasil.

Perbincangan yang berikut menggambarkan mekanisme kewujudan lindung nilai aliran tunai dan mengukur keberkesannya. Bagi tujuan ilustrasi ini, andaikan bahawa suatu entiti menjangkakan untuk menerbitkan instrumen hutang satu tahun sebanyak RM100,000 dalam tempoh tiga bulan. Instrumen ini akan membayar faedah secara sukuan dengan jumlah prinsipal perlu bayar pada tarikh matang. Entiti ini terdedah kepada peningkatan kadar faedah dan mewujudkan lindung nilai faedah aliran tunai hutang tersebut dengan mengikat hadapan bermula dengan swap kadar faedah. Swap tersebut mempunyai tempoh satu tahun dan akan bermula dalam masa tiga bulan untuk memenuhi tempoh terbitan hutang ramalan. Entiti tersebut akan membayar kadar tetap dan menerima kadar berubah, dan entiti menetapkan risiko yang dilindung nilai sebagai komponen faedah berasaskan LIBOR dalam terbitan ramalan hutang.

Keluk Hasil

Keluk hasil menyediakan asas bagi pengiraan aliran tunai masa hadapan dan nilai saksama aliran tunai tersebut pada permulaan, semasa, hubungan lindung nilai. Ini berdasarkan hasil pasaran semasa pada bon rujukan yang berkaitan yang didagangkan dalam pasaran. Hasil pasaran ditukar kepada kadar faedah semerta ("harga semerta" atau "kadar kupon sifar") dengan menghapuskan kesan pembayaran kupon dalam hasil pasaran. Kadar semerta digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa hadapan, seperti bayaran prinsipal dan kadar faedah, untuk mencapai nilai saksamanya. Kadar semerta juga digunakan untuk mengira kadar faedah hadapan yang digunakan untuk mengira pemboleh ubah dan anggaran aliran tunai masa hadapan. Hubungan di antara kadar semerta dan kadar hadapan satu tempoh ditunjukkan oleh formula yang berikut:

Hubungan hadapan semerta (*Spot-forward relationship*)

$$F = \frac{(1 + SR_t)^t}{(1 + SR_{t-1})^{t-1}} - 1$$

apabila

F = kadar hadapan (%)

SR = kadar semerta (%)

t = tempoh dalam masa (contohnya,
1, 2, 3, 4, 5)

Bagi tujuan ilustrasi ini, andaikan bahawa struktur tempoh suku tahunan yang berikut daripada kadar faedah menggunakan pengkompaunan suku tahunan yang wujud pada permulaan lindung nilai.

Keluk hasil pada permulaan– (bermula pada tempoh 1)					
<i>Tempoh hadapan</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>
Kadar semerta	3.75%	4.50%	5.50%	6.00%	6.25%
Kadar hadapan	3.75%	5.25%	7.51%	7.50%	7.25%

Kadar hadapan satu tempoh dikira berdasarkan kadar semerta untuk tempoh matang yang berkenaan. Contohnya, kadar hadapan semasa bagi Tempoh 2 dikira menggunakan formula di atas adalah bersamaan dengan $[1.0450^2/1.0375] - 1 = 5.25$ peratus. Kadar hadapan satu tempoh semasa bagi Tempoh 2 adalah berbeza daripada kadar semerta semasa bagi Tempoh 2, memandangkan kadar semerta adalah kadar faedah dari permulaan Tempoh 1 (semerta) hingga akhir Tempoh 2, manakala kadar hadapan adalah kadar faedah dari permulaan Tempoh 2 hingga akhir Tempoh 2.

Item yang Dilindung Nilai

Dalam contoh ini, entiti menjangkakan untuk menerbitkan instrumen hutang satu tahun sebanyak RM100,000 dalam tempoh tiga bulan dengan bayaran faedah secara sukuan. Entiti ini terdedah kepada kenaikan kadar faedah dan ingin menghapuskan kesan pada aliran tunai atas perubahan kadar faedah yang mungkin berlaku sebelum urus niaga ramalan tersebut berlaku. Sekiranya risiko tersebut dihapuskan, entiti akan memperoleh kadar faedah atas terbitan hutangnya yang bersamaan dengan kadar kupon hadapan satu tahun yang terkini di pasaran bagi tempoh tiga bulan. Kadar kupon hadapan yang berbeza daripada kadar hadapan (semerta) ialah 6.86 peratus, dikira dari struktur tempoh kadar faedah yang ditunjukkan di atas. Ini adalah kadar faedah pasaran yang wujud pada permulaan lindung nilai, berikutan terma bagi instrumen hutang ramalan. Keadaan ini mengakibatkan nilai saksama hutang bersamaan dengan par pada terbitannya.

Pada permulaan hubungan lindung nilai tersebut, aliran tunai yang dijangka dari instrumen hutang boleh dikira atas dasar struktur tempoh kadar faedah yang sedia ada. Bagi tujuan ini, diandaikan bahawa kadar faedah tidak berubah dan hutang tersebut akan diterbitkan pada kadar 6.86 peratus pada permulaan Tempoh 2. Dalam kes ini, aliran tunai dan nilai saksama instrumen hutang adalah seperti yang berikut pada permulaan Tempoh 2.

Terbitan Hutang Kadar Tetap					
Permulaan Tempoh 2 - Tiada perubahan kadar (semerta berdasarkan kadar hadapan)					
<i>Jumlah</i>					
<i>Tempoh hadapan asal</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>
<i>Baki Tempoh</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>4</i>
Kadar semerta		5.25%	6.38%	6.75%	6.88%
Kadar hadapan		5.25%	7.51%	7.50%	7.25%
					%
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Aliran tunai:</i>					
Faedah tetap @6.86%		1,716	1,716	1,716	1,716
Prinsipal					100,000
<i>Nilai saksama:</i>					
Faedah	6,592	1,694	1,663	1,632	1,603
Prinsipal	93,408				93,408 (a)
Jumlah	100,000				
(a) $RM100,000 / (1 + [0.0688/4])^4$					

Memandangkan adalah diandaikan bahawa kadar faedah tidak berubah, nilai saksama faedah dan amaun prinsipal adalah sama dengan amaun par bagi urus niaga ramalan. Amaun nilai saksama dikira berdasarkan kadar semerta yang wujud pada permulaan lindung nilai bagi tempoh yang berkenaan apabila aliran tunai akan berlaku sewaktu hutang telah diterbitkan pada tarikh urus niaga ramalan. Ini mencerminkan kesan dari mendiskaunkan aliran tunai tersebut berdasarkan baki tempoh selepas instrumen hutang diterbitkan. Contohnya, kadar semerta 6.38 peratus digunakan untuk mendiskaun aliran tunai faedah yang dijangka dibayar dalam Tempoh 3, tetapi telah didiskaunkan hanya untuk dua tempoh kerana aliran tunai akan berlaku dua tempoh selepas urus niaga ramalan tersebut.

Kadar faedah hadapan adalah sama seperti yang ditunjukkan sebelum ini, memandangkan dengan andaian bahawa kadar faedah tidak berubah. Kadar semerta berbeza tetapi sebenarnya tidak berubah. Kadar ini mewakili kadar semerta satu tempoh hadapan dan adalah berdasarkan kadar hadapan yang berkenaan.

Instrumen Lindung Nilai

Objektif lindung nilai adalah untuk memperoleh kadar faedah keseluruhan pada urus niaga ramalan dan instrumen lindung nilai yang bersamaan dengan 6.86 peratus, iaitu kadar pasaran pada permulaan lindung nilai bagi tempoh dari Tempoh 2 sehingga Tempoh 5. Objektif ini dicapai dengan mengikat swap kadar faedah permulaan yang mempunyai kadar tetap sebanyak 6.86 peratus. Berdasarkan struktur kadar faedah yang wujud pada permulaan lindung nilai, swap kadar faedah akan mempunyai kadar sedemikian. Pada permulaan lindung nilai, nilai saksama pembayaran kadar tetap pada swap kadar faedah akan sama dengan nilai saksama pembayaran kadar berubah, yang mengakibatkan swap kadar faedah mempunyai nilai saksama, iaitu sifar. Aliran tunai yang dijangkakan daripada swap kadar faedah dan amaun nilai saksama berkaitan ditunjukkan seperti berikut.

Swap Kadar Faedah					
<i>Jumlah</i>					
<i>Tempoh hadapan asal</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>
<i>Baki tempoh</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>4</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Aliran tunai:</i>					
Faedah tetap @6.86%		1,716	1,716	1,716	1,716
Faedah berubah ramalan		1,313	1,877	1,876	1,813
<i>Ramalan berdasarkan kadar hadapan</i>		<i>5.25%</i>	<i>7.51%</i>	<i>7.50%</i>	<i>7.25%</i>
Faedah bersih		(403)	161	160	97
<i>Nilai saksama:</i>					
<i>Kadar diskaun (semerta)</i>		<i>5.25%</i>	<i>6.38%</i>	<i>6.75%</i>	<i>6.88%</i>
Faedah tetap	6,592	1,694	1,663	1,632	1,603
Faedah berubah ramalan	6,592	1,296	1,819	1,784	1,693
Nilai saksama swap kadar faedah	0	(398)	156	152	90

Pada permulaan lindung nilai tersebut, kadar tetap bagi swap hadapan adalah sama dengan kadar tetap yang akan diterima oleh entiti sekiranya hutang boleh diterbitkan dalam tiga bulan di bawah terma sedia ada Ketika ini.

Mengukur Keberkesanan Lindung Nilai

Jika kadar faedah berubah sepanjang tempoh lindung nilai tersebut belum jelas, keberkesanan lindung nilai dapat diukur dalam pelbagai cara.

Andaikan kadar faedah tersebut berubah seperti berikut serta merta sebelum hutang diterbitkan pada permulaan Tempoh 2.

Keluk Hasil - Kadar Meningkat 200 Mata Asas					
<i>Tempoh Hadapan</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>
<i>Baki tempoh</i>		<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>
Kadar semerta		5.75%	6.50%	7.50%	8.00%
Kadar hadapan		5.75%	7.25%	9.51%	9.50%

Di bawah persekitaran kadar faedah baharu, nilai saksama bagi swap kadar faedah terima berubah, bayar tetap pada 6.86 peratus, yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai adalah seperti berikut.

Nilai Saksama bagi Swap Kadar Faedah						
<i>Jumlah</i>						
<i>Tempoh hadapan asal</i>		<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>
<i>Baki tempoh</i>			<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Aliran tunai:</i>						
Faedah tetap @6.86%			1,716	1,716	1,716	1,716
Faedah berubah ramalan			1,438	1,813	2,377	2,376
<i>Ramalan berdasarkan kadar hadapan</i>			5.25%	7.25%	9.51%	9.50%
Faedah bersih			(279)	97	661	660
<i>Nilai saksama:</i>						
<i>Kadar diskaun baharu (semerta)</i>			5.75%	6.50%	7.50%	8.00%
Faedah tetap	6,562		1,692	1,662	1,623	1,585
Faedah berubah ramalan	7,615		1,417	1,755	2,248	2,195
Nilai saksama bagi faedah bersih	1,053		(275)	93	625	610

Untuk mengira keberkesanan lindung nilai, adalah perlu untuk mengukur perubahan dalam nilai kini aliran tunai atau nilai urus niaga ramalan yang dilindung nilai. Terdapat sekurang-kurangnya dua kaedah untuk mencapai ukuran ini.

Kaedah A Mengira Perubahan dalam Nilai Saksama Hutang					
<i>Jumlah</i>					
<i>Tempoh hadapan asal</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>
<i>Baki tempoh</i>		<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Aliran tunai:</i>					
Faedah tetap @6.86%		1,716	1,716	1,716	1,716
Prinsipal					100,000
<i>Nilai saksama:</i>					
<i>Kadar diskaun baharu (semerta)</i>		<i>5.75%</i>	<i>6.50%</i>	<i>7.50%</i>	<i>8.00%</i>
Faedah	6,562	1,692	1,662	1,623	1,585
Prinsipal	92,385				92,385 (a)
Jumlah	98,947				
Nilai saksama pada permulaan	100,000				
Perbezaan nilai saksama	(1,053)				
RM100,000/(1 + [0.08/4]) ⁴					

Di bawah Kaedah A, pengiraan dibuat daripada nilai saksama dalam persekitaran kadar faedah baharu bagi hutang yang membawa faedah yang sama dengan kadar faedah kupon yang wujud pada permulaan hubungan lindung nilai (6.86 peratus). Nilai saksama ini dibandingkan dengan nilai saksama yang dijangka pada permulaan Tempoh 2 yang dikira berdasarkan struktur tempoh kadar faedah yang wujud pada permulaan hubungan lindung nilai tersebut, seperti yang diilustrasikan di atas, untuk menentukan perubahan dalam nilai saksama. Perhatikan bahawa perbezaan di antara perubahan dalam nilai saksama swap dan perubahan dalam nilai saksama yang dijangka daripada hutang tersebut diofset dengan tepat dalam contoh ini, memandangkan tempoh swap berkenaan dan urus niaga ramalan sepadan antara satu sama lain.

Kaedah B Mengira Perubahan dalam Nilai Saksama Aliran Tunai					
<i>Jumlah</i>					
<i>Tempoh hadapan asal</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>
<i>Baki tempoh</i>		<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>
Kadar pasaran pada permulaan		6.86%	6.86%	6.86%	6.86%
Kadar hadapan semasa		5.75%	7.25%	9.51%	9.50%
Perbezaan kadar		1.11%	(0.39%)	(2.64%)	(2.64%)
Perbezaan aliran tunai (prinsipal × kadar)		RM279	(RM97)	(RM661)	(RM660)
<i>Kadar diskaun (semerta)</i>		5.75%	6.50%	7.50%	8.00%
Perbezaan nilai saksama (RM1,053)		RM275	(RM93)	(RM625)	(RM610)

Di bawah Kaedah B, nilai kini perubahan dalam aliran tunai dikira berdasarkan perbezaan antara kadar faedah hadapan untuk tempoh yang berkenaan pada tarikh pengukuran keberkesanan dan kadar faedah yang akan diperolehi jika hutang telah diterbitkan pada kadar pasaran yang wujud pada permulaan lindung nilai tersebut. Kadar pasaran yang wujud pada permulaan lindung nilai adalah kadar kupon hadapan setahun dalam tempoh tiga bulan. Nilai kini perubahan dalam aliran tunai dikira atas dasar kadar semerta semasa yang wujud pada tarikh pengukuran keberkesanan untuk tempoh yang berkenaan apabila aliran tunai dijangka berlaku. Kaedah ini juga boleh dirujuk sebagai kaedah "swap teori" (atau kaedah "derivatif *hypothetical*") kerana perbandingan antara kadar tetap yang dilindung nilai ke atas hutang dan kadar berubah semasa, yang sama dengan membandingkan aliran tunai pada kadar kaki (*rate legs*) tetap dan berubah bagi swap kadar faedah.

Seperti sebelum ini, perbezaan antara perubahan dalam nilai saksama swap dan perubahan dalam nilai kini aliran tunai diofset dengan tepat dalam contoh ini, memandangkan tempohnya sepadan.

Pertimbangan lain

Terdapat pengiraan tambahan yang perlu dilakukan untuk mengira ketidakberkesanan sebelum tarikh jangkaan arus niaga ramalan yang belum dipertimbangkan untuk tujuan ilustrasi ini. Perbezaan nilai saksama telah ditentukan dalam setiap ilustrasi seperti yang tarikh dijangkakan arus niaga ramalan sebaik sebelum arus niaga ramalan, iaitu, pada permulaan Tempoh 2. Jika penilaian keberkesanan lindung nilai dilakukan sebelum arus niaga ramalan berlaku, perbezaan tersebut harus didiskaunkan pada tarikh semasa untuk mencapai jumlah sebenar ketidakberkesanan. Sebagai contoh, jika tarikh pengukuran adalah satu bulan selepas hubungan lindung nilai telah diwujudkan dan arus niaga ramalan kini dijangka berlaku dalam masa dua bulan, amaun tersebut perlu didiskaunkan untuk baki dua bulan sebelum arus niaga ramalan dijangka berlaku untuk mencapai nilai saksama sebenar. Langkah ini tidak perlu dalam contoh yang disediakan di atas kerana tidak ada ketidakberkesanan. Oleh itu, diskaun tambahan jumlah yang bersih kepada sifar, tidak akan mengubah hasilnya.

Di bawah Kaedah B, ketidakberkesanan dikira berdasarkan perbezaan antara kadar faedah kupon hadapan untuk tempoh yang sesuai pada tarikh pengukuran keberkesanan dan kadar faedah yang akan diperoleh jika hutang telah diterbitkan pada kadar pasaran yang wujud pada permulaan lindung nilai. Pengiraan pada perubahan dalam aliran tunai berdasarkan perbezaan antara kadar faedah hadapan yang wujud pada permulaan lindung nilai dan kadar hadapan yang wujud pada tarikh pengukuran keberkesanan tidak sesuai jika objektif lindung nilai adalah untuk mewujudkan satu kadar tetap untuk satu siri pembayaran faedah ramalan. Objektif ini dipenuhi dengan melindungi nilai dedahan dengan swap kadar faedah seperti ilustrasi dalam contoh di atas. Kadar faedah tetap pada swap ialah kadar faedah campuran yang terdiri daripada kadar hadapan sepanjang hayat swap tersebut. Melainkan keluk hasil adalah rata, perbandingan antara dedahan kadar faedah hadapan sepanjang hayat swap dan kadar tetap pada swap akan menghasilkan aliran tunai yang berbeza yang nilai saksama sama sahaja pada permulaan hubungan lindung nilai. Perbezaan ini ditunjukkan dalam jadual di bawah.

<i>Jumlah</i>					
<i>Tempoh hadapan asal</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	<i>5</i>
<i>Baki tempoh</i>	<i>1</i>	<i>2</i>	<i>3</i>	<i>4</i>	
Kadar hadapan pada permulaan		5.25%	7.51%	7.50%	7.25%
Kadar hadapan semasa		5.75%	7.25%	9.51%	9.50%
Perbezaan kadar		(0.50%)	0.26%	(2.00%)	(2.25%)
Perbezaan aliran tunai (prinsipal × kadar)		(RM125)	RM64	(RM501)	(RM563)
Kadar diskaun (semerta)		5.75%	6.50%	7.50%	8.00%
Perbezaan nilai saksama	(RM1,055)	(RM123)	RM62	(RM474)	(RM520)
Nilai saksama swap kadar faedah	RM1,053				
Ketidakberkesanan	(RM2)				

Jika objektif lindung nilai adalah untuk mendapatkan kadar hadapan yang wujud pada permulaan lindung nilai, swap kadar faedah adalah tidak efektif kerana swap mempunyai kadar kupon tetap tunggal campuran yang tidak mengofset satu siri kadar faedah hadapan yang berbeza. Walau bagaimanapun, jika objektif lindung nilai adalah untuk mendapatkan kadar kupon hadapan yang wujud pada permulaan lindung nilai, swap adalah efektif, dan perbandingan berdasarkan perbezaan kadar faedah hadapan menunjukkan ketidakberkesanan apabila tiada yang wujud. Pengiraan ketidakberkesanan berdasarkan perbezaan antara kadar faedah hadapan yang wujud pada permulaan lindung nilai dan kadar hadapan yang wujud pada tarikh pengukuran keberkesanan akan menjadi pengukuran yang tidak sesuai untuk ketidakberkesanan jika objektif lindung nilai adalah untuk mengunci kadar faedah hadapan. Dalam kes itu, instrumen lindung nilai yang sesuai akan menjadi satu siri kontrak hadapan yang masing-masing matang pada tarikh penilaian semula yang sepadan dengan tarikh urus niaga ramalan.

Perlu diambil perhatian bahawa tidak sesuai untuk membandingkan aliran berubah pada swap kadar faedah dengan aliran tunai faedah dalam hutang yang akan dijana oleh kadar faedah hadapan.

Metodologi ini mempunyai kesan mengukur ketidakberkesanan hanya pada sebahagian daripada derivatif, dan MPSAS 29 tidak membenarkan pembahagian derivatif untuk tujuan menilai keberkesanan dalam keadaan ini (MPSAS 29.83). Perkara ini diiktiraf, walau bagaimanapun, sekiranya kadar faedah tetap pada swap kadar faedah adalah sama dengan kadar tetap yang akan diperolehi pada hutang pada permulaan, tidak akan ada ketidakberkesanan yang mengandaikan bahawa tidak ada perbezaan dalam tempoh dan tiada perubahan dalam risiko kredit atau ia tidak ditetapkan dalam hubungan lindung nilai.

F.5.6 Lindung Nilai Aliran Tunai: Komitmen Teguh untuk Membeli Hartanah, Loji dan Peralatan dalam Mata Wang Asing

Entiti A mempunyai Mata Wang Tempatan (LC) sebagai mata wang fungsian dan mata wang pembentangan. Pada 30 Jun 20X1, Entiti A mengikat kontrak tukaran hadapan untuk menerima Mata Wang Asing (FC) 100,000 dan menyerahkan LC109,600 pada 30 Jun 20X2, pada kos awal dan nilai saksama sifar. Kontrak ini menetapkan kontrak tukaran hadapan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai komitmen teguh untuk membeli alat ganti untuk rangkaian pengedaran elektriknya pada 31 Mac 20X2 dan menghasilkan bayaran terhutang FC100,000, yang akan dibayar pada 30 Jun 20X2. Semua syarat perakaunan lindung nilai dalam MPSAS 29 dipenuhi.

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah, pada 30 Jun 20X1, kadar tukaran semerta ialah LC1.072 kepada FC1, manakala kadar tukaran hadapan dua belas bulan ialah LC1.096 kepada FC1. Pada 31 Disember 20X1, kadar tukaran semerta mata wang ialah LC1.080 kepada FC1, manakala kadar tukaran hadapan enam bulan ialah LC1.092 kepada FC1. Pada 31 Mac 20X2, kadar tukaran semerta mata wang ialah LC1.074 kepada FC1, manakala kadar tukaran hadapan tiga bulan ialah LC1.076 kepada FC1. Pada 30 Jun 20X2, kadar tukaran semerta mata wang asing ialah LC1.072 kepada FC1. Keluk hasil yang digunakan dalam mata wang tempatan tidak berubah pada kadar 6 peratus setahun sepanjang tempoh tersebut. Nilai saksama kontrak tukaran hadapan adalah negatif LC388 pada 31 Disember 20X1 $\{([1.092 \times 100,000] - 109,600) / 1.06 (6/12)\}$, negatif LC1,971 pada 31 Mac, 20X2 $\{([1,076 \times 100,000] - 109,600) / 1.06 ((3/12))\}$, dan negatif LC2,400 pada 30 Jun, 20X2 $\{1.072 \times 100,000 - 109,600\}$.

Tarikh	Kadar semerta	Kadar hadapan sehingga	Nilai saksama
		30 Jun 20X2	kontrak hadapan
30 Jun 20X1	1.072	1.096	–
31 Disember 20X1	1.080	1.092	(388)
31 Mac 20X2	1.074	1.076	(1,971)
30 Jun 20X2	1.072	–	(2,400)

Isu (a) - Apakah perakaunan bagi urus niaga ini jika hubungan lindung nilai ditetapkan sebagai untuk perubahan dalam nilai saksama kontrak tukaran hadapan dan dasar perakaunan entiti adalah untuk menggunakan pelarasan asas kepada aset bukan kewangan yang terhasil daripada perlindungan urus niaga ramalan?

Catatan perakaunan adalah seperti berikut:

30 Jun 20X1

Dt	Hadapan	LC0
Kt	Tunai	LC0

Untuk merekod kontrak tukaran hadapan pada jumlah permulaan sifar (MPSAS 29.45). Lindung nilai dijangka efektif sepenuhnya kerana tempoh kritikal kontrak tukaran hadapan dan kontrak pembelian serta penilaian keberkesanan lindung nilai adalah berdasarkan harga hadapan (MPSAS 29.PA149).

31 Disember 20X1

Dt	Aset bersih/ekuiti	LC388
Kt	Liabiliti hadapan	LC388

Untuk merekod perubahan dalam nilai saksama kontrak tukaran hadapan antara 30 Jun 20X1 dan 31 Disember 20X1, iaitu $LC388 - 0 = LC388$, dalam aset bersih/ekuiti (MPSAS 29.106). Lindung nilai adalah efektif sepenuhnya kerana kerugian pada kontrak tukaran hadapan (LC388) mengofset dengan tepat perubahan dalam aliran tunai yang berkaitan dengan kontrak pembelian berdasarkan harga hadapan $[(LC388) = \{([1.092 \times 100,000] - 109,600) / 1.06 (6/12)\} - \{([1.096 \times 100,000] - 109,600) / 1.06\}]$

31 Mac 20X2

Dt	Aset bersih/ekuiti	LC1,583
Kt	Liabiliti hadapan	LC1,583

Untuk merekod perubahan dalam nilai saksama kontrak tukaran hadapan antara 1 Januari 20X2 dan 31 Mac 20X2 (iaitu, $LC1,971 - LC388 = LC1,583$) dalam aset bersih/ekuiti (MPSAS 29.106). Lindung nilai adalah efektif sepenuhnya kerana kerugian pada kontrak tukaran hadapan (LC1,583) mengofset dengan tepat perubahan dalam aliran tunai yang berkaitan dengan kontrak pembelian berdasarkan harga hadapan $[(LC1,583) = \{([1,076 \times 100,000] - 109,600) / 1.06 (3/12)\} - \{([1.092 \times 100,000] - 109,600) / 1.06 (6/12)\}]$

Dt	Hartanah, loji dan peralatan (harga pembelian)	LC107,400
Dt	Hartanah, loji dan peralatan (kerugian lindung nilai)	LC1,971
Kt	Aset bersih/ekuiti	LC1,971
Kt	Belum bayar	LC107,400

Untuk mengiktiraf pembelian alat ganti pada kadar semerta ($1.074 \times FC100,000$) dan keluarkan kerugian kumulatif pada kontrak tukaran hadapan yang telah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti (LC1,971) dan memasukkannya dalam pengukuran awal bagi alat ganti yang dibeli. Oleh itu, pengukuran awal LC109,371 terdiri daripada pertimbangan belian LC107,400 dan kerugian lindung nilai sebanyak LC1,971.

30 Jun 20X2

Dt	Belum bayar	LC107,400	
	Kt	Tunai	LC107,200
	Kt	Lebihan atau kurangan	LC200

Untuk merekod penyelesaian yang perlu dibayar pada kadar semerta ($FC100,000 \times 1,072 = 107,200$) dan keuntungan tukaran yang berkaitan dengan LC200 ($LC107,400 - LC107,200$).

Dt	Lebihan atau kurangan	LC429	
	Kt	Liabiliti hadapan	LC429

Untuk merekod kerugian pada kontrak tukaran hadapan antara 1 April 20X2 dan 30 Jun 20X2 (iaitu, $LC2,400 - LC1,971 = LC429$) dalam lebihan atau kurangan. Lindung nilai dianggap efektif sepenuhnya kerana kerugian pada kontrak tukaran hadapan (LC429) mengofset dengan tepat perubahan dalam nilai saksama yang perlu dibayar berdasarkan harga hadapan ($LC429 = ([1,072 \times 100,000] - 109,600 - \{([1.076 \times 100,000] - 109,600) / 1.06 (3/12)\})$).

Dt	Liabiliti hadapan	LC2,400	
	Kt	Tunai	LC2,400

Untuk merekod penyelesaian bersih kontrak tukaran hadapan.

Isu (b) – Apakah perakaunan bagi urus niaga ini jika hubungan lindung nilai sebaliknya ditetapkan sebagai untuk perubahan dalam elemen semerta bagi kontrak tukaran hadapan dan elemen faedah dikecualikan daripada hubungan lindung nilai yang ditetapkan (MPSAS 29.83)?

Catatan perakaunan adalah seperti yang berikut: .

30 Jun 20X1

Dt	Hadapan	LC0	
	Kt	Tunai	LC0

Untuk merekod kontrak tukaran hadapan pada jumlah awal sifar (MPSAS 29.45). Lindung nilai dijangka efektif sepenuhnya kerana tempoh kritikal bagi kontrak tukaran hadapan dan kontrak pembelian adalah sama dan perubahan dalam premium atau diskaun pada kontrak hadapan dikecualikan daripada penilaian keberkesanan (MPSAS 29.PA149).

31 Disember 20X1

Dt	Lebihan atau kurangan (elemen faedah)	LC1,165	
	Kt	Aset bersih/ekuiti (elemen semerta)	LC777
	Kt	Liabiliti hadapan	LC388

Untuk merekod perubahan dalam nilai saksama kontrak tukaran hadapan antara 30 Jun 20X1 dan 31 Disember 20X1, iaitu, $LC388 - 0 = LC388$. Perubahan dalam nilai kini penyelesaian semerta kontrak tukaran hadapan ialah keuntungan LC777 ($\{([1.080 \times 100,000] - 107,200) / 1.06 (6/12)\} - \{([1.072 \times 100,000] - 107,200) / 1.06\}$), yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti (MPSAS 29.106). Perubahan dalam elemen faedah kontrak tukaran hadapan (perubahan sisa dalam nilai saksama) adalah kerugian LC1,165 ($388 + 777$), yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan (MPSAS 29.83 dan MPSAS 29.64(a)). Lindung nilai adalah efektif sepenuhnya kerana keuntungan dalam elemen semerta kontrak hadapan (LC777) mengofset dengan tepat perubahan harga pembelian pada kadar semerta ($LC777 = \{([1.080 \times 100,000] - 107,200) / 1.06 (6/12)\} - \{([1.072 \times 100,000] - 107,200) / 1.06\}$).

31 Mac 20X2

Dt	Aset bersih/ekuiti (elemen semerta)	LC580	
Dt	Lebihan atau kurangan (elemen faedah)	LC1,003	
	Kt	Liabiliti hadapan	LC1,583

Untuk merekod perubahan dalam nilai saksama kontrak tukaran hadapan antara 1 Januari 20X2 dan 31 Mac 20X2, iaitu, $LC1,971 - LC388 = LC1,583$. Perubahan dalam nilai kini penyelesaian semerta kontrak tukaran hadapan adalah kerugian LC580 ($\{([1,074 \times 100,000] - 107,200) / 1.06 (3/12)\} - \{([1.080 \times 100,000] - 107,200) / 1.06(6/12)\}$), yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti (MPSAS 29.106(a)). Perubahan dalam elemen faedah kontrak tukaran hadapan (perubahan sisa dalam nilai saksama) adalah kerugian LC1,003 ($LC1,583 - LC580$), yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan (MPSAS 29.83 dan MPSAS 29.64(a)). Lindung nilai adalah efektif sepenuhnya kerana kerugian dalam elemen semerta kontrak hadapan (LC580) mengofset dengan tepat perubahan dalam harga pembelian pada kadar semerta ($[(580) = \{([1,074 \times 100,000] - 107,200) / 1.06 (3 / 12)\} - \{([1.080 \times 100,000] - 107,200) / 1.06(6/12)\}]$).

Dt	Hartanah, loji dan peralatan (harga pembelian)	LC107,400	
Dt	Aset bersih/ekuiti	LC197	
	Kt	Hartanah, loji dan peralatan (keuntungan lindung nilai)	LC197
	Kt	Belum bayar	LC107,400

Untuk mengiktiraf pembelian alat ganti pada kadar semerta ($= 1.074 \times FC100,000$) dan keluarkan keuntungan kumulatif pada elemen semerta kontrak tukaran hadapan yang telah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti ($LC777 - LC580 = LC197$) dan masukkannya dalam pengukuran awal alat ganti. Oleh itu, pengukuran awal alat ganti adalah LC107,203, terdiri daripada pertimbangan belian LC107,400 dan keuntungan lindung nilai LC197.

30 Jun 20X2

Dt	Belum bayar	LC107,400	
	Kt	Tunai	LC107,200
	Kt	Lebihan atau kurangan	LC200

Untuk merekod penyelesaian hutang pada kadar semerta ($FC100,000 \times 1,072 = LC107,200$) dan keuntungan tukaran yang berkaitan LC200 ($- [1.072 - 1.074] \times FC100,000$).

Dt	Lebihan atau kurangan (elemen semerta)	LC197	
Dt	Lebihan atau kurangan (elemen faedah)	LC232	
	Kt	Liabiliti hadapan	LC429

Untuk merekodkan perubahan dalam nilai saksama kontrak tukaran hadapan antara 1 April 20X2 dan 30 Jun 20X2 (iaitu, $LC2,400 - LC1,971 = LC429$). Perubahan dalam nilai kini penyelesaian semerta kontrak tukaran hadapan ialah kerugian LC197 ($[(1,072 \times 100,000) - 107,200 - \{([1.074 \times 100,000] - 107,200) / 1.06 (3/12)\}]$), yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Perubahan dalam elemen faedah kontrak tukaran hadapan (perubahan sisa dalam nilai saksama) adalah kerugian LC232 ($LC429 - LC197$), yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Lindung nilai adalah efektif sepenuhnya kerana kerugian dalam elemen semerta kontrak hadapan (LC197) mengofset dengan tepat perubahan dalam nilai kini penyelesaian semerta yang dibayar ($LC197 = \{[1.072 \times 100,000] - 107,200 - \{([1.074 \times 100,000] - 107,200) / 1.06 (3/12)\}}\}$).

Dt	Liabiliti hadapan	LC2,400	
	Kt	Tunai	LC2,400

Untuk merekod penyelesaian bersih kontrak tukaran hadapan.

Jadual berikut memberikan gambaran keseluruhan komponen perubahan nilai saksama instrumen lindung nilai sepanjang tempoh hubungan lindung nilai. Jadual ini menggambarkan bahawa cara hubungan lindung nilai adalah ditetapkan mempengaruhi perakaunan berikutnya untuk hubungan lindung nilai tersebut, termasuk penilaian keberkesanan lindung nilai dan pengiktirafan laba dan rugi.

Tempoh berakhir	Perubahan dalam penyelesaian semerta	Nilai saksama perubahan dalam penyelesaian semerta	Perubahan dalam penyelesaian hadapan	Nilai saksama perubahan dalam penyelesaian hadapan	Nilai saksama perubahan elemen faedah
	<i>LC</i>	<i>LC</i>	<i>LC</i>	<i>LC</i>	<i>LC</i>
Jun 20X1	–	–	–	–	–
Disember 20X1	800	777	(400)	(388)	(1,165)
Mac 20X2	(600)	(580)	(1,600)	(1,583)	(1,003)
Jun 20X2	(200)	(197)	(400)	(429)	(232)
Jumlah	–	–	(2,400)	(2,400)	(2,400)

F.6 Lindung Nilai: Isu lain

F.6.1 Perakaunan Lindung Nilai: Pengurusan Risiko Kadar Faedah dalam Entiti seperti Jabatan Kewangan

Entiti, seperti jabatan kewangan, sering menguruskan pendedahan kepada risiko kadar faedah secara bersih untuk semua atau sebahagian aktiviti mereka. Mereka mempunyai sistem untuk mengumpulkan maklumat penting di seluruh entiti tentang aset kewangan, liabiliti kewangan dan komitmen hadapan, termasuk komitmen pinjaman. Maklumat ini digunakan untuk menganggarkan dan mengagregat aliran tunai dan menjadualkan aliran tunai yang dianggarkan ke dalam tempoh masa hadapan yang sesuai di mana mereka dijangka dibayar atau diterima. Sistem menjana anggaran aliran tunai berdasarkan syarat kontrak instrumen dan faktor lain, termasuk anggaran sebelum pembayaran dan mungkir. Untuk tujuan pengurusan risiko, banyak entiti menggunakan kontrak derivatif untuk mengofset beberapa atau semua pendedahan kepada risiko kadar faedah secara bersih.

Sekiranya entiti menguruskan risiko kadar faedah secara bersih, bolehkah aktiviti mereka layak untuk perakaunan lindung nilai di bawah MPSAS 29?

Ya. Walau bagaimanapun, untuk melayakkan perakaunan lindung nilai instrumen lindung nilai derivatif yang melindungi nilai kedudukan bersih untuk tujuan pengurusan risiko mesti ditetapkan untuk tujuan perakaunan sebagai lindung nilai kedudukan kasar yang berkaitan dengan aset, liabiliti, ramalan aliran masuk tunai atau ramalan aliran keluar tunai yang menimbulkan pendedahan bersih (MPSAS 29.94, MPSAS 29.PA141 dan MPSAS 29.PA154). Ia tidak mungkin untuk menetapkan kedudukan bersih sebagai item yang dilindung nilai di bawah MPSAS 29 kerana ketidakupayaan untuk mengaitkan keuntungan dan kerugian lindung nilai dengan item tertentu yang dilindung nilai dan, dengan sewajarnya, untuk menentukan secara objektif tempoh di mana keuntungan dan kerugian sedemikian harus diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Mengekalkan pendedahan bersih kepada risiko kadar faedah sering boleh ditakrifkan dan didokumenkan untuk memenuhi kriteria kelayakan untuk perakaunan lindung nilai dalam MPSAS

29.98 jika matlamat aktiviti ini adalah untuk mengofset pendedahan risiko tertentu yang dikenal pasti dan ditetapkan yang akhirnya menjejaskan lebih atau kurang entiti (MPSAS 29.AG153) dan entiti menetapkan dan mendokumenkan pendedahan risiko kadar faedahnya secara kasar. Juga, untuk memenuhi syarat untuk perakaunan lindung nilai sistem maklumat mesti menangkap maklumat yang mencukupi mengenai jumlah dan masa aliran tunai dan keberkesanan aktiviti pengurusan risiko dalam mencapai objektif mereka.

Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh entiti untuk tujuan perakaunan lindung nilai jika ia menguruskan risiko kadar faedah secara asas bersih dibincangkan dalam Soalan F.6.2.

F.6.2 Pertimbangan Perakaunan Lindung Nilai apabila Risiko Kadar Faedah Diuruskan atas Asas Bersih

Sekiranya entiti menguruskan pendedahannya kepada risiko kadar faedah atas asas bersih, apakah isu-isu yang harus dipertimbangkan entiti dalam menentukan dan mendokumentasikan aktiviti pengurusan risiko kadar faedahnya untuk melayakkan perakaunan lindung nilai serta mewujudkan dan memperakaunkan hubungan lindung nilai?

Isu (a) - (l) di bawah membincangkan isu utama. Pertama, Isu (a) dan (b) membincangkan penetapan derivatif yang digunakan dalam aktiviti pengurusan risiko kadar faedah sebagai lindung nilai saksama atau lindung nilai aliran tunai. Seperti yang dinyatakan di atas, kriteria perakaunan lindung nilai dan kesan perakaunan berbeza antara lindung nilai saksama dengan lindung nilai aliran tunai. Memandangkan mungkin lebih mudah untuk mencapai pengolahan perakaunan lindung nilai jika derivatif yang digunakan dalam aktiviti pengurusan risiko kadar faedah ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai aliran tunai, Isu (c) - (l) memperluaskan pelbagai aspek perakaunan bagi lindung nilai aliran tunai. Isu (c) - (f) mempertimbangkan aplikasi kriteria perakaunan lindung nilai bagi lindung nilai aliran tunai dalam MPSAS 29, dan Isu (g) dan (h) membincangkan pengolahan perakaunan yang diperlukan. Akhirnya, Isu (i) - (l) menghuraikan mengenai isu khusus lain yang berkaitan dengan perakaunan bagi lindung nilai aliran tunai.

Isu (a) - Bolehkah derivatif yang digunakan untuk menguruskan risiko kadar faedah atas asas bersih ditetapkan di bawah MPSAS 29 sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai saksama atau lindung nilai aliran tunai bagi pendedahan kasar?

Kedua-dua jenis penetapan adalah mungkin di bawah MPSAS 29. Entiti boleh menetapkan derivatif yang digunakan dalam aktiviti pengurusan risiko kadar faedah sama ada sebagai lindung nilai saksama aset, liabiliti dan komitmen teguh atau sebagai lindung nilai aliran tunai urus niaga ramalan, seperti yang dijangkakan pelaburan semula aliran masuk tunai, pembiayaan semula yang dijangkakan atau pembaharuan liabiliti kewangan, dan kesan aliran tunai daripada penetapan semula kadar faedah bagi aset atau liabiliti.

Dari segi ekonomi, tidak kira sama ada instrumen derivatif dianggap sebagai lindung nilai saksama atau sebagai lindung nilai aliran tunai. Di bawah mana-mana perspektif pendedahan, derivatif mempunyai kesan ekonomi yang sama dalam mengurangkan pendedahan bersih. Sebagai contoh, swap kadar faedah terima tetap, bayar berubah boleh dianggap sebagai lindung nilai aliran tunai bagi aset kadar berubah atau lindung nilai saksama bagi liabiliti kadar tetap. Di bawah mana-mana perspektif, nilai saksama atau aliran tunai bagi swap kadar faedah mengofset pendedahan kepada perubahan kadar faedah. Walau bagaimanapun, kesan perakaunan berbeza bergantung sama ada derivatif ditetapkan sebagai lindung nilai saksama atau lindung nilai aliran tunai, seperti yang dibincangkan dalam Isu (b).

Ilustrasi: jabatan kewangan mempunyai aset dan liabiliti berikut dengan tempoh matang selama dua tahun.

	Faedah berubah	Faedah tetap
	RM	RM
Aset	60	100
Liabiliti	(100)	(60)
	(40)	40
	(40)	40

Entiti mengambil swap dua tahun dengan prinsipal nosional CRM40 untuk menerima kadar faedah berubah dan membayar kadar faedah tetap untuk lindung nilai bagi pendedahan bersih. Seperti yang dibincangkan di atas, ini boleh dianggap dan ditetapkan sama ada sebagai lindung nilai saksama RM40 bagi aset kadar tetap atau sebagai lindung nilai aliran tunai sebanyak RM40 bagi liabiliti kadar berubah.

Isu (b) - Apakah pertimbangan kritikal dalam memutuskan sama ada suatu derivatif yang digunakan untuk menguruskan risiko kadar faedah atas asas bersih harus ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai saksama atau lindung nilai aliran tunai bagi pendedahan kasar?

Pertimbangan kritikal termasuk penilaian keberkesanan lindung nilai dalam kewujudan risiko prabayar dan keupayaan sistem maklumat untuk mengaitkan perubahan nilai saksama atau aliran tunai instrumen lindung nilai dengan perubahan nilai saksama atau aliran tunai, masing-masing, bagi item lindung nilai, seperti yang dibincangkan di bawah.

Bagi tujuan perakaunan, penetapan derivatif sebagai melindungi nilai pendedahan nilai saksama atau pendedahan aliran tunai adalah penting kerana kedua-dua keperluan kelayakan untuk perakaunan lindung nilai dan pengiktirafan laba dan rugi lindung nilai bagi kategori ini adalah berbeza. Selalunya lebih mudah untuk menunjukkan keberkesanan yang tinggi untuk lindung nilai aliran tunai berbanding dengan lindung nilai saksama.

Kesan Bayaran Terdahulu

Risiko bayaran terdahulu yang wujud dalam banyak instrumen kewangan mempengaruhi nilai saksama suatu instrumen dan masa aliran tunai serta impak terhadap ujian keberkesanan untuk lindung nilai saksama dan ujian yang berkebarangkalian tinggi bagi lindung nilai aliran tunai, masing-masing.

Keberkesanan selalunya lebih sukar dicapai untuk lindung nilai saksama berbanding lindung nilai aliran tunai apabila instrumen yang dilindungi nilai adalah tertakluk kepada risiko bayaran terdahulu. Bagi lindung nilai saksama untuk layak perakaunan lindung nilai, perubahan dalam nilai saksama instrumen lindung nilai derivatif mesti dijangkakan sangat berkesan dalam mengofset perubahan dalam nilai saksama item dilindungi nilai tersebut (MPSAS 29.98(b)). Ujian ini mungkin sukar untuk dijumpai jika, sebagai contoh, instrumen lindung nilai derivatif adalah kontrak hadapan yang mempunyai tempoh tetap dan aset kewangan yang dilindungi nilai adalah tertakluk kepada bayaran terdahulu oleh peminjam. Juga, mungkin sukar untuk membuat kesimpulan bahawa, untuk portfolio aset kadar tetap yang tertakluk kepada bayaran terdahulu, perubahan dalam nilai saksama untuk setiap item individu dalam kumpulan akan dijangka hampir berkadar dengan perubahan keseluruhan dalam nilai saksama

yang disebabkan oleh risiko dilindung nilai kumpulan tersebut. Walaupun risiko dilindung nilai adalah kadar faedah tanda aras, dapat menyimpulkan bahawa perubahan nilai saksama akan berkadar untuk setiap item dalam portfolio, mungkin diperlukan untuk mengasingkan portfolio aset ke dalam kategori berdasarkan tempoh, kupon, kredit, jenis pinjaman dan ciri-ciri lain.

Dari segi ekonomi, instrumen derivatif hadapan boleh digunakan untuk melindungi nilai aset yang tertakluk kepada bayaran terdahulu tetapi akan efektif hanya untuk pergerakan kecil dalam kadar faedah. Anggaran bayaran terdahulu yang munasabah boleh dibuat untuk persekitaran kadar faedah yang diberikan dan kedudukan derivatif boleh dilaraskan sebagai perubahan persekitaran kadar faedah. Sekiranya strategi pengurusan risiko entiti adalah untuk melaras amaun instrumen lindung nilai secara berkala untuk menunjukkan perubahan dalam kedudukan dilindung nilai, entiti tersebut perlu menunjukkan bahawa lindung nilai tersebut dijangka akan sangat berkesan hanya untuk tempoh sehingga amaun instrumen lindung nilai tersebut dilaraskan seterusnya. Walau bagaimanapun, bagi tempoh tersebut, jangkaan keberkesanan perlu berdasarkan pendedahan nilai saksama sedia ada dan potensi pergerakan kadar faedah tanpa mengambil kira pelarasan masa hadapan kepada kedudukan tersebut. Selain itu, pendedahan nilai saksama yang berkaitan kepada risiko bayaran terdahulu biasanya boleh dilindung nilai dengan opsyen.

Untuk lindung nilai aliran tunai layak untuk perakaunan lindung nilai, ramalan aliran tunai tersebut, termasuk pelaburan semula aliran masuk tunai atau pembiayaan semula aliran keluar tunai, mesti berkebarangkalian tinggi (MPSAS 29.98(c)) dan lindung nilai yang dijangka sangat berkesan dalam mencapai pengimbangan perubahan dalam aliran tunai item lindung nilai dan instrumen lindung nilai (MPSAS 29.98(b)). Bayaran terdahulu memberi kesan pemasaan aliran tunai dan, oleh itu, kebarangkalian berlakunya urus niaga ramalan. Jika lindung nilai ditubuhkan untuk tujuan pengurusan risiko pada asas bersih, suatu entiti mungkin mempunyai tahap mencukupi aliran tunai kebarangkalian tinggi pada asas kasar untuk menyokong penetapan untuk tujuan perakaunan urus niaga ramalan yang berkaitan dengan bahagian daripada aliran tunai kasar sebagai item dilindung nilai. Dalam hal ini, bahagian aliran tunai kasar yang ditetapkan sebagai lindung nilai boleh dipilih untuk menjadi bersamaan dengan amaun aliran tunai bersih dilindung nilai untuk tujuan pengurusan risiko.

Pertimbangan Sistem

Perakaunan bagi lindung nilai saksama berbeza dengan lindung nilai aliran tunai. Ia biasanya lebih mudah untuk menggunakan sistem maklumat sedia ada untuk mengurus dan mengesan lindung nilai aliran tunai berbanding dengan lindung nilai saksama.

Di bawah perakaunan lindung nilai saksama, aset atau liabiliti yang ditetapkan sebagai dilindung nilai akan diukur semula bagi perubahan dalam nilai saksama semasa tempoh lindung nilai yang dikaitkan dengan risiko dilindung nilai. Perubahan sedemikian melaras amaun bawaan item dilindung nilai dan, bagi aset dan liabiliti yang sensitif faedah, boleh menyebabkan pelarasan kepada kadar faedah berkesan item dilindung nilai (MPSAS 29.99). Kesan daripada aktiviti lindung nilai saksama, perubahan dalam nilai saksama perlu diperuntukkan kepada aset atau liabiliti yang dilindung nilai agar entiti boleh mengira semula kadar faedah efektif mereka, menentukan pelunasan berikutnya bagi pelarasan nilai saksama lebih atau kurang, dan menentukan amaun yang akan diiktiraf dalam lebih atau kurang apabila aset dijual atau liabiliti dilangsaikan (MPSAS 29.99 dan MPSAS 29.103). Untuk mematuhi keperluan bagi perakaunan lindung nilai saksama, biasanya memerlukan untuk mewujudkan satu sistem untuk mengesan perubahan dalam nilai saksama yang berkaitan dengan risiko dilindung nilai, mengaitkan perubahan tersebut dengan item dilindung nilai individu, mengira semula kadar

faedah efektif bagi item dilindung nilai, dan melunaskan perubahan tersebut kepada lebih atau kurang sepanjang hayat item dilindung nilai yang berkenaan.

Di bawah perakaunan lindung nilai aliran tunai, aliran tunai yang berkaitan dengan urus niaga ramalan yang ditetapkan sebagai dilindung nilai menunjukkan perubahan dalam kadar faedah. Pelarasan untuk perubahan dalam nilai saksama instrumen derivatif lindung nilai pada mulanya diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti (MPSAS 29.105). Untuk mematuhi keperluan bagi perakaunan lindung nilai aliran tunai, adalah perlu untuk menentukan bila laba dan rugi kumulatif diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti daripada perubahan dalam nilai saksama instrumen lindung nilai hendaklah diiktiraf dalam lebih atau kurang (MPSAS 29.111 dan MPSAS 29.112). Untuk lindung nilai aliran tunai, tidak semestinya untuk membangunkan sistem yang berasingan untuk membuat penentuan ini. Sistem yang digunakan untuk menentukan sejauh mana pendedahan bersih menyediakan asas untuk menjadualkan perubahan dalam aliran tunai derivatif dan pengiktirafan perubahan tersebut dalam lebih atau kurang.

Pemasaan pengiktirafan dalam lebih atau kurang boleh ditentukan terlebih dahulu apabila lindung nilai adalah berkaitan dengan pendedahan kepada perubahan dalam aliran tunai. Urus niaga ramalan yang dilindung nilai boleh dikaitkan dengan amaun prinsipal khusus dalam tempoh masa depan khusus yang terdiri daripada aset kadar berubah dan aliran masuk tunai yang dilabur semula atau liabiliti kadar berubah dan aliran keluar tunai dibiayai semula, setiap satunya mewujudkan pendedahan aliran tunai kepada perubahan dalam kadar faedah. Amaun prinsipal khusus dalam tempoh masa depan khusus bersamaan dengan amaun nosional bagi instrumen lindung nilai derivatif dan dilindung nilai hanya untuk tempoh yang sepadan dengan harga semula atau kematangan instrumen lindung nilai derivatif supaya perubahan aliran tunai kesan dari perubahan dalam kadar faedah dipadankan dengan instrumen lindung nilai derivatif. MPSAS 29.111 menyatakan bahawa amaun yang diiktiraf dalam aset bersih / ekuiti harus diiktiraf dalam lebih atau kurang dalam tempoh yang sama atau sepanjang tempoh di mana item dilindung nilai memberi kesan kepada lebih atau kurang.

Isu (c) - Jika hubungan lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai yang berkaitan dengan perubahan dalam aliran tunai kesan daripada perubahan kadar faedah, apakah yang akan dimasukkan dalam dokumentasi yang diperlukan oleh MPSAS 29.98 (a)?

Berikut akan dimasukkan dalam dokumentasi.

Hubungan lindung nilai - Jadual kematangan aliran tunai yang digunakan untuk tujuan pengurusan risiko untuk menentukan pendedahan kepada ketakpadanan aliran tunai secara bersih akan menyediakan sebahagian daripada dokumentasi hubungan lindung nilai.

Objektif dan strategi pengurusan risiko entiti untuk melaksanakan lindung nilai - Objektif dan strategi pengurusan risiko keseluruhan entiti untuk pendedahan lindung nilai kepada risiko kadar faedah akan menyediakan sebahagian daripada dokumentasi objektif dan strategi lindung nilai.

Jenis lindung nilai – Lindung nilai didokumenkan sebagai lindung nilai aliran tunai

Item dilindung nilai - Item dilindung nilai didokumenkan sebagai kumpulan urus niaga ramalan (aliran tunai faedah) yang dijangka berlaku dengan kebarangkalian tahap tinggi dalam tempoh masa hadapan yang ditentukan, sebagai contoh, dijadualkan asas bulanan. Item dilindung nilai mungkin termasuk aliran wang tunai faedah hasil daripada pelaburan semula aliran masuk tunai, termasuk penetapan semula kadar faedah ke atas aset, atau daripada pembiayaan semula aliran keluar tunai, termasuk penetapan semula kadar faedah ke atas liabiliti dan pembaharuan liabiliti kewangan. Seperti yang

dibincangkan dalam Isu (e), urus niaga ramalan memenuhi ujian kebarangkalian jika terdapat tahap mencukupi bagi aliran tunai kebarangkalian tinggi pada tempoh masa depan yang ditentukan untuk merangkumi amaun yang ditetapkan sebagai dilindung nilai pada asas kasar.

Risiko dilindung nilai - Risiko yang ditetapkan sebagai dilindung nilai didokumenkan sebagai sebahagian daripada keseluruhan pendedahan kepada perubahan dalam kadar faedah pasaran ditentukan, biasanya kadar faedah bebas risiko atau kadar antara bank yang ditawarkan, yang lazim bagi semua item dalam kumpulan. Untuk membantu memastikan ujian keberkesanan lindung nilai dipenuhi pada permulaan lindung nilai dan berikutnya, bahagian perlindungan risiko kadar faedah yang ditetapkan boleh didokumenkan berdasarkan pada keluk hasil yang sama dengan instrumen lindung nilai derivatif.

Instrumen lindung nilai - Setiap instrumen lindung nilai derivatif didokumenkan sebagai lindung nilai bagi amaun ditentukan dalam tempoh masa depan yang ditentukan sepadan dengan urus niaga ramalan yang berlaku dalam tempoh masa depan yang ditentukan yang ditetapkan sebagai dilindung nilai.

Kaedah penilaian keberkesanan - Ujian keberkesanan didokumenkan sebagai diukur dengan membandingkan perubahan dalam aliran tunai derivatif yang diperuntukkan kepada tempoh yang sesuai di mana ia ditetapkan sebagai lindung nilai kepada perubahan dalam aliran tunai urus niaga ramalan yang dilindung nilai. Pengukuran perubahan aliran tunai adalah berdasarkan kepada keluk hasil yang berkaitan derivatif dan item dilindung nilai.

Isu (d) - Jika hubungan lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai, bagaimanakah entiti memenuhi keperluan untuk jangkaan keberkesanan yang tinggi dalam mencapai perubahan mengofset dalam MPSAS 29.98 (b)?

Entiti mungkin menunjukkan jangkaan keberkesanan tinggi dengan menyediakan analisis yang menunjukkan korelasi sejarah dan jangkaan masa depan yang tinggi antara risiko kadar faedah yang ditetapkan dilindung nilai dan risiko kadar faedah instrumen lindung nilai. Dokumentasi sedia ada nisbah lindung nilai yang digunakan dalam mewujudkan kontrak derivatif juga boleh menunjukkan jangkaan keberkesanan.

Isu (e) - Jika hubungan lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai, bagaimanakah suatu entiti menunjukkan kebarangkalian yang tinggi dari urus niaga ramalan yang berlaku sebagaimana yang dikehendaki oleh MPSAS 29.98 (c)?

Entiti boleh melakukan ini dengan menyediakan jadual kematangan aliran wang tunai yang menunjukkan terdapatnya tahap agregat kasar aliran tunai yang dijangkakan, termasuk kesan penetapan semula kadar faedah bagi aset atau liabiliti, untuk menentukan bahawa urus niaga ramalan yang ditetapkan sebagai yang dilindung nilai adalah kebarangkalian tinggi berlaku. Jadual sedemikian hendaklah disokong oleh niat yang dinyatakan oleh pihak pengurusan dan amalan masa lampau untuk pelaburan semula aliran masuk tunai dan pembiayaan semula aliran keluar tunai.

Contohnya, entiti boleh meramalkan anggaran aliran masuk tunai agregat kasar RM100 dan anggaran aliran keluar agregat kasar sebanyak RM90 dalam tempoh masa tertentu dalam masa terdekat. Dalam kes ini, entiti mungkin ingin menetapkan ramalan pelaburan semula anggaran aliran masuk tunai kasar sebanyak RM10 sebagai item dilindung nilai dalam tempoh masa depan. Jika lebih daripada RM10 ramalan aliran masuk tunai dinyatakan secara kontrak dan mempunyai risiko kredit yang rendah, entiti tersebut mempunyai bukti kukuh untuk menyokong dakwaan bahawa aliran masuk tunai kasar sebanyak

RM10 adalah berkebarangkalian tinggi berlaku dan menyokong penetapan ramalan pelaburan semula bagi aliran tunai berkenaan sebagai dilindung nilai untuk bahagian tertentu bagi tempoh pelaburan semula. Kebarangkalian yang tinggi dari urus niaga ramalan yang berlaku juga boleh ditunjukkan dalam keadaan lain.

Isu (f) - Jika hubungan lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai, bagaimanakah entiti menilai dan mengukur keberkesanan di bawah MPSAS 29.98 (d) dan MPSAS 29.98 (e)?

Keberkesanan diperlukan untuk diukur pada minimum pada masa entiti menyediakan laporan kewangan tahunan atau interim. Walau bagaimanapun, entiti mungkin ingin mengukurnya dengan lebih kerap pada asas berkala yang dinyatakan, pada akhir setiap bulan atau tempoh pelaporan bersesuaian yang lain. Ia juga diukur pada bila-bila masa kedudukan derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai diubah atau lindung nilai ditamatkan untuk memastikan bahawa pengiktirafan dalam lebih atau kurang bagi perubahan dalam amaun nilai saksama pada aset dan liabiliti dan pengiktirafan perubahan dalam nilai saksama instrumen derivatif yang ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai adalah bersesuaian.

Perubahan dalam aliran tunai derivatif dikira dan diperuntukkan kepada tempoh yang sesuai di mana derivatif ditetapkan sebagai lindung nilai dan dibandingkan dengan pengiraan perubahan dalam aliran tunai urus niaga ramalan. Pengiraan adalah berdasarkan kepada keluk hasil yang bersesuaian dengan item dilindung nilai dan instrumen lindung nilai derivatif dan kadar faedah yang bersesuaian bagi tempoh dilindung nilai yang ditetapkan.

Jadual yang digunakan untuk menentukan keberkesanan boleh dikekalkan dan digunakan sebagai asas untuk menentukan tempoh di mana laba dan rugi lindung nilai yang diiktiraf pada awalnya dalam aset bersih/ekuiti, diiktiraf dalam lebih atau kurang.

Isu (g) - Jika hubungan lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai, bagaimanakah entiti memperakaunkan lindung nilai?

Lindung nilai diperakaunkan sebagai lindung nilai aliran tunai menurut peruntukan dalam MPSAS 29.106-MPSAS 29.111, seperti yang berikut:

- (a) Bahagian laba dan rugi derivatif lindung nilai ditentukan, hasil daripada lindung nilai berkesan yang diiktiraf dalam aset bersih / ekuiti bila-bila masa keberkesanan diukur; dan
- (b) Bahagian laba dan rugi yang tidak berkesan hasil daripada derivatif lindung nilai diiktiraf dalam lebih atau kurang.

MPSAS 29.111 menyatakan bahawa amaun yang diiktiraf dalam aset bersih / ekuiti bersih harus diiktiraf dalam lebih atau kurang dalam tempoh yang sama atau sepanjang tempoh di mana item dilindung nilai memberi kesan kepada lebih atau kurang. Oleh itu, apabila transaksi urus niaga ramalan berlaku, amaun yang diiktiraf sebelum ini dalam aset bersih / ekuiti diiktiraf dalam lebih atau kurang. Sebagai contoh, sekiranya swap kadar faedah ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai bagi satu siri ramalan aliran tunai, perubahan dalam aliran tunai bagi swap tersebut dikeluarkan daripada aset bersih / ekuiti dan diiktiraf dalam lebih atau kurang dalam tempoh ramalan aliran tunai dan swap aliran tunai mengofset antara satu sama lain.

Isu (h) - Jika hubungan lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai, apakah pengolahan bagi apa-apa laba dan rugi kumulatif bersih yang diiktiraf dalam aset bersih / ekuiti jika instrumen lindung nilai ditamatkan pramatang, kriteria perakaunan lindung nilai tidak lagi dipenuhi, atau urus niaga ramalan dilindung nilai tidak lagi dijangka akan berlaku?

Sekiranya instrumen lindung nilai ditamatkan pramatang atau lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan untuk perakaunan lindung nilai, contohnya, urus niaga ramalan tidak lagi berkebarangkalian tinggi, laba atau rugi kumulatif bersih yang diiktiraf dalam aset bersih / ekuiti kekal dalam aset bersih / ekuiti sehinggalah urus niaga ramalan berlaku (MPSAS 29.112 (a) dan MPSAS 29.112 (b)). Sekiranya urus niaga ramalan yang dilindung nilai tidak lagi dijangka akan berlaku, laba atau rugi kumulatif bersih diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan (MPSAS 29.112 (c)).

Isu (i) - MPSAS 29.84 menyatakan bahawa hubungan lindung nilai tidak boleh ditetapkan hanya untuk satu bahagian bagi tempoh masa di mana instrumen lindung nilai belum jelas. Sekiranya hubungan lindung nilai ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai, dan lindung nilai kemudiannya gagal ujian untuk menjadi sangat berkesan, apakah MPSAS 29.84 menghalang penetapan semula instrumen lindung nilai?

Tidak. MPSAS 29.84 menunjukkan bahawa instrumen derivatif tidak boleh ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai hanya untuk satu bahagian daripada baki tempohnya hingga matang. MPSAS 29.84 tidak merujuk kepada tempoh asal instrumen derivatif hingga matang. Jika terdapat kegagalan keberkesanan lindung nilai, bahagian yang tidak berkesan bagi laba atau rugi pada instrumen derivatif diiktiraf dengan serta-merta dalam lebihan atau kekurangan (MPSAS 29.106) dan perakaunan lindung nilai berdasarkan kepada penetapan sebelumnya bagi hubungan lindung nilai tidak dapat diteruskan (MPSAS 29.112). Dalam kes ini, instrumen derivatif mungkin ditetapkan semula secara prospektif sebagai instrumen lindung nilai dalam hubungan lindung nilai baru dengan syarat hubungan lindung nilai ini memenuhi syarat yang diperlukan. Instrumen derivatif mesti ditetapkan semula sebagai lindung nilai untuk sepanjang tempoh masa yang belum jelas.

Isu (j) - Bagi lindung nilai aliran tunai, jika derivatif digunakan untuk menguruskan pendedahan bersih kepada risiko kadar faedah dan derivatif ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai pada ramalan aliran tunai faedah atau bahagian daripadanya pada asas kasar, apakah berlakunya urus niaga ramalan lindung nilai menimbulkan aset atau liabiliti yang akan memberi kesan pada bahagian laba dan rugi lindung nilai yang diiktiraf dalam aset bersih / ekuiti yang berbaki dalam aset bersih/ekuiti?

Tidak. Dalam hubungan lindung nilai yang diuraikan dalam Isu (c) di atas, item yang dilindung nilai adalah sekumpulan urus niaga ramalan yang terdiri daripada aliran tunai faedah dalam tempoh masa depan yang ditetapkan. Urus niaga ramalan dilindung nilai tidak memberi kesan pengiktirafan aset atau liabiliti dan kesan perubahan kadar faedah yang ditetapkan sebagai dilindung nilai diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan dalam tempoh di mana urus niaga ramalan berlaku. Walaupun ini tidak relevan untuk jenis lindung nilai yang diterangkan di sini, jika sebaliknya derivatif ditetapkan sebagai dilindung nilai pada pembelian ramalan aset kewangan atau terbitan liabiliti kewangan, laba atau rugi yang berkaitan yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan dalam tempoh yang sama atau sepanjang tempoh di mana urus niaga ramalan dilindung nilai memberi kesan lebihan atau kekurangan (seperti dalam tempoh perbelanjaan faedah diiktiraf). Walau bagaimanapun, sekiranya entiti menjangkakan pada bila-bila masa bahawa semua atau satu bahagian daripada kerugian bersih yang diiktiraf aset bersih/ekuiti tidak boleh dipulihkan dalam satu atau lebih tempoh masa depan, ia

hendaklah dikelaskan semula dengan serta merta ke dalam lebih atau kurang bagi amaun yang dijangka tidak boleh dipulihkan.

Isu (k) - Dalam jawapan kepada Isu (c) di atas, ia dinyatakan bahawa item dilindung nilai yang ditetapkan adalah satu bahagian daripada pendedahan aliran tunai. Adakah MPSAS 29 membenarkan satu bahagian daripada pendedahan aliran tunai yang ditetapkan sebagai item dilindung nilai?

Ya. MPSAS 29 tidak secara khusus menangani lindung nilai satu bahagian daripada pendedahan aliran tunai untuk urus niaga ramalan. Walau bagaimanapun, MPSAS 29.90 menyatakan bahawa aset atau liabiliti kewangan mungkin merupakan item yang dilindung nilai berkenaan dengan risiko yang berkaitan dengan hanya satu bahagian daripada aliran tunai atau nilai saksamanya, jika keberkesanan boleh diukur. Keupayaan untuk melindungi nilai satu bahagian daripada pendedahan aliran tunai kesan daripada penetapan semula kadar faedah bagi aset dan liabiliti menunjukkan bahawa satu bahagian daripada pendedahan aliran tunai kesan daripada ramalan pelaburan semula aliran masuk tunai atau pembiayaan semula atau pembaharuan liabiliti kewangan juga boleh dilindung nilai. Asas untuk kelayakan sebagai item dilindung nilai bagi satu bahagian daripada pendedahan adalah keupayaan untuk mengukur keberkesanan. Ini disokong lagi oleh MPSAS 29.92, yang menyatakan bahawa aset atau liabiliti bukan kewangan boleh dilindung nilai hanya secara keseluruhannya atau untuk risiko mata wang asing tetapi bukan untuk satu bahagian bagi risiko lain kerana kesukaran untuk mengasingkan dan mengukur bahagian yang sesuai bagi aliran tunai atau perubahan nilai saksama yang berkaitan dengan risiko yang khusus. Oleh itu, mengandaikan keberkesanan boleh diukur, satu bahagian daripada pendedahan aliran tunai urus niaga ramalan yang berkaitan dengan, sebagai contoh, penetapan semula kadar faedah untuk aset atau liabiliti kadar berubah boleh ditetapkan sebagai item dilindung nilai.

Isu (l) - Dalam jawapan kepada Isu (c) di atas ia telah menunjukkan bahawa item dilindung nilai tersebut didokumenkan sebagai sekumpulan urus niaga ramalan. Oleh kerana urus niaga ini akan mempunyai terma yang berbeza apabila ia berlaku, termasuk pendedahan kredit, kematangan dan ciri opsyen, bagaimana entiti dapat memenuhi ujian di MPSAS 29.87 dan MPSAS 29.93 yang memerlukan kumpulan yang dilindung nilai tersebut mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa?

MPSAS 29.87 menyediakan peruntukan bagi lindung nilai sekumpulan aset, liabiliti, komitmen teguh atau urus niaga ramalan dengan ciri-ciri risiko yang serupa. MPSAS 29.93 menyediakan panduan tambahan dan menetapkan bahawa lindung nilai portfolio dibenarkan jika dua syarat dipenuhi, iaitu: item individu dalam portfolio yang sama risiko yang mana mereka ditetapkan, dan perubahan dalam nilai saksama yang berkaitan kepada risiko dilindung nilai untuk setiap item individu dalam kumpulan tersebut dijangka akan hampir berkadar dengan perubahan keseluruhan nilai saksama.

Apabila entiti mengaitkan instrumen lindung nilai derivatif dengan pendedahan kasar, item dilindung nilai biasanya merupakan sekumpulan urus niaga ramalan. Bagi lindung nilai pendedahan aliran tunai yang berkaitan dengan sekumpulan urus niaga ramalan, pendedahan keseluruhan urus niaga ramalan dan aset atau liabiliti yang diharga semula mungkin mempunyai risiko yang sangat berbeza. Pendedahan daripada urus niaga ramalan mungkin berbeza bergantung kepada terma yang dijangkakan kerana ia berkaitan dengan pendedahan kredit, kematangan, opsyen dan ciri-ciri lain. Walaupun pendedahan risiko keseluruhan mungkin berbeza bagi item individu dalam kumpulan, risiko tertentu yang wujud dalam setiap item dalam kumpulan boleh ditetapkan sebagai dilindung nilai.

Item dalam portfolio tidak semestinya harus mempunyai pendedahan keseluruhan risiko yang sama,

dengan syarat mereka berkongsi risiko yang sama dengannya yang ditetapkan sebagai dilindung nilai. Risiko biasa yang dikongsi bersama oleh portfolio instrumen kewangan adalah pendedahan kepada perubahan dalam kadar faedah risiko bebas atau kadar faedah tanda aras atau perubahan dalam kadar tertentu yang mempunyai pendedahan kredit bersamaan dengan instrumen yang mempunyai penarafan kredit tertinggi dalam portfolio (iaitu, instrumen dengan risiko kredit terendah). Jika instrumen yang dikumpulkan ke dalam portfolio yang mempunyai pendedahan kredit yang berbeza, instrumen tersebut mungkin dilindung nilai sebagai satu kumpulan bagi satu bahagian daripada pendedahan. Instrumen yang mempunyai persamaan risiko ditetapkan sebagai dilindung nilai adalah pendedahan kepada perubahan kadar faedah bagi instrumen yang mempunyai penarafan kredit tertinggi dalam portfolio.

Ini memastikan bahawa perubahan dalam nilai saksama yang berkaitan dengan risiko dilindung nilai bagi setiap item individu dalam kumpulan dijangka hampir berkadar dengan perubahan keseluruhan dalam nilai saksama yang berkaitan kepada risiko dilindung nilai bagi kumpulan tersebut. Ia berkemungkinan akan ada beberapa ketidakberkesanan jika instrumen lindung nilai mempunyai kualiti kredit yang lebih rendah daripada kualiti kredit instrumen yang mempunyai penarafan kredit tertinggi yang dilindung nilai, memandangkan hubungan lindung nilai ditetapkan untuk instrumen lindung nilai secara keseluruhannya (MPSAS 29.83). Sebagai contoh, jika portfolio aset terdiri daripada aset yang diberi penarafan A, BB dan B, dan kadar faedah pasaran semasa bagi aset ini ialah LIBOR + 20 mata asas, LIBOR + 40 mata asas dan LIBOR + 60 mata asas, masing-masing, satu entiti boleh menggunakan swap yang bayar kadar faedah tetap dan bayaran faedah berubah berdasarkan LIBOR dibuat untuk lindung nilai pendedahan kepada kadar faedah berubah. Jika LIBOR ditetapkan sebagai risiko dilindung nilai, kredit spread di atas LIBOR pada item dilindung nilai adalah dikecualikan daripada hubungan lindung nilai yang ditetapkan dan penilaian keberkesanan lindung nilai.

F.6.3 Contoh Ilustrasi Mengguna Pakai Pendekatan dalam Soalan F.6.2

Tujuan contoh ini adalah untuk menggambarkan proses untuk menubuhkan, memantau dan menyesuaikan kedudukan lindung nilai dan memenuhi syarat untuk perakaunan lindung nilai aliran tunai dalam mengguna pakai pendekatan untuk perakaunan lindung nilai yang diterangkan dalam Soalan F.6.2 apabila entiti menguruskan risiko kadar faedah ke atas asas seluruh entiti. Untuk tujuan itu, contoh ini mengenal pasti metodologi yang membenarkan penggunaan perakaunan lindung nilai dan memanfaatkan sistem pengurusan risiko sedia ada untuk mengelakkan perubahan yang tidak perlu dan mengelakkan simpan kira dan penjejakan yang tidak perlu.

Pendekatan yang digambarkan di sini menunjukkan hanya satu daripada beberapa proses pengurusan risiko yang boleh digunakan dan boleh melayakkan perakaunan lindung nilai. Penggunaannya tidak dimaksudkan untuk menunjukkan bahawa alternatif lain tidak boleh atau tidak sepatutnya digunakan. Pendekatan yang digambarkan juga boleh digunakan dalam keadaan lain (seperti untuk lindung nilai aliran tunai), contohnya, lindung nilai pembaharuan pembiayaan kertas komersial.

Mengenal pasti, Menilai dan Mengurangkan Pendedahan Aliran Tunai

Perbincangan dan ilustrasi yang mengikuti fokus pada aktiviti pengurusan risiko entiti, seperti jabatan kewangan yang menguruskan risiko kadar faedahnya dengan menganalisis aliran tunai yang dijangkakan dalam mata wang tertentu secara asas seluruh entiti. Analisis aliran tunai membentuk asas untuk mengenal pasti risiko kadar faedah entiti, memasuki urus niaga lindung nilai untuk mengurus risiko, menilai keberkesanan aktiviti pengurusan risiko, dan kelayakan untuk dan mengguna pakai perakaunan lindung nilai aliran tunai.

Gambaran yang berikut mengandaikan bahawa entiti mempunyai aliran tunai bersih masa depan yang dijangkakan dan kedudukan lindung nilai belum jelas dalam mata wang tertentu, yang terdiri daripada swap kadar faedah, pada permulaan Tempoh X0. Aliran tunai yang ditunjukkan dijangka berlaku pada akhir tempoh tersebut dan, oleh itu, mewujudkan pendedahan faedah aliran tunai dalam tempoh berikut sebagai kesan daripada pelaburan semula atau harga semula aliran masuk tunai atau pembiayaan semula atau harga semula aliran keluar tunai.

Ilustrasi di bawah mengandaikan bahawa entiti mempunyai program pengurusan risiko kadar faedah yang berterusan. Jadual I menunjukkan aliran tunai yang dijangka dan kedudukan lindung nilai yang wujud pada permulaan Tempoh X0. Ini termasuk menyediakan titik permulaan dalam analisis. Ia menyediakan asas untuk mempertimbangkan lindung nilai sedia ada yang berhubung dengan penilaian yang berlaku pada permulaan Tempoh X1.

Jadual I Akhir Tempoh: Aliran Tunai yang Dijangkakan dan Kedudukan Lindung Nilai							
<i>Tempoh sukuan (unit)</i>	<i>X0 RM</i>	<i>X1 RM</i>	<i>X2 RM</i>	<i>X3 RM</i>	<i>X4 RM</i>	<i>X5 RM</i>	<i>n RM</i>
Aliran tunai bersih dijangkakan		1,100	1,500	1,200	1,400	1,500	x,xxx
<i>Swap kadar faedah belum jelas:</i>							
Terima tetap bayar berubah (amaun nosional)	2,000	2,000	2,000	1,200	1,200	1,200	x,xxx
Bayar tetap terima berubah (amaun nosional)	(1,000)	(1,000)	(1,000)	(500)	(500)	(500)	x,xxx
Pendedahan bersih selepas swap belum jelas		100	500	500	700	800	x,xxx

Jadual ini menggambarkan lima tempoh sukuan. Analisis sebenar boleh dilanjutkan kepada tempoh selama bertahun-tahun, yang diwakili oleh notasi "... n." Entiti yang menguruskan risiko kadar faedah ke atas asas seluruh entiti menilai semula pendedahan aliran tunai secara berkala. Kekerapan penilaian bergantung pada dasar pengurusan risiko entiti.

Untuk tujuan ilustrasi ini, entiti menilai semula pendedahan aliran tunainya pada akhir Tempoh X0. Langkah pertama dalam proses tersebut ialah penjaanaan pendedahan ramalan aliran tunai bersih daripada aset memperoleh faedah yang sedia ada dan liabiliti berfaedah, termasuk pembaharuan aset jangka pendek dan liabiliti jangka pendek. Jadual II di bawah menunjukkan pendedahan ramalan aliran tunai bersih. Teknik umum untuk menilai pendedahan kepada kadar faedah untuk tujuan pengurusan risiko adalah analisis jurang sensitiviti kadar faedah yang menunjukkan jurang antara aset sensitif kadar faedah dan liabiliti sensitif kadar faedah dalam jangka masa yang berbeza.

Analisis di bawah boleh digunakan sebagai titik permulaan untuk mengenal pasti pendedahan aliran tunai kepada risiko kadar faedah untuk tujuan perakaunan lindung nilai.

Jadual II Ramalan Aliran Tunai Bersih dan Pendedahan Harga Semula							
<i>Tempoh sukuan</i>	<i>Nota</i>	<i>X1</i>	<i>X2</i>	<i>X3</i>	<i>X4</i>	<i>X5</i>	<i>n</i>
<i>(unit)</i>		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
ALIRAN MASUK TUNAI DAN PENDEDAHAN HARGA SEMULA daripada aset							
<i>Bayaran prinsipal dan faedah:</i>							
Kadar tetap jangka panjang	(1)	2,400	3,000	3,000	1,000	1,200	x,xxx
Jangka pendek (pembaharuan)	(1)(2)	1,575	1,579	1,582	1,586	1,591	x,xxx
Kadar berubah – bayaran prinsipal	(1)	2,000	1,000	–	500	500	x,xxx
Kadar berubah – anggaran faedah	(2)	125	110	105	114	118	x,xxx
<i>Jumlah aliran masuk tunai dijangka</i>		<i>6,100</i>	<i>5,689</i>	<i>4,687</i>	<i>3,200</i>	<i>3,409</i>	<i>x,xxx</i>
Baki aset kadar berubah	(3)	8,000	7,000	7,000	6,500	6,000	x,xxx
<i>Aliran masuk tunai dan harga semula</i>							
	(4)	<i>14,100</i>	<i>12,689</i>	<i>11,687</i>	<i>9,700</i>	<i>9,409</i>	<i>x,xxx</i>
ALIRAN KELUAR TUNAI DAN PENDEDAHAN HARGA SEMULA - daripada liabiliti							
<i>Bayaran prinsipal dan faedah:</i>							
Kadar tetap jangka panjang	(1)	2,100	400	500	500	301	x,xxx
Jangka pendek (pembaharuan)	(1)(2)	735	737	738	740	742	x,xxx
Kadar berubah – bayaran prinsipal	(1)	–	–	2,000	–	1,000	x,xxx
Kadar berubah – anggaran faedah	(2)	100	110	120	98	109	x,xxx
<i>Jumlah aliran keluar tunai dijangka</i>		<i>2,935</i>	<i>1,247</i>	<i>3,358</i>	<i>1,338</i>	<i>2,152</i>	<i>x,xxx</i>
Baki liabiliti kadar berubah	(3)	8,000	8,000	6,000	6,000	5,000	x,xxx
<i>Aliran keluar tunai dan harga semula</i>							
	(4)	<i>10,935</i>	<i>9,247</i>	<i>9,358</i>	<i>7,338</i>	<i>7,152</i>	<i>x,xxx</i>
PENDEDAHAN BERSIH							
	(5)	<i>3,165</i>	<i>3,442</i>	<i>2,329</i>	<i>2,362</i>	<i>2,257</i>	<i>x,xxx</i>

Jadual II Ramalan Aliran Tunai Bersih dan Pendedahan Harga Semula

1. Aliran tunai dianggarkan menggunakan terma berkontrak dan andaian berdasarkan niat pengurusan dan faktor pasaran. Diandaikan bahawa aset dan liabiliti jangka pendek akan terus diperbaharui dalam tempoh yang berikutnya. Andaian mengenai bayaran terdahulu dan kemungkiran dan penarikan deposit bergantung pada pasaran dan data sejarah. Diandaikan bahawa aliran masuk dan aliran keluar prinsipal dan faedah akan dilaburkan semula dan dibiayai semula, masing-masing, pada akhir setiap tempoh pada masa kadar faedah pasaran semasa dan berkongsi tanda aras risiko kadar faedah yang mana mereka terdedah.
2. Kadar faedah hadapan yang diperoleh dari Jadual VI digunakan untuk meramalkan pembayaran faedah atas instrumen kewangan kadar berubah dan pembaharuan dijangka bagi aset dan liabiliti jangka pendek. Semua ramalan aliran tunai dikaitkan dengan tempoh masa tertentu (3 bulan, 6 bulan, 9 bulan, dan 12 bulan) di mana ia dijangka berlaku. Untuk kesempurnaan, aliran tunai faedah kesan daripada pelaburan semula, pembiayaan semula dan harga semula dimasukkan dalam jadual dan ditunjukkan kasar walaupun hanya margin bersih sebenarnya boleh dilaburkan semula. Sebahagian entiti mungkin memilih untuk tidak mengendahkan ramalan aliran tunai faedah bagi tujuan pengurusan risiko kerana ia mungkin digunakan untuk menyerap kos operasi dan apa-apa amaun yang tinggal tidak cukup signifikan untuk mempengaruhi keputusan pengurusan risiko.
3. Anggaran aliran tunai diselaraskan untuk memasukkan baki aset dan liabiliti kadar berubah dalam setiap tempoh di mana baki aset dan liabiliti kadar berubah tersebut ditentukan harga semula. Jumlah prinsipal aset dan liabiliti ini tidak dibayar dan, oleh itu, tidak menghasilkan aliran tunai. Walau bagaimanapun, memandangkan faedah dikira atas amaun prinsipal untuk setiap tempoh berdasarkan kadar faedah pasaran semasa, jumlah prinsipal sedemikian mendedahkan entiti kepada risiko kadar faedah yang sama seolah-olah aliran tunai dilabur semula atau dibiayai semula.
4. Aliran tunai ramalan dan pendedahan penentuan harga semula yang dikenal pasti dalam setiap tempoh mewakili amaun prinsipal aliran masuk tunai yang akan dilabur semula atau ditentukan harga semula dan aliran keluar tunai yang akan dibiayai semula atau ditentukan harga semula pada kadar faedah pasaran yang terkesan apabila urusan niaga yang dianggarkan berlaku.
5. Aliran tunai bersih dan pendedahan penentuan harga semula adalah perbezaan antara aliran masuk tunai dan pendedahan penentuan harga semula dari aset dan aliran keluar tunai dan pendedahan penentuan harga semula daripada liabiliti. Dalam ilustrasi, entiti tersebut terdedah kepada penurunan kadar faedah kerana pendedahan daripada aset melebihi pendedahan daripada liabiliti dan lebihan (iaitu, jumlah bersih) akan dilaburkan semula atau ditentukan harga semula pada kadar pasaran semasa dan tidak mengofset pembiayaan semula atau penentuan harga semula aliran keluar.

Dinyatakan bahawa sesetengah entiti mungkin menganggap sebahagian daripada deposit permintaan tanpa faedah secara ekonomi bersamaan dengan hutang jangka panjang. Walau bagaimanapun, deposit ini tidak mewujudkan pendedahan aliran tunai kepada kadar faedah dan oleh itu, dikecualikan daripada analisis ini untuk tujuan perakaunan.

Jadual II Ramalan aliran tunai bersih dan pendedahan penentuan harga semula menyediakan tidak lebih daripada titik permulaan untuk menaksir pendedahan aliran tunai kepada kadar faedah dan untuk menyesuaikan kedudukan lindung nilai. Analisis lengkap termasuk kedudukan lindung nilai tertunggak dan ditunjukkan dalam Jadual III Analisis pendedahan bersih dijangka dan kedudukan lindung nilai. Ia membandingkan ramalan aliran tunai bersih bagi setiap tempoh (yang dibangunkan dalam Jadual II)

dengan kedudukan lindung nilai sedia ada (diperoleh dari Jadual I), dan menyediakan asas untuk mempertimbangkan sama ada pelarasan hubungan lindung nilai perlu dibuat.

Jadual III Analisis Pendedahan Bersih Dijangka dan Kedudukan Lindung Nilai						
<i>Tempoh sukuan tahun</i>	<i>X1</i>	<i>X2</i>	<i>X3</i>	<i>X4</i>	<i>X5</i>	<i>...n</i>
<i>(unit)</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Aliran tunai bersih dan pendedahan harga semula (Jadual II)	3,165	3,442	2,329	2,362	2,257	x,xxx
<i>Swap sedia ada yang belum jelas:</i>						
Terima-tetap, bayar-berubah (amaun nosional)	2,000	2,000	1,200	1,200	1,200	x,xxx
Bayar-tetap, terima-berubah (amaun nosional)	(1,000)	(1,000)	(500)	(500)	(500)	x,xxx
<i>Pendedahan bersih selepas swap sedia ada</i>	<i>2,165</i>	<i>2,442</i>	<i>1,629</i>	<i>1,662</i>	<i>1,557</i>	<i>x,xxx</i>
<i>Urus niaga untuk menyesuaikan kedudukan lindung nilai belum jelas:</i>						
Terima-tetap, bayar-berubah swap 1 (amaun nosional, 10-tahun)	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	x,xxx
Bayar-tetap, terima-berubah swap 2 (amaun nosional, 3-tahun)			(1,000)	(1,000)	(1,000)	x,xxx
Swap ...X						x,xxx
<i>Aliran tunai tidak dilindung nilai dan pendedahan penentuan harga semula</i>	<i>165</i>	<i>442</i>	<i>629</i>	<i>662</i>	<i>557</i>	<i>x,xxx</i>

Amaun nosional bagi swap kadar faedah belum jelas pada tarikh analisis dimasukkan dalam setiap tempoh di mana swap kadar faedah belum jelas untuk menggambarkan kesan swap kadar faedah belum jelas pada pendedahan aliran tunai yang dikenal pasti. Amaun nosional bagi swap kadar faedah belum jelas dimasukkan dalam setiap tempoh kerana faedah dihitung berdasarkan amaun nosional setiap tempoh, dan komponen kadar berubah dari swap belum jelas ditentukan harga semula kepada kadar pasaran semasa secara suku tahunan. Amaun nosional mewujudkan pendedahan kepada kadar faedah yang sebahagiannya sama dengan baki prinsipal bagi aset kadar berubah dan liabiliti kadar berubah.

Pendedahan yang dikekalkan selepas mempertimbangkan kedudukan sedia ada kemudiannya dinilai untuk menentukan sejauh mana pelarasan kedudukan lindung nilai yang sedia ada diperlukan. Bahagian bawah Jadual III menunjukkan permulaan Tempoh X1 menggunakan urus niaga swap kadar faedah untuk mengurangkan pendedahan bersih selanjutnya ke dalam tahap toleransi yang ditetapkan di bawah

dasar pengurusan risiko entiti.

Dinyatakan bahawa dalam ilustrasi, pendedahan aliran tunai tidak sepenuhnya dihapuskan. Kebanyakan entiti tidak sepenuhnya menghapuskan risiko tetapi sebaliknya dikurangkan dalam beberapa had yang boleh diterima.

Pelbagai jenis instrumen derivatif boleh digunakan untuk menguruskan pendedahan aliran tunai kepada risiko kadar faedah yang dikenal pasti dalam jadual ramalan aliran tunai bersih (Jadual II).

Walau bagaimanapun, bagi tujuan ilustrasi, diandaikan bahawa swap kadar faedah digunakan untuk semua aktiviti lindung nilai. Ia juga diandaikan bahawa dalam tempoh di mana swap kadar faedah seharusnya dikurangkan, berbanding menamatkan beberapa kedudukan swap kadar faedah belum jelas, swap baharu dengan ciri-ciri pulangan bertentangan ditambah kepada portfolio.

Gambaran dalam Jadual III di atas, swap 1, swap terima tetap, bayar berubah, digunakan untuk mengurangkan pendedahan bersih dalam Tempoh X1 dan X2. Memandangkan ia adalah swap 10 tahun, ia juga mengurangkan pendedahan yang dikenal pasti dalam tempoh masa hadapan lain yang tidak ditunjukkan. Walau bagaimanapun, ia mempunyai kesan untuk mewujudkan kedudukan yang terlebih dilindung nilai dalam Tempoh X3-X5.

Swap 2, swap kadar faedah bayar tetap, terima berubah hadapan, digunakan untuk mengurangkan amaun nosional dari swap kadar faedah terima tetap, bayar berubah dalam Tempoh X3-X5 dan dengan itu mengurangkan kedudukan yang terlebih dilindung nilai.

Dinyatakan bahawa dalam kebanyakan situasi, tiada pelarasan atau hanya satu pelarasan terhadap kedudukan lindung nilai belum jelas yang diperlukan untuk membawa pendedahan dalam had yang boleh diterima. Walau bagaimanapun, apabila dasar pengurusan risiko entiti menentukan toleransi risiko yang sangat rendah, jumlah pelarasan yang lebih besar terhadap kedudukan lindung nilai dalam tempoh ramalan diperlukan untuk mengurangkan lagi risiko yang masih ada.

Setakat yang sesetengah swap kadar faedah sepenuhnya mengofset swap kadar faedah lain yang telah dimasukkan untuk tujuan lindung nilai, tidak perlu memasukkannya dalam hubungan lindung nilai yang ditetapkan untuk tujuan perakaunan lindung nilai. Kedudukan ofset ini boleh digabungkan, ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, jika perlu, dan dikelaskan semula untuk tujuan perakaunan daripada portfolio lindung nilai kepada portfolio perdagangan. Prosedur ini mengehendkan sejauh mana swap kasar mesti terus ditetapkan dan dikesan dalam hubungan lindung nilai untuk tujuan perakaunan. Untuk tujuan ilustrasi ini, diandaikan bahawa RM500 swap kadar faedah bayar tetap, terima berubah sepenuhnya mengofset RM500 swap kadar faedah terimatetap, bayar berubah pada permulaan Tempoh X1 dan Tempoh X1-X5, dan telah ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dan dikelaskan semula ke dalam akaun dagangan.

Selepas mengambil kira kedudukan ofset ini, kedudukan swap kadar faedah kasar dari Jadual III ditunjukkan dalam Jadual IV seperti yang berikut.

Jadual IV Swap Kadar Faedah yang Ditetapkan sebagai Lindung Nilai						
<i>Tempoh sukuan tahun</i>	<i>X1</i>	<i>X2</i>	<i>X3</i>	<i>X4</i>	<i>X5</i>	<i>...n</i>
<i>(unit)</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Terima tetap, bayar berubah (amaun nosional)	3,500	3,500	2,700	2,700	2,700	x,xxx
Bayar-tetap, terima-berubah (amaun nosional)	(500)	(500)	(1,000)	(1,000)	(1,000)	x,xxx
<i>Kedudukan swap belum jelas bersih</i>	<i>3,000</i>	<i>3,000</i>	<i>1,700</i>	<i>1,700</i>	<i>1,700</i>	<i>x,xxx</i>

Bagi tujuan ilustrasi, diandaikan bahawa swap 2, yang dimulakan pada permulaan Tempoh X1, hanya sebahagiannya mengofset swap lain yang diakaunkan sebagai lindung nilai dan oleh itu terus ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai.

Pertimbangan Perakaunan Lindung Nilai

Ilustrasi Penetapan Hubungan Lindung Nilai

Perbincangan dan ilustrasi setakat ini telah menumpukan terutamanya kepada pertimbangan pengurusan ekonomi dan risiko yang berkaitan dengan pengenalanpastian risiko pada masa akan datang dan pelarasan risiko menggunakan swap kadar faedah. Aktiviti ini membentuk asas bagi menetapkan hubungan lindung nilai untuk tujuan perakaunan. Beberapa contoh dalam MPSAS 29 tertumpu terutamanya pada hubungan lindung nilai yang melibatkan item lindung nilai tunggal dan instrumen lindung nilai tunggal, tetapi terdapat sedikit perbincangan dan panduan mengenai hubungan lindung nilai portfolio untuk lindung nilai aliran tunai apabila risiko diuruskan secara berpusat. Dalam ilustrasi ini, prinsip umum digunakan untuk hubungan lindung nilai yang melibatkan komponen risiko dalam portfolio yang mempunyai pelbagai risiko daripada pelbagai urus niaga atau kedudukan.

Walaupun penetapan adalah perlu untuk mencapai perakaunan lindung nilai, cara penetapan tersebut dijelaskan juga mempengaruhi sejauh mana hubungan lindung nilai dinilai secara efektif untuk tujuan perakaunan dan sejauh mana sistem sedia ada entiti untuk mengurus risiko diperlukan untuk diubah suai bagi mengesan aktiviti lindung nilai untuk tujuan perakaunan. Oleh itu, entiti mungkin ingin menetapkan hubungan lindung nilai dengan cara yang mengelakkan perubahan sistem yang tidak perlu dengan memanfaatkan maklumat yang telah dihasilkan oleh sistem pengurusan risiko dan mengelakkan simpan kira dan penjejakan yang tidak perlu. Dalam menetapkan hubungan lindung nilai, entiti juga boleh mempertimbangkan sejauh mana ketidakberkesannya diharapkan untuk diiktiraf bagi tujuan perakaunan di bawah penetapan alternatif.

Penetapan hubungan lindung nilai perlu menyatakan pelbagai perkara. Ini digambarkan dan dibincangkan di sini daripada perspektif lindung nilai risiko kadar faedah yang berkaitan dengan aliran masuk tunai, tetapi panduan tersebut juga boleh digunakan untuk lindung nilai risiko yang berkaitan dengan aliran keluar tunai. Adalah agak jelas bahawa hanya sebahagian daripada pendedahan kasar yang berkaitan dengan aliran masuk tunai sedang dilindungi nilai oleh swap kadar faedah. Jadual V

Hubungan lindung nilai umum menetapkan kedudukan bahagian bagi pendedahan risiko pelaburan semula kasar yang dikenal pasti dalam Jadual II sebagai sedang dilindung nilai oleh swap kadar faedah.

Jadual V Hubungan Lindung Nilai Umum						
<i>Tempoh sukuan tahun</i>	<i>X1</i>	<i>X2</i>	<i>X3</i>	<i>X4</i>	<i>X5</i>	<i>...n</i>
<i>(unit)</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Pendedahan penentuan harga semula aliran masuk tunai (Jadual II)	14,100	12,689	11,687	9,700	9,409	x,xxx
Swap terima tetap, bayarberubah (Jadual IV)	3,500	3,500	2,700	2,700	2,700	x,xxx
<i>Peratus pendedahan dilindung nilai</i>	<i>24.80%</i>	<i>27.60%</i>	<i>23.10%</i>	<i>27.80%</i>	<i>28.70%</i>	<i>xx.x%</i>

Peratusan pendedahan dilindung nilai dikira sebagai nisbah amaun nosional swap yang terimatetap, bayar berubah yang belum jelas dibahagikan dengan pendedahan kasar. Dinyatakan bahawa dalam Jadual V terdapat paras pelaburan semula ramalan yang mencukupi dalam setiap tempoh untuk mengofset lebih daripada amaun nosional swap terima tetap, bayar berubah dan memenuhi keperluan perakaunan bahawa urus niaga ramalan adalah berkemungkinan tinggi.

Walau bagaimanapun, tidak begitu jelas bagaimana swap kadar faedah secara khusus berkaitan dengan risiko faedah aliran tunai yang ditetapkan sebagai dilindung nilai dan bagaimana swap kadar faedah adalah efektif dalam mengurangkan risiko tersebut. Penetapan yang lebih spesifik digambarkan dalam Jadual VI Hubungan lindung nilai spesifik di bawah. Ia memberikan cara yang bermakna untuk menggambarkan penetapan naratif yang lebih rumit daripada lindung nilai tersebut dengan memberi tumpuan kepada objektif lindung nilai untuk menghapuskan keberubahan aliran tunai yang berkaitan dengan perubahan masa hadapan dalam kadar faedah dan untuk mendapatkan kadar faedah yang sama dengan kadar tetap yang wujud dalam struktur kadar faedah yang wujud pada permulaan lindung nilai.

Faedah yang dijangkakan daripada pelaburan semula aliran masuk tunai dan penentuan harga semula aset dikira dengan mendarabkan jumlah kasar yang terdedah oleh kadar hadapan untuk tempoh tersebut. Sebagai contoh, pendedahan kasar bagi Tempoh X2 sebanyak RM14,100 didarabkan dengan kadar hadapan untuk Tempoh X2-X5 sebanyak 5.50 peratus, 6.00 peratus, 6.50 peratus dan 7.25 peratus masing-masing, untuk mengira faedah dijangkakan bagi tempoh sukuan berdasarkan struktur tempoh semasa kadar faedah. Faedah dijangka dilindung nilai dikira dengan mendarabkan faedah dijangka untuk tempoh tiga bulan yang berkenaan dengan peratusan pendedahan dilindung nilai.

Jadual VI Hubungan Lindung Nilai Khusus								
<i>Struktur tempoh kadar faedah</i>								
<i>Tempoh sukuan</i>		<i>X1</i>	<i>X2</i>	<i>X3</i>	<i>X4</i>	<i>X5</i>	<i>...n</i>	
Kadar semerta		5.00%	5.25%	5.50%	5.75%	6.05%	x.xx%	
Kadar hadapan ^(a)		5.00%	5.50%	6.00%	6.50%	7.25%	x.xx%	
<i>Pendedahan aliran tunai dan amaun faedah dijangkakan</i>								
Tempoh penentuan harga semula	Masa untuk urus niaga ramalan	Amaun kasar didedahkan	RM	RM	RM	RM	RM	Faedah dijangkakan RM
2	3 bulan	14,100	→	194	212	229	256	
3	6 bulan	12,689			190	206	230	xxx
4	9 bulan	11,687				190	212	xxx
5	12 bulan	9,700					176	xxx
6	15 bulan	9,409						xxx
Peratus dilindung nilai (Jadual V) dalam tempoh sebelumnya				24.80%	27.60%	23.10%	27.80%	xx.x%
Faedah dijangkakan dilindung nilai				48	52	44	49	xx
(a)	Kadar faedah hadapan dikira daripada kadar faedah semerta dan dibundarkan untuk tujuan pembentangan. Pengiraan yang berdasarkan pada kadar faedah hadapan dibuat berdasarkan pengiraan sebenar kadar hadapan dan kemudian dibundarkan untuk tujuan pembentangan.							

Tidak kira sama ada jumlah kasar yang didedahkan dilaburkan semula dalam hutang kadar tetap jangka panjang atau hutang kadar berubah, atau dalam hutang jangka pendek yang diperbaharui dalam setiap tempoh berikutnya. Pendedahan kepada perubahan dalam kadar faedah hadapan adalah sama. Misalnya, jika RM14,100 dilaburkan semula pada kadar tetap pada permulaan Tempoh X2 selama enam bulan, ia akan dilaburkan semula pada 5.75 peratus. Faedah yang dijangkakan adalah berdasarkan kadar faedah hadapan untuk Tempoh X2 sebanyak 5.50 peratus dan untuk Tempoh X3 sebanyak 6.00 peratus, bersamaan dengan kadar campuran 5.75 peratus (1.055×1.060) 0.5, yang merupakan kadar semerta X2 bagi enam bulan seterusnya.

Walau bagaimanapun, hanya faedah yang dijangkakan daripada pelaburan semula aliran masuk tunai atau penentuan harga semula jumlah kasar bagi tempoh tiga bulan pertama selepas urus niaga ramalan berlaku ditetapkan sebagai yang dilindung nilai. Faedah dijangka yang dilindungi nilai diwakili oleh ruangan berlorek. Pendedahan untuk tempoh berikutnya tidak dilindung nilai. Contohnya, bahagian pendedahan kadar faedah dilindung nilai adalah kadar hadapan sebanyak 5.50 peratus untuk Tempoh X2. Untuk menilai keberkesanan lindung nilai dan mengira ketidakberkesanan lindung nilai sebenar secara asas berterusan, entiti boleh menggunakan maklumat mengenai aliran masuk tunai faedah

dilindung nilai dalam Jadual VI dan bandingkan dengan anggaran kemas kini bagi aliran masuk tunai faedah yang dijangka (contohnya, dalam jadual yang kelihatan seperti Jadual II). Selagi aliran masuk tunai faedah dijangka melebihi aliran masuk tunai faedah dilindung nilai, entiti boleh membandingkan perubahan terkumpul dalam nilai saksama aliran masuk tunai dilindung nilai dengan perubahan terkumpul dalam nilai saksama instrumen lindung nilai untuk mengira keberkesanan lindung nilai sebenar. Sekiranya terdapat aliran masuk tunai faedah yang dijangkakan tidak mencukupi, maka akan ada ketidakberkesanan. Ia diukur dengan membandingkan perubahan terkumpul dalam nilai saksama aliran tunai faedah yang dijangkakan setakat mana ia kurang daripada aliran tunai dilindung nilai dengan perubahan terkumpul dalam nilai saksama instrumen lindung nilai.

Menerangkan Penetapan Hubungan Lindung Nilai

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat pelbagai perkara yang harus dinyatakan dalam penetapan hubungan lindung nilai yang menyukarkan penerangan mengenai penetapan tetapi perlu untuk menghadkan ketidakberkesanan untuk diiktiraf bagi tujuan perakaunan dan untuk mengelakkan perubahan sistem yang tidak perlu dan simpan kira. Contoh yang berikut menggambarkan penetapan lebih lengkap dan mengenal pasti aspek tambahan penetapan yang tidak jelas dari ilustrasi sebelumnya.

Contoh Penetapan
<p><i>Objektif Lindung Nilai</i></p> <p>Objektif lindung nilai adalah untuk menyingkirkan risiko turun naik kadar faedah sepanjang tempoh lindung nilai, iaitu usia swap kadar faedah, dan kesan mendapatkan kadar faedah tetap dalam tempoh ini adalah bersamaan dengan kadar faedah tetap pada swap kadar faedah.</p> <p><i>Jenis Lindung Nilai</i></p> <p>Lindung Nilai Aliran Tunai</p> <p><i>Instrumen Lindung Nilai</i></p> <p>Swap terima tetap, bayar berubah ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai. Ia melindungi nilai pendedahan aliran tunai kepada risiko kadar faedah.</p> <p>harga swap lindung nilai bagi bahagian tiga bulan daripada aliran masuk tunai faedah yang terhasil daripada:</p> <p>Ramalan pelaburan semula atau penentuan harga semula amaun prinsipal yang ditunjukkan dalam Jadual V.</p> <p>Pelaburan atau penentuan harga semula tidak berkaitan yang berlaku selepas tarikh penentuan harga semula pada swap sepanjang usianya dan melibatkan peminjam atau pemberi pinjaman yang berbeza.</p>

Item Dilindung Nilai—Umum

Item dilindung nilai adalah satu bahagian daripada aliran masuk tunai faedah kasar yang akan terhasil daripada pelaburan semula atau penentuan harga semula aliran tunai yang dikenal pasti dalam Jadual V dan dijangka berlaku dalam tempoh yang ditunjukkan pada jadual tersebut.

Bahagian aliran masuk tunai faedah yang dilindung nilai mempunyai tiga komponen:

Komponen utama yang memberi peningkatan aliran masuk tunai faedah dan tempoh di mana ia berlaku;

Komponen kadar faedah; dan

Komponen masa atau tempoh dilindungi oleh lindung nilai.

Item Dilindung Nilai—Komponen Prinsipal

Bahagian aliran masuk tunai faedah dilindung nilai adalah amaun yang terhasil daripada bahagian pertama amaun prinsipal yang dilaburkan atau ditetapkan harga semula dalam setiap tempoh:

Bersamaan dengan amaun nosional dari swap kadar faedah terima tetap, bayar berubah yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dan belum jelas dalam tempoh pelaburan semula atau penetapan harga semula, dan

Bersesuaian dengan amaun prinsipal pertama bagi pendedahan aliran tunai yang dilaburkan atau ditetapkan harga semula pada atau selepas tarikh penetapan harga semula bagi swap kadar faedah.

Item Dilindung Nilai—Komponen Kadar Faedah

Bahagian perubahan kadar faedah yang dilindung nilai adalah perubahan di kedua-dua perkara yang berikut:

Komponen kredit bagi kadar faedah yang telah dibayar atas amaun prinsipal yang dilaburkan atau ditetapkan harga semula adalah bersamaan risiko kredit yang wujud dalam swap kadar faedah. Ia adalah bahagian daripada kadar faedah pelaburan yang bersamaan indeks faedah bagi swap kadar faedah, seperti LIBOR; dan

Komponen keluk hasil bagi kadar faedah adalah bersamaan tempoh penetapan harga semula pada swap kadar faedah yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai.

Item Dilindung Nilai - Tempoh Dilindung Nilai

Tempoh pendedahan kepada perubahan kadar faedah ke atas bahagian pendedahan aliran tunai dilindung nilai adalah:

Tempoh dari tarikh penetapan ke tarikh penetapan harga semula bagi swap kadar faedah yang berlaku dalam tempoh sukuan yang mana, tetapi tidak sebelum, urus niaga ramalan berlaku; dan

Kesannya untuk tempoh selepas urus niaga ramalan berlaku bersamaan selang penetapan harga semula bagi swap kadar faedah.

Adalah penting untuk menyedari bahawa swap tidak lindung nilai risiko aliran tunai untuk satu pelaburan sepanjang hayatnya. Swap tersebut ditetapkan sebagai lindung nilai risiko aliran tunai daripada perbezaan pelaburan prinsipal dan penetapan harga semula yang dibuat dalam setiap tempoh penetapan harga semula swap sepanjang keseluruhan tempohnya. Swap lindung nilai hanya akruan faedah yang berlaku dalam tempoh pertama selepas pelaburan semula. Ia melindungi nilai kesan aliran tunai yang terhasil daripada perubahan kadar faedah yang berlaku sehingga penetapan harga semula swap tersebut. Pendedahan kepada perubahan dalam kadar untuk tempoh daripada penetapan harga semula bagi swap ke tarikh pelaburan semula aliran masuk tunai dilindungi nilai atau penetapan harga semula aset kadar berubah adalah tidak dilindungi nilai. Apabila swap ditetapkan harga semula, kadar faedah pada swap adalah tetap sehingga tarikh penetapan harga semula seterusnya dan akruan bagi penyelesaian swap bersih ditentukan. Sebarang perubahan dalam kadar faedah selepas tarikh tersebut yang mempengaruhi amaun aliran masuk tunai faedah tidak lagi dilindungi nilai untuk tujuan perakaunan.

Objektif Penetapan

Pertimbangan Sistem

Kebanyakan keperluan penjejakan dan simpan kira dihapuskan dengan menetapkan setiap penetapan harga semula swap kadar faedah sebagai lindung nilai risiko aliran tunai daripada ramalan pelaburan semula aliran masuk tunai dan penetapan harga semula aset kadar berubah hanya untuk satu bahagian daripada usia aset yang berkaitan. Banyak penjejakan dan simpan kira akan diperlukan jika swap tersebut sebaliknya ditetapkan sebagai lindung nilai risiko aliran tunai daripada ramalan pelaburan prinsipal dan penetapan harga semula aset kadar berubah sepanjang usia aset tersebut.

Jenis penetapan ini mengelakkan menjejaki laba dan rugi yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti selepas urus niaga ramalan berlaku (MPSAS 29.108 dan MPSAS 29.109) kerana bahagian risiko aliran tunai dilindungi nilai adalah bahagian yang akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh serta-merta selepas urus niaga ramalan yang sepadan dengan penyelesaian tunai bersih berkala pada swap. Sekiranya lindung nilai itu meliputi seluruh usia aset yang diperoleh, ia perlu untuk mengaitkan swap kadar faedah khusus dengan aset yang diperoleh. Sekiranya urus niaga ramalan adalah pemerolehan instrumen kadar tetap, nilai saksama swap yang melindungi nilai urus niaga tersebut akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan untuk melaraskan hasil faedah ke atas aset apabila hasil faedah diiktiraf. Swap tersebut kemudiannya perlu ditamatkan atau ditetapkan semula dalam hubungan perlindungan nilai lain. Sekiranya urus niaga ramalan adalah pemerolehan aset kadar berubah, swap akan berterusan dalam hubungan perlindungan nilai tetapi ia perlu dikesan dijejak semula kepada aset yang diperoleh supaya apa-apa amaun nilai saksama pada swap yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti boleh diiktiraf dalam lebihan atau kurangan semasa penjualan aset tersebut berikutnya.

Ia juga mengelakkan keperluan berkaitan dengan aset kadar berubah apa-apa bahagian nilai saksama swap yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Oleh itu, tidak ada bahagian nilai saksama swap yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti yang harus diiktiraf dalam lebihan atau kurangan apabila terjadi urus niaga ramalan atau semasa penjualan aset kadar berubah. Jenis penetapan ini juga membenarkan kelonggaran dalam menentukan bagaimana untuk melabur semula aliran tunai apabila ia berlaku. Memandangkan risiko dilindungi nilai berkaitan hanya dengan tempoh tunggal yang sepadan dengan tempoh penetapan harga semula swap kadar faedah yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, ia tidak semestinya untuk menentukan pada tarikh penetapan sama ada aliran tunai akan dilabur semula dalam aset kadar tetap atau kadar berubah atau untuk menentukan pada tarikh penetapan usia aset yang akan diperoleh.

Pertimbangan Keberkesanan

Ketidakberkesanan adalah sangat dikurangkan dengan menetapkan bahagian tertentu pendedahan aliran tunai sebagai dilindung nilai.

- Ketidakberkesanan yang disebabkan oleh perbezaan kredit antara swap kadar faedah dan aliran tunai ramalan dilindung nilai dihapuskan dengan menetapkan risiko aliran tunai dilindung nilai sebagai risiko yang boleh diagihkan kepada perubahan dalam kadar faedah yang sepadan dengan kadar yang wujud dalam swap tersebut, seperti keluk kadar AA. Jenis penetapan ini menghalang perubahan yang disebabkan oleh perubahan dalam spread kredit daripada dianggap sebagai ketidakberkesanan.
- Ketidakberkesanan disebabkan perbezaan jangka masa antara swap kadar faedah dan aliran tunai ramalan dilindung nilai dihapuskan dengan menetapkan risiko kadar faedah dilindung nilai sebagai risiko yang berkaitan dengan perubahan dalam bahagian keluk hasil yang sepadan dengan tempoh di mana kadar berubah bagi swap kadar faedah ditetapkan harga semula.
- Ketidakberkesanan disebabkan perubahan kadar faedah yang berlaku antara tarikh penetapan harga semula bagi swap kadar faedah dan tarikh urus niaga ramalan dihapuskan dengan semata-mata tidak melindungi nilai tempoh masa tersebut. Tempoh dari penetapan harga semula bagi swap dan berlakunya urus niaga ramalan dalam tempoh serta-merta berikutan penetapan harga semula swap dibiarkan tidak dilindung nilai. Oleh itu, perbezaan dalam tarikh tidak menyebabkan ketidakberkesanan.

Pertimbangan Perakaunan

Keupayaan untuk melayakkan perakaunan lindung nilai menggunakan metodologi yang diterangkan di sini adalah berasaskan peruntukan dalam MPSAS 29 dan tafsiran keperluannya. Sebahagian daripada mereka dijelaskan dalam jawapan kepada Soalan F.6.2 Pertimbangan Perakaunan Lindung Nilai apabila Risiko Kadar Faedah Diurus pada Asas Bersih. Beberapa peruntukan tambahan dan sokongan dan tafsiran dikenal pasti di bawah.

Lindung Nilai Satu Bahagian Pendedahan Risiko

Keupayaan untuk mengenal pasti dan melindungi nilai hanya sebahagian daripada pendedahan risiko aliran tunai terhasil daripada pelaburan semula aliran tunai atau penetapan harga semula instrumen kadar berubah yang terdapat dalam MPSAS 29.90 seperti ditafsirkan dalam jawapan kepada Soalan F.6.2 Isu (k) dan F. 2.17 Lindung Nilai Tempoh Separat.

Lindung Nilai Pelbagai Risiko dengan Instrumen Tunggal

Keupayaan untuk menetapkan swap kadar faedah tunggal sebagai lindung nilai pendedahan aliran tunai kepada kadar faedah yang terhasil daripada pelbagai pelaburan semula aliran masuk tunai atau penetapan harga semula aset kadar berubah yang berlaku sepanjang usia swap ini berasas pada MPSAS 29.85 seperti ditafsirkan dalam jawapan kepada Soalan F.1.12 Lindung Nilai Lebih Daripada Satu Jenis Risiko.

Lindung Nilai Risiko yang Sama dalam Portfolio

Keupayaan untuk menentukan arus niaga ramalan dilindung nilai sebagai satu bahagian daripada pendedahan aliran tunai kepada kadar faedah untuk satu bahagian daripada jangka masa pelaburan yang menimbulkan pembayaran faedah tanpa menentukan pada tarikh penetapan jangka usia instrumen tersebut dan sama ada ia membayar kadar tetap atau berubah berasas pada jawapan kepada Soalan F.6.2 Isu (1), yang menyatakan bahawa item dalam portfolio tidak semestinya mempunyai pendedahan keseluruhan risiko yang sama, dengan memberikan ia berkongsi risiko yang sama yang mana ia ditetapkan sebagai dilindung nilai.

Penamatan Lindung Nilai

Keupayaan untuk menilai arus niaga ramalan (pendedahan aliran tunai ke atas pelaburan atau penilaian semula yang akan berlaku selepas tarikh pertukaran semula swap) sebagai dilindung nilai diperuntukkan dalam MPSAS 29.112 berurusan dengan penamatan lindung nilai. Walaupun sebahagian daripada arus niaga ramalan tidak lagi dilindung nilai, swap kadar faedah tidak ditetapkan, dan ia terus menjadi instrumen lindung nilai bagi arus niaga yang tinggal dalam siri yang tidak berlaku. Sebagai contoh, anggap bahawa swap kadar faedah yang mempunyai baki satu tahun telah ditetapkan sebagai lindung nilai satu siri tiga pelaburan semula aliran tunai setiap suku tahun. Imbangan pelaburan aliran ramalan seterusnya berlaku dalam tempoh tiga bulan. Apabila swap kadar faedah ditambah semula dalam tiga bulan pada kadar pemboleh ubah semasa, kadar tetap dan kadar berubah pada swap kadar faedah menjadi diketahui dan tidak lagi menyediakan perlindungan lindung nilai untuk tiga bulan akan datang. Sekiranya arus niaga ramalan yang akan datang tidak berlaku sehingga tiga bulan dan sepuluh hari, tempoh sepuluh hari yang tetap selepas pertukaran semula swap kadar faedah tidak dilindung nilai.

F.6.4 Perakaunan Lindung Nilai: Premium atau Diskaun pada Kontrak Pertukaran Hadapan

Kontrak pertukaran hadapan ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, sebagai contoh, dalam lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing. Adakah dibenarkan untuk melunaskan diskaun atau premium pada kontrak pertukaran hadapan kepada lebih atau kurang sepanjang tempoh kontrak?

Tidak. Premium atau diskaun bagi kontrak pertukaran hadapan tidak boleh dilunaskan kepada lebih atau kurang menurut MPSAS 29. Derivatif sentiasa diukur pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan. Laba atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama kontrak pertukaran hadapan sentiasa diiktiraf dalam lebih atau kurang melainkan kontrak pertukaran hadapan ditetapkan dan efektif sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai atau dalam lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi asing, di mana bahagian efektif bagi laba atau rugi diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Dalam kes ini, amaun yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti diiktiraf dalam lebih atau kurang apabila aliran tunai hadapan dilindung nilai berlaku atau pada pelupusan pelaburan bersih, mana yang sesuai. Menurut MPSAS 29.84 (b), elemen faedah (nilai masa) bagi nilai saksama hadapan boleh dikecualikan daripada penetapan hubungan lindung nilai. Dalam kes ini, perubahan dalam bahagian elemen faedah nilai saksama bagi kontrak pertukaran hadapan diiktiraf dalam lebih atau kurang.

F.6.5 Lindung Nilai Saksama Aset yang Diukur pada Kos MPSAS 29 dan MPSAS 4

Jika jualan masa hadapan sebuah kapal yang dibawa pada kos sejarah dilindung nilai terhadap pendedahan kepada risiko mata wang oleh pinjaman dalam mata wang asing, adakah MPSAS 29 memerlukan kapal tersebut diukur semula bagi perubahan dalam kadar pertukaran walaupun asas pengukuran aset tersebut adalah kos sejarah?

Tidak. Dalam lindung nilai saksama, item lindung nilai diukur semula. Walau bagaimanapun, pinjaman mata wang asing tidak boleh dikelaskan sebagai lindung nilai saksama kapal kerana kapal tidak mengandungi sebarang risiko mata wang asing yang boleh diukur secara berasingan. Jika syarat perakaunan lindung nilai dalam MPSAS 29.98 dipenuhi, pinjaman dalam mata wang asing boleh dikelaskan sebagai lindung nilai aliran tunai bagi jualan yang dijangka dalam mata wang asing tersebut. Dalam lindung nilai aliran tunai, item dilindung nilai tidak diukur semula.

Bahagian G: Lain-lain

G.1 Pendedahan Perubahan dalam Nilai Saksama

MPSAS 29 menghendaki aset kewangan dikelaskan sebagai sedia untuk dijual (AFS) dan aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan untuk diukur semula kepada nilai saksama. Melainkan aset kewangan atau liabiliti kewangan ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai aliran tunai, perubahan nilai saksama untuk aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, dan perubahan nilai saksama untuk aset AFS diiktiraf dalam aset bersih / ekuiti. Apakah pendedahan yang diperlukan berkaitan amaun perubahan nilai saksama sepanjang tempoh pelaporan?

MPSAS 30.23 menghendaki item hasil, belanja dan laba dan rugi didedahkan. Keperluan pendedahan ini merangkumi item hasil, belanja dan laba dan rugi yang timbul daripada pengukuran semula nilai saksama. Oleh itu, entiti menyediakan pendedahan perubahan nilai saksama, membezakan antara perubahan yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dan perubahan yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Pecahan selanjutnya diberikan bagi perubahan yang berkaitan dengan:

- (a) Aset AFS, menunjukkan secara berasingan amaun laba atau rugi yang diiktiraf dalam aset bersih /ekuiti sepanjang tempoh tersebut dan amaun yang diiktiraf dalam lebihan kurangan untuk tempoh tersebut;
- (b) Aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, menunjukkan secara berasingan perubahan nilai saksama tersebut terhadap aset kewangan atau liabiliti kewangan (i) yang ditetapkan seperti pada pengiktirafan awal dan (ii) dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan menurut MPSAS 29; dan
- (c) Instrumen lindung nilai.

MPSAS 30 tidak menghendaki atau melarang pendedahan komponen perubahan dalam nilai saksama mengikut cara item dikelaskan untuk tujuan dalaman. Sebagai contoh, entiti boleh memilih untuk mendedahkan secara berasingan perubahan dalam nilai saksama derivatif tersebut yang menurut MPSAS 29 ia dikategorikan sebagai dipegang untuk dagangan, tetapi entiti mengelaskan sebagai sebahagian daripada aktiviti pengurusan risiko di luar portfolio perdagangan.

Di samping itu, MPSAS 30.10 menghendaki pendedahan jumlah bawaan aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, yang ditunjukkan secara berasingan: (i) yang ditetapkan seperti pada pengiktirafan awal dan (ii) yang dipegang untuk dagangan mengikut MPSAS 29.

G.2 Perakaunan Lindung Nilai MPSAS 29 dan MPSAS 2: Penyata Aliran Tunai

Bagaimanakah aliran tunai yang timbul dari instrumen lindung nilai dikelaskan dalam penyata aliran tunai?

Aliran tunai yang timbul daripada instrumen lindung nilai dikelaskan sebagai aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan, pada asas pengelasan aliran tunai yang timbul daripada item dilindung nilai. Walaupun istilah dalam MPSAS 2 tidak dikemas kini untuk menggambarkan MPSAS 29, pengelasan aliran tunai yang timbul daripada instrumen lindung nilai dalam penyata aliran tunai perlu konsisten dengan pengelasan instrumen ini sebagai instrumen lindung nilai menurut MPSAS 29.

Contoh Ilustratif

Contoh disertakan, tetapi tidak menjadi sebahagian daripada MPSAS 29.

Lindung Nilai Risiko Kadar Faedah untuk Portfolio Aset dan Liabiliti

- CI1. Pada 1 Januari 20X1, Entiti A mengenal pasti portfolio yang terdiri daripada aset dan liabiliti yang mempunyai risiko kadar faedah yang ingin dilindung nilai. Liabiliti termasuk liabiliti deposit yang boleh dituntut dan boleh ditarik balik oleh pendeposit pada bila-bila masa tanpa notis. Bagi tujuan pengurusan risiko, entiti melihat semua item dalam portfolio sebagai item kadar tetap.
- CI2. Bagi tujuan pengurusan risiko, Entiti A menganalisis aset dan liabiliti dalam portfolio ke dalam tempoh masa penentuan harga semula berdasarkan jangkaan tarikh penentuan harga semula. Entiti tersebut menggunakan tempoh masa bulanan dan jadual item untuk lima tahun akan datang (iaitu, mempunyai 60 tempoh masa bulanan berasingan).³ Aset dalam portfolio adalah bayaran terdahulu aset apabila Entiti A memperuntukkan tempoh masa berdasarkan jangkaan tarikh bayaran terdahulu, dengan memperuntukkan peratusan keseluruhan aset, berbanding item individu, ke dalam setiap tempoh masa. Portfolio ini juga termasuk liabiliti boleh dituntut yang dijangka oleh entiti tersebut, berdasarkan portfolio, untuk membayar balik antara satu bulan dan lima tahun dan, untuk tujuan pengurusan risiko, adalah dijadualkan dalam tempoh masa atas asas ini. Berdasarkan analisis ini, Entiti A memutuskan jumlah yang ingin dilindung nilai dalam setiap tempoh masa.
- CI3. Contoh ini hanya berkaitan dengan tempoh masa semula yang tamat tempoh dalam masa tiga bulan, iaitu tempoh masa yang matang pada 31 Mac, 20X1 (prosedur yang sama akan digunakan untuk setiap 59 tempoh masa yang lain). Entiti A telah menjadualkan aset sebanyak RM100 juta dan liabiliti RM80 juta ke dalam tempoh masa ini. Semua liabiliti akan dibayar semula atas permintaan.
- CI4. Entiti A memutuskan, bagi tujuan pengurusan risiko, untuk melindungi nilai kedudukan bersih sebanyak RM20 juta dan dengan itu mengikat swap kadar faedah⁴ pada 1 Januari 20X1, untuk membayar kadar tetap dan menerima Kadar Tawaran Antara Bank London (LIBOR), dengan jumlah prinsipal nosional sebanyak RM20 juta dan tempoh tetap hayat tiga bulan.
- CI5. Contoh ini dijadikan andaian semata seperti berikut:
- (a) Kupon pada kaki tetap swap (*fixed rate leg*) tersebut adalah sama dengan kupon tetap pada aset tersebut;
 - (b) Kupon pada kaki tetap swap tersebut akan menjadi belum bayar pada tarikh yang sama dengan pembayaran faedah ke atas aset tersebut; dan
 - (c) Faedah atas berubah swap ialah kadar LIBOR semalaman. Kesannya, keseluruhan perubahan nilai saksama swap tersebut wujud daripada kaki tetap sahaja, kerana kaki

³ Dalam contoh ini, aliran tunai prinsipal telah dijadualkan kepada tempoh masa tetapi aliran tunai faedah berkaitan telah dimasukkan apabila mengira perubahan dalam nilai saksama bagi item yang dilindung nilai. Kaedah lain untuk penjadualan aset dan liabiliti juga boleh digunakan. Dalam contoh ini juga tempoh masa penentuan semula harga bulanan telah digunakan. Entiti boleh memilih tempoh masa yang lebih pendek atau yang lebih panjang.

⁴ Contoh ini menggunakan swap sebagai instrumen lindung nilai. Entiti boleh menggunakan perjanjian kadar hadapan atau derivatif lain sebagai instrumen lindung nilai.

berubah tidak terdedah kepada perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah.

Dalam beberapa kes apabila andaian semata ini tidak berlaku, ketidakberkesanan yang lebih besar akan berlaku. (Ketidakberkesanan yang berlaku daripada (a) boleh dihapuskan dengan menetapkan item lindung nilai sebagai sebahagian daripada aliran tunai ke atas aset yang bersamaan dengan kaki tetap swap tersebut).

CI6. Turut diandaikan bahawa Entiti A menguji keberkesanan secara bulanan.

CI7. Nilai saksama bagi aset bukan bayaran terdahulu yang setara bernilai RM20 juta, mengabaikan perubahan dalam nilai yang tidak disebabkan oleh pergerakan kadar faedah, pada pelbagai masa sepanjang tempoh lindung nilai adalah seperti berikut:

	1 Jan 20X1	31 Jan 20X1	1 Feb 20X1	28 Feb 20X1	31 Mac 20X1
Nilai saksama	20,000,000	20,047,408	20,047,408	20,023,795	Nil
(aset) (RM)					

CI8. Nilai saksama swap pada pelbagai masa sepanjang tempoh lindung nilai adalah seperti berikut:

	1 Jan 20X1	31 Jan 20X1	1 Feb 20X1	28 Feb 20X1	31 Mac 20X1
Nilai saksama	Nil	(47,408)	(47,408)	(23,795)	Nil
(liabiliti)(RM)					

Pengolahan Perakaunan

CI9. Pada 1 Januari 20X1, Entiti A menetapkan aset sebagai item yang dilindung nilai bagi amaun RM20 juta dalam tempoh tiga bulan. Entiti A menetapkan risiko yang dilindung nilai adalah perubahan pada nilai item yang dilindung nilai (iaitu, RM20 juta dari aset) yang disebabkan oleh perubahan dalam LIBOR. Ini juga mematuhi keperluan penetapan lain yang ditetapkan dalam perenggan 98(d) dan PA162 dalam Piawaian ini.

CI10. Entiti A menetapkan instrumen lindung nilai bagi swap kadar faedah seperti yang dinyatakan dalam perenggan CI4.

Akhir Bulan 1 (31 Januari 20X1)

CI11. Pada 31 Januari 20X1, (pada akhir bulan 1) apabila Entiti A menguji keberkesanan, LIBOR telah menurun. Berdasarkan kepada sejarah pengalaman bayaran terdahulu, Entiti A menganggarkan bahawa, sebagai akibatnya, bayaran terdahulu akan berlaku lebih cepat berbanding yang dianggarkan sebelum ini. Kesannya, entiti menganggarkan semula amaun aset yang dijadualkan dalam tempoh masa ini (kecuali aset baharu yang wujud semasa bulan tersebut) sebanyak RM96 juta.

CI12. Nilai saksama swap kadar faedah yang ditetapkan dengan prinsipal nosional sebanyak RM20 juta ialah (RM47,408)⁵ (swap tersebut ialah liabiliti).

CI13. Entiti A mengira perubahan dalam nilai saksama item yang dilindung nilai, dengan mengambil kira perubahan dalam bayaran terdahulu yang dianggarkan, seperti berikut.

- (a) Pertama, entiti mengira peratusan anggaran awal aset dalam tempoh masa yang dilindung nilai. Anggaran ini ialah 20 peratus (RM20 juta ÷ RM100 juta).
- (b) Kedua, entiti menggunakan peratusan ini (20 peratus) pada anggaran yang disemak semula bagi amaun dalam tempoh masa tersebut (RM96 juta) untuk mengira amaun yang melindungi nilai item berdasarkan kepada anggaran yang disemak semula. Anggaran ini ialah RM19.2 juta.
- (c) Ketiga, entiti mengira perubahan dalam nilai saksama bagi anggaran semakan semula item yang dilindung nilai (RM19.2 juta) yang disebabkan oleh perubahan dalam LIBOR. Ini ialah RM45,511 (RM47,408⁶ × (RM19.2 juta ÷ RM20 juta)).

CI14. Entiti A membuat catatan perakaunan berikut yang berkaitan dengan tempoh masa ini:

Dt	Tunai	RM172,097	
Kt	Lebihan atau kekurangan (hasil faedah) ⁷		RM172,097
<i>Untuk mengiktiraf faedah yang diterima atas amaun yang dilindung nilai (RM19.2 juta).</i>			
Dt	Lebihan atau kekurangan (belanja faedah)	RM179,268	
Kt	Lebihan atau kekurangan (hasil faedah)		RM179,268
Kt	Tunai		Nil
<i>Untuk mengiktiraf faedah yang diterima dan dibayar atas swap yang ditetapkan sebagai instrumen yang dilindung nilai.</i>			
Dt	Lebihan atau kekurangan (rugi)	RM47,408	
Kt	Liabiliti derivatif		RM47,408
<i>Untuk mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama swap.</i>			
Dt	Item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan	RM45,511	
Kt	Lebihan atau kekurangan (laba)		RM45,511
<i>Untuk mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama amaun yang dilindung nilai.</i>			

CI15. Hasil bersih atas lebihan atau kekurangan (tidak termasuk hasil faedah dan belanja faedah) ialah untuk mengiktiraf rugi sebanyak (RM1,897). Ini menunjukkan ketidakberkesanan dalam hubungan lindung nilai yang wujud daripada perubahan dalam tarikh bayaran terdahulu yang dianggarkan.

Awal Bulan 2

CI16. Pada 1 Februari 20X1, Entiti A menjual perkadaran bagi aset dalam pelbagai tempoh masa. Entiti A mengira bahawa perlu menjual 8¹/₃ peratus daripada keseluruhan portfolio aset. Oleh kerana aset tersebut telah diagihkan kepada tempoh masa dengan mengagihkan peratusan aset tersebut (berbanding aset individu) kepada setiap tempoh masa, Entiti A menentukan bahawa

⁵ Lihat perenggan CI8.

⁶ Contohnya, RM20,047,408 – RM 20,000,000, lihat perenggan CI7.

⁷ Contoh ini tidak menunjukkan bagaimana amaun hasil faedah dan belanja faedah dikira.

tidak boleh dipastikan tempoh masa khusus aset yang dijual telah dijadualkan. Oleh itu, asas sistematik dan rasional digunakan dalam pengagihan. Berdasarkan fakta bahawa entiti menjual aset yang dipilih bagi mewakili portfolio tersebut, Entiti A mengagih perkadaran jualan tersebut sepanjang tempoh.

CI17. Atas dasar ini, Entiti A mengira bahawa telah menjual $8\frac{1}{3}$ peratus daripada aset yang diagihkan bagi tempoh masa tiga bulan tersebut, iaitu RM8 juta ($8\frac{1}{3}$ peratus daripada RM96 juta). Hasil yang diterima ialah RM8,018,400, bersamaan dengan nilai saksama bagi aset⁸ tersebut. Pada penyahiktirafan aset tersebut, Entiti A juga mengeluarkan daripada item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan amaun yang menunjukkan perubahan pada nilai saksama aset yang dilindung nilai yang kini telah pun dijual. Ini adalah $8\frac{1}{3}$ peratus daripada baki item barisan yang berjumlah RM45,511, iaitu RM3,793.

CI18. Entiti A membuat catatan perakaunan berikut untuk mengiktiraf jualan aset tersebut dan mengeluarkan sebahagian dari baki item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan:

Dt	Tunai	RM8,018,400	
	Kt Aset		RM8,000,000
	Kt Item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan		RM3,793
	Kt Lebihan atau kurangan (untung)		RM14,607

Untuk mengiktiraf jualan aset tersebut pada nilai saksama dan untuk mengiktiraf laba atas jualan

Oleh kerana perubahan dalam amaun aset tersebut tidak disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah yang dilindung nilai, tiada ketidakberkesanan yang wujud.

CI19. Entiti A kini mempunyai RM88 juta aset dan RM80 juta liabiliti dalam tempoh masa ini. Oleh itu, amaun bersih yang Entiti A kini ingin dilindung nilai ialah RM8 juta dan, maka, Entiti A menetapkan RM8 juta sebagai amaun yang dilindung nilai.

CI20. Entiti A memutuskan untuk menyelaras instrumen lindung nilai tersebut dengan menetapkan hanya perkadaran dari swap asal sebagai instrumen lindung nilai. Oleh itu, entiti menetapkan instrumen lindung nilai RM8 juta tersebut atau 40 peratus daripada amaun nosional swap asal dengan baki hayat selama dua bulan dan nilai saksama sebanyak RM18,963.⁹ Entiti juga mematuhi kehendak penetapan lain dalam perenggan 98(a) dan PA162 dalam Piawaian ini. RM12 juta daripada amaun nosional swap yang tidak lagi ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai sama ada dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan dengan perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, atau ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai yang berlainan.¹⁰

CI21. Pada 1 Februari 20X1, dan selepas perakaunan jualan aset tersebut, item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan ialah RM41,718 (RM45,511 – RM3,793), yang mewakili

⁸ Amaun yang direalisasikan atas jualan aset adalah nilai saksama bagi aset bayaran terdahulu, iaitu kurang daripada nilai saksama bagi aset bukan bayaran terdahulu yang setara seperti ditunjukkan dalam CI7.

⁹ RM47,408 × 40 peratus.

¹⁰ Entiti boleh memasuki swap yang boleh mengofset dengan prinsipal nosional sebanyak RM12 juta untuk menyelaraskan kedudukannya dan menetapkan sebagai instrumen lindung nilai bagi semua RM20 juta dari swap sedia ada dan semua RM12 juta bagi swap baharu yang mengofset.

perubahan kumulatif dalam nilai saksama sebanyak RM17.6¹¹ juta bagi aset. Walau bagaimanapun, pada 1 Februari 20X1, Entiti A hanya melindungi nilai RM8 juta aset yang mempunyai perubahan kumulatif dalam nilai saksama sebanyak RM18,963.¹² Baki item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan sebanyak RM22,755¹³ adalah berkait dengan amaun aset yang masih dipegang oleh Entiti A tetapi tidak lagi dilindungi nilai. Oleh itu, Entiti A melunaskan amaun ini sepanjang baki hayat tempoh masa, iaitu melunaskan RM22,755 sepanjang dua bulan.

- CI22. Entiti A menentukan bahawa adalah tidak praktikal untuk menggunakan kaedah pelunasan berdasarkan atas pengiraan semula hasil efektif dan oleh itu menggunakan kaedah garis lurus.

Akhir Bulan 2 (28 Februari 20X1)

- CI23. Pada 28 Februari 20X1, apabila Entiti A seterusnya menguji keberkesanan, LIBOR adalah tidak berubah. Entiti A tidak menyemak jangkaan bayaran terdahulunya. Nilai saksama bagi swap kadar faedah yang ditetapkan dengan prinsipal nosional sebanyak RM8 juta ialah (RM9,518)¹⁴ (swap tersebut ialah liabiliti). Begitu juga, Entiti A mengira nilai saksama bagi RM8 juta aset yang dilindungi nilai tersebut pada 28 Februari 20X1 sebanyak RM8,009,518.¹⁵

- CI24. Entiti A membuat catatan perakaunan berikut yang berkaitan dengan lindung nilai dalam tempoh masa ini:

Dt	Tunai	RM71,707	
	Kt	Lebihan atau kurangan (hasil faedah)	RM71,707

Untuk mengiktiraf faedah yang diterima pada amaun yang dilindungi nilai (RM8 juta).

Dt	Lebihan atau kurangan (belanja faedah)	RM71,707	
	Kt	Lebihan atau kurangan (hasil faedah)	RM62,115
	Kt	Tunai	RM9,592

Untuk mengiktiraf faedah yang diterima dan dibayar bagi bahagian swap yang ditetapkan sebagai instrumen yang dilindungi nilai (RM8 juta).

Dt	Liabiliti derivatif	RM9,445	
	Kt	Lebihan atau kurangan (laba)	RM9,445

Untuk mengiktiraf perubahan pada nilai saksama bagi bahagian swap yang ditetapkan sebagai instrumen yang dilindungi nilai (RM8 juta) (RM9,518 – RM18,963).

Dt	Lebihan atau kurangan (rugi)	RM9,445	
	Kt	Item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan	RM9,445

Untuk mengiktiraf perubahan pada nilai saksama bagi amaun yang dilindungi nilai (RM8,009,518 – RM8,018,963).

¹¹ RM19.2 juta – (8½ × RM19.2 juta).

¹² RM41,718 × (RM8 juta / RM17.6 juta).

¹³ RM41,718 – RM18,963.

¹⁴ RM23,795 [lihat perenggan CI8] × (RM8 juta / RM20 juta).

¹⁵ RM20,023,795 [lihat perenggan CI7] × (RM8 juta / RM20 juta).

CI25. Kesan bersih pada lebihan atau kurangan (tidak termasuk hasil faedah dan belanja faedah) ialah tidak menggambarkan bahawa lindung nilai adalah efektif sepenuhnya.

CI26. Entiti A membuat catatan perakaunan berikut untuk melunaskan baki item barisan bagi tempoh masa ini:

DT	Lebihan atau kurangan (rugi)	RM11,378	
	Kt Item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan		RM11,378 (a)
	<i>Untuk mengiktiraf caj pelunasan bagi tempoh tersebut.</i>		
	<i>(a) RM22,755 ÷ 2</i>		

Akhir Bulan 3

CI27. Semasa bulan ketiga, tiada perubahan pada amaun aset atau liabiliti dalam tempoh tiga bulan. Pada 31 Mac 20X1, aset dan swap matang dan semua baki diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

CI28. Entiti A membuat catatan perakaunan berikut yang berkaitan dengan tempoh masa ini:

Dt	Tunai	RM8,071,707	
	Kt Aset (penyata kedudukan kewangan)		RM8,000,000
	Kt Lebihan atau kurangan (hasil faedah)		RM71,707
	<i>Untuk mengiktiraf faedah dan tunai yang diterima pada tarikh matang bagi amaun yang dilindung nilai (RM8 juta).</i>		

Dt	Lebihan atau kurangan (belanja faedah)	RM71,707	
	Kt Lebihan atau kurangan (hasil faedah)		RM62,115
	Kt Tunai		RM9,592
	<i>Untuk mengiktiraf faedah yang diterima dan dibayar pada bahagian swap yang ditetapkan sebagai instrumen yang dilindung nilai (RM8 juta).</i>		

Dt	Liabiliti derivatif	RM9,518	
	Kt Lebihan atau kurangan (laba)		RM9,518
	<i>Untuk mengiktiraf bahagian swap yang tamat tempoh yang ditetapkan sebagai instrumen yang dilindung nilai (RM8 juta).</i>		

Dt	Lebihan atau kurangan (laba)	RM9,518	
	Kt Item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan		RM9,518
	<i>Untuk menyahiktiraf lebihan baki item barisan semasa tamat tempoh.</i>		

CI29. Kesan bersih pada lebihan atau kurangan (tidak termasuk hasil faedah dan belanja faedah) ialah tidak menggambarkan bahawa lindung nilai adalah efektif sepenuhnya.

CI30. Entiti A membuat catatan perakaunan berikut untuk melunaskan baki item barisan bagi tempoh masa ini:

Dt	Lebihan atau kurangan (rugi)	RM11,377	
	Kt Item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan		RM11,377(a)
	<i>Untuk mengiktiraf caj pelunasan bagi tempoh tersebut.</i>		
	<i>(a) RM22,755 ÷ 2</i>		

Rumusan

CI31. Jadual di bawah merumuskan:

- (a) Perubahan dalam item barisan berasingan pada penyata kedudukan kewangan;
- (b) Nilai saksama derivatif;
- (c) Kesan lebihan atau kurangan bagi lindung nilai untuk keseluruhan tiga bulan tempoh lindung nilai; dan
- (d) Hasil faedah dan belanja faedah berkaitan dengan amaun yang ditetapkan sebagai lindung nilai.

MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Keterangan	1 Jan 20X1 RM	31 Jan 20X1 RM	1 Feb 20X1 RM	28 Feb 20X1 RM	31 Mar 20X1 RM
Amaun aset yang dilindung nilai	20,000,000	19,200,000	8,000,000	8,000,000	8,000,000

(a) Perubahan pada item barisan berasingan dalam penyata kedudukan kewangan

Amaun yang dibawa:

Baki untuk dilunaskan	Nil	Nil	Nil	22,755	11,377
Baki	Nil	Nil	45,511	18,963	9,518
Tolak: Pelarasan pada jualan aset	Nil	Nil	(3,793)	Nil	Nil
Pelarasan untuk perubahan dalam nilai saksama aset yang dilindung nilai	Nil	45,511	Nil	(9,445)	(9,518)
Pelunasan	Nil	Nil	Nil	(11,378)	(11,377)

Bawa ke depan:

Baki untuk dilunaskan	Nil	Nil	22,755	11,377	Nil
Baki	Nil	45,511	18,963	9,518	Nil

(b) Nilai saksama derivatif

RM20,000,000	Nil	47,408	–	–	–
RM12,000,000	Nil	–	28,445	Tidak lagi ditetapkan sebagai instrumen yang dilindung nilai.	
RM8,000,000	Nil	–	18,963	9,518	Nil
Jumlah	Nil	47,408	47,408	9,518	Nil

(c) Kesan lindung nilai pada lebih atau kurangan

Perubahan pada item barisan-: aset	Nil	45,511	T/B	(9,445)	(9,518)
Perubahan dalam nilai saksama derivatif	Nil	(47,408)	T/B	9,445	9,518
Kesan bersih	Nil	(1,897)	T/B	Nil	Nil
Pelunasan	Nil	Nil	T/B	(11,378)	(11,377)

Sebagai tambahan, terdapat laba daripada jualan aset sebanyak RM14,607 pada 1 Februari 20X1.

(d) Hasil faedah dan belanja faedah berkaitan dengan amaun yang ditetapkan sebagai lindung nilai

Hasil faedah

– pada aset	Nil	172,097	T/B	71,707	71,707
– pada swap	Nil	179,268	T/B	62,115	62,115

Belanja faedah

– pada swap	Nil	(179,268)	T/B	(71,707)	(71,707)
-------------	-----	-----------	-----	----------	----------

Pelupusan Operasi Asing

CI32. Contoh ini menggambarkan aplikasi bagi perenggan C12 dan C13 dalam Lampiran C yang dikaitkan dengan amaun yang diiktiraf dalam lebih atau kurang pada pelupusan operasi asing.

Latar Belakang

CI33. Contoh ini mengandaikan struktur entiti ekonomi yang dinyatakan dalam panduan aplikasi dan Entiti D menggunakan pinjaman USD dalam Entiti A untuk melindungi nilai risiko EUR/USD bagi pelaburan bersih dalam Entiti C pada penyata kewangan disatukan Entiti D. Entiti D menggunakan kaedah penyatuan langkah demi langkah. Dengan mengandaikan lindung nilai efektif sepenuhnya dan perubahan nilai terkumpul penuh bagi USD/EUR dalam instrumen lindung nilai sebelum pelupusan Entiti C ialah €24 juta (laba). Ini adalah sepadan dengan penurunan nilai pelaburan bersih dalam Entiti C, apabila diukur terhadap mata wang fungsian Entiti D (euro).

CI34. Jika kaedah penyatuan langsung digunakan, penurunan nilai pelaburan bersih Entiti D dalam Entiti C sebanyak €24 juta akan ditunjukkan keseluruhannya dalam rizab tukaran mata wang asing berkaitan dengan Entiti C dalam penyata kewangan disatukan Entiti D. Walau bagaimanapun, disebabkan Entiti D menggunakan kaedah langkah demi langkah, penurunan nilai pelaburan bersih dalam Entiti C ini sebanyak €24 juta akan ditunjukkan kedua-duanya dalam rizab tukaran mata wang asing Entiti B yang berkaitan dengan Entiti C dan dalam rizab tukaran mata wang asing Entiti D yang berkaitan dengan Entiti B.

CI35. Amaun agregat yang diiktiraf dalam rizab tukaran mata wang asing berhubung dengan Entiti B dan C tidak dipengaruhi oleh kaedah penyatuan. Dengan mengandaikan bahawa dengan menggunakan kaedah penyatuan langsung, rizab tukaran mata wang asing untuk Entiti B dan C dalam penyata kewangan disatukan Entiti D masing-masing ialah laba €62 juta dan rugi €24 juta; dengan menggunakan kaedah penyatuan langkah demi langkah, amaun masing-masing ialah laba €49 juta dan rugi €11 juta.

Pengelasan Semula

CI36. Apabila pelaburan dalam Entiti C dilupuskan, MPSAS 29 menghendaki keseluruhan laba €24 juta pada instrumen lindung nilai diiktiraf dalam lebih atau kurang. Dengan menggunakan kaedah langkah demi langkah, amaun akan diiktiraf dalam lebih atau kurang berhubung dengan pelaburan bersih dalam Entiti C hanya rugi €11 juta. Entiti D boleh melaraskan rizab tukaran mata wang asing bagi kedua-dua Entiti B dan C sebanyak €13 juta untuk dipadankan dengan amaun yang dikelaskan semula berhubung dengan instrumen lindung nilai dan pelaburan bersih sama seperti jika kaedah penyatuan langsung digunakan, sekiranya itu merupakan dasar perakaunannya. Entiti yang tidak melindungi nilai pelaburan bersihnya boleh membuat pengelasan semula yang serupa.

Terimaan Pinjaman Konsesi

CI37. Pihak berkuasa tempatan menerima pembiayaan pinjaman sebanyak RM5 juta daripada agensi pembangunan antarabangsa untuk membangunkan klinik penjagaan kesihatan utama untuk tempoh 5 tahun. Perjanjian tersebut menetapkan bahawa pinjaman hendaklah dibayar semula

dalam tempoh 5 tahun seperti berikut:

Tahun 1: tiada pembayaran balik modal

Tahun 2: 10% daripada modal

Tahun 3: 20% daripada modal

Tahun 4: 30% daripada modal

Tahun 5: 40% daripada modal

Faedah dibayar secara tahunan pada akhir tempoh, pada kadar 5% setahun atas baki pinjaman yang belum jelas. Kadar faedah berkaitan pasaran bagi urus niaga yang serupa ialah 10%.

CI38. Entiti telah menerima pinjaman konsesi sebanyak RM5 juta, yang akan dibayar semula pada 5% di bawah kadar faedah pasaran semasa. Perbezaan antara terimaan pinjaman dengan nilai kini bagi bayaran berkontrak dalam terma seperti perjanjian pinjaman, yang didiskaun menggunakan kadar faedah berkaitan pasaran, diiktiraf sebagai hasil bukan pertukaran.

CI39. Catatan jurnal untuk mengakaunkan pinjaman konsesi adalah seperti berikut:

1. Pada pengiktirafan awal, entiti mengiktiraf yang berikut (dengan mengandaikan entiti tersebut berikutnya mengukur pinjaman konsesi pada kos terlunas):

Dt	Bank	5,000,000	
	Kt Pinjaman (rujuk Jadual 2 di bawah)		4,215,450
	Kt Liabiliti atau hasil bukan pertukaran		784,550

Pengiktirafan bagi terimaan pinjaman pada nilai saksama

MPSAS 23 dipertimbangkan untuk mengiktiraf sama ada liabiliti atau hasil bagi bahagian pinjaman luar pasaran. Contoh 26 dalam Piawaian tersebut memberikan catatan jurnal untuk pengiktirafan dan pengukuran bagi bahagian pinjaman luar pasaran yang dianggap sebagai hasil bukan pertukaran.

2. Tahun 1: Entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Faedah (rujuk Jadual 3 di bawah)	421,545	
	Kt Pinjaman		421,545

Pengiktirafan faedah menggunakan kaedah faedah efektif ($RM4,215,450 \times 10\%$)

Dt	Pinjaman (rujuk Jadual 1 di bawah)	250,000	
	Kt Bank		250,000

Pengiktirafan faedah yang dibayar atas baki belum jelas ($RM5j \times 5\%$)

3. Tahun 2: Entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Faedah	438,700	
	Kt Pinjaman		438,700

Pengiktirafan faedah menggunakan kaedah faedah efektif ($RM4,386,995 \times 10\%$)

Dt	Pinjaman	750,000	
	Kt Bank		750,000

Pengiktirafan faedah yang dibayar atas baki belum jelas ($RM5j \times 5\% + RM500,000$ bayaran balik modal)

MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

4. Tahun 3: Entiti mengiktiraf yang berikut:
- | | | | |
|---|-------------|-----------|-----------|
| Dt | Faedah | 407,569 | |
| | Kt Pinjaman | | 407,569 |
| <i>Pengiktirafan faedah menggunakan kaedah faedah efektif (RM4,075,695 × 10%)</i> | | | |
| Dt | Pinjaman | 1,225,000 | |
| | Kt Bank | | 1,225,000 |
| <i>Pengiktirafan faedah yang dibayar atas baki belum jelas (RM4.5j × 5% + RM1j bayaran balik modal)</i> | | | |
5. Tahun 4: Entiti mengiktiraf yang berikut:
- | | | | |
|---|-------------|-----------|-----------|
| Dt | Faedah | 325,826 | |
| | Kt Pinjaman | | 325,826 |
| <i>Pengiktirafan faedah menggunakan kaedah faedah efektif (RM 3,258,264 × 10%)</i> | | | |
| Dt | Pinjaman | 1,675,000 | |
| | Kt Bank | | 1,675,000 |
| <i>Pengiktirafan faedah yang dibayar atas baki belum jelas (RM3.5j × 5% + RM1.5j bayaran balik modal)</i> | | | |
6. Tahun 5: Entiti mengiktiraf yang berikut:
- | | | | |
|---|-------------|-----------|-----------|
| Dt | Faedah | 190,909 | |
| | Kt Pinjaman | | 190,909 |
| <i>Pengiktirafan faedah menggunakan kaedah faedah efektif (RM1,909,091 × 10%)</i> | | | |
| Dt | Pinjaman | 2,100,000 | |
| | Kt Bank | | 2,100,000 |
| <i>Pengiktirafan faedah yang dibayar atas baki belum jelas (RM2j × 5% + RM2j bayaran balik modal)</i> | | | |

Pengiraan:

Jadual 1: Jadual Pelunasan (Menggunakan Pembayaran Balik Berkontrak Pada 5% Faedah)

	Tahun 0	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Modal	5,000,000	5,000,000	5,000,000	4,500,000	3,500,000	2,000,000
Faedah	–	250,000	250,000	225,000	175,000	100,000
Bayaran	–	(250,000)	(750,000)	(1,225,000)	(1,675,000)	(2,100,000)
Baki	5,000,000	5,000,000	4,500,000	3,500,000	2,000,000	–

Jadual 2: Aliran Tunai Berkontrak yang Didiskaunkan (Berdasarkan Pada Kadar Pasaran 10%)

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki modal	5,000,000	4,500,000	3,500,000	2,000,000	–
Faedah belum bayar	250,000	250,000	225,000	175,000	100,000
Jumlah bayaran (modal dan faedah)	250,000	750,000	1,225,000	1,675,000	2,100,000
Nilai kini bagi bayaran	227,272	619,835	920,360	1,144,048	1,303,935
Jumlah nilai kini bagi bayaran					4,215,450
Terimaan diterima					5,000,000
Tolak: Nilai kini aliran keluar (nilai saksama pinjaman pada pengiktirafan awal)					4,215,450
Bahagian luar pasaran bagi pinjaman untuk diiktiraf sebagai hasil bukan pertukaran					784,550

Jadual 3: Pengiraan Baki Pinjaman dan Faedah Menggunakan Kaedah Faedah Efektif

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
	RM	RM	RM	RM	RM
Modal	4,215,450	4,386,995	4,075,695	3,258,264	1,909,091
Faedah terakru	421,545	438,700	407,569	325,827	190,909
Bayaran faedah dan modal	250,000	750,000	1,225,000	1,675,000	2,100,000
Baki	4,386,995	4,075,695	3,258,264	1,909,091	–

Bayaran Pinjaman Konsesi

- CI40. Bahagian pendidikan menyediakan pinjaman dengan faedah yang rendah kepada pelajar yang layak dengan terma bayaran balik yang fleksibel sebagai cara untuk mempromosikan pendidikan universiti.
- CI41. Bahagian tersebut mendahulukan RM250 juta kepada pelbagai pelajar pada permulaan tahun kewangan, dengan terma dan syarat berikut:
- Modal dibayar balik seperti yang berikut:
 - Tahun 1 hingga 3: tiada pembayaran balik modal
 - Tahun 4: 30% modal perlu dibayar balik
 - Tahun 5: 30% modal perlu dibayar balik
 - Tahun 6: 40% modal perlu dibayar balik
 - Faedah dikira pada 6% berdasarkan baki pinjaman yang belum jelas, dan faedah dibayar secara tahunan pada akhir tempoh. Diandaikan kadar faedah pasaran bagi pinjaman yang serupa ialah 11.5%.

CI42. Catatan jurnal untuk mengakaunkan pinjaman konsesi adalah seperti berikut (dengan mengandaikan entiti berikutnya mengukur pinjaman konsesi pada kos terlunas):

1. Pada pengiktirafan awal, entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Pinjaman	199,345,480	
Dt	Belanja	50,654,520	
Kt	Bank		250,000,000

2. Tahun 1: Entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Pinjaman	22,924,730	
Kt	Hasil faedah		22,924,730

Faedah terakru menggunakan kaedah faedah efektif $RM199,345,480 \times 11.5\%$

Dt	Bank	15,000,000	
Kt	Pinjaman		15,000,000

Bayaran faedah sebanyak $RM250j \times 6\%$

3. Tahun 2: Entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Pinjaman	23,836,074	
Kt	Hasil faedah		23,836,074

Faedah terakru menggunakan kaedah faedah efektif $RM207,270,210 \times 11.5\%$

Dt	Bank	15,000,000	
Kt	Pinjaman		15,000,000

Bayaran faedah sebanyak $RM250j \times 6\%$

4. Tahun 3: Entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Pinjaman	24,852,223	
Kt	Hasil faedah		24,852,223

Faedah terakru menggunakan kaedah faedah efektif $RM216,106,284 \times 11.5\%$

Dt	Bank	15,000,000	
Kt	Pinjaman		15,000,000

5. Tahun 4: Entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Pinjaman	25,985,228	
Kt	Hasil faedah		25,985,228

Faedah terakru menggunakan kaedah faedah efektif $RM225,958,228 \times 11.5\%$

Dt	Bank	90,000,000	
Kt	Pinjaman		90,000,000

Bayaran faedah sebanyak $RM250j \times 6\% + RM75j$ bayaran balik modal

6. Tahun 5: Entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Pinjaman	18,623,530	
Kt	Hasil faedah		18,623,530

Faedah terakru menggunakan kaedah faedah efektif $RM161,943,735 \times 11.5\%$

Dt	Bank	85,500,000	
Kt	Pinjaman		85,500,000

Bayaran faedah sebanyak $RM175j \times 6\% + RM75j$ bayaran balik modal

MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

7. Tahun 6: Entiti mengiktiraf yang berikut:

Dt	Pinjaman	10,932,735	
Kt	Hasil faedah		10,932,735
<i>Faedah terakru menggunakan kaedah faedah efektif $RM95,067,265 \times 11.5\%$</i>			
Dt	Bank	106,000,000	
	Kt Pinjaman		106,000,000
<i>Pengiktirafan bayaran balik modal</i>			

Pengiraan

Jadual 1: Jadual Pelunasan (Menggunkan Pembayaran Balik Berkontrak Pada 6% Faedah)

	Tahun 0	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Modal	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000
Faedah	–	15,000	15,000	15,000	15,000	10,500	6,000
Bayaran	–	15,000	15,000	15,000	90,000	85,500	106,000
Baki	250,000	250,000	250,000	250,000	175,000	100,000	–

Jadual 2: Aliran Tunai Berkontrak yang Didiskaunkan (Berdasarkan pada Kadar Pasaran 11.5%)

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki modal	250,000	250,000	250,000	175,000	100,000	–
Faedah belum bayar	15,000	15,000	15,000	15,000	10,500	6,000
Jumlah bayaran (modal dan faedah)	15,000	15,000	15,000	90,000	85,500	106,000
Nilai kini bagi bayaran	13,452,915	12,065,394	10,820,981	58,229,497	49,612,576	55,164,117
Jumlah nilai kini bagi bayaran						199,345,480
Terimaan dibayar						250,000,000
Tolak: Nilai kini aliran keluar (Nilai saksama bagi pinjaman pada pengiktirafan awal)						50,654,520
Bahagian luar pasaran bagi pinjaman untuk diiktiraf sebagai belanja						199,345,480

Jadual 3: Pengiraan Baki Pinjaman dan Faedah Menggunakan Kaedah Faedah Efektif

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Modal	99,345,480	207,270,210	216,106,284	225,958,228	161,943,735	95,067,265
Faedah terakru	22,924,730	23,836,074	24,852,223	25,985,228	18,623,530	10,932,735
Bayaran modal dan faedah	15,000,000	15,000,000	15,000,000	90,000,000	85,500,000	106,000,000
Baki	207,270,210	216,106,284	225,958,228	161,943,735	95,067,265	–

Kontrak Jaminan Kewangan Diberikan Pada Ganjaran Nominal

- CI43. Entiti C merupakan pengilang kenderaan bermotor utama dalam Bidang Kuasa A. Pada 1 Januari 201V Kerajaan A (pengeluar) memasuki kontrak jaminan kewangan dengan Entiti B (pemegang) untuk membayar balik Entiti B terhadap kesan kewangan akibat kemungkiran oleh Entiti C (penghutang) untuk pinjaman 30 tahun sebanyak 50 juta Ringgit Malaysia (RM) yang boleh dibayar balik dalam dua ansuran yang sama sebanyak RM 25 juta pada 201X dan 204Z. Entiti C menyediakan ganjaran nominal sebanyak RM 30,000 kepada Kerajaan A. Sebelum memasuki rundingan dengan Kerajaan A, Entiti C telah mendekati beberapa entiti lain untuk terbitkan jaminan, tetapi tiada daripada entiti tersebut yang bersedia untuk menerbitkan jaminan sedemikian. Tiada contoh terkini bagi kontrak jaminan kewangan dalam sektor perkilangan motor dalam ekonomi di Bidang Kuasa A atau dalam Bidang Kuasa D & E yang berjiran. Kerajaan A membuat kesimpulan bahawa tidak boleh menggunakan teknik penilaian kerana penggunaan teknik penilaian tidak memberikan ukuran nilai saksama yang pasti. Oleh itu, Kerajaan A menentukan untuk mengukur kontrak jaminan kewangan tersebut menurut MPSAS 19.
- CI44. Pada 31 Disember 201V, setelah menyemak kedudukan kewangan dan prestasi Entiti C, Kerajaan A menentukan bahawa tiada obligasi kini kepada Entiti B bagi kontrak jaminan kewangan. Kerajaan A tidak mengiktiraf liabiliti dalam penyata kedudukan kewangannya. Kerajaan A membuat pendedahan berkaitan dengan nilai saksama dan risiko kredit dalam MPSAS 30, *Instrumen Kewangan: Pendedahan* berhubung kontrak jaminan kewangan tersebut. Kerajaan A juga mendedahkan liabiliti luar jangka sebanyak RM 50 juta menurut MPSAS 19. Dalam penyata prestasi kewangannya, Kerajaan A mengiktiraf hasil sebanyak RM 1,000 berhubung ganjaran nominal yang belum dibayar oleh Entiti C.
- CI45. Pada 201Z, terdapat kemerosotan lagi dalam sektor perkilangan motor yang menjejaskan Entiti C. Entiti C cuba mendapatkan perlindungan kebangkrapan dan telah mungkir untuk bayaran balik prinsipal yang pertama, walaupun ia telah memenuhi obligasinya untuk bayaran faedah. Kerajaan A menentukan bahawa Entiti C tidak mungkin pulih, tetapi rundingan awal dengan pemeroleh yang berpotensi (Entiti D), yang akan menstrukturkan semula Entiti C. Entiti D telah menyatakan bahawa akan memikul tanggungjawab untuk ansuran akhir pinjaman tersebut dengan Entiti B, tetapi bukan ansuran awal. Kerajaan A mengiktiraf belanja dan liabiliti sebanyak RM 25 juta dan mendedahkan liabiliti luar jangka sebanyak RM 25 juta.

Interaksi Antara Keperluan Pengukuran bagi MPSAS 23 dan MPSAS 29

Latar Belakang

- CI46. Seorang individu menyumbangkan saham dalam entiti X yang tersenarai kepada entiti sektor awam A pada 1 Januari 20X8. Pada tarikh tersebut, saham dalam entiti X mempunyai nilai saksama sebanyak RM1,000,000. Pada 31 Disember 20X8, nilai saksama saham tersebut ialah RM900,000. Sebagai sebahagian daripada pengaturan, entiti A menanggung peralihan tugas untuk memindahkan saham ke atas namanya. Kos ini berjumlah RM10,000.
- CI47. Entiti X yang tersenarai menyediakan infrastruktur telekomunikasi dan perkhidmatan yang berkaitan kepada orang awam. Semasa 20X9, teknologi baharu diperkenalkan kepada industri telekomunikasi, yang menjadikan infrastruktur dan kelengkapan yang digunakan oleh entiti X hampir usang. Ini menyebabkan penurunan kekal dalam nilai entiti X yang tersenarai. Nilai

bagi kerugian penjejasan nilai pada 31 Disember 20X9 ialah RM700,000. Entiti A mempunyai dasar perakaunan untuk pelaburan saham sebagai aset kewangan sedia dijual. Diandaikan bahawa pengaturan tersebut merupakan pengaturan berkontrak, tiada obligasi kini timbul daripada sumbangan tersebut dan bahawa tempoh pelaporan entiti tamat pada 31 Disember 20X8.

Analisis

- CI48. Apabila entiti A menerima saham tersebut sebagai sumbangan, MPSAS 23 digunakan untuk pengiktirafan awal bagi saham yang diperolehi dan hasil bukan tukaran yang berkaitan. Walau bagaimanapun, disebabkan entiti A telah memperolehi aset kewangan, adalah dipertimbangkan keperluan pengukuran awal MPSAS 23 dan MPSAS 29.
- CI49. MPSAS 23 menetapkan bahawa aset yang diperolehi sebagai sebahagian daripada urusan niaga hasil bukan pertukaran pada awalnya diukur pada nilai saksama, manakala MPSAS 29 menetapkan bahawa aset kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama dan, bergantung pada pengelasaannya, kos urusan niaga mungkin atau mungkin tidak dirangkumkan. Memandangkan entiti mempunyai dasar perakaunan untuk pelaburan dalam saham sebagai aset kewangan sedia dijual, kos urusan niaga sebanyak RM10,000 ditambah kepada nilai saham sebanyak RM1,000,000 pada pengukuran awal.
- CI50. Pengukuran berikutnya dan penyahiktirafan saham tersebut adalah ditunjukkan dalam MPSAS 29. Entiti mengelaskan pelaburan dalam saham sebagai aset kewangan sedia dijual yang bermaksud bahawa saham tersebut adalah diukur pada nilai saksama dengan apa-apa perubahan berikutnya dalam nilai saksama diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Walau bagaimanapun, kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh kerugian itu berlaku.

Catatan jurnal pada perolehan awal dan pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

1. Pemerolehan saham melalui sumbangan

Dt	Aset kewangan sedia dijual (pelaburan dalam entiti X)	1,010,000	
	Kt Hasil bukan pertukaran		1,000,000
	Kt Bank (Kos pindahan dibayar)		10,000

2. Pengukuran berikutnya pada 31 Disember 20X8

Dt	Aset bersih/ekuiti (pelarasan nilai saksama bagi pelaburan)	110,000	
	Kt Aset kewangan sedia dijual (pelaburan dalam entiti X)		110,000

3. Pengukuran berikutnya pada 31 Disember 20X9

Dt	Kerugian penjejasan nilai (lebihan atau kurangan)	700,000	
	Kt Aset kewangan sedia dijual		700,000

Perbandingan dengan IPSAS 29

MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* disediakan berasaskan IPSAS 29. Perbezaan utama antara MPSAS 29 dan IPSAS 29 adalah seperti yang berikut:

- Pada perenggan 8, MPSAS 29 menerangkan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 29 menerangkan bahawa GBE mengguna pakai IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.